BSN

# MEMPERKUKUHKAN ASAS, MEMACU KEMAJUAN

## STRENGTHENING FOUNDATIONS, ACCELERATING PROGRESS

LAPORAN TAHUNAN **2024** ANNUAL REPORT

# MEMPERKUKUH ASAS, MEMACU KEMAJUAN

Gambar muka depan yang dinamik ini menggambarkan BSN mengorak langkah dalam menyampaikan penyelesaian kewangan yang canggih untuk generasi baharu di Malaysia. Tema ini mencerminkan tumpuan BSN dalam mengukuhkan pencapaiannya, membina asas yang teguh, dan mendapatkan momentum bagi melaksanakan keutamaan-keutamaan strategiknya secara berkesan. Warna-warna berpiksel mencerminkan era perbankan baharu. Perkataan BSN dalam unjuran 3D menunjukkan pertumbuhan signifikannya dalam era ini.

# STRENGTHENING FOUNDATIONS, ACCELERATING PROGRESS

This is a rich, dynamic cover showing BSN making strides in delivering advanced financial solutions for a new generation of Malaysians. The theme reflects BSN's focus on consolidating its achievements, building a robust foundation, and gaining momentum to execute its strategic priorities effectively. Pixelated colours reflect the new era of banking. The BSN words loom large as 3D projections to show its growing significance in this era.

Salinan Digital Laporan Tahunan BSN 2024
Soft copy of BSN Annual Report 2024

## TINJAUAN KESELURUHAN BANK SIMPANAN NASIONAL
## OVERVIEW OF BANK SIMPANAN NASIONAL


**ms/pg 2**
Seimbas Lalu
At A Glance

**ms/pg 4**
Visi dan Misi
Vision and Mission

**ms/pg 5**
Nilai-Nilai Murni
Core Values

**ms/pg 6**
Perkhidmatan Pelanggan
Customer Service

**ms/pg 7**
Struktur Korporat
Corporate Structure

**ms/pg 8**
Profil Korporat
Corporate Profile

**ms/pg 9**
Anugerah dan Pengiktirafan
Awards and Recognitions

**ms/pg 10**
Carta Organisasi
Organisation Chart

Muat turun "QR Code Reader" di App Store atau Google Play
Download the "QR Code Reader" on App Store or Google Play

Lancarkan app "QR Code Reader" dan halakan kamera anda ke Kod QR yang tertera
Run the QR Code Reader app and point your camera to the QR Code

Dapatkan akses kepada borang maklum balas
Get access to the feedback form

# DALAM LAPORAN INI
# INSIDE THIS REPORT

## MESEJ UTAMA
## KEY MESSAGES


**ms/pg 14**
Daripada Pengerusi
From the Chairman


## KEPIMPINAN
## LEADERSHIP


**ms/pg 26**
Lembaga Pengarah
Board of Directors

**ms/pg 28**
Imbasan Lembaga Pengarah
Board at a Glance

**ms/pg 29**
Profil Lembaga Pengarah
Board of Directors Profile

**ms/pg 37**
Jawatankuasa Syariah
Shariah Committee

**ms/pg 38**
Profil Jawatankuasa Syariah
Shariah Committee Profile

**ms/pg 42**
Pengurusan
Management


## TADBIR URUS
## GOVERNANCE


**ms/pg 110**
Penyataan Tadbir Urus Korporat
Corporate Governance Statement

**ms/pg 123**
Penyata Pengurusan Risiko
Risk Management Statement

**ms/pg 134**
Kenyataan Audit Dalaman
Internal Audit Statement

**ms/pg 135**
Laporan Jawatankuasa Syariah
Shariah Committee Report

**ms/pg 136**
Imbuhan
Remuneration


## MANDAT & KELESTARIAN
## MANDATE & SUSTAINABILITY

**ms/pg 48**
Tinjauan Strategik
Strategic Outlook

**ms/pg 56**
Laporan Aktiviti
Activities Report

**ms/pg 74**
BSN Care
BSN Care

**ms/pg 98**
Sorotan Media
Media Highlights

**ms/pg 100**
Mandat dan Kelestarian
Mandate and Sustainability


## PENYATA KEWANGAN
## FINANCIAL STATEMENTS


**ms 26/pg 316**
Sijil Ketua Audit Negara
Auditor General Certificate

**ms 147/pg 321**
Penyata Pengerusi dan
Seorang Ahli Lembaga Pengarah
Statement by Chairman and
a Member of the Board of Directors

**ms 148/pg 322**
Pengakuan oleh Pegawai Utama
yang Bertanggungjawab
Declaration by Principle Officers
Responsible

**ms 149/pg 323**
Laporan Pengarah
Directors' Report

**ms 152/pg 326**
Laporan Jawatankuasa Syariah BSN
BSN Shariah Committee's Report

**ms 155/pg 329**
Penyata Kedudukan Kewangan
Financial Position Statements

**ms 156/pg 330**
Penyata Untung atau Rugi dan
Pendapatan Komprehensif Lain
Profit or Loss and Other
Comprehensive Income Statement

**ms 158/pg 332**
Penyata Perubahan Ekuiti
Changes in Equity Statements

**ms 160/pg 334**
Penyata Aliran Tunai
Cash Flow Statements

**ms 163/pg 337**
Nota kepada Penyata Kewangan
Notes to the Financial Statements

# SEMBAS LALU AT A GLANCE

BSN menawarkan perkhidmatan perbankan yang komprehensif merentasi komuniti bandar, luar bandar dan pedalaman di seluruh Malaysia melalui rangkaian perbankan yang meluas, termasuk Cawangan BSN, Ejen Bank BSN (EB BSN) dan Cawangan Bank Bergerak (CBB) di Sabah, Sarawak dan Pahang. Dalam meraikan 50 tahun perkhidmatan, BSN terus memperkukuh keterangkuman kewangan dengan memastikan semua lapisan masyarakat mempunyai akses kepada perkhidmatan perbankan.

BSN offers comprehensive banking services across urban, rural and remote communities in Malaysia through an extensive network including BSN Branches, *Ejen Bank BSN* (EB BSN), and *Cawangan Bank Bergerak* (CBB) in Sabah, Sarawak and Pahang. In celebrating 50 years of service, BSN continues to strengthen financial inclusivity, ensuring that all segments of society have access to banking.

**38**
**PUSAT PEMBIAYAAN PERNIAGAAN**
BUSINESS FINANCING CENTRES

**PENDAPATAN**
REVENUE
**RM2.8**
**BILION**
BILLION

**7,660**
**KAKITANGAN**
EMPLOYEES

**PENDAPATAN BERSIH**
NET INCOME
**RM1.6**
**BILION**
BILLION

**LEBIH**
OVER
**2,200**
**EJEN BANK BSN (EB BSN)**
EJEN BANK BSN (EB BSN)

**575**
**MESIN TELER AUTOMATIK**
AUTOMATED TELLER MACHINES (ATM)

**260**
**MESIN KITAR SEMULA TUNAI**
CASH RECYCLER MACHINES (CRM)

**148**
**MESIN DEPOSIT TUNAI**
CASH DEPOSIT MACHINES (CDM)

**JUMLAH TRANSAKSI EB BSN**
TOTAL TRANSACTION OF EB BSN
**RM721**
**JUTA**
MILLION



**387**
**CAWANGAN DI SELURUH NEGARA**
BRANCHES NATIONWIDE



**10**
**CAWANGAN BANK BERGERAK (CBB)**
*CAWANGAN BANK BERGERAK* (CBB)

**KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI DAN ZAKAT**
PROFIT AFTER TAX AND ZAKAT
**RM250**
**JUTA**
MILLION

**DEPOSIT DAN SIMPANAN**
DEPOSITS AND SAVINGS
**RM41.9**
**BILION**
BILLION

# VISI VISION

## Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan

Di BSN, kami berhasrat memberi semua warga Malaysia peluang untuk menikmati kehidupan lebih baik dengan memungkinkan masa depan kewangan yang lebih baik melalui rangkaian meluas dan perkhidmatan yang pelbagai.

## No Malaysian Left Behind

At BSN, we aim to provide every Malaysian the opportunity to enjoy a better life by enabling a better financial future through our extensive network and range of services.

# MISI MISSION

Misi kami adalah membina perhubungan jangka panjang yang penuh bermakna dengan setiap pelanggan kami bagi memastikan mereka akan terus mendapat akses kepada kehidupan lebih baik dengan:

Our mission is to build lifelong and meaningful relationships with our customers to ensure they continue to access a better life by:

- Menyediakan saluran untuk menyimpan dan melabur bagi orang awam dengan menawarkan rangkaian perkhidmatan perbankan yang komprehensif.
  Providing the means for savings and investments by the general public with a comprehensive range of banking services.
- Menanam tabiat berjimat cermat dan menyimpan.
  Inculcating the habit of thrift and savings.
- Menggalakkan dan menggembleng simpanan, terutamanya daripada para penyimpan-penyimpan kecil.
  Promoting and mobilising savings, particularly from small savers.
- Menggunakan dana Bank untuk pelaburan, termasuk membiayai pembangunan ekonomi negara.
  Utilising the funds of the Bank for investment including financing of economic development of the nation.

# NILAI-NILAI MURNI
# CORE VALUES

Di BSN, cara kerja dan tindakan kami adalah berlandaskan Nilai-Nilai Murni:

At BSN, the way we work and behave are guided by our Core Values:

**C**

## KOMITED

Kami komited ke arah kecemerlangan dalam segala yang kami lakukan.

## COMMITTED

We are committed to excellence in all that we do.

**A**

## CERDAS & TANGKAS

Kami peka dengan trend pasaran dan memanfaatkan peluang.

## AGILE

We anticipate market trends and leverage on opportunities.

**R**

## MENGHORMATI

Kami hargai kepelbagaian dan pendapat orang ramai serta berusaha untuk meletakkan diri di tempat mereka bagi lebih memahami kehendak mereka.

## RESPECTFUL

We value diversity among people, ideas and points of view and strive to put ourselves in their shoes to better understand their needs.

**E**

## BERETIKA

Kami telus, jujur dan menjunjung nilai-nilai moral yang paling tinggi.

## ETHICAL

We are transparent, honest and uphold the highest moral values.

# KHIDMAT PELANGGAN
# CUSTOMER SERVICE

## PIAGAM PERKHIDMATAN PELANGGAN

Piagam Perkhidmatan Pelanggan (juga dikenali sebagai Piagam) BSN yang dirangkakan pada Disember 2020 bertujuan untuk menggariskan komitmen utama di samping memastikan tahap piawaian perkhidmatan berada pada tahap yang tertinggi dan bantuan yang ditawarkan untuk setiap perkhidmatan kepada pelanggan adalah berkualiti.

## CUSTOMER SERVICE CHARTER

BSN Customer Service Charter (also referred to as Charter) was established in December 2020 with the intention to outline our key commitments to deliver a high service standard of customer service and to provide quality service and assistance when providing banking services to customers.

Aspirasi Pelan Strategik Korporat BSN 2022 - 2026: Menduduki tempat ke 3 teratas dalam khidmat pelanggan

BSN Corporate Strategic Plan 2022 - 2026: Top 3 in customer service ranking

CX Bermula Daripada Anda adalah Janji CX yang menegaskan bahawa keunggulan pengalaman pelanggan bermula dengan setiap individu dalam sesebuah organisasi. Ia merangkumi konsep bahawa setiap individu perlu memainkan peranan penting dalam membentuk serta meningkatkan keseluruhan pengalaman pelanggan. Pendekatan ini menitikberatkan tanggungjawab peribadi, komitmen dan usaha bersama yang diperlukan untuk memenuhi serta melebihi jangkaan pelanggan secara konsisten. Matlamat kami adalah untuk memupuk kepercayaan dalam kalangan pelanggan serta memudahkan kehidupan mereka melalui perkhidmatan dan interaksi bersama kami.

CX Starts with You is a CX Promise that emphasises that the excellence of customer experience begins with everyone within an organisation. It embodies the concept that an individual plays a crucial role in shaping and enhancing the overall customer experience. This approach highlights personal responsibility, commitment and collective effort required to consistently meet and exceed customer expectations. Our goal is to foster trust among customers and make their lives easier through our services and interactions.

### KENALI PELANGGAN
Memahami profil pelanggan untuk menawarkan produk dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan dan pilihan pelanggan.

### KNOW YOUR CUSTOMER
Understand customers' profiles to offer products and services that meet customers' needs and preferences.

### PERKHIDMATAN YANG CEKAP DAN MENEPATI MASA
Memberi perkhidmatan perbankan asas dengan lancar dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

### TIMELY & EFFICIENT SERVICE
Deliver seamless general banking services within the stipulated turnaround time.

### PERKHIDMATAN YANG TELUS DAN BERBUDI PEKERTI
Urusniaga yang telus dengan pelanggan oleh kakitangan yang cekap dan berpengetahuan.

### TRANSPARENT AND PERSONABLE SERVICE
Transparent dealings with customers by competent and knowledgeable staff.

### PERBANKAN YANG MUDAH DIAKSES
Menawarkan perbankan yang boleh diakses melalui pelbagai saluran.

### BANKING MADE ACCESSIBLE
Offer accessible banking through multiple channels.

Objektif utama BSN sejak dahulu lagi adalah menggalakkan perkembangan simpanan dan pelaburan dalam kalangan warga Malaysia dari segenap lapisan masyarakat. Kini, kami meneruskan usaha kami dengan menawarkan lebih banyak produk dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan kehidupan moden. Dengan perubahan yang sejajar mengikut arus pembangunan, kami berharap dapat menyediakan peluang yang saksama kepada semua warga Malaysia untuk menikmati kehidupan lebih baik selari dengan visi BSN iaitu "Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan".

BSN's main objective has always been to encourage the development of savings and investment among Malaysians from all walks of life. Today, we continue on our quest by offering even more products and services that cater to the progressive needs of modern life. By doing so, we hope to provide every Malaysian an equal opportunity to enjoy a better life which is in line with the Bank's vision "No Malaysian Left Behind".

# STRUKTUR KORPORAT
# CORPORATE STRUCTURE

BSN

## Anak Syarikat/Subsidiaries

Anak Syarikat Milik Penuh/Wholly-owned Subsidiary




## Syarikat Bersekutu/Associates




Pegangan BSN di dalam Anak Syarikat/Syarikat Bersekutu pada 31 Disember 2024
BSN's holdings in Subsidiary/Associate Companies as at 31 December 2024

# PROFIL KORPORAT
# CORPORATE PROFILE

**Bank Simpanan Nasional (BSN) ditubuhkan pada 1 Disember 1974 dengan misi yang jelas untuk mendorong pertumbuhan simpanan dalam kalangan rakyat Malaysia dan menyokong pembangunan negara secara aktif. Sejak dilancarkan oleh YAB Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, Perdana Menteri kedua Malaysia, Bank tetap berpegang teguh kepada visi "Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan."**

Tujuan utama BSN adalah untuk memperkasakan individu dan masyarakat di seluruh Malaysia, memacu keterangkuman kewangan sebagai pemangkin kemajuan sosio-ekonomi. Menerusi kerjasama dengan rakan niaga dan pemegang taruh, BSN meneraju inisiatif-inisiatif bagi memperluaskan akses kepada sumber kewangan, memangkin impak transformatif ke atas orang ramai. BSN terus berinovasi dalam memenuhi perubahan keperluan pelanggannya, dengan memanfaatkan teknologi canggih dan kaedah-kaedah progresif bagi memastikan capaian jangkauannya ke kawasan-kawasan pedalaman dan kurang mendapat perkhidmatan.

BSN adalah peneraju landskap kewangan Malaysia, memacu kemajuan untuk lebih 9 juta rakyat Malaysia di seluruh negara. Dengan pendapatan bersih berjumlah RM1.6 bilion, jangkauan BSN merangkumi 387 cawangan, 40 Pusat Pembiayaan Perniagaan, 575 Mesin Teler Automatik (ATM), 148 Mesin Deposit Tunai (CDM), 260 Mesin Kitar Semula Tunai (CRM) dan 10 Cawangan Bank Bergerak (meliputi Sabah, Sarawak, dan Pahang) dan lebih 2,200 Ejen Bank BSN di seluruh negara (setakat Disember 2024). Dengan penerimaan digital, BSN kekal komited meneraju penyelesaian dan perkhidmatan digital baharu, memastikan akses lancar untuk kemudahan perbankan di sebalik landskap digital dan e-dagang yang semakin berkembang.

Dedikasi terhadap mandat tertanam dalam DNA Korporat BSN, yang berfungsi sebagai asas kepada falsafah organisasi. Melangkaui lima dekad pencapaian, komitmen BSN kekal sebagai asas operasinya, berfungsi sebagai penunjuk arah kelangsungan bank dalam mengejar kecemerlangan dan impak sosial.

**Established on 1 December 1974, Bank Simpanan Nasional (BSN) emerged with a resolute mission: to cultivate a culture of savings among Malaysians and actively contribute to national progress. Since its inauguration by YAB Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, the esteemed second Prime Minister of Malaysia, BSN has steadfastly pursued its inclusive vision, epitomised by the motto "No Malaysian Left Behind."**

At its core, BSN is dedicated to empowering individuals and communities across Malaysia, driving financial inclusion as a catalyst for socio-economic advancement. Through collaborative efforts with aligned partners and stakeholders, BSN has spearheaded initiatives to democratise access to financial resources, catalysing transformative impact on countless lives. Embracing a legacy of innovation, BSN has continually evolved to meet the evolving needs of its clientele, leveraging cutting-edge technologies and progressive methodologies to extend its reach even to the most remote and underserved populations.

Today, BSN stands at the forefront of Malaysia's financial landscape, serving as a beacon of progress for over 9 million Malaysians nationwide. With net income totaling RM1.6 billion, BSN's footprint encompasses a network of 387 branches, 40 Business Financing Centres, 575 Automated Teller Machines (ATMs), 148 Cash Deposit Machines (CDM), 260 Cash Recycling Machines (CRM) and 10 *Cawangan Bank Bergerak* (distributed strategically across Sabah, Sarawak, and Pahang), in addition to over 2,200 Ejen Bank BSN spanning the nation (as of December 2024). Embracing the digital revolution sweeping the nation, BSN remains committed to pioneering new digital solutions and services, ensuring seamless access to banking facilities amidst the burgeoning digital and e-commerce landscape.

Embedded within BSN's corporate DNA is an unwavering dedication to its founding mandate, serving as the cornerstone of its organisational ethos. Over the past five decades, this commitment remains the bedrock of its operations, serving as a beacon guiding the bank's ongoing pursuit of excellence and societal impact.

# ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN
## AWARDS AND RECOGNITIONS

| Kategori<br>Category | Acara<br>Event Name | Tarikh/Tempat<br>Date/Venue |
|---|---|---|
| 1. Juara, Kategori Institusi Kewangan (Bank Kerajaan)<br>Champion, Financial Institution Category (Government Bank) | Anugerah Jualan Wasiat Tertinggi 2023 | 2 Februari/February 2024 |
| 2. Juara, Anugerah Rujukan Pusaka Tertinggi 2023<br>Champion, Highest Heritage Reference Award 2023 | Anugerah Jualan Wasiat Tertinggi 2023 | 2 Februari/February 2024 |
| 3. Anugerah Perak, Anugerah Integriti, Governans Dan Antirasuah (AIGA) 2023<br>Silver Award, Integrity, Governance and Anti-Corruption Award (AIGA) 2023 | Majlis Penyampaian Anugerah Integriti, Governans Dan Antirasuah (AIGA) 2023 | 22 Februari/February 2024<br>Dewan Seri Siantan, Perbadanan Putrajaya |
| 4. Anugerah Jenama Majikan Terbaik Malaysia 2024<br>Malaysia Best Employer Brand Awards 2024 | 19th Employer Branding Awards | 8 Mei/May 2024<br>Hotel Pullman, Kuala Lumpur<br>Pullman Hotel, Kuala Lumpur |
| 5. Pengiktirafan Khas<br>Special Recognition | Seek People Purpose Awards | 9 Mei/May 2024<br>W Hotel, Kuala Lumpur |
| 6. Rakan FI Terbaik Kategori imSME<br>Top FI Partner imSME Category | CGC 29th FI/DFI & SME Awards 2023 | 18 Julai/July 2024<br>InterContinental Hotel, Kuala Lumpur<br>Hotel InterContinental, Kuala Lumpur |
| 7. *Top Investment House Malaysian Ringgit - Rank 1 (Banks)*<br>Top Investment House Malaysian Ringgit - Rank 1 (Banks) | The Asset (Benchmark Research 2024) | 7 November 2024<br>Hotel Four Season, Singapore<br>Four Seasons Hotel, Singapore |
| 8. *Most Astute Investor Malaysian Ringgit - Trading for Bank (Individual Award)*<br>Most Astute Investor Malaysian Ringgit - Trading for Bank (Individual Award) | The Asset (Benchmark Research 2024) | 7 November 2024<br>Hotel Four Season, Singapore<br>Four Seasons Hotel, Singapore |
| 9. *Most Astute Investor Malaysian Ringgit - Most Recommended – Trading for Banks (Individual Award)*<br>Most Astute Investor Malaysian Ringgit - Most Recommended – Trading for Banks (Individual Award) | CGC 29th FI/DFI & SME Awards 2023 | 7 November 2024<br>Hotel Four Season, Singapore<br>Four Seasons Hotel, Singapore |
| 10. Perbankan Runcit Islam Terbaik di Malaysia 2024<br>Best Islamic Retail Banking Window in Malaysia 2024 | Islamic Retail Banking Awards (IRBA) | 26 November 2024<br>Dubai |
| 11. Anugerah Kecemerlangan Perbankan Komuniti di Malaysia 2024<br>Excellence Award for Community Banking in Malaysia 2024 | Islamic Retail Banking Awards (IRBA) | 26 November 2024<br>Dubai |
| 12. Anugerah Majikan Pilihan Graduan: Juara dalam Perbankan Pembangunan<br>Graduates' Choice of Employer Award: Champion in Development Banking | TalentBank Group | 27 November 2024 |

# CARTA ORGANISASI
## ORGANISATION CHART




**Jumlah Keseluruhan/ Grand Total**
**7,660**

Eksekutif/Executive
**1,516 (20%)**

Pegawai/Officer
**2,674 (35%)**

Kerani/Clerk
**3,470 (45%)**


Jawatankuasa Lembaga Audit
Board Audit Committee
Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko
Board Risk Management Committee
Zarir Mohd Rawi
Ketua Pegawai Operasi
Chief Operating Officer
Roodi Mohd Rashid
Ketua Juruaudit Dalaman
Chief Internal Auditor
Muiz Aiman Farid
Ketua Pegawai Risiko
Chief Risk Officer
Sujit Guha Thakurta
Pemangku, Ketua Pematuhan Pegawai
Acting, Chief Compliance Officer
Mohd Nazim Mohamed Dhohari
Ketua Pegawai Maklumat Keselamatan
Chief Information Security Officer
Norliza Adenan
Ketua Pegawai Integriti & Governans
Chief Integrity & Governance Officer
Lee Li Foon
Ketua Pegawai Maklumat
Chief Information Officer
Azlan Abu Bakar
Ketua Pegawai Kredit
Chief Credit Officer
Sr Rosman Ramlan
Ketua, Perkhidmatan Am & Keselamatan Dalaman
Head, General Service & Internal Security
Azlan Abu Bakar
Ketua, Operasi Kredit
Head, Credit Operations
Azrul Farique Mustafa
Ketua, Perbankan Digital
Head, Digital Banking
Misah Meon
Ketua, Pemulihan Kredit
Head, Credit Recovery
Arida Ariffin
Ketua, Customer Experience
Head, Customer Experience
Che Rostami Sa'ad
Ketua, Pusat Pemprosesan Berpusat
Head, Centralized Processing Centre
Ketua Pegawai/Chief Officers
Ketua Jabatan/Head of Department
Ketua Bahagian/Head of Division
Pemangku/Acting
Pengurus Bahagian/Division Manager
Ahli Jawatankuasa Pengurusan/Management Committee Members
Jawatankuasa Pengurusan Jemputan Tetap/Management Committee Permanent Invitees

# MENCAPAI LIPUTAN PERKHIDMATAN DI SELURUH NEGARA

# ACHIEVING NATIONWIDE SERVICE COVERAGE

Pada 2024, BSN telah menyambut ulang tahunnya yang ke-50 dengan pencapaian 100% liputan perkhidmatan di seluruh Malaysia. Dengan 387 cawangan, lebih 2,200 EB BSN ejen perbankan, dan 10 CBB BSN, kami kini menyalurkan perkhidmatan kepada hampir sembilan juta penyimpan, dalam usaha memastikan tiada rakyat Malaysia yang ketinggalan.

In 2024, BSN celebrated its 50th anniversary by committing to 100% service coverage across Malaysia. With 387 branches, over 2,200 EB BSN banking agents, and 10 CBB BSN, we now serve nearly nine million savers, ensuring no Malaysian is left behind.

# DARIPADA PENGERUSI
# FROM THE CHAIRMAN

## PENGENALAN

Tahun 2024 menyaksikan landskap ekonomi global yang mencabar. Walau bagaimanapun ia masih mengekalkan kestabilan pertumbuhan 3.2% seiring dengan turun naik penunjuk pasaran. Kelasakan pasaran buruh, pengurangan inflasi dan pelarasan dasar monetari telah menjadi asas kepada kestabilan ini. Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan 5.1% pada 2024, melonjak daripada 3.6% yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Peningkatan ekonomi ini sebahagian besarnya dipacu oleh pengukuhan permintaan dalam negeri, peningkatan aktiviti pelaburan dan pertambahan permintaan luar. Didorong oleh peningkatan keyakinan pelabur, pengukuhan Ringgit Malaysia dan pasaran pekerjaan negara yang baik, kadar pekerjaan meningkat 2.6% manakala kadar pengangguran menurun 3.2%, lebih positif daripada paras pra-pandemik.

## INTRODUCTION

The year 2024 witnessed a challenging global economic landscape. However, stable growth was maintained at 3.2% in line with the fluctuations of market indicators. The tightening of the labour market, the reduction of inflation and the adjustment of monetary policy have been the foundations of this stability. The Malaysian economy recorded a growth of 5.1% in 2024, rising from the 3.6% recorded in the previous year. Economic growth was largely driven by strengthening domestic demand, increased investment activities and increased external demand. Driven by increasing investor confidence, the strengthening of the Malaysian Ringgit and the country's good job market, employment rate increased by 2.6% while the unemployment rate decreased by 3.2%, more positive than the pre-pandemic level.

**DATUK SERI DR. AWANG ADEK HUSSIN**

Pengerusi BSN
BSN Chairman

**Tahun Jubli Emas ini juga memperlihatkan langkah kami yang kian utuh. Kami kekal berdaya saing dan sentiasa bersedia mendakap dan memanfaat kemajuan teknologi, landskap kewangan serta evolusi keperluan pelanggan yang sentiasa berkembang.**

**Our golden jubilee has not only been a time for reflection and looking back. We remain competitive and always ready to embrace and capitalise on technological advances, the financial landscape and the ever-evolving needs of our customers.**

# DARIPADA PENGERUSI
# FROM THE CHAIRMAN

Sepanjang peralihan ekonomi ini, BSN tetap teguh berpegang pada mandatnya: untuk menggalakkan amalan menyimpan dan memperkasakan rangkuman kewangan bagi rakyat Malaysia terutamanya golongan muda serta komuniti yang kurang dan tidak mendapat perkhidmatan kewangan.

Peranan kami sepanjang 2024 berkait rapat dengan tema utama Laporan Tahunan ini, iaitu "Memperkukuh Asas, Memacu Kemajuan." Tema ini merangkumi dua komitmen kami untuk memperteguh keupayaan operasi teras dan dalam masa yang sama memperhebat inisiatif strategik demi menambah baik perkhidmatan kami seiring dengan keperluan negara.

## MERAIKAN KECEMERLANGAN 50 TAHUN

Tahun ini BSN meraikan 50 tahun penubuhannya. Sepanjang 5 dekad ini, kami terus kekal komited dengan mandat utama; memupuk budaya menabung dan memperkasa keterangkuman kewangan untuk segenap lapisan masyarakat Malaysia melalui rangkaian dan perkhidmatan perbankan kami yang meluas serta pelbagai. Visi kami, "Tiada Rakyat Malaysia Yang Ketinggalan" terus menjadi panduan dalam setiap langkah.

Tahun Jubli Emas ini juga memperlihatkan langkah kami yang kian utuh. Kami kekal berdaya saing dan sentiasa bersedia mendakap dan memanfaat kemajuan teknologi, landskap kewangan serta evolusi keperluan pelanggan yang sentiasa berkembang. Tunjang pertumbuhan BSN sepanjang 50 tahun didokong oleh inovasi, kecekalan dan menjunjung nilai-nilai murni sedia ada. Sepanjang perjalanan ini, kami sentiasa menekankan integriti, mengutamakan pelanggan dan menyantuni komuniti.

BSN held its own through all this, remaining firmly anchored in its fundamental mandate: to inculcate savings habits and empower financial inclusion for Malaysians; especially the youth and the unserved and underserved communities.

Our efforts can be encapsulated in the Annual Report's central theme, "Strengthening Foundations, Accelerating Progress", which reflects our dual commitment to reinforcing our core operational capabilities while accelerating strategic initiatives to better serve the evolving needs of the nation.

## CELEBRATING 50 YEARS OF EXCELLENCE

This year marked a major milestone for BSN, our 50th anniversary. It marked 50 years of unwavering dedication to our core mandate, inculcating the habit of saving among Malaysians and enabling financial inclusion through accessible and secure savings solutions. Throughout these five decades, our vision has been unwavering, "No Malaysians Left Behind".

Our golden jubilee has not only been a time for reflection and looking back. We are, as ever, committed to looking forward and staying in step with developments in technology, the financial landscape and the evolving needs of the nation. For the past 50 years, we have focused on innovation, resilience, and staying true to our values. We prioritised integrity, put our customers first, and engaged with our community.

Tahun ini juga turut memperlihatkan pelbagai pengiktirafan yang membanggakan. Kami berbesar hati menerima pelbagai pengiktirafan termasuklah anugerah 'Top Investment House Malaysian Ringgit - Rank 1 (Banks)' oleh The Asset Benchmark Research 2024, berserta penghargaan individu untuk pelabur pintar dalam dagangan Ringgit Malaysia. Kami turut dinobatkan sebagai 'Perbankan Runcit Islam Terbaik di Malaysia 2024' dan merangkul 'Anugerah Kecemerlangan Perbankan Komuniti di Malaysia 2024' dalam Anugerah Perbankan Runcit Islam (IRBA).

Selain itu, komitmen kami untuk memupuk bakat telah diiktiraf oleh Anugerah Majikan Pilihan 'Graduan: Juara bagi Perbankan Pembangunan' oleh TalentBank Group, 'Anugerah Jenama Majikan Terbaik Malaysia 2024' dalam Anugerah Penjenamaan Majikan ke-19, dan 'Pengiktirafan Khas' dalam Anugerah Seek People Purpose.

Mengorak langkah ke lembaran baharu, kami kini lebih komited dengan keyakinan yang lebih utuh untuk membentuk aspirasi kewangan negara, berganding bahu bagi mewujudkan masa depan di mana setiap rakyat Malaysia berpeluang menggapai kehidupan yang lebih baik.

## MEMPERLUAS RANGKUMAN DAN MEMACU IMPAK KEWANGAN

Komitmen BSN untuk memperluas rangkuman kewangan bukan sahaja melibatkan peningkatan transaksi; tetapi juga untuk memperkasa masyarakat dan memperluas peluang perbankan. Rangkaian fizikal dan digital kami yang luas adalah tulang belakang komitmen ini dengan memastikan perkhidmatan perbankan dapat diakses oleh segenap lapisan rakyat Malaysia.

Kami berbangga untuk menyumbang secara signifikan kepada akses kebolehcapaian perkhidmatan industri di peringkat mukim sebanyak 97.5%, dengan BSN mencatat kehadiran terbesar merangkumi 90.5% mukim (814 daripada 899). 23% daripada kawasan ini memperoleh khidmat secara eksklusif daripada BSN; mencerminkan peranan penting kami dalam memacu keterangkuman kewangan. Akses menyeluruh ini dipermudah dan disokong oleh pelbagai saluran, termasuk 2,233 Ejen Bank BSN (EB BSN), 10 Cawangan Bank Bergerak (CBB), 40 Pusat Kewangan Mikro, 387 Cawangan BSN merangkumi 46% yang terletak di kawasan luar bandar dan 984 Terminal Layan Diri (SST) di lokasi strategik untuk memaksimumkan kemudahan.

Sebagai institusi kewangan pembangunan (DFI), peranan kami diserlahkan oleh penyertaan aktif kami dalam program dan dasar kerajaan yang bertujuan untuk memupuk rangkuman kewangan. Aspek teras ini memastikan sumber kewangan disalurkan terus kepada kumpulan demografik yang paling memerlukannya.

Pada tahun 2024, kami meluluskan pembiayaan sebanyak RM13 bilion kepada 129,877 pelanggan dan 65.5% pembiayaan yang diluluskan ditujukan kepada segmen yang kurang mendapat perkhidmatan perbankan, terutamanya perusahaan mikro dan segmen B40. Daripada jumlah itu, sebanyak 58.5% atau 63,370 akaun atau RM5.6 bilion pula dikhaskan untuk segmen B40, sekali gus memperlihatkan komitmen BSN terhadap komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan perbankan.

It has also been a period of significant recognition and we were honoured to receive numerous accolades, a testament to our hard work and dedication. These include being named 'Top Investment House Malaysian Ringgit – Rank 1 (Banks)' by The Asset Benchmark Research 2024, along with individual accolades for our astute investors in trading the ringgit. Our Islamic banking arm was named the 'Best Islamic Retail Banking Window Malaysia 2024' and we also received the 'Excellence Award for Community Banking in Malaysia 2024' at the Islamic Retail Banking Awards (IRBA).

In addition, our commitment to nurturing talent was duly acknowledged with the 'Graduates' Choice of Employer Award: Champion in Development Banking' by TalentBank Group, the 'Malaysia Best Employer Brand Awards 2024' at the 19th Employer Branding Awards, and a 'Special Recognition' at the Seek People Purpose Awards.

As we embark on the next chapter of BSN's story, we do so with a deep sense of purpose and renewed optimism. Building upon the strong foundation of our first half century, we are more committed than ever to shaping the financial aspirations of our nation, working together to create a future where every Malaysian has the opportunity to thrive.

## DEEPENING FINANCIAL INCLUSION AND DRIVING IMPACT

BSN's commitment to expanding financial inclusion is not merely a matter of increasing transactions; it's about extending opportunity and empowering communities. Our extensive physical and digital network is the backbone of this commitment, ensuring that banking services are within reach for all Malaysians.

We are proud to contribute significantly to the accessibility of industry services at the "mukims" level, achieving 97.5% coverage, with BSN recording the largest presence, covering 90.5% of all "mukims" (814 out of 899 "mukims"). Some 23% of these areas are served exclusively by BSN, reflecting our vital role in driving financial inclusion. This reach is facilitated by a multi-channel approach, including 2,233 *Ejen Bank* BSN (EB BSN), 10 *Cawangan Bank Bergerak* (CBB), 40 Micro Finance Centres, 387 branches with a significant 46% located in rural areas and 984 Self Service Terminals (SST) strategically placed for maximum convenience.

Our role as a development financial institution (DFI) is further emphasised by our active participation in government programmes and policies aimed at fostering financial inclusion. A core aspect of this is ensuring that financial resources are directed towards those who need them most.

In 2024, we approved RM13 billion in financing for 129,877 customers and 65.5% of the financing approved were directed to the underserved segments, particularly micro-businesses and the B40 group. With regards to our financing to individuals, some 58.5% representing 63,370 accounts or RM5.6 billion was directed at the B40 segment, clear evidence of BSN's commitment in serving the underserved.

# DARIPADA PENGERUSI
# FROM THE CHAIRMAN

**Aplikasi myBSN Mobile, yang dilancarkan pada Februari 2024, dengan 2.8 juta pengguna berdaftar, membuktikan keupayaan kami dalam merapatkan jurang digital dan menyampaikan perkhidmatan perbankan yang mudah diakses oleh segenap lapisan masyarakat.**

**The myBSN Mobile App, launched in February 2024, with 2.8 million registered users, reflects our success in bridging the digital divide and delivering convenience and inclusive banking services to a broader segment of the population.**

**RM13** Bilion/Billion
Pembiayaan Diluluskan untuk/
in Approved Financing for
**129,877**
Pelanggan/Customers

**65.5%** pembiayaan yang diluluskan ditujukan kepada segmen yang kurang mendapat perkhidmatan perbankan/
of financing approved were directed to the underserved segments

Komitmen kami untuk menyediakan penyelesaian memiliki rumah mampu milik juga merupakan antara bahagian penting dalam mandat pertumbuhan kami. Jumlah pembiayaan terkumpul melebihi RM10.9 bilion untuk pelanggan yang memerlukan pembiayaan rumah bernilai lebih kurang RM300,000 dengan 84.6% daripada pembiayaan itu memanfaatkan kumpulan B40.

Selain itu, Pusat Kewangan Mikro BSN berperanan penting untuk menyokong pertumbuhan perusahaan mikro. Pada masa ini, BSN mempunyai pegangan pasaran sebanyak 66.1% dalam industri pembiayaan mikro di mana kami memperkasakan usahawan baharu untuk membina sumber pendapatan yang mampan.

## INISIATIF STRATEGIK:
### MEMPERKUKUH DAN MEMPERCEPATKAN PENDIGITALAN

Untuk melaksanakan mandat kami dengan efisien seiring dengan landskap kewangan yang semakin berkembang, BSN telah menjalankan beberapa inisiatif strategik pada 2024. Transformasi digital kekal menjadi keutamaan, dengan meningkatkan penawaran produk digital dan platform dalam talian. Kami melancarkan Aplikasi myBSN Mobile pada Februari 2024, dengan 2.8 juta pengguna berdaftar, membuktikan keupayaan kami dalam merapatkan jurang digital dan menyampaikan perkhidmatan perbankan yang mudah diakses oleh segenap lapisan masyarakat.

Kami juga memastikan penggunaan teknologi baharu ini memberikan pengalaman perbankan yang lancar dan mesra pengguna bagi memperkasa pelanggan kami dengan kawalan, kemudahan dan akses yang lebih baik agar setiap urusan atau interaksi dengan BSN adalah positif.

BSN juga telah memperkenalkan inisiatif *Cashless Society* untuk mempromosi budaya tanpa tunai dan membantu peniaga menguruskan kewangan mereka dengan lebih efisien sambil membolehkan pengguna membuat pembelian tanpa tunai. Inisiatif ini telah dilancarkan di pelbagai lokasi di seluruh negara, termasuk bazar Ramadan di Lembah Klang, Pasar Malam Api-Api di Kota Kinabalu, Pusat Penjaja Kabong di Sarawak dan Pasar Awam Banting di Selangor.

We also contributed to increasing home ownership among the underserved by providing affordable housing solutions as we recognise that this is a crucial step towards economic stability and a sense of well-being. In 2024, we had an outstanding financing amount of over RM10.9 billion for customers requiring home financing of RM300,000 or less. Some 84.6% of our home financing benefitted the B40 group.

However, we recognise that economic stability is more than a matter of home financing. It extends to encouraging entrepreneurship, especially among our target groups of the underserved. BSN played a vital role in supporting the growth of micro-enterprises through our Micro Finance Centres. Currently, BSN has a whopping 66.1% market share in the microfinance industry through which we empower these fledgeling entrepreneurs to build sustainable livelihoods.

## STRATEGIC INITIATIVES:
### STRENGTHENING AND ACCELERATING

We continued to adapt to the evolving financial landscape with several strategic initiatives in 2024. Acknowledging the increasing importance of digital solutions, we launched the myBSN Mobile App in February to allow users to manage their BSN accounts and perform various banking transactions through their smartphones. The app was rapidly adopted with 2.8 million registered users and it reflects our success in bridging the digital divide and delivering convenience and inclusive banking services to a broader segment of the population.

It is not simply a matter of adopting new technologies but about delivering a seamless, intuitive banking experience that empowers our customers with greater control, convenience and access. We understand too, that technology must be supported by exceptional service. Therefore, we have placed a strong emphasis on enhancing customer service delivery, ensuring that every interaction with BSN is positive and supportive.

In addition to our app, BSN has also introduced the Cashless Society initiative to promote a cashless culture – helping traders manage their finances more effectively while enabling consumers to make cashless purchases. The initiative has been rolled out across various locations nationwide, including Ramadan bazaars in the Klang Valley, Pasar Malam Api-Api in Kota Kinabalu, Pusat Penjaja Kabong in Sarawak, and Pasar Awam Banting in Selangor.

Selain daripada itu, dalam dunia kewangan yang semakin kompleks, langkah-langkah pengurusan risiko dan pematuhan yang mantap adalah sangat penting. Kami komited untuk mengekalkan kestabilan dan integriti operasi kami serta melindungi kepentingan pelanggan dan pihak berkepentingan.

Kami juga maklum bahawa warga kerja merupakan aset terbesar kami. Justeru, kami melabur dalam pembangunan bakat dan program libat urus seperti Siri Ketua Pegawai Eksekutif, pelancaran Program Culture Ambassador dan Siri Branch Spotlight 2024. Tenaga kerja yang mahir dan bermotivasi adalah penting untuk memacu inovasi, menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang dan mencapai matlamat strategik kami.

## KELESTARIAN:
## ASAS UNTUK MASA HADAPAN

Sebagai sebuah DFI, kelestarian adalah sebahagian daripada kami di BSN dan ianya berpaksikan kepada tiga teras kelestarian; Menyokong Usahawan Mikro, Memajukan Keterangkuman Kewangan dan Tindakan Mampan. Kami beriltizam untuk mewujudkan nilai jangka panjang dan dalam masa yang sama meningkatkan komuniti serta melindungi alam sekitar.

Pada tahun 2024, di bawah teras Menyokong Usahawan Mikro, kami memperkenalkan penilaian DFI Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) bagi semakan tahunan dalam melengkapkan warga kerja BSN untuk memahami dan mengamalkan ESG melalui latihan, panduan dan sokongan yang sesuai. Manakala, lebih kurang 7,000 peminjam telah dinilai dan diberi informasi mengenai ketersediaan ESG dalam segmen perniagaan mikro.

Di bawah Teras Tindakan Mampan pula, kami melancarkan penyelesaian kewangan hijau (green financial solutions) untuk menyokong peralihan Malaysia ke arah ekonomi rendah karbon. Ini termasuk pembiayaan khusus untuk kenderaan elektrik dan hibrid (EV/HEV) serta pembiayaan pemasangan panel solar kediaman, membolehkan pelanggan kami mengamalkan gaya hidup yang lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

Kami juga bertekad untuk meningkatkan kesan sosial melalui usaha berterusan bagi mencapai jumlah pelaburan sebanyak RM20 juta dalam inisiatif kelestarian dan menyumbang 100,000 jam sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) menjelang 2030. Pada tahun 2024, kami melengkapkan 57 inisiatif, mengeluarkan dana sebanyak RM2 juta dan mencatat lebih 16,000 jam CSR dengan penyertaan hampir 2,200 pekerja yang berdedikasi. Usaha ini mencerminkan kepercayaan kami dalam membina komuniti yang lebih kukuh melalui nilai dan usaha bersama.

BSN turut menerbitkan inventori gas rumah hijau (GHG) pertama pada Ogos 2024. Ini disediakan mengikut protokol gas rumah hijau dan ia menetapkan garis asas yang jelas untuk usaha dekarbonisasi dan mengukuhkan akauntabiliti alam sekitar.

Kami juga mengeluarkan Laporan Kelestarian pertama pada November 2024 untuk meningkatkan ketelusan dan penglibatan pihak berkepentingan. Laporan ini memberikan pandangan terperinci mengenai prestasi ESG kami dan komitmen terhadap kemajuan yang mampan. Ia sejajar dengan kedua-dua matlamat pembangunan nasional dan piawaian kelestarian global.

In an increasingly complex financial world, robust risk management and compliance measures are of utmost importance. We are committed to maintaining the stability and integrity of our operations, safeguarding the interests of our customers and stakeholders.

We also appreciate the importance of nurturing and developing our human resources. Understanding that our employees are our greatest asset, we invested in talent development and employee engagement programmes such as the CEO Lecture Series, the launch of the Culture Ambassador Programme and Branch Spotlight Series 2024. I think it goes without saying that a skilled, motivated, and engaged workforce is essential to driving innovation, delivering excellent service, and achieving our strategic goals.

## SUSTAINABILITY:
## A FOUNDATION FOR THE FUTURE

As a DFI, sustainability is at the heart of our purpose at BSN. Anchored by our three sustainability pillars; Enabling Micro Entrepreneurs, Advancing Financial Inclusion, and Sustainable Actions, we are committed to creating long-term value while uplifting communities and protecting the environment.

In 2024, we made meaningful strides across all three pillars in line with Enabling Micro-Entrepeneurs, we introduced the DFI ESG Assessment for Annual Review to equip them with practical tools and knowledge to assess and improve their Environmental, Social and Governance (ESG) practices, helping them increase their business resilience and align with emerging sustainability standards. In 2024, approximately 7,000 borrowers have been assessed, offering valuable insights into ESG readiness within the micro-business segment.

Under the Sustainable Actions pillar, we rolled out green financial solutions to support Malaysia's transition to a low-carbon economy. These included dedicated financing for electric and hybrid vehicles (EV/HEV) and residential solar panel installations, enabling our customers to adopt more environmentally responsible lifestyles.

We remain strongly committed to increasing our social impact. We recorded encouraging progress in our pledge to invest RM20 million in sustainability initiatives and contribute 100,000 employee hours to Corporate Social Responsibility (CSR) exercises by 2030. In 2024, we completed 57 initiatives, disbursed RM2 million in funding and logged over 16,000 CSR hours with participation from nearly 2,200 dedicated employees. Our efforts reflect our belief in building stronger communities through collection action and shared value.

Furthermore, BSN published our first Greenhouse Gas (GHG) inventory in August 2024. This was prepared according to the greenhouse gas protocol and it establishes a clear baseline for our decarbonisation efforts, reinforcing our environmental accountability.

We also released our inaugural Sustainability Report in November 2024 to enhance transparency and stakeholder engagement. The report provides a detailed view of our ESG performance and reaffirms our commitment to sustainable progress. It is aligned with both national developmental goals and global sustainability standards.

# DARIPADA PENGERUSI
# FROM THE CHAIRMAN

## TADBIR URUS:
## MEMASTIKAN KEPERCAYAAN DAN KEWIBAWAAN

BSN sentiasa mengekalkan piawaian tadbir urus tertinggi. Pada 2024, Lembaga Pengarah secara aktif melaksanakan penyediaan pengawasan strategik, pemantauan prestasi secara teliti, dan memastikan keutuhan pengurusan risiko serta pemantauan dalaman. Lembaga Pengarah juga memastikan tadbir urus dan pematuhan korporat sentiasa dititikberatkan, menyelia perancangan penggantian, dan berinteraksi dengan pemegang kepentingan secara telus.

Jawatankuasa Syariah kami turut menyelia operasi perbankan Islam, melaksanakan pematuhan sepenuhnya terhadap prinsip Syariah berpandukan peraturan Bank Negara Malaysia (BNM) dan disokong oleh pengurusan risiko serta fungsi audit yang teguh. Komitmen terhadap kewangan Islam ini membentuk dasar perkhidmatan kami kepada semua rakyat Malaysia.

Menerusi ketekunan pelaksanaan tugas Lembaga dan pengawasan Jawatankuasa Syariah, kami memupuk budaya amanah, kewibawaan dan kebertanggungjawaban, memastikan kelestarian jangka panjang BSN untuk semua pemegang kepentingan.

## PROSPEK MASA HADAPAN:
## PELUANG DAN CABARAN

Sektor Perbankan Malaysia sedang berkembang pesat, begitu juga dengan keperluan kewangan pelanggan kami. Usai sambutan Jubli Emas kami pada 2024, kami melihat masa hadapan dengan keazaman yang lebih padu. Kami bermatlamat untuk kekal di barisan hadapan evolusi ini, memanfaatkan teknologi dan penyelesaian inovatif bagi melestarikan ekosistem perbankan yang menyediakan perkhidmatan kepada semua.

BSN akan terus menggalakkan rangkuman kewangan menerusi inisiatif kewangan sosial dan menawarkan penyelesaian kewangan yang memberi impak kepada komuniti yang kurang dan tidak mendapat perkhidmatan kewangan. Selain itu, BSN sentiasa memupuk budaya kelestarian yang kukuh di seluruh organisasi. Usaha ini menyelaraskan operasi dan amalan perniagaan kami dengan matlamat kelestarian.

BSN juga terus meningkatkan keupayaan digitalnya dan memacu pembaharuan untuk memenuhi keperluan dan persepsi pelanggan yang semakin berkembang. Kami mengutamakan penambahbaikan dan kecekapan operasi serta pengurusan kos secara berhemat untuk kelestarian jangka panjang. Kami bermatlamat memperkukuh daya tahan, menavigasi ketidakpastian masa depan, dan mengekalkan komitmen untuk terus maju dan cemerlang.

## GOVERNANCE:
## ENSURING TRUST AND INTEGRITY

At BSN, we maintain the highest standards of governance. In 2024, the Board of Directors actively fulfilled its responsibilities by providing strategic oversight, rigorously monitoring performance, and ensuring robust risk management and internal controls. The Board also upheld corporate governance and compliance, oversaw succession planning, and engaged with stakeholders in a transparent manner.

Our Shariah Committee oversaw Islamic banking operations, ensuring full compliance with Shariah principles guided by Bank Negara Malaysia's (BNM) regulations and supported by robust risk management and audit functions. This commitment to ethical Islamic finance underpins our service to all Malaysians.

Through the Board's responsible execution of its duties and the Shariah Committee's oversight, we foster a culture of trust, integrity, and accountability, ensuring the long-term sustainability of BSN for all stakeholders.

## FUTURE OUTLOOK:
## EMBRACING OPPORTUNITIES, OVERCOMING CHALLENGES

The Malaysian banking sector is evolving rapidly as are the needs of our customers. Having served the Malaysian public for 50 years, making available banking services across the nation, especially in unserved and underserved communities, BSN looks to the future with increased determination and resolve. Our goal is to remain at the forefront, leveraging technology and innovative solutions to build a sustainable banking ecosystem that serves all.

We will continue to promote financial inclusion through social finance initiatives, reaching underserved communities with ethical and impactful financial solutions. In addition, BSN is cultivating a strong culture of sustainability throughout the organisation, empowering our employees to champion sustainable practices while working towards a carbon-neutrality. This aligns our internal operations and business practices with global climate goals.

BSN is also continuously enhancing its digital capabilities and driving innovation to meet the evolving needs and expectations of our customers. We are focused on improving operational efficiency and managing costs to ensure long-term sustainability. Our aim is to strengthen our resilience, navigate future uncertainties, and maintain our commitment to progress.

## PENGHARGAAN

Saya amat berbesar hati atas pelantikan sebagai Pengerusi BSN pada tahun 2024. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli Lembaga Pengarah atas komitmen, panduan dan khidmat cemerlang mereka kepada Bank.

Saya juga berterima kasih kepada Puan Suraya Hassan, Prof. Madya Dr. Kamaruzaman Noordin dan Encik Mohd Hassan Ahmad yang sama-sama menyertai saya di barisan Lembaga Pengarah BSN. Saya percaya mereka membawa ilmu dan pengalaman yang amat berharga untuk meletakkan BSN di landasan yang kukuh bagi mencapai matlamat strategiknya.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada para pelanggan atas kepercayaan dan kesetiaan berterusan. Maklum balas anda adalah tidak ternilai dalam usaha kami untuk terus menambah baik mutu dan kualiti perkhidmatan demi memenuhi pelbagai keperluan anda. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada pasukan pengurusan dan semua warga BSN yang berdedikasi. Komitmen jitu dan perkhidmatan cemerlang anda menjadi asas kepada kejayaan Bank. Penghargaan ikhlas turut ditujukan kepada pihak-pihak berkepentingan dan kawal selia. Sokongan dan bimbingan berterusan anda adalah penting dalam perjalanan perniagaan kami.

Melangkah kehadapan, kami kekal teguh dengan mandat yang diberikan untuk terus menggalas mandat menggalakkan amalan menyimpan dan memperkasa rangkuman kewangan rakyat Malaysia dengan produk dan perkhidmatan kewangan berinovatif.

Dr. Syed Adam has an extensive background in Islamic finance, having previously served as the Honorary Secretary and a Grand Council Member of the Chartered Institute of Islamic Finance (CIIF). He is currently the Co-Chairperson of the Islamic Finance Committee of Bar Council Malaysia.

# PENGURUSAN
# MANAGEMENT

**Jay Khairil Jeremy Abdullah**
Ketua Eksekutif
Chief Executive

**Mujibburrahman Abd Rashid**
Ketua Pegawai Perniagaan
Chief Business Officer

**Zarir Mohd Rawi**
Ketua Pegawai Operasi
Chief Operating Officer

**Norhafizah Md Shariff**
Ketua Pegawai Kewangan
Chief Financial Officer

**Izham Ab Wahab**
Ketua Pegawai Modal Insan
Chief Human Capital Officer

**Ummul Shirin Mohamed Thalha**
Ketua Undang-Undang & Sekretariat Korporat
Head, Legal & Corporate Secretariat

**Azlan Abu Bakar**
Ketua Pegawai Kredit
Chief Credit Officer

**Asaraf Aboo Bakar**
Ketua Perbendaharaan & Pelaburan
Head, Treasury & Investment

**Ahmad Khairi Shamsuddin**
Ketua Kewangan
Head, Finance

**Albert Loo Choon Kiat**
Ketua Perniagaan Kad & Merchant
Head, Cards & Merchant Business

**Andrea Lim Zui Ling**
Ketua Pegawai Risiko
Chief Risk Officer

**Suzaini Mukhtar**
Ketua Deposit, Pembayaran & Rangkuman Kewangan
Head, Deposit, Payment & Financial Inclusion

**Sr Rosman Ramlan**
Ketua Perkhidmatan Am & Keselamatan Dalaman
Head, General Services & Internal Security

**Aizurra Mellissa Mohamed Muzammil**
Ketua Komunikasi Strategik
Head, Strategic Communications

**Haris Yaakob Abdullah**
Ketua Perancangan Korporat & Perolehan Strategik
Head, Corporate Planning & Strategic Sourcing

**Roodi Mohd Rashid**
Ketua Juruaudit Dalaman
Chief Internal Auditor

# PENGURUSAN
## MANAGEMENT

**Misah Meon**
Ketua Pemulihan Kredit
Head, Credit Recovery

**Norainah Mohmad Zakuan**
Ketua Perbankan Runcit
Head, Retail Banking

**Azrul Farique Mustafa**
Ketua Perbankan Digital
Head, Digital Banking

**Darween Naidu A/L Doraisingam**
Ketua Transformasi & Kelestarian
Head, Transformation & Sustainability

**Lee Li Foon**
Ketua Pegawai Maklumat
Chief Information Officer

**Mohd Khairil Mohd Nor**
Naib Presiden, Pejabat Ketua Eksekutif
Vice President, Chief Executive Officer

**Arida Ariffin**
Ketua Customer Experience
Head, Customer Experience

**Mohd Fuad Jamel**
Ketua Penyelidikan & Pembangunan Produk
Head, Product Research & Development

**Phamani A/P Rankersamy**
Ketua Pengurusan Data
Head, Data Management

**Anuar Elias**
Ketua Perbankan Islam
Head, Islamic Banking

**Norliza Adenan**
Ketua Pegawai Integriti & Governans
Chief Integrity & Governance officer

**Noreidayu Harun**
Ketua Pengurusan Cawangan
Head, Branch Management

**Sujit Guha Thakurta**
Pemangku, Ketua Pegawai Pematuhan
Acting, Chief Compliance Officer

# MENGINOVASI PENGALAMAN DIGITAL

# INNOVATING DIGITAL EXPERIENCES

Pada 2024, BSN telah menggiatkan usaha transformasi digitalnya dengan pengenalan platfom-platform perbankan mudah alih dan dalam talian. Dengan menguna pakai chatbot yang dikuasakan AI, para pelanggan kini boleh menikmati perkhidmatan yang lebih pantas dan peribadi. BSN juga telah melancarkan beberapa ciri-ciri baharu seperti transaksi berasaskan QR, pengenalan secara digital untuk akaun-akaun baharu, serta langkah-langkah keselamatan canggih bagi melindungi data pengguna. Inovasi-inovasi ini menunjukkan komitmen kami dalam menyediakan penyelesaian perbankan yang mudah, selamat, dan boleh diakses untuk semua rakyat Malaysia.

In 2024, BSN accelerated its digital transformation journey, introducing enhanced mobile and online banking platforms. With the adoption of AI-powered chatbots, customers now experience faster and more personalised support. Additionally, BSN launched new features such as seamless QR-based transactions, digital onboarding for new accounts, and advanced security measures to protect user data. These innovations demonstrate our commitment to providing convenient, secure, and accessible banking solutions for all Malaysians.

# TINJAUAN STRATEGIK
# STRATEGIC OUTLOOK

## LANDSKAP EKONOMI PADA 2024

**Ekonomi global menyederhana tetapi kekal berdaya tahan**. Ekonomi global kekal stabil dengan pertumbuhan sebanyak 3.2% pada tahun 2024 (2023: 3.3%) meskipun terdapat kebimbangan awal terhadap kelembapan pertumbuhan akibat pengetatan dasar monetari dan kadar faedah yang tinggi. Aktiviti ekonomi disokong oleh pasaran buruh yang mampan, penurunan kadar inflasi, serta pelarasan dasar monetari. Perdagangan global turut mencatat pemulihan, didorong oleh permintaan yang semakin kukuh khususnya daripada peningkatan kitaran teknologi dan pertumbuhan sektor pelancongan. Namun begitu, cabaran global masih berterusan termasuk konflik di Timur Tengah dan ketidaktentuan pasaran kewangan yang didorong oleh jangkaan kadar faedah AS yang berubah-ubah, ketidaktentuan ekonomi China, serta ketegangan geopolitik yang berlarutan.

**Pemulihan ekonomi Malaysia pada 2024**. Walaupun berdepan dengan persekitaran makroekonomi global yang mencabar, ekonomi Malaysia mencatat pemulihan yang memberangsangkan sebanyak 5.1% pada 2024, berbanding 3.6% pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini dipacu oleh permintaan domestik yang mantap, pelaksanaan pelaburan yang kukuh, serta peningkatan dalam permintaan luar. Di sebalik ketidaktentuan global, keyakinan pelabur terhadap prospek ekonomi Malaysia terus meningkat. Aliran masuk pelaburan asing menyumbang kepada peningkatan permintaan terhadap ringgit, sekali gus melonjakkan nilai ringgit sebanyak 2.73% kepada RM4.47 berbanding dolar AS pada akhir tahun. Pasaran buruh kekal berdaya tahan, dengan pertumbuhan pekerjaan sebanyak 2.6% tahun-ke-tahun, manakala kadar pengangguran menurun pada paras yang lebih rendah iaitu 3.2% berbanding paras sebelum pandemik. Keseluruhan sektor utama ekonomi menunjukkan pertumbuhan memberangsangkan iaitu perkhidmatan sebanyak 5.4%, pembuatan 4.2%, pertanian 3.1%, dan pembinaan 17.5%.

## ECONOMIC LANDSCAPE IN 2024

**Global economy moderating but remains resilient**. The global economy remained steady at 3.2% in 2024 (2023: 3.3%), despite initial concerns over a slowdown due to previous monetary policy tightening and prolonged high interest rates. Economic activity was supported by a resilient labour market, easing inflation, and monetary policy adjustments. Meanwhile, global trade rebounded with stronger demand, boosted by the technology upcycle and tourism growth. However, challenges such as Middle East conflicts and financial market volatility persisted, driven by shifting US rate expectations, China's economic uncertainties, and geopolitical tensions.

**Malaysia's economic rebound in 2024**. Despite challenges in the global macroeconomic environment, Malaysia's economy registered a robust rebound of 5.1% in 2024, from 3.6% in 2023. This growth was driven by stronger domestic demand, solid investment realisation and an uptick in external demand. As global uncertainties receded and investor confidence on Malaysia's prospects grew, the ringgit ended the year stronger, appreciating over 2.73% to RM4.47 against the US dollar by the end of the year. The job market remains in good shape, as reflected in continuous growth in employment by 2.6% year-on-year, with the unemployment rate declining to 3.2%, lower than the pre-pandemic levels. Overall, the services, manufacturing, agriculture and construction sectors all experienced growth, expanding by 5.4%, 4.2%, 3.1% and 17.5% respectively.

**Sektor perbankan mengekalkan kualiti aset yang mantap pada 2024**. Pertumbuhan pinjaman industri perbankan kekal stabil pada kadar 5.5% pada Disember 2024, disokong oleh pertumbuhan pinjaman isi rumah dan bukan isi rumah. Pinjaman perumahan kediaman (6.9%) dan pinjaman kenderaan penumpang (8.5%) menjadi penyumbang utama, merangkumi 80% daripada jumlah keseluruhan pinjaman isi rumah. Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar (GIL) industri bertambah baik dan mencatatkan paras terendah dalam sejarah iaitu 1.44% pada Disember. Hal ini mencerminkan peningkatan dalam kebolehbayaran balik pinjaman, pengurusan portfolio pinjaman yang berhemat serta amalan pengurusan risiko yang efektif. Peningkatan ini disokong oleh keadaan pasaran pekerjaan yang berdaya tahan dan pertumbuhan ekonomi yang berterusan.

**OPR kekal stabil seiring inflasi yang sederhana**. Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.00% sepanjang tahun 2024, selaras dengan jangkaan pasaran dan pendirian dasar monetari yang neutral bagi menyokong pertumbuhan ekonomi. Kadar inflasi keseluruhan dan teras masing-masing mencatat purata 1.8% sepanjang tahun, dipacu oleh penurunan tekanan kos global serta ketiadaan tekanan permintaan domestik yang berlebihan.

**Pasaran hartanah terus mencatat pertumbuhan**, disokong oleh keadaan ekonomi yang stabil dan inisiatif bersasar kerajaan. Berdasarkan data aktiviti pasaran hartanah oleh NAPIC, sejumlah 420,545 transaksi hartanah dengan nilai keseluruhan RM232.30 bilion telah direkodkan pada tahun 2024. Hal ini menunjukkan peningkatan sebanyak 5.4% dalam bilangan transaksi dan 18.0% dalam nilai transaksi, menjadikannya aktiviti pasaran tertinggi di Malaysia dekad ini. Bagi segmen hartanah kediaman, sebanyak 260,516 transaksi bernilai RM106.92 bilion telah direkodkan, iaitu peningkatan sebanyak 4.0% dalam bilangan transaksi dan 5.9% dalam nilai transaksi berbanding tahun sebelumnya.

**Banking sector upheld strong asset quality in 2024**. Industry loan growth remained robust at 5.5% in December 2024, supported by growth in both household and non-household loans. Residential mortgages (6.9%) and passenger cars (8.5%) were the main contributors, making up 80% of total household lending. The industry's Gross Impaired Loan (GIL) ratio improved to a historical low of 1.44% in December, indicating better borrower creditworthiness, a well-managed loan portfolio and effective risk management, thanks to the resilient employment conditions and sustained economic growth.

**Stable OPR as inflation remains moderate**. Bank Negara Malaysia (BNM) maintained the Overnight Policy Rate (OPR) at 3.00% throughout 2024, aligning with market expectations and a neutral stance to support the economy. Both headline and core inflation averaged 1.8% in 2024, supported by easing global cost pressures and the absence of excessive domestic demand.

**Property market sees continued growth**, supported by stable economic conditions and targeted government initiatives. According to NAPIC's property market activity, 420,545 of total property transactions worth RM232.30 billion were recorded in 2024. This represents a 5.4% and 18.0% in volume and value of transactions, showing the highest market activities in Malaysia over the past decade. The residential property saw 260,516 transactions worth RM106.92 billion recorded in 2024, increasing by 4.0% in volume and 5.9% in value.

# TINJAUAN STRATEGIK
# STRATEGIC OUTLOOK

**Walaupun berdepan dengan ketidaktentuan global, ekonomi dunia dan Malaysia telah menunjukkan daya tahan yang kukuh sepanjang tahun 2024. Ekonomi Malaysia mencatat pemulihan yang ketara, dipacu oleh permintaan domestik yang tinggi, peningkatan dalam realisasi pelaburan, dan sektor perbankan yang mantap.**

**Despite global uncertainties, both the global and Malaysian economies demonstrated resilience in 2024. Malaysia's economy rebounded significantly, driven by robust domestic demand, improved investment realisation, and a strong banking sector.**

KDNK Global **3.2%** pada 2024 (2023: 3.3%)
Global GDP 3.2% in 2024 (2023: 3.3%)

KDNK Malaysia **5.1%** pada 2024 (2023: 3.6%)
Malaysia GDP 5.1% in 2024 (2023: 3.6%)

Dari sudut permintaan, jumlah permohonan pinjaman untuk pembelian hartanah kediaman meningkat sebanyak 2.4% tahun-ke-tahun pada 2024, manakala jumlah pinjaman yang diluluskan meningkat sebanyak 3.5%. Pertumbuhan ini didorong oleh pelaksanaan pelbagai inisiatif dan usaha Kerajaan dalam merangsang ekonomi negara serta menyokong pengembangan pasaran hartanah di seluruh negara menerusi Kerangka Ekonomi MADANI.

**Industri automotif Malaysia mencatat rekod baharu pada 2024** dengan peningkatan dalam jumlah volum industri (TIV) sebanyak 2.1% kepada 816,747 unit, mengatasi rekod terdahulu sebanyak 799,821 unit pada tahun 2023. Pertumbuhan ini didorong oleh permintaan domestik yang kukuh serta ekonomi yang berdaya tahan, di samping beberapa faktor utama. Tunggakan tempahan yang tinggi, terutamanya dalam segmen A, telah menyumbang prestasi jenama nasional kepada 62% daripada keseluruhan TIV. Selain itu, kejayaan pelancaran model-model baharu yang dilengkapi dengan teknologi canggih turut menarik minat pembeli. Pada masa sama, jualan Kenderaan Elektrik Bateri (BEV) melonjak sebanyak 45%, dipacu oleh insentif cukai serta pengenalan pelbagai model BEV baharu ke dalam pasaran.

## TINJAUAN 2025

**Pertumbuhan global kekal mapan di sebalik ketidaktentuan persekitaran luar**. BNM menjangkakan bahawa pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global antara 2.8% hingga 3.3% pada tahun 2025, disokong oleh keadaan pasaran buruh yang memberangsangkan, inflasi yang semakin reda, serta pelonggaran dasar monetari yang berterusan di kebanyakan ekonomi utama dunia. Faktor-faktor ini dijangka dapat mengimbangi tekanan berterusan akibat ketidaktentuan dasar, termasuk pelaksanaan berkaitan tarif di ekonomi utama dan ketegangan geopolitik yang berterusan.

On the demand side, the total loans applied for the purchase of residential property slightly increased by 0.3% year on year, while approved loans increased by 12.2%. The growth is highly supported by the implementation of various government efforts and initiatives to drive Malaysia's economy and simultaneously stimulate the expansion of the property market nationwide through the MADANI Economy Framework.

**Malaysia's automotive industry hits a record in 2024** with a total industry volume (TIV) growth of 2.1%, reaching 816,747 units, surpassing the previous record of 799,821 units in 2023. This growth was fuelled by strong domestic demand and a resilient economy, alongside several factors. High backlog orders, particularly in the A-segment, boosted the national brands to 62% of TIV. Additionally, successful new model launches featuring advanced technologies attracted buyers, while the surge in Battery Electric Vehicle (BEV) sales, driven by tax incentives and new model introductions led to a remarkable 45% increase in BEV sales for the year.

## OUTLOOK FOR 2025

**Global growth broadly sustained despite external uncertainties**. BNM projected the global Gross Domestic Product (GDP) growth to range between 2.8% and 3.3% in 2025, with economic activity expected to be sustained by favourable labour market conditions, moderating inflation, and continued monetary policy easing in most major economies. These factors are anticipated to offset persistent headwinds stemming from policy uncertainties, including tariff-related measures in key economies and evolving geopolitical tensions.

**Ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang** antara 4.5% hingga 5.5%, meskipun berhadapan dengan persekitaran luar yang mencabar. Pertumbuhan ini disokong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan, langkah-langkah dasar peningkatan pendapatan isi rumah, pelaksanaan projek pelaburan berimpak tinggi yang telah diluluskan, serta permintaan berterusan terhadap eksport utama negara iaitu produk elektrik dan elektronik (E&E). Penggunaan swasta dijangka kekal kukuh pada kadar 5.6%, didorong oleh pemulihan berterusan dalam pasaran buruh dan peningkatan prospek pendapatan.

**Pinjaman pengguna dan runcit dijangka menyokong pertumbuhan sektor perbankan**. Sektor perbankan Malaysia, yang menjadi penanda aras utama ekonomi, dijangka kekal kukuh pada tahun 2025, dengan unjuran pertumbuhan pinjaman antara 5.0% hingga 6.0%, di sebalik ketidaktentuan global yang terus meningkat. Walaupun rasionalisasi subsidi, tekanan luaran, dan ketegangan geopolitik berpotensi melemahkan sentimen pengguna dan perniagaan, pertumbuhan pendapatan isi rumah yang lebih tinggi dipacu oleh peningkatan gaji sektor awam dan kenaikan gaji minimum dijangka akan menyokong pertumbuhan pinjaman pengguna. Sementara itu, pendapatan berasaskan yuran dijangka meningkat hasil peningkatan perbelanjaan kad kredit dan peningkatan yuran berkaitan pinjaman. Meskipun margin yang lebih tinggi dijangka daripada pinjaman perniagaan, pinjaman runcit dijangka kekal menjadi pemacu utama pertumbuhan pendapatan faedah bagi sektor perbankan.

**Tahap OPR semasa selaras dengan pendekatan dasar monetari yang menyokong pertumbuhan**. Bank Negara Malaysia (BNM) dijangka mengekalkan kadar dasar pada paras semasa 3.00% sepanjang tahun 2025, disokong oleh pertumbuhan ekonomi yang mampan dan tekanan inflasi yang terkawal. Disamping itu, margin faedah bersih (NIM) bank dijangka kekal stabil dalam persekitaran OPR semasa, sekaligus mengukuhkan daya tahan sektor perbankan dalam menghadapi cabaran akan datang.

**Malaysia's economy is expected to strengthen in 2025** by 4.5% to 5.5%, despite challenges in the external environment, underpinned by resilient domestic demand, income-enhancing policy measures, high realisation of approved investment projects and continuous external demand for the key export of electrical and electronic (E&E) products. Private consumption is expected to remain resilient at 5.6%, supported by continued improvement in labour market and income prospects growth.

**Consumer and retail loans are expected to bolster the banking industry**. Malaysian banking sector, a key indicator of economic health, is expected to remain resilient this year, with loan growth projected between 5.0% and 6.0%, despite heightened global uncertainties. While subsidy rationalisation, elevated global headwinds and geopolitical tensions may dampen consumer and business sentiments, higher average household incomes driven by civil service salary hikes and minimum wage increases are expected to support consumer loans. Meanwhile, fee-based income could benefit from robust credit card spending and increased loan-related fees. Notwithstanding higher margins from business loans, analysts anticipate retail loans will remain the primary driver of interest income growth.

**Current OPR level aligns with a supportive monetary policy stance**. Bank Negara Malaysia (BNM) is anticipated to maintain the policy rate at the current level of 3.00% for the rest of the year, supported by sustained economic growth and contained inflation. Furthermore, banks' net interest margin (NIM) will remain stable in the current OPR environment, ensuring a resilient banking sector moving forward.

# TINJAUAN STRATEGIK
# STRATEGIC OUTLOOK

## BSN PADA 2025: MEMPERKUKUHKAN PERTUMBUHAN DAN DAYA TAHAN

Pada 2025, BSN akan memacu pertumbuhan mampan dengan memanfaatkan strategi dwi-transformasinya yang tertumpu kepada usaha pendigitalan dan kebingkasan operasi. Dengan pendekatan ini, BSN mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju dalam inovasi kewangan di samping memelihara kestabilan jangka panjang, justeru memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan dan negara.

Ke arah mencapai matlamat ini, pengemaskinian operasi menerusi usaha pendigitalan dan automasi berkemajuan akan dijalankan, disokong oleh teknologi terkini. Bank akan meningkatkan pengalaman pelanggan dengan memanfaatkan teknologi AI bagi mengoptimumkan titik sentuh demi kelancaran interaksi selain menjenama semula cawangan-cawangannya menerusi satu model baharu pengoperasian sasaran, termasuk Perbankan Kiosk. Usaha mencapai kecemerlangan operasi ini akan tertumpu kepada peningkatan kecekapan proses, peningkatan penyampaian perkhidmatan, serta perluasan keupayaan digital agar operasi kalis terhadap cabaran masa hadapan. Sementara itu, usaha pemodenan teknologi juga sedang dijalankan bagi menyokong pertumbuhan perniagaan dan memastikan kemantapan infrastruktur digital.

Sehubungan itu, BSN akan mempercepatkan pertumbuhan aset, liabiliti, dan pendapatan berasaskan yuran bagi mengekalkan kelebihan daya saingnya. Ini akan didorong oleh inovasi produk, perluasan penyelesaian kewangan, pelaksanaan kempen taktikal, dan pembinaan kerjasama strategik. Menerusi inisiatif-inisiatif ini, BSN berhasrat mempelbagaikan aliran perolehan dan memastikan kemampanan prestasi kewangannya.

Selain pertumbuhan kewangan, BSN akan memanfaatkan kempen-kempen bersasar yang dipacu data bagi memperhalusi tawaran-tawaran produknya, diselaraskan dengan keperluan pasaran yang semakin berkembang. Menerusi penggunaan analisis canggih dan cerapan pelanggan, bank berhasrat menyediakan penyelesaian-penyelesaian khusus bagi meningkatkan penglibatan pelanggan serta keuntungan.

## BSN IN 2025: STRENGTHENING GROWTH AND RESILIENCE

In 2025, BSN will propel sustainable growth by leveraging its dual transformation strategy, focusing on both digitalisation and operational resilience. This approach positions BSN at the forefront of financial innovation while safeguarding long-term stability, enabling the bank to better serve its customers and the nation.

To achieve this, BSN is committed to streamlining operations through advanced digitalisation and automation, underpinned by up-to-date technology. The bank will enhance customer experience by leveraging AI to optimise touchpoints for seamless interactions and reimagining branches through a new target operating model, including Kiosk Banking. Efforts to achieve operational excellence will focus on improving process efficiency, enhancing service delivery, and expanding digital capabilities to future-proof operations. At the same time, BSN is modernising its technology stack to support business growth and ensure a robust digital infrastructure.

Building on this foundation, BSN will focus on accelerating growth in assets, liabilities, and fee-based income to maintain a competitive edge. This will be driven by product innovation, expanding financial solutions, executing tactical campaigns, and fostering strategic collaborations. Through these initiatives, BSN aims to diversify revenue streams and ensure sustained financial performance.

In addition to financial growth, BSN will leverage on targeted, data-driven campaigns to refine product offerings and align them with evolving market needs. By utilising advanced analytics and customer insights, the bank aims to deliver personalised solutions that enhance customer engagement and profitability.

Selari dengan mandatnya, BSN juga akan mengembangkan tawaran pembiayaan mikro menerusi pengukuhan kerjasama FinTech dan pembekal digital. Bank akan memacu pendidikan kewangan menerusi platfom-platfom digital, kerjasama dengan institusi-institusi pendidikan, serta kempen-kempen di seluruh negara. Produk-produk yang dimandatkan juga akan diperhalusi menerusi analisis 'big data' bagi memenuhi keperluan segmen pelanggan yang pelbagai.

Bagi memacu inisiatif-inisiatif ini, BSN akan meningkatkan ketangkasan dan keberkesanan tenaga kerjanya bagi memenuhi permintaan industri di masa hadapan. Bank akan menyusun tenaga kerjanya berdasarkan peranan, kemahiran, dan fungsi, menggunapakai pendekatan yang diperkemaskan dan disokong oleh rangka kerja berasaskan kecekapan, sejajar dengan Rangka Kerja Kemahiran Masa Hadapan (FSF). Laluan pembelajaran khusus dan platform digital akan memacu pembangunan kemahiran, manakala penglibatan dan inisiatif latihan bersasar akan menerapkan nilai budaya yang diingini, justeru membentuk organisasi yang mampan dan tangkas.

Usaha transformasi ini akan dilengkapkan dengan pengukuhan rangka kerja pengurusan risiko dan pematuhan BSN bagi memastikan piawaian perkhidmatan yang unggul. Dengan gabungan teknologi berkemajuan dan pemupukan budaya kesedaran risiko, bank dapat memastikan perjalanan operasi yang selamat, berkepatuhan, dan selaras dengan piawaian tadbir urus tertinggi.

Dalam menjalankan usaha transformasi komprehensif ini, BSN terus komited terhadap pembangunan inovasi, pertumbuhan, dan penciptaan nilai jangka panjang untuk pihak berkepentingan. Akses perbankan penuh akan terus disalurkan kepada semua rakyat Malaysia, justeru memastikan peluang sama rata dan perkhidmatan unggul dalam landskap kewangan yang semakin berkembang pada 2025.

Aligned with its mandate, BSN will also expand microfinance offerings by strengthening partnerships with FinTech and digital providers. The bank will scale up financial education through digital platforms, collaborations with educational institutions, and nationwide campaigns. Furthermore, BSN will refine its mandated products using data analytics to better serve the diverse needs of its customer segments.

To support these initiatives, BSN is committed to fostering workforce agility and effectiveness to meet future industry demands. The bank will segment its workforce by roles, skills, and functions, adopting a streamlined approach supported by a competency-based framework aligned with the Future Skills Framework (FSF). Personalised learning pathways and digital platforms will drive skill development, while targeted engagement and training initiatives will embed desired cultural values, fostering a sustainable, agile organisation.

Complementing these transformation efforts, BSN will strengthen its risk management and compliance framework to uphold high service standards and resilience. By integrating advanced technologies and nurturing a risk-aware culture, the bank will ensure secure, compliant operations that are consistently aligned with the highest standards of governance.

As BSN embarks on this comprehensive transformation journey, it remains steadfast in its commitment to innovation, growth, and long-term value creation for stakeholders. The bank will continue to provide comprehensive banking access to all Malaysians, ensuring equal opportunities and superior service amidst the evolving financial landscape of 2025.

# TINJAUAN STRATEGIK
## STRATEGIC OUTLOOK

**Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global dijankakan antara 2.8% hingga 3.3% pada tahun 2025, disokong oleh keadaan pasaran buruh yang memberangsangkan, inflasi yang semakin reda, serta pelonggaran dasar monetari yang berterusan di kebanyakan ekonomi utama dunia.**

**Global GDP growth to range between 2.8% and 3.3% in 2025, with economic activity expected to be sustained by favourable labour market conditions, moderating inflation and continued monetary policy easing in most major economies.**

Inflasi keseluruhan dijangka mencapai purata antara

**2.0%** hingga **3.5%**

tahun-ke-tahun pada 2025

Overall inflation expected to average between 2.0% and 3.5% YoY in 2025

Inflasi teras dijangka mencapai purata antara

**1.5%** hingga **2.5%**

tahun-ke-tahun

Core inflation expected to average between 1.5% and 2.5% YoY

**Inflasi dijangka kekal terkawal di sebalik pembaharuan dasar**. Inflasi keseluruhan dan inflasi teras masing-masing dijangka mencapai purata antara 2.0% hingga 3.5% dan 1.5% hingga 2.5% tahun-ke-tahun pada 2025. Unjuran ini mengambilkira kesan daripada langkah-langkah dasar domestik serta perubahan dalam kos luaran. Langkah-langkah dasar domestik yang diumumkan dalam Belanjawan 2025 termasuk penstrukturan semula subsidi RON95, kenaikan gaji minimum, pelarasan tarif elektrik, serta perluasan skop Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) bertujuan meningkatkan hasil Kerajaan dan mengurangkan defisit fiskal. Walaupun langkah ini akan turut meningkatkan tekanan inflasi, namun ia dijangka terkawal sekiranya dilaksanakan secara berperingkat dan bersasar. Sebagai langkah untuk menangani risiko inflasi, bantuan tunai bersasar seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) akan terus disalurkan, disokong oleh perbelanjaan isi rumah yang kukuh serta pasaran buruh yang stabil.

**Pasaran buruh yang sihat**. Kadar pengangguran dijangka terus menurun kepada 3.1%, iaitu lebih rendah daripada purata jangka panjang. Pertumbuhan pendapatan pula akan disokong oleh penggunaan buruh yang lebih tinggi serta langkah-langkah dasar seperti semakan semula gaji minimum dan peningkatan gaji penjawat awam, yang dijangka meningkatkan perbelanjaan isi rumah. Melangkah ke hadapan, permintaan terhadap tenaga buruh dijangka kekal positif ekoran peningkatan kekosongan jawatan dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan, didorong oleh pertumbuhan ekonomi domestik yang stabil. Namun begitu, sektor pembuatan masih terdedah kepada ketidaktentuan perdagangan global, yang boleh menjejaskan peluang pekerjaan dalam sektor teknologi dan industri berorientasikan eksport.

**Inflation to remain manageable despite policy reforms**. Overall and core inflation are expected to average between 2.0% and 3.5% and 1.5% and 2.5% year on year, respectively, in 2025, reflecting potential upside from domestic policy measures and shifts in external cost conditions. The domestic policy measures announced in Budget 2025, such as RON95 subsidy removals, minimum wage hikes, electricity tariff increases, and an expanded Sales and Service Tax (SST) scope, are aimed at boosting government revenue and narrowing the fiscal deficit. However, these measures also exert upward pressure on inflation. Nonetheless, inflation is expected to remain manageable as the government implements these changes gradually and in a targeted manner. Additionally, targeted cash handouts under Sumbangan Tunai Rahmah (STR) and Sumbangan Asas Rahmah (SARA), along with robust household spending and a resilient labour market are expected to help mitigate inflationary risks.

**Healthy labour market**. The unemployment rate is expected to trend lower to 3.1%, below its long-term average. Income growth will be supported by higher labour utilisation and policy measures, including the upward revision of the minimum wage and civil servant salaries, which will drive household spending. Looking ahead, labour demand is expected to remain positive, with increased job vacancies in the construction and services sectors, supported by steady domestic economic growth. The manufacturing sector, however, remains vulnerable to global trade fluctuations, which could impact employment in the technology sector and other trade-oriented industries.

**Pasaran hartanah dijangka mengekalkan trajektori pertumbuhannya**, dipacu oleh aktiviti urusniaga yang stabil dan tumpuan pembelian yang positif. Pelaksanaan kerangka Ekonomi MADANI serta inisiatif strategik seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Rancangan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dijangka menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia dan merangsang pertumbuhan pasaran hartanah. Inisiatif yang digariskan dalam Belanjawan 2025 seperti Skim Jaminan Kredit Perumahan, peruntukan bagi projek Residensi Rakyat (PRR) dan Rumah Mesra Rakyat, serta pelepasan cukai ke atas bayaran faedah pinjaman perumahan akan membantu meringankan beban kos pemilikan rumah, menarik minat dalam kalangan pembeli rumah pertama dan menyokong pemilikan rumah bagi isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana. Selain itu, penurunan kadar hartanah tidak terjual akan turut membantu mengimbangkan penawaran hartanah dan mengekalkan sentimen pembelian.

**Sektor automotif dijangka mencatat penyusutan TIV pada 2025**, dengan penurunan sebanyak 4.5% kepada 780,000 unit menurut unjuran Persatuan Automotif Malaysia (MAA). Tinjauan konservatif ini terhasil daripada normalisasi jualan kenderaan selepas beberapa tahun mencatatkan tunggakan pesanan yang tinggi. Selain itu, rasionalisasi subsidi petrol RON95 yang berkemungkinan dilaksanakan pada pertengahan 2025 dijangka memberi kesan ke atas jualan kenderaan enjin berkapasiti tinggi. Namun, dasar ini juga berpotensi menggalakkan pengguna untuk beralih kepada kenderaan elektrik (EV) dengan memanfaatkan pengecualian duti import dan eksais untuk EV CBU (*Completely Built-Up*) sebelum ia tamat pada penghujung tahun.

**Secara keseluruhannya**, walaupun berdepan dengan ketidaktentuan global, ekonomi dunia dan Malaysia telah menunjukkan daya tahan yang kukuh sepanjang tahun 2024. Ekonomi Malaysia mencatat pemulihan yang ketara, dipacu oleh permintaan domestik yang tinggi, peningkatan dalam realisasi pelaburan, dan sektor perbankan yang mantap. Industri utama termasuk hartanah dan automotif turut mencatat pertumbuhan positif, mencerminkan keyakinan pengguna yang berterusan serta inisiatif bersasar Kerajaan. Menuju tahun 2025, prospek ekonomi Malaysia kekal optimis, dengan unjuran pertumbuhan di antara 4.5% hingga 5.5%, disokong oleh permintaan domestik yang stabil, langkah dasar yang menyeluruh dan inflasi yang terkawal. Meskipun cabaran luaran masih berterusan, Malaysia berada dalam kedudukan yang kukuh untuk mengharungi ketidaktentuan global dan mengekalkan momentumnya pada tahun mendatang.

**The property market is expected to maintain its growth trajectory**, driven by sustained transaction activity with positive buying interest. The implementation of the Ekonomi MADANI framework, along with strategic initiatives such as the National Energy Transition Roadmap (NETR) and the New Industrial Master Plan 2030 (NIMP 2030), will boost Malaysia's economy and further stimulate the expansion of the property market. Initiatives envisaged in Budget 2025 such as the Housing Credit Guarantee Scheme, allocation for Residensi Rakyat (PRR) and Rumah Mesra Rakyat projects and tax relief on interest payments should alleviate the cost of ownership, spur interest among first-time home buyers and support homeownership among low-to-middle-income households. In addition, declining property overhang will keep the supply of property healthy and support buying sentiment on property.

**The automotive sector is expected to record softer TIV in 2025**, with the Malaysian Automotive Association (MAA) projecting a 4.5% decline to 780,000 units. The conservative outlook stems from the normalisation of vehicle sales after several years of high backlog. Additionally, the potential petrol RON95 subsidy rationalisation by mid-2025 could impact sales of higher engine capacity vehicles. However, this policy may encourage consumers towards electric vehicles (EVs), leveraging import and excise duty exemptions for Completely Built-Up (CBU) EVs before they expire at year-end.

**In conclusion**, despite global uncertainties, both the global and Malaysian economies demonstrated resilience in 2024. Malaysia's economy rebounded significantly, driven by robust domestic demand, improved investment realisation, and a strong banking sector. Key industries, including property and automotive, experienced notable growth, reflecting sustained consumer confidence and targeted government initiatives. Looking ahead, Malaysia's economic outlook for 2025 remains optimistic, with projected growth of 4.5% to 5.5%, underpinned by steady domestic demand, policy measures, and manageable inflation. While external uncertainties persist, Malaysia is well-positioned to navigate challenges and sustain its growth momentum in the coming year.

# LAPORAN AKTIVITI
# ACTIVITIES REPORT

## 1

### PELANCARAN HADIAH BAHARU BSN SSP 2024, 6 JANUARI 2024, IOI CITY MALL, PUTRAJAYA

### LAUNCHING OF NEW PRIZES FOR BSN SSP 2024, 6 JANUARY 2024, IOI CITY MALL, PUTRAJAYA

Majlis pelancaran hadiah baharu BSN SSP 2024 telah berlangsung pada 6 Januari 2024 di IOI City Mall, Putrajaya. Kempen BSN SSP ini telah melahirkan seramai 95 orang jutawan setakat Disember 2023. Beberapa kategori cabutan baharu diperkenalkan termasuklah Cabutan Ulang Tahun BSN ke-50 yang menawarkan hadiah sebuah kereta mewah Audi Q3 dan BMW iX1. Jumlah keseluruhan hadiah yang menanti para pemenang adalah sebanyak RM30 juta berbanding pada tahun 2023 iaitu sebanyak RM27 juta.

The launching ceremony of the new prize for BSN SSP 2024 was held on 6 January 2024 at IOI City Mall, Putrajaya. The BSN SSP campaign has produced 95 millionaires as of December 2023. New draw categories were introduced including BSN's 50th Anniversary Draw which offers Audi Q3 and BMW iX1 luxury cars as among the prizes. A total of RM30 million worth of prizes awaits the winners, surpassing the RM27 million worth of prizes offered in 2023.

## 2

### MAJLIS PELANCARAN DAN SIDANG MEDIA ASIHM 2024, 24 JANUARI 2024, AL - AMBER RESTAURANT, LEMBAGA GETAH MALAYSIA

### LAUNCHING CEREMONY AND PRESS CONFERENCE FOR ASIHM 2024, 24 JANUARY 2024, AL-AMBER RESTAURANT, LEMBAGA GETAH MALAYSIA

Majlis Pelancaran dan Sidang Media Program Anak Sarawak International Half Marathon 2024 (ASIHM 2024) telah berlangsung dan dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air. Penyertaan BSN sebagai salah satu rakan strategik dalam program ASIHM 2024 adalah bersempena dengan sambutan ulang tahunnya yang ke-50. Program ASIHM 2024 ini telah dianjurkan pada 3 Februari 2024 di sekitar Jalan Ampang, melibatkan hampir 7,000 peserta dari 30 buah negara.

The Launching Ceremony and Press Conference for the Anak Sarawak International Half Marathon 2024 (ASIHM 2024) was officiated by YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Deputy Prime Minister and Minister of Energy Transition & Water Transformation. BSN's involvement as one of the strategic partners for ASIHM 2024 is in conjunction with its 50th anniversary celebration. ASIHM 2024 was held on 3 February 2024 at Jalan Ampang, involving approximately 7,000 participants from 30 countries.

## 3

### *YOUTH EMPOWERMENT FAIR*, KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE (KLCC), 3-4 FEBRUARI 2024

### YOUTH EMPOWERMENT FAIR, KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE (KLCC), 3-4 FEBRUARY 2024

BSN telah menyertai program '*Youth Empowerment Fair*' yang telah berlangsung di KLCC. Program ini menyediakan ruang untuk sesi interaksi, bimbingan dan nasihat kepada para pelajar. Ini memberi peluang kepada mereka berhubung dengan organisasi/industri bagi mendapatkan peluang pekerjaan pada masa hadapan. YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II, turut meluangkan masa untuk singgah di reruai BSN dan beramah mesra bersama kakitangan.

BSN took part in the Youth Empowerment Fair held in KLCC. This programme offered interactive guidance and advice sessions for students, opening up avenues for them to connect with various organisations/industries for future work opportunities. YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Finance Minister II, visited BSN's booth and interacted with the staff.

## 4

### MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA BSN DAN TH TRAVEL & SERVICES SDN. BHD., 13 FEBRUARI 2024, WISMA BSN

### MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MoU) BETWEEN BSN AND TH TRAVEL & SERVICES SDN. BHD., 13 FEBRUARY 2024, WISMA BSN

BSN telah memeterai MoU bersama TH Travel & Services Sdn. Bhd. untuk kemudahan pembiayaan haji, umrah dan pelancongan mesra muslim. MoU ini telah ditandatangani oleh Encik Mujibburrahman Abd Rashid, Ketua Pegawai Perniagaan BSN bersama YM Tengku Badlishah Shukri Bin T. Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif, TH Travel & Services Sdn. Bhd.

BSN signed a MoU with TH Travel & Services Sdn. Bhd. for a financing facility for hajj, umrah, and muslim-friendly tourism. The MoU was signed by Mr Mujibburrahman Abd Rashid, Chief Business Officer of BSN and YM Tengku Badlishah Shukri Bin T. Ibrahim, Chief Executive Officer of TH Travel & Services Sdn. Bhd.

# LAPORAN AKTIVITI
## ACTIVITIES REPORT

### 5

**MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA BSN DAN MESINKIRA, 19 FEBRUARI 2024, WISMA BSN**

**MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MoU) BETWEEN BSN AND MESINKIRA, 19 FEBRUARY 2024, WISMA BSN**

BSN telah memeterai MoU bersama MESINKIRA bagi mendigitalkan perusahaan mikro seiring dengan keperluan pasaran pada masa kini. MoU ini ditandatangani oleh Encik Jay Khairil, Ketua Eksekutif BSN bersama Encik Syed Omar Almohdzar, Ketua Pegawai Eksekutif Mesinkira.

BSN signed an MoU with MESINKIRA for the digitalisation of micro enterprises in line with current market requirements. The MoU was signed by Mr Jay Khairil, BSN Chief Executive and Mr Syed Omar Almohdzar, Chief Executive Officer of Mesinkira.

### 6

**MAJLIS RINTIS PENUNAIAN SUMBANGAN TUNAI RAHMAH (STR) 2024 BAGI MASYARAKAT ORANG ASLI DI DAERAH BATANG PADANG, TAPAH, PERAK, 3 MAC 2024, KUALA WOH, TAPAH, PERAK**

**INAUGURAL SUMBANGAN TUNAI RAHMAH (STR) DISTRIBUTION CEREMONY 2024 FOR THE ORANG ASLI COMMUNITY OF BATANG PADANG DISTRICT, TAPAH, PERAK, 3 MARCH 2024, KUALA WOH, TAPAH, PERAK**

Majlis Rintis Penunaian STR 2024 telah berlangsung di Kuala Woh, Tapah, Perak Darul Ridzuan. Pelaksanaan program ini melibatkan kawasan pedalaman bagi masyarakat Orang Asli di Daerah Batang Padang. Majlis ini telah menerima kunjungan daripada YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II; Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Encik Jay Khairil, Ketua Eksekutif BSN. Cawangan Bank Bergerak (CBB) telah disediakan bagi memudahkan proses penunaian STR dan perkhidmatan perbankan untuk komuniti setempat.

The Inaugural Distribution Ceremony of STR 2024 was held in Kuala Woh, Tapah, Perak Darul Ridzuan. The programme involved the Indigenous Peoples community in Batang Padang District. The ceremony was graced by YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Finance Minister II; Datuk Johan Mahmood Merican, Chief Secretary of Treasury, and Mr. Jay Khairil, BSN Chief Executive. *Cawangan Bank Bergerak* (CBB) were deployed to facilitate the STR disbursement process and banking services for the local community.

## 7

### MAJLIS PELANCARAN BSN DUITNOW QR SOUNDBOX, 23 MAC 2024, BAZAR RAMADAN, JALAN KUCHING

### LAUNCHING CEREMONY OF BSN DUITNOW QR SOUNDBOX, 23 MARCH 2024, BAZAAR RAMADAN, JALAN KUCHING

BSN menjalinkan kerjasama dengan Tech Hunter Global Sdn. Bhd. (PayHunter) bagi melancar dan memperkenalkan BSN DuitNow QR Soundbox, terminal pembayaran digital yang menyelaraskan bayaran tanpa tunai untuk peniaga gerai bazar Ramadan. Pelancaran ini adalah sejajar dengan rancangan Geran Digital PMKS MADANI (GDPM) kerajaan untuk meningkatkan penyelesaian digital bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Penggunaan terminal ini adalah selaras dengan kejayaan program #TechMeToBazaar pada tahun lepas di Bazar Ramadan Taman Tun Dr. Ismail (TTDI) yang mana ia bukan sahaja mempamerkan komitmen BSN dan PayHunter dalam meningkatkan landskap perdagangan digital malah turut sama memperkasakan kebolehupayaan digital bagi PMKS. Program ini turut dihadiri oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

BSN partnered with Tech Hunter Global Sdn. Bhd. (PayHunter) for the launch and introduction of the BSN DuitNow QR Soundbox, a digital payment terminal that streamlines cashless payments for bazaar Ramadan hawkers. The launch was in conjunction with the government's *Geran Digital PMKS MADANI* (GDPM) plan to enhance digital solutions for micro, small, and medium-sized enterprises (MSMEs). The deployment of this terminal is on the heels of the success of last year's #TechMeToBazaar programme held at the Taman Tun Dr. Ismail (TTDI) Bazaar Ramadan which not only showcased BSN and PayHunter's commitment in improving the digital commerce landscape, but also in empowering the digital capabilities of MSMEs. The programme was also attended by Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

## 8

### LAWATAN MENTERI KEWANGAN II KE BAZAR RAMADAN TTDI, 30 MAC 2024, BAZAR RAMADAN TTDI

### FINANCE MINISTER II VISIT TO TTDI BAZAAR RAMADAN, 30 MARCH 2024, TTDI BAZAAR RAMADAN

YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II berkunjung ke Pasar Ramadan Taman Tun Dr. Ismail (TTDI) diiringi Encik Jay Khairil, Ketua Eksekutif BSN. Sebanyak 24 pasar Ramadan beroperasi di seluruh Kuala Lumpur bagi mempromosi BSN DuitNow QR Soundbox. Beliau turut berkesempatan mengagihkan juadah berbuka kepada komuniti di TTDI melalui program 'BSN Care Ikhlas Ramadan 2024'. Antara penerima juadah ini adalah petugas barisan hadapan di Balai Bomba dan Balai Polis TTDI, wakil Masjid At-Taqwa serta para pengunjung bazar.

YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Finance Minister II visited the Taman Tun Dr. Ismail (TTDI) Bazaar Ramadan accompanied by Mr. Jay Khairil, BSN Chief Executive. In total, 24 Ramadan bazaars were held across Kuala Lumpur to promote the BSN DuitNow QR Soundbox. He also distributed 'buka puasa' meals to the TTDI community as part of the 'BSN Care Ikhlas Ramadan 2024' programme. Among the recipients were the frontliners of the TTDI Fire Department and Police Station, representatives of Masjid At-Taqwa, and visitors of the bazaar.

# LAPORAN AKTIVITI
## ACTIVITIES REPORT

### 9

**MAJLIS BERBUKA PUASA GURU INSANI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BERSAMA ANAK-ANAK YATIM DENGAN KERJASAMA BSN - PELANCARAN EDUSAVE-I DAN WEARABLES, 3 APRIL 2024, EVERLY HOTEL, PUTRAJAYA**

**'BUKA PUASA' EVENT WITH *GURU INSANI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA* AND ORPHANS IN PARTNERSHIP WITH BSN – LAUNCH OF EDUSAVE-I AND WEARABLES, 3 APRIL 2024, EVERLY HOTEL, PUTRAJAYA**

BSN dengan kerjasama Guru Insani Kementerian Pendidikan Malaysia telah menganjurkan Majlis Berbuka Puasa bersama 100 orang anak-anak yatim dan asnaf daripada 4 buah sekolah sekitar Putrajaya. Majlis turut diserikan dengan kehadiran YB Wong Kah Woh, Timbalan Menteri Pendidikan dan Encik Jay Khairil, Ketua Eksekutif BSN. BSN juga telah melancarkan dua (2) produk iaitu BSN Edusave-i dan BSN Wearable. Inisiatif ini adalah antara langkah BSN untuk membolehkan para pelajar mempunyai simpanan masa hadapan serta cakna dengan pengurusan kewangan di samping memudahkan urusan harian menerusi pendigitalan peranti wearable.

BSN in partnership with *Guru Insani Kementerian Pendidikan Malaysia* organised a 'Buka Puasa' Event with 100 orphans and *asnaf* from 4 schools around Putrajaya. The event was graced by YB Wong Kah Woh, Deputy Minister of Education and Mr. Jay Khairil, BSN Chief Executive. BSN launched two (2) products namely BSN Edusave-i and BSN Wearable. This initiative enables students to have their own savings and become prudent in managing their finances apart from facilitating their daily transactions via the usage of digitalised wearables.

### 10

**PELANCARAN KEMPEN SOLAR PERALIHAN TENAGA UNTUK RAKYAT (SOLAR@PETRA) DAN PROGRAM SOLAR BOLEH!, 6 MEI 2024, AEON MALL, SHAH ALAM**

**LAUNCHING OF ENERGY TRANSITION CAMPAIGN FOR THE *RAKYAT* (SOLAR@PETRA) AND *SOLAR BOLEH!* PROGRAMME, 6 MAY 2024, AEON MALL, SHAH ALAM**

Majlis Pelancaran Inisiatif Solar Peralihan Tenaga untuk Rakyat (Solar@PETRA) dan Program Solar BOLEH! telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air. Turut hadir dalam majlis ini adalah Encik Jay Khairil, Ketua Eksekutif BSN serta rakan-rakan strategik yang lain. Pelancaran kempen ini dirangka khusus untuk memperkenalkan pembiayaan BSN MyRinggit-i Panel Solar selain meluaskan akses kepada rakyat bagi skim pemasangan solar di premis kediaman.

The Launching Ceremony of the Energy Transition Campaign for the *Rakyat* (Solar@PETRA) and *Solar BOLEH!* Programme was officiated by YAB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, Deputy Prime Minister and Minister of Energy Transition & Water Transformation. Also in attendance was Mr. Jay Khairil, BSN Chief Executive and other strategic partners. This campaign was launched specifically to introduce the BSN MyRinggit-i Panel Solar financing and to broaden access to the solar installation scheme for residential premises.

## 11

**_GET SET_, GOOO! _SUPERMARKET SWEEP_, 10 MEI 2024, AEON MALL, CHERAS SELATAN**

**GET SET, GOOO! SUPERMARKET SWEEP, 10 MAY 2024, AEON MALL, CHERAS SELATAN**

BSN telah meraikan enam (6) orang pemenang terpilih bagi program '*Get Set, Gooo! Supermarket Sweep*' di Aeon Mall Cheras Selatan. Setiap seorang pemenang diberi masa selama lima (5) minit untuk mengambil apa sahaja barang mereka mahukan dengan had perbelanjaan sebanyak RM4,000.00.

BSN celebrated six (6) winners of the 'Get Set, Gooo! Supermarket Sweep' programme held at Aeon Mall Cheras Selatan. Each winner was given five (5) minutes to grab any items that they want with a spending limit of RM4,000.00.

## 12

**PELANCARAN QASEHBAKTI PLUS DAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) PROGRAM LITERASI KEWANGAN, 13 MEI 2024, WISMA BSN**

**LAUNCHING OF QASEHBAKTI PLUS AND MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MoU) FOR FINANCIAL LITERACY PROGRAMME, 13 MAY 2024, WISMA BSN**

BSN dan FWD Insurance Berhad telah melancarkan produk QasehBakti Plus dan memeterai MoU bagi inisiatif program literasi kewangan, '*Know Your Money Workshop*'. Turut hadir dalam pelancaran tersebut adalah Encik Jay Khairil, Ketua Eksekutif BSN dan Encik Aman Chowla, Ketua Pegawai Eksekutif FWD Insurance Berhad. Produk QasehBakti Plus adalah pelan perlindungan mampu milik dan mudah diakses yang direka khas untuk masyarakat kurang mendapat perkhidmatan.

BSN and FWD Insurance Berhad launched the QasehBakti Plus product and signed a MoU for the financial literacy programme, 'Know Your Money Workshop'. Also in attendance were Mr. Jay Khairil, BSN Chief Executive and Mr. Aman Chowla, Chief Executive Officer of FWD Insurance Berhad. QasehBakti Plus is an affordable and easily accessible coverage plan designed specifically for the underserved community.

# LAPORAN AKTIVITI
## ACTIVITIES REPORT

## 13

**MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA BSN DAN CELCOMDIGI - DIGITALISASI EJEN BANK BSN, 17 MEI 2024, IBU PEJABAT CELCOMDIGI, KUALA LUMPUR**

**MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MoU) BETWEEN BSN AND CELCOMDIGI - DIGITALISATION OF EJEN BANK BSN, 17 MAY 2024, CELCOMDIGI HEADQUARTERS, KUALA LUMPUR**

BSN telah memeterai MoU bersama CelcomDigi Berhad bagi pendigitalan Ejen Bank BSN (EB BSN). MoU ini telah ditandatangani oleh Encik Mujibburrahman Abd Rashid, Ketua Pegawai Perniagaan BSN dan Encik Afizulazha Abdullah, Ketua Pegawai Perusahaan Perniagaan CelcomDigi Berhad. Turut hadir di majlis ini adalah Encik Jay Khairil, Ketua Eksekutif BSN dan Datuk Idham Nawawi, Ketua Pegawai Eksekutif CelcomDigi Berhad. Kerjasama ini diharapkan dapat memberi impak positif dalam meningkatkan keupayaan digital dan meluaskan perkhidmatan perbankan yang lebih baik untuk seluruh rakyat Malaysia.

BSN signed a MoU with CelcomDigi Berhad for the digitalisation of Ejen Bank BSN (EB BSN). The MoU was signed by Mr Mujibburrahman Abd Rashid, BSN Chief Business Officer and Mr Afizulazha Abdullah, Chief Business Enterprise Officer of CelcomDigi Berhad. Also in attendance were Mr Jay Khairil, BSN Chief Executive and Datuk Idham Nawawi, Chief Executive Officer of CelcomDigi Berhad. This partnership is hoped to deliver a positive impact in enhancing digital capabilities and improving banking services for all Malaysians.

## 14

**MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA BSN DAN CGC, 23 MEI 2024, MENARA CGC, KELANA BUSINESS CENTRE, PETALING JAYA, SELANGOR**

**MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MoU) BETWEEN BSN AND CGC, 23 MAY 2024, MENARA CGC, KELANA BUSINESS CENTRE, PETALING JAYA, SELANGOR**

BSN telah memeterai MoU bersama CGC Malaysia bagi Skim Jaminan Pembiayaan Bizjamin-i Micro TemanMesra. Melalui kerjasama ini, usahawan mikro berpeluang mendapatkan jaminan pembiayaan tanpa cagaran bagi mengembangkan perniagaan mereka. MoU ini telah ditandatangani oleh Encik Mujibburrahman Abd Rashid, Ketua Pegawai Perniagaan BSN dan Encik Sean Tan, Ketua Pegawai Perniagaan CGC Malaysia. Turut hadir menyaksikan majlis ini adalah Encik Jay Khairil, Ketua Eksekutif BSN dan Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif CGC Malaysia.

BSN signed a MoU with CGC Malaysia for the Bizjamin-i Micro TemanMesra Facility Guarantee Scheme. Through this partnership, micro entrepreneurs can obtain financing guarantees without collateral to grow their business. The MoU was signed by Mr Mujibburrahman Abd Rashid, BSN Chief Business Officer and Mr Sean Tan, Chief Business Officer of CGC Malaysia. Also in attendance were Mr Jay Khairil, BSN Chief Executive and Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak, President & Chief Executive Officer of CGC Malaysia.

## 15

**MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA BSN DAN PERHEBAT, 28 MEI 2024, DEWAN JUBLI PERAK, KOMPLEKS PERHEBAT, SG. BULOH, SELANGOR**

**MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MoU) BETWEEN BSN AND PERHEBAT, 28 MAY 2024, DEWAN JUBLI PERAK, KOMPLEKS PERHEBAT, SG. BULOH, SELANGOR**

BSN telah memeterai MoU bersama Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) sempena Majlis Penganugerahan Diploma Kemahiran Malaysia. MoU ini telah ditandatangani oleh Encik Jay Khairil, Ketua Eksekutif BSN dan Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli bin Mohd Zin (Bersara), Pengerusi PERHEBAT. Majlis MoU ini turut dihadiri oleh YB Dato' Seri Mohammed Khaled Bin Nordin, Menteri Pertahanan Malaysia. MoU ini bertujuan untuk memberi akses skim pembiayaan dan penawaran skim Mikro MADANI Veteran disertai dengan program 'Pembangunan Usahawan' di bawah Komuniti Mikro BSN (BMC). Program Literasi Kewangan 'Ringgit Dijaga Komuniti Sejahtera' turut dianjurkan dengan topik pengurusan kewangan, simpanan, membuat bajet, aliran tunai dan perlindungan kepada semua ahli PERHEBAT.

BSN signed a MoU with Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) in conjunction with the Malaysian Skills Diploma Award Ceremony. The MoU was signed by Mr Jay Khairil, BSN Chief Executive and General Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli bin Mohd Zin (Retired), Chairman of PERHEBAT. The ceremony was also graced by YB Dato' Seri Mohammed Khaled Bin Nordin, Defense Minister of Malaysia. The MoU aims to provide access to the Mikro MADANI Veteran financing scheme and the Entrepreneur Development programme under the BSN Micro Community (BMC). The financial literacy programme '*Ringgit Dijaga Komuniti Sejahtera*' was also held with topics on financial management, savings, budgeting, cash flow, and coverage for all PERHEBAT members.

## 16

**ITEKAD MARKETPLACE @ SASANA SYMPOSIUM 2024, 12 - 13 JUN 2024, SASANA KIJANG, KUALA LUMPUR**

**ITEKAD MARKETPLACE @ SASANA SYMPOSIUM 2024, 12-13 JUNE 2024, SASANA KIJANG, KUALA LUMPUR**



Beberapa usahawan di bawah program pembiayaan BSN MulaNiaga, telah membuka reruai di Sasana Symposium 2024 yang dianjurkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). BSN MulaNiaga adalah program pembangunan keusahawanan bagi segmen asnaf dan B40 di bawah payung iTEKAD BNM yang bermula sejak 2020. Inisiatif ini bertujuan untuk menyokong para usahawan mikro melalui peluang latihan dan bimbingan untuk perniagaan. YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II; Dato' Seri Abdul Rasheed Ghaffour, Gabenor BNM ditemani oleh Encik Jay Khairil, Ketua Eskeutif BSN turut meluangkan masa berkunjung ke reruai usahawan Mikro BSN.

Several entrepreneurs under the BSN MulaNiaga financing programme opened a booth at the Sasana Symposium 2024 organised by Bank Negara Malaysia (BNM). BSN MulaNiaga is an entrepreneurship development programme for the *asnaf* and B40 segment under iTEKAD BNM which was initiated in 2020. The initiative aims to support micro entrepreneurs through business trainings and guidance. YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Finance Minister II and Dato' Seri Abdul Rasheed Ghaffour, BNM Governor accompanied by Mr Jay Khairil, BSN Chief Executive also visited the booth.

# LAPORAN AKTIVITI
## ACTIVITIES REPORT

### 17

**MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA BSN DAN PRIMA, 14 JUN 2024, TELUK INTAN, PERAK**

**MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MoU) BETWEEN BSN AND PRIMA, 14 JUNE 2024, TELUK INTAN, PERAK**

BSN telah memeterai MoU bersama Perbadanan PR1MA Malaysia sempena dengan Majlis Pecah Tanah Bandar Mini PR1MA di Teluk Intan Perak. MoU ini telah ditandatangani oleh Puan Norhafizah Md Shariff, Ketua Pegawai Kewangan BSN dan Datuk Seri Haji Mohd Nazri Bin Md. Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan PR1MA Malaysia serta disaksikan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan & Kerajaan Tempatan. Melalui MoU ini, pihak BSN akan terus komited dalam menawarkan pembiayaan perumahan kepada semua pemohon kediaman PR1MA dengan kadar keuntungan yang menarik.

BSN signed a MoU with Perbadanan PR1MA Malaysia in conjunction with the Groundbreaking Ceremony for Bandar Mini PR1MA in Teluk Intan Perak. The MoU was signed by Puan Norhafizah Md Shariff, BSN Chief Financial Officer and Datuk Seri Haji Mohd Nazri Bin Md. Shariff, Chief Executive Officer of Perbadanan PR1MA Malaysia, witnessed by YB Tuan Nga Kor Ming, Minister of Housing & Local Government. Through this MoU, BSN aims to stay committed in offering home financing to all PR1MA housing applicants at attractive profit rates.

### 18

**BSN UMUM PENGERUSI BAHARU, 1 JULAI 2024, WISMA BSN**

**BSN ANNOUNCES NEW CHAIRMAN, 1 JULY 2024, WISMA BSN**

BSN mengumumkan pelantikan Dato' Seri Dr. Awang Adek Hussin sebagai Pengerusi baharunya. Beliau seterusnya menjelajah ke beberapa cawangan utama negeri untuk menyantuni dan beramah mesra bersama warga BSN. Antaranya adalah Cawangan Utama Negeri BSN Selangor, Cawangan Utama Negeri BSN Kedah/Perlis, Cawangan Utama Negeri BSN Kelantan, Cawangan Utama Negeri BSN Melaka, Cawangan Utama Negeri BSN Sabah dan sebagainya.

BSN announced the appointment of Dato' Seri Dr. Awang Adek Hussin as its new Chairman. He went on a tour to several main state branches to mingle with BSN employees. Among them were the BSN Selangor Main Branch, BSN Kedah/Perlis Main Branch, BSN Kelantan Main Branch, BSN Melaka Main Branch, and BSN Sabah Main Branch.

## 19

**MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA BSN DAN MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR, 2 JULAI 2024, HOTEL IMPIANA SENAI, JOHOR**

**MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MoU) BETWEEN BSN AND MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR, 2 JULY 2024, HOTEL IMPIANA SENAI, JOHOR**

BSN telah memeterai MoU bersama Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) bagi melantik BSN sebagai ejen untuk pengumpulan waqf tunai melalui pelbagai platform perbankan BSN. MoU ini telah ditandatangani oleh Puan Norhafizah Md Shariff, Ketua Pegawai Kewangan BSN dan Tuan Haji Nasri bin Md Ali, Ketua Eksekutif MAINJ. Pada majlis yang sama, BSN turut menyumbangkan RM20,000 kepada Jariah Wakaf Johor melalui inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporatnya, BSN Care, bertujuan untuk menyokong kebajikan dan pembangunan masyarakat.

BSN signed a MoU with Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) to appoint BSN as a cash waqf collection agent through various BSN banking platforms. The MoU was signed by Puan Norhafizah Md Shariff, BSN Chief Financial Officer and Tuan Haji Nasri bin Md Ali, Chief Executive of MAINJ. During the ceremony, BSN also contributed RM20,000 to Jariah Wakaf Johor through its Corporate Social Responsibility initiative, BSN Care, with the aim to support the well-being and development of the community.

## 20

**BSN MEDIA *MEET 2024 – BOWL & BOND*, 28 JULAI 2024, SUNWAY MEGALANES, SUNWAY PYRAMID**

**BSN MEDIA MEET 2024 – BOWL & BOND, 28 JULY 2024, SUNWAY MEGALANES, SUNWAY PYRAMID**

BSN telah menganjurkan Boling BSN bersama Media bersempena 'BSN Media *Meet 2024 – Bowl & Bond*' di Sunway Megalanes, Sunway Pyramid. Sebanyak 16 pasukan daripada 14 agensi media tempatan menyertai acara ini yang diadakan bersempena dengan sambutan ulang tahun ke-50 BSN. Selain itu, program ini turut dilaksanakan bertujuan untuk merapatkan silaturahim dan menghargai sumbangan media dalam membantu menyalurkan maklumat berkaitan BSN.

BSN held the 'BSN Media Meet 2024 – Bowl & Bond' at Sunway Megalanes, Sunway Pyramid. A total of 16 teams from 14 local media agencies took part in the event in conjunction with BSN's 50th anniversary celebration. The programme was also aimed at fostering a closer bond with the media and to show appreciation for their contribution in disseminating information about BSN.

# LAPORAN AKTIVITI
# ACTIVITIES REPORT

## 21

### KENYATAAN AUDIT ANTARA BSN DAN SGS, 13 OGOS 2024, WISMA BSN

### AUDIT STATEMENT BETWEEN BSN AND SGS, 13 AUGUST 2024, WISMA BSN

Selaras dengan usaha BSN bagi memenuhi komitmen kelestariannya ke arah karbon neutral menjelang 2050, BSN dan SGS (M) Sdn. Bhd. (SGS) telah menandatangani kenyataan audit bagi inventori gas rumah hijau BSN untuk tahun kewangan 2023. Kenyataan ini telah ditandatangani oleh Encik Zarir Mohd Rawi, Ketua Pegawai Operasi BSN dan Encik Rostam Mokhtar, Pengarah SGS serta Encik Naim Shaharman, Ketua Audit SGS. Ini merupakan sebahagian daripada usaha BSN dalam mendukung agenda negara ke arah karbon neutral menjelang 2050.

In line with BSN's effort to honor its sustainability commitment towards becoming carbon neutral by 2050, BSN and SGS (M) Sdn. Bhd. (SGS) signed an audit statement for BSN's greenhouse gas inventory for financial year 2023. The statement was signed by Mr Zarir Mohd Rawi, BSN Chief Operations Officer, Mr Rostam Mokhtar, Director of SGS, and Mr Naim Shaharman, Audit Chief of SGS. This is part of BSN's effort in supporting the national agenda towards becoming carbon neutral by 2050.

## 22

### BSN CARE 50 HARI MEMBERI: KEMPEN JALAN-JALAN SELAMAT HARI MALAYSIA, 13 SEPTEMBER 2024, R&R RAWANG

### BSN CARE 50 HARI MEMBERI: '*JALAN-JALAN SELAMAT HARI MALAYSIA*' CAMPAIGN, 13 SEPTEMBER 2024, R&R RAWANG

Sempena sambutan Hari Malaysia 2024, BSN dengan kerjasama Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan PLUS Malaysia Berhad (PLUS) telah mengedarkan kit kecemasan kenderaan kepada para pengguna lebuh raya di R&R Rawang (Arah Utara). Inisiatif ini telah disempurnakan oleh Encik Jay Khairil, Ketua Eksekutif BSN, dengan matlamat untuk menyuntik kewaspadaan keselamatan jalan raya sekali gus meningkatkan kefahaman tentang keperluan mempunyai kit keselamatan kenderaan terutamanya ketika dalam perjalanan yang jauh.

In conjunction with the 2024 Malaysia Day celebration, BSN in partnership with Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) and PLUS Malaysia Berhad (PLUS) distributed emergency kits to highways motorists at R&R Rawang (Arah Utara). The initiative was officiated by Mr Jay Khairil, BSN Chief Executive, with the aim to raise awareness about road safety and the importance of having vehicle emergency kits especially during long journeys.

## 23

**PELANCARAN ECOSAVE-I,
13 SEPTEMBER 2024,
STESEN MRT AMPANG PARK**

**LAUNCH OF ECOSAVE-I,
13 SEPTEMBER 2024,
STESEN MRT AMPANG PARK**

Majlis Pelancaran BSN EcoSave-i telah dilaksanakan bagi mengetengahkan produk akaun simpanan berjadual yang turut menawarkan pelan perlindungan takaful (pilihan) sehingga RM50,000 sekiranya terlibat dengan bencana alam khususnya banjir. Penyimpan juga dapat menikmati kadar keuntungan lebih tinggi sehingga 2% berbanding produk simpanan lain dengan hanya menyimpan serendah RM50 sahaja sebulan. Pelancaran disempurnakan oleh Encik Jay Khairil, Ketua Eksekutif BSN.

The BSN EcoSave-i Launch Ceremony was held to introduce the scheduled savings account product which also offers a takaful coverage plan (optional) of up to RM50,000 in the event of natural disasters especially floods. Depositors will also enjoy higher profit rates of up to 2% compared to other savings products, with a minimum deposit of only RM50 per month. The ceremony was officiated by Mr Jay Khairil, BSN Chief Executive.

## 24

**KERETAPI SARONG 2024,
14 SEPTEMBER 2024, LRT GOMBAK**

**KERETAPI SARONG 2024,
14 SEPTEMBER 2024, LRT GOMBAK**

Sempena Hari Malaysia dan sambutan ulang tahunnya yang ke-50, BSN bekerjasama dengan LOCCO untuk program Keretapi Sarong 2024. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah pengambilalihan stesen di LRT Gombak dengan pelbagai aktiviti menarik seperti persembahan kebudayaan, pameran khas evolusi seragam Kebaya BSN dari tahun 1980-an hingga kini, peraduan 'Jawab & Menang' dan sebagainya.

In conjunction with Malaysia Day and its 50th anniversary celebration, BSN partnered with LOCCO for the Keretapi Sarong 2024 programme. Among the activities held during the takeover of LRT Gombak include cultural performances, special exhibition of the evolution of BSN's Kebaya uniform from the 1980s until today, a 'Jawab & Menang' contest, and many more.

# LAPORAN AKTIVITI
# ACTIVITIES REPORT

## 25

**FORUM SERANTAU YAPEIM, 1 OKTOBER 2024, HOTEL MARRIOT, PUTRAJAYA**

**YAPEIM'S REGIONAL FORUM, 1 OCTOBER 2024, MARRIOT HOTEL, PUTRAJAYA**

BSN berbesar hati untuk menjadi rakan strategik bagi Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) melalui Program MulaNiaga BSN, selaras dengan inisiatif iTEKAD Bank Negara Malaysia (BNM). Pada majlis ini, BSN telah diwakili oleh Encik Jay Khairil, Ketua Eksekutif BSN untuk menyampaikan replika cek 'Program Keusahawanan Nano' kepada YaPEIM.

BSN was honored to be the strategic partner of Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) through the MulaNiaga BSN Programme, in line with the iTEKAD initiative by Bank Negara Malaysia (BNM). BSN was represented by Mr Jay Khairil, BSN Chief Executive who presented the mock check for the Nano Entrepreneurship Programme to YaPEIM.

## 26

**LAWATAN MENTERI KEWANGAN II KE WISMA BSN, 11 OKTOBER 2024, WISMA BSN**

**VISIT BY FINANCE MINISTER II TO WISMA BSN, 11 OCTOBER 2024, WISMA BSN**

BSN berbesar hati menerima kunjungan YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II, ke Wisma BSN, Kuala Lumpur. Pada lawatan ini, YB Datuk Seri sempat meluangkan masa melawat Cawangan Utama BSN Kuala Lumpur dan beramah-mesra dengan Warga BSN. BSN amat menghargai sokongan dan kepercayaan yang diberikan oleh YB Datuk Seri dan akan terus komited dalam memberikan perkhidmatan perbankan terbaik kepada seluruh rakyat Malaysia.

BSN was honored to receive the visit of YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Finance Minister II, to Wisma BSN, Kuala Lumpur. During the visit, YB Datuk Seri also visited the BSN Kuala Lumpur Main Branch and mingled with the Warga BSN staff. BSN appreciates the support and trust given by YB Datuk Seri and will remain committed to delivering excellent banking services for all Malaysians.

## 27

**PROGRAM *CASHLESS SOCIETY* KOTA KINABALU, 18 OKTOBER 2024, PASAR MALAM API – API, JALAN GAYA, KOTA KINABALU, SABAH**

**CASHLESS SOCIETY KOTA KINABALU, 18 OCTOBER 2024, API –API NIGHT MARKET, JALAN GAYA, KOTA KINABALU, SABAH**

Dalam usaha memperkenal dan mempromosikan kaedah pembayaran digital, BSN telah melancarkan Program 'BSN *Cashless Society*' Kota Kinabalu bertempat di Pasar Malam Api-Api Kota Kinabalu, Sabah. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Dato' Sri Dr. Haji Sabin Samitah, Datuk Bandaraya Kota Kinabalu. Turut hadir adalah Dato' Seri Dr. Awang Adek Hussin, Pengerusi BSN dan Encik Jay Khairil, Ketua Eksekutif BSN. Datuk Bandaraya Kota Kinabalu dan Pengerusi BSN juga sempat mengunjungi dan beramah-mesra bersama peniaga di pasar malam tersebut yang telah menerima kemudahan peranti *QR Pay* dan *Soundbox*.

In its effort to introduce and promote digital payment methods, BSN launched the 'BSN Cashless Society' programme for Kota Kinabalu held at the Api-Api Night Market, Kota Kinabalu, Sabah. The ceremony was officiated by Dato' Sri Dr. Haji Sabin Samitah, Mayor of Kota Kinabalu. Also in attendance were Dato' Seri Dr. Awang Adek Hussin, BSN Chairman and Mr Jay Khairil, BSN Chief Executive. The Kota Kinabalu Mayor and BSN Chairman also visited and mingled with night market hawkers who received the QR Pay and Soundbox devices.

## 28

***ORCHID RUN* 2024, 20 OKTOBER 2024, WISMA BSN**

**ORCHID RUN 2024, 20 OCTOBER 2024, WISMA BSN**

Sempena ulang tahunnya yang ke-50, BSN telah berkolaborasi bersama Persatuan Isteri dan Kakitangan Wanita PETRONAS (PETRONITA) dalam menganjurkan *Orchid Run & Ride* 2024. Encik Jay Khairil, Ketua Eksekutif BSN bersama pihak pengurusan kanan BSN telah diberi penghormatan untuk *flag-off* peserta larian bagi kategori 5KM dan 12KM. Turut hadir bersama pada acara tersebut adalah YM Tan Sri Tengku Muhammad Taufik, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PETRONAS dan Puan Sri Jemilia Md Jelas, Presiden YDP PETRONITA.

Kolaborasi ini merupakan komitmen BSN dalam memperkasa dan mempromosikan kepimpinan wanita, serta menyokong pembangunan komuniti di Malaysia melalui aktiviti sukan. Seramai lebih 8,000 peserta telah menyertai acara ini yang bermula dari Plaza Persiaran KLCC dan sekitar Pusat Bandaraya Kuala Lumpur.

In conjunction with its 50th anniversary celebration, BSN partnered with *Persatuan Isteri dan Kakitangan Wanita PETRONAS* (PETRONITA) in organising the Orchid Run & Ride 2024. Mr Jay Khairil, BSN Chief Executive along with the senior management of BSN flagged-off the participating runners for the 5KM and 12KM categories. Also in attendance were YM Tan Sri Tengku Muhammad Taufik, Chief Executive Officer of PETRONAS Group and Puan Sri Jemilia Md Jelas, President YDP of PETRONITA.

This partnership is part of BSN's commitment in empowering and promoting female leadership, on top of supporting community development in Malaysia through sports activities. More than 8,000 participants took part in the event which started at Plaza Persiaran KLCC and around Kuala Lumpur City Center.

# LAPORAN AKTIVITI
## ACTIVITIES REPORT

## 29

**MAJLIS PENUTUP KONVENSYEN CELIK KEWANGAN, KPM-BSN PERINGKAT KEBANGSAAN, 23 OKTOBER 2024, PPBSN, BANGI**

**CLOSING CEREMONY FOR FINANCIAL LITERACY CONVENTION, KPM-BSN NATIONAL LEVEL, 23 OCTOBER 2024, PPBSN, BANGI**

BSN telah melaksanakan Majlis Penutup Konvensyen Celik Kewangan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan BSN, peringkat kebangsaan 2024. Acara tahunan ini telah memasuki tahun ke-2 dan dianjurkan dengan kerjasama Bahagian Sukan, Kokurikulum Dan Kesenian (BSKK) KPM. Majlis penutup ini telah disempurnakan oleh YB Wong Kah Woh, Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia. Turut hadir bersama Encik Mujibburrahman Abd Rashid, Ketua Pegawai Perniagaan BSN serta tetamu kehormat yang lain. Konvensyen kali ini melibatkan 208 orang peserta secara keseluruhan yang terdiri daripada murid sekolah rendah dan menengah, guru pembimbing serta 16 pegawai dari Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).

BSN held the Closing Ceremony for the national level Financial Literacy Convention 2024 organised by the Ministry of Education Malaysia (KPM) and BSN. This annual event is now in its second year and organised in partnership with KPM's Cocurricular and Arts, Sports Division (BSKK). The ceremony was graced by YB Wong Kah Woh, Deputy Minister of Education Malaysia. Also in attendance were Mr Mujibburrahman Abd Rashid, BSN Chief Business Officer and other esteemed guests. This year's convention involved 208 participants including primary and secondary school students, guidance teachers, and 16 officers from the State Education Department (JPN).

## 30

**PROGRAM BSN CARE KAMPUNG ANGKAT MADANI: MEMPERKASA KOMUNITI PENJAJA PASAR MALAM KAMPUNG LA, 2 NOVEMBER 2024, PASAR MALAM KAMPUNG LA, HULU BESUT, TERENGGANU**

**BSN CARE PROGRAMME AT *KAMPUNG ANGKAT MADANI*: EMPOWERING NIGHT MARKET HAWKERS AT KAMPUNG LA, 2 NOVEMBER 2024, KAMPUNG LA NIGHT MARKET, HULU BESUT, TERENGGANU**

BSN telah mewarnai Pasar Malam Kampung La menerusi program BSN Care 50 Hari Memberi Kampung Angkat MADANI: Memperkasa Komuniti Penjaja Pasar Malam Kampung La, di Hulu Besut, Terengganu. Program tersebut telah dihadiri oleh Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan; Encik Jay Khairil, Ketua Eksekutif BSN serta pengurusan BSN dan Kementerian Kewangan yang lain. BSN telah menaik taraf kemudahan di tapak Pasar Malam Kampung La sekali gus memberikan suasana perniagaan yang lebih selesa serta teratur khusus buat para peniaga dan pengunjung. BSN turut melaksanakan program inisiatif tanpa tunai untuk menggalakkan penggunaan pembayaran QR dalam kalangan masyarakat, sejajar dengan hasrat untuk meningkatkan kemajuan komuniti setempat ke arah masa depan pendigitalan yang lebih mampan.

BSN enlivened the Night Market of Kampung La through the BSN Care initiative *50 Hari Memberi Kampung Angkat MADANI*: Empowering Night Market Hawkers of Kampung La, Hulu Besut, Terengganu. The programme was attended by Datuk Johan Mahmood Merican, Chief Secretary of Treasury, Ministry of Finance; Mr Jay Khairil, BSN Chief Executive, as well as the management of BSN and the Ministry of Finance. BSN upgraded the Night Market site of Kampung La with a more conducive and organised setting for hawkers and visitors alike. BSN also launched a cashless initiative programme to encourage the usage of QR payments among the community towards creating a more sustainable future for digitalisation.

## 31

**KUALA LUMPUR *ISLAMIC FINANCE FORUM* 2024 (KLIFF 2024), 5-7 NOVEMBER 2024, HOTEL ROYALE CHULAN, KUALA LUMPUR**

**KUALA LUMPUR ISLAMIC FINANCE FORUM 2024 (KLIFF 2024), 5-7 NOVEMBER 2024, ROYALE CHULAN HOTEL, KUALA LUMPUR**

BSN berbangga menyokong Kuala Lumpur *Islamic Finance Forum* (KLIFF) 2024, platform berprestij yang mengumpulkan pemain industri dan pakar kewangan dari dalam dan luar negara untuk meneroka potensi kewangan Islam di Malaysia. Encik Jay Khairil, Ketua Eksekutif BSN telah menjadi moderator bagi sesi perbincangan dalam topik '*Accentuating Halal Economy Potential in Islamic Finance*'. Beliau bersama ahli panel yang lain telah membincangkan strategi-strategi utama dalam mengangkat ekonomi halal berteraskan perbankan Islam sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi. Sesi ini turut meneroka sinergi dan pembangunan bagi memperkukuhkan potensi ekonomi halal, sekali gus mempromosikan pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan mampan.

BSN was honored to be a part of the Kuala Lumpur Islamic Finance Forum (KLIFF) 2024, a prestigious platform that gathers industry players and financial experts from all over the world to explore the potential of Islamic finance in Malaysia. Mr Jay Khairil, BSN Chief Executive served as the moderator for the discussion on 'Accentuating Halal Economy Potential in Islamic Finance'. Together with other panel members, he discussed key strategies in driving the halal economy grounded on Islamic banking as a catalyst of economic development. The session also explored the synergy and development to reinforce the potential of the halal economy, thus promoting a more inclusive and sustainable economic growth.

## 32

**MAJLIS PELANCARAN PROGRAM *CASHLESS SOCIETY*, KABONG, SARAWAK, 9 NOVEMBER 2024, PUSAT PENJAJA KABONG, SARAWAK**

**LAUNCHING CEREMONY OF CASHLESS SOCIETY PROGRAMME, KABONG, SARAWAK, 9 NOVEMBER 2024, PUSAT PENJAJA KABONG, SARAWAK**

BSN telah melancarkan program 'BSN *Cashless Society Kabong*' yang telah berlangsung di Pusat Penjaja Kabong, Sarawak. Majlis telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri & Menteri Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air. Turut hadir menyaksikan perasmian ini adalah Dato' Seri Dr. Awang Adek Hussin, Pengerusi BSN; Encik Jay Khairil, Ketua Eksekutif BSN serta dif-dif kehormat lain. Program ini diperkenalkan bagi mewujudkan budaya niaga berakaun dan tanpa tunai yang dapat membantu peniaga menguruskan kewangan dengan lebih baik serta memudahkan para penduduk berbelanja dengan lebih efisien tanpa menggunakan wang tunai.

BSN launched the 'BSN Cashless Society Kabong' programme held at Pusat Penjaja Kabong, Sarawak. The ceremony was officiated by YAB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, Deputy Prime Minister and Minister of Energy Transition & Water Transformation. Also in attendance were Dato' Seri Dr. Awang Adek Hussin, BSN Chairman; Mr Jay Khairil, BSN Chief Executive, and other distinguished guests. This programme was introduced to create a culture of accounted and cashless business which would help traders in managing their finances better as well as facilitate the community in spending more efficiently without the usage of cash.

# LAPORAN AKTIVITI
## ACTIVITIES REPORT

## 33

**BSN CARE 50 HARI MEMBERI: BSN JENGAH, TKHM SINGGAH, 26 NOVEMBER 2024, WISMA BSN**

**BSN CARE 50 HARI MEMBERI: BSN JENGAH, TKHM SINGGAH, 26 NOVEMBER 2024, WISMA BSN**

BSN buat julung kalinya telah bekerjasama dengan Harian Metro dalam program 'BSN Care 50 Hari Memberi - BSN Jengah, Titipan Kasih Harian Metro (TKHM)' bersempena sambutan ulang tahunnya yang ke-50. Program ini diadakan sebagai tanda penghargaan kepada pengamal media yang telah berkorban masa dan tenaga dalam menyampaikan berita serta informasi terkini kepada masyarakat. BSN menyalurkan bantuan kepada 13 pengamal media, termasuklah bekas wartawan daripada pelbagai agensi media, yang menghidap penyakit kronik. Sumbangan berupa wang tunai dan kotak rezeki yang mengandungi barangan keperluan asas telah diberikan sebagai tanda keprihatinan BSN dan Harian Metro.

For the first time ever, BSN partnered with Harian Metro in the '*BSN Care 50 Hari Memberi – BSN Jengah, Titipan Kasih Harian Metro* (TKHM)' programme in conjunction with its 50th anniversary celebration. This programme was held to honor media practitioners who work day and night to deliver the latest information to the public. BSN contributed aid to 13 media practitioners, including former reporters from various media agencies, who are afflicted with chronic diseases. Aid in the form of cash and packages of basic necessities were presented by BSN and Harian Metro.

## 34

**MAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN BSN KE-50, 29 NOVEMBER 2024, MITEC, KUALA LUMPUR**

**BSN 50th ANNIVERSARY CELEBRATION, 29 NOVEMBER 2024, MITEC, KUALA LUMPUR**

BSN telah mengadakan 'Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-50' bagi meraikan perjalanan lima (5) dekad Bank dan dedikasi berterusan untuk berkhidmat kepada masyarakat. Majlis ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Turut hadir di majlis ini adalah mantan-mantan Pengerusi dan Ketua Eksekutif BSN, warga BSN, rakan kongsi dan pihak berkepentingan. BSN turut melancarkan 'Laporan Kelestarian' pertamanya yang telah dirasmikan oleh YAB Dato Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi; YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II; YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, Pengerusi Kumpulan PNB; Dato' Seri Dr. Awang Adek Hussin, Pengerusi BSN dan Encik Jay Khairil, Ketua Eksekutif BSN.

BSN held its 50th Anniversary Ceremony to celebrate the Bank's five (5) decades of continuous dedication to serving the public. The ceremony was officiated by YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Deputy Prime Minister and Minister of Rural & Regional Development. Also in attendance were the former Chairmen and Chief Executives of BSN, BSN employees, business partners, and stakeholders. BSN also launched its inaugural 'Sustainability Report' officiated by YAB Dato Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi; YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Finance Minister II; YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, Chairman of PNB Group; Dato' Seri Dr. Awang Adek Hussin, BSN Chairman, and Mr Jay Khairil, BSN Chief Executive.

## 35

**PROGRAM LITERASI KEWANGAN ANTARA BSN DAN FWD: CAMP MILLIONAIRE, 6-8 DISEMBER 2024, PPBSN, BANGI**

**FINANCIAL LITERACY PROGRAMME BY BSN AND FWD: CAMP MILLIONAIRE, 6-8 DECEMBER 2024, PPBSN, BANGI**

BSN dengan kerjasama FWD Insurance Berhad telah menganjurkan Program Celik Kewangan yang melibatkan dua (2) fasa untuk murid-murid sekolah rendah di seluruh negara. Fasa pertama, Bengkel '*Know Your Money*', telah bermula pada bulan Mei 2024 di Pulau Pinang dan mengakhiri jelajahnya di Kabong, Sarawak pada 8 November 2024, merangkumi 11 negeri, 22 sekolah, dan 1,014 orang murid. Objektif utama bengkel ini adalah untuk menyampaikan prinsip asas di sebalik pengurusan kewangan peribadi kepada murid-murid. Selain itu, 100 orang murid telah terpilih untuk menyertai fasa kedua iaitu '*Camp Millionaire*' yang telah berlangsung pada 6-8 Disember 2024, menyediakan modul pembelajaran tentang kepentingan dan kegunaan wang dalam kehidupan seharian.

BSN in partnership with FWD Insurance Berhad held a Financial Literacy Programme entailing two (2) phases for primary school students nationwide. The first phase namely the 'Know Your Money' Workshop commenced in May 2024 in Pulau Pinang and concluded in Kabong, Sarawak on 8 November 2024, covering 11 states, 22 schools, and 1,014 pupils. Its main objective was to teach the basic principles of personal financial management to the pupils. Meanwhile, 100 pupils were selected to participate in the second phase namely 'Camp Millionaire' which was held from 6-8 December 2024, entailing a learning module about the importance and usage of money in daily life.

## 36

**BSN CARE KRISMAS 2024: *GIFT OF JOY*, 23 DISEMBER 2024, LIGHTHOUSE CHILDREN WELFARE HOME ASSOCIATION, BANGSAR, KUALA LUMPUR**

**BSN CARE CHRISTMAS 2024: GIFT OF JOY, 23 DECEMBER 2024, LIGHTHOUSE CHILDREN WELFARE HOME ASSOCIATION, BANGSAR, KUALA LUMPUR**

BSN melalui inisiatif 'BSN Care 50 Hari Memberi: *Gift of Joy*' telah menyantuni warga The Lighthouse Children's Welfare Home. Melalui program ini, sukarelawan BSN telah membungkus hadiah dan mengagihkannya kepada penghuni rumah tersebut yang berusia dari 3 hingga 17 tahun. BSN juga turut menyampaikan sumbangan wang tunai berjumlah RM3,000.00 kepada Encik Steven Silvaraju selaku pengasas rumah kebajikan tersebut bagi menampung sebahagian kos pengoperasian harian.

BSN through the 'BSN Care 50 Hari Memberi: Gift of Joy' initiative supported the residents of The Lighthouse Children's Welfare Home. Through this programme, BSN volunteers wrapped gifts and distributed them to the residents of the home aged between 3 and 17 years old. BSN also presented a cash contribution totaling RM3,000.00 to the home's founder Mr Steven Silvaraju to cover part of its daily operating costs.

BSN Care

Pendidikan
Education

Komuniti
Community

**Kesihatan & Keselamatan**
**Health & Safety**

**Perhubungan Perniagaan**
**Business Engagement**

**Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)**
**Sustainable Development Goals (SDGs)**

**Sukan**
**Sports**

# BSN CARE
# BSN CARE

## PENGENALAN

Dengan berpandukan visi utama untuk memastikan 'Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan' dan sempena ulang tahun ke-50 BSN, inisiatif '**BSN Care: 50 Hari Memberi**' dilancarkan bagi meraikan lima dekad komitmen BSN dalam memperkasa dan mendukung rakyat Malaysia. Mencerminkan kesungguhan BSN, program ini melibatkan penyertaan kakitangan BSN dari seluruh negara dalam usaha meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Sebanyak lebih daripada 50 inisiatif dilaksanakan di bawah enam segmen utama BSN Care iaitu **Pendidikan, Komuniti, Sukan, Kesihatan & Keselamatan, Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)**, dan **Penglibatan Perniagaan**.

Inisiatif-inisiatif ini menggariskan komitmen BSN terhadap pembangunan menyeluruh yang merangkumi pemerkasaan perniagaan tempatan dengan penyelesaian tanpa tunai, mendukung masyarakat terpinggir menerusi sokongan pendidikan, usaha pembangunan komuniti, serta program-program kesihatan & keselamatan dan memperjuangkan kelestarian alam sekitar. Menerusi usaha-usaha ini, BSN bukan sahaja mengukuhkan legasi keprihatinannya, tetapi juga mengutuhkan peranannya sebagai pemangkin keterangkuman dan kemajuan sekali gus memperkayakan kehidupan serta membantu mencipta masa hadapan yang lebih baik untuk semua rakyat Malaysia.

## INTRODUCTION

Guided by BSN's overarching vision to ensure that 'No Malaysian Left Behind' and in celebration of BSN's 50th anniversary, the **'BSN Care: 50 Hari Memberi'** initiative was launched as a monumental effort to commemorate five decades of BSN continuous commitment to empowering and supporting Malaysians. This programme embodied BSN's dedication, bringing employees together from across the nation to make a meaningful impact in the lives of communities. More than 50 impactful initiatives were implemented under the six key pillars of BSN Care: **Education, Community, Sports, Health & Safety, Sustainable Development Goals (SDGs) and Business Engagement**.

From empowering local businesses with cashless solutions to uplifting underserved communities through educational support, community building efforts and health & safety programmes, as well as championing environmental sustainability, the initiatives highlighted BSN's commitment to holistic development. Through these efforts, BSN not only strengthened its legacy of care but also reaffirmed its role as a catalyst for inclusivity and progress, enriching lives and paving the way for a more equitable future for all Malaysians.

### Pendidikan
### Education

BSN memperkasa generasi masa hadapan dengan merapatkan jurang pendidikan serta memupuk literasi kewangan, mencipta laluan untuk pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan individu yang berterusan untuk para pelajar dari pelbagai latar belakang.

BSN empowers future generations by bridging educational gaps and fostering financial literacy, creating pathways for lifelong learning and sustained personal growth for students from all backgrounds.

### Sukan
### Sports

BSN memupuk semangat kesukanan, kerja berpasukan, dan kesejahteraan fizikal dengan menyokong acara-acara sukan peringkat akar umbi dan kebangsaan, justeru membina masyarakat yang lebih sihat dan bersatu.

We nurture sportsmanship, teamwork, and physical well-being by supporting grassroots and national-level sports events, building healthier and more connected communities.

### Komuniti
### Community

BSN mendukung masyarakat dengan menyediakan perkhidmatan asas, memperbaiki kualiti hidup, dan menyokong segmen terpinggir menerusi inisiatif-inisiatif berimpak.

BSN uplifts communities by providing essential services, improving living conditions, and supporting underserved groups through impactful initiatives.

### Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)
### Sustainable Development Goals (SDGs)

Selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), kami berusaha menangani cabaran global seperti tindakan terhadap perubahan iklim dan pendidikan berkualiti, dengan usaha mewujudkan masa depan yang lestari untuk generasi akan datang.

Aligned with the UN SDGs, we address global challenges such as climate action and quality education, striving to create a sustainable future for generations to come.

### Kesihatan & Keselamatan
### Health & Safety

Inisiatif segmen kesihatan dan keselamatan BSN membantu meningkatkan akses kepada perkhidmatan asas kesihatan, meningkatkan kesedaran, dan mendidik masyarakat untuk menjalani kehidupan yang lebih sihat dan selamat.

Our health and safety initiatives ensure access to essential health services, promote awareness and equip communities to lead healthier, more secure lives.

### Perhubungan Perniagaan
### Business Engagement

BSN memacu kemajuan dengan menyokong usaha-usaha kerjasama dan perkongsian, serta acara-acara dan program-program yang menghubungkan pemain industri, pihak berkepentingan, dan badan berkuasa bagi memupuk pembangunan yang bermakna.

BSN drives progress by facilitating collaboration and partnership as well as supporting events and programmes that connect industry players, stakeholders and authorities to foster meaningful development.

## PENDIDIKAN/EDUCATION

### INISIATIF PENDIDIKAN

Menerusi program BSN Care, BSN terus memperjuangkan pemerkasaan pendidikan dengan menyokong organisasi seperti badan bukan kerajaan (NGO), sekolah-sekolah, dan institusi-institusi yang komited membantu pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah terutamanya B40 serta membantu dalam usaha meningkatkan pembangunan pendidikan di Malaysia. BSN turut memperluaskan usaha ini bagi membantu para pelajar daripada golongan terpinggir, individu berkeperluan khas dan mereka yang tinggal di kawasan luar bandar. Seiring dengan komitmen ini, BSN telah melaksanakan pelbagai inisiatif pendidikan bagi memastikan akses yang saksama kepada pendidikan berkualiti diberikan selain mencipta impak berkekalan untuk generasi seterusnya.

- **BSN Care @ SK Ampang Campuran, Selangor**

  Sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan BSN dalam meningkatkan infrastruktur pendidikan, BSN telah menyumbang kepada kerja-kerja baik pulih kemudahan sekolah. Ini termasuk pembaikan komponen elektrik dan menaik taraf persekitaran pembelajaran yang lebih selamat, moden, dan kondusif untuk pelajar. Dengan memperbaiki aspek-aspek kritikal ini, BSN berhasrat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang baik, sekali gus mendukung kejayaan akademik dan kesejahteraan keseluruhan pelajar-pelajar. Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan BSN dalam mencipta suasana pembelajaran yang lebih efisien demi perkembangan generasi masa hadapan.

- **BSN Care @ Sekolah Menengah Sains Sultan Mohamad Jiwa, Kedah**

  Dalam usaha untuk meningkatkan kesejahteraan pelajar, BSN telah menganjurkan aktiviti gotong-royong dan landskap di 'Laman Minda Sihat' sekolah ini, iaitu ruang santai khas untuk kegunaan para pelajar. Inisiatif ini bertujuan mewujudkan persekitaran yang tenang dan mendamaikan bagi menyokong kesihatan mental pelajar, serta menyediakan ruang untuk mereka berehat dalam menempuh perjalanan akademik mereka. Melalui ruang santai ini, BSN berhasrat untuk memupuk keseimbangan dan ketahanan diri, membantu pelajar mengurus tekanan dan memupuk kesejahteraan seiring dengan pencapaian akademik mereka.

### EDUCATION INITIATIVE

BSN, through its BSN Care programme, continues to champion educational empowerment by supporting non-governmental organisations (NGOs), schools and institutions dedicated to assisting students from low-income families, particularly those within the B40 community and assisting in enhancing the education development in Malaysia. In line with this commitment, BSN has actively implemented various educational initiatives to ensure equitable access to quality education and create a lasting impact on future generations.

- **BSN Care @ SK Ampang Campuran, Selangor**

  As part of BSN's steadfast commitment to enhancing educational infrastructure, the Bank contributed to the refurbishment work of school facilities. This included the repair of electrical components and the upgrade of furniture, which created a safer, more modern and conducive learning environment for students. By improving these critical aspects, BSN aimed to foster a space where students could focus on their studies without distraction, promoting both their academic success and overall well-being. This initiative reflects BSN's ongoing dedication to creating environments that inspire learning and growth for future generations.

- **BSN Care @ Sekolah Menengah Sains Sultan Mohamad Jiwa, Kedah**

  In an effort to enhance student well-being, BSN organised a *gotong-royong* and landscaping activity at the school's 'Laman Minda Sihat', a dedicated space for relaxation and mental wellness. This initiative sought to foster a serene and calming environment that supports students' mental health, offering them a peaceful space to unwind and recharge as they navigate their academic journeys. By creating this sanctuary, BSN aimed to promote balance and resilience, helping students manage stress and cultivate well-being alongside their academic achievements.

# BSN CARE
# BSN CARE

## PENDIDIKAN/EDUCATION

- **BSN Care @ Sekolah Kebangsaan Bukit Sekilau, Pahang**

  BSN membantu 80 pelajar menerusi pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial korporat seperti mengadakan sesi gotong-royong dan mengecat semula sekolah bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih ceria dan kondusif. Selain itu, satu Majlis Khatam Al-Quran telah dianjurkan sebagai platform untuk memupuk perkembangan akademik dan rohani pelajar. Selain meraikan pencapaian akademik mereka, acara ini juga menerapkan nilai-nilai penting yang mempromosi disiplin, semangat kemasyarakatan, dan keimanan. Program ini adalah sebahagian daripada komitmen berterusan BSN dalam meningkatkan kesejahteraan pelajar dan memupuk pembangunan pendidikan yang menyeluruh untuk masyarakat.

- **BSN Care @ Sekolah Kebangsaan Sungai Mas (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA))**

  Sebagai sebahagian daripada inisiatif Bank dalam mendukung masyarakat peribumi, satu program telah dianjurkan bersama Sekolah Kebangsaan Sungai Mas bagi meningkatkan pengalaman pendidikan pelajarnya. Inisiatif ini merangkumi sesi pengenalan sukan ragbi sentuh, sesi literasi kewangan, dan penambahbaikan kepada sudut dinding seni sekolah yang merupakan ruang khas untuk pelajar meluahkan idea dan kreativiti mereka. Dengan matlamat memperkasakan pelajar peribumi dan memupuk penglibatan komuniti, program ini membekalkan mereka dengan kemahiran hidup yang berharga, mendorong kreativiti, serta menyumbang kepada pembangunan keseluruhan para pelajar baik dari segi akademik mahupun peribadi.

- **BSN Care @ Sekolah Kebangsaan Kantan Permai, Selangor**

  Menyedari kepentingan literasi digital dalam dunia hari ini, BSN mengambil langkah proaktif membekalkan para pelajar Tahun 6 di SK Kantan Permai dengan pengetahuan dan kemahiran asas menerusi program kesedaran mengenai buli siber, keselamatan internet, dan penipuan dalam talian. Dalam era di mana golongan muda semakin aktif dalam dunia maya, inisiatif ini penting bagi membantu pelajar memahami risiko lanskap digital dan cara melindungi diri mereka. Dengan memupuk kesedaran, mendorong penggunaan internet yang bertanggungjawab, dan mengajar strategi bagi mengenalpasti serta menangani ancaman dalam talian, BSN memperkasakan pelajar untuk mengemudi dunia digital dengan yakin dan selamat. Program ini menegaskan komitmen BSN dalam memupuk individu yang seimbang dan celik digital, agar mereka berjaya dari segi akademik mahupun peribadi.

- **BSN Care @ Sekolah Kebangsaan Ruminding, Sabah**

  Sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan BSN terhadap pembangunan pendidikan, BSN telah menganjurkan program literasi kewangan yang bertujuan membekalkan pelajar dengan kemahiran asas belanjawan, simpanan, dan pengurusan kewangan yang bertanggungjawab. Program ini menyediakan alat-alat praktikal bagi memperkasakan golongan belia dalam mengurus kewangan peribadi mereka secara bertanggungjawab agar memberi impak positif terhadap perkembangan akademik dan peribadi mereka.

  Selain daripada usaha pendidikan, BSN juga mengambil langkah proaktif menambah baik kawasan rekreasi sekolah dengan membaiki kerosakan dan menaik taraf kemudahan demi manfaat pelajar. Menerusi usaha-usaha ini, BSN telah menceriakan semula infrastruktur taman sekolah, mewujudkan ruang yang lebih menyeronokkan dan mudah diakses bagi menyokong persekitaran rekreasi dan pendidikan untuk pelajar.

- **BSN Care @ Sekolah Kebangsaan Bukit Sekilau, Pahang**

  BSN provided essential support to 80 students through various CSR initiatives such as school clean-up and repainting session, aimed at creating a more vibrant and conducive learning environment. In addition, a *Majlis Khatam Al-Quran* was organised, serving as a platform to nurture both the academic and spiritual growth of the students. The event not only celebrated their academic achievements but also instilled important values, promoting a sense of discipline, community and faith. This programme is part of BSN's ongoing commitment to enhancing student well-being and fostering comprehensive educational development in the community.

- **BSN Care @ Sekolah Kebangsaan Sungai Mas (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA))**

  As part of the Bank's initiative to support and uplift indigenous communities, a programme was organised with Sekolah Kebangsaan Sungai Mas to enhance the educational experience of its students. The initiative included touch rugby introductory coaching, financial literacy sessions and enhancements to the school's art wall corner which is a dedicated space where students could express their thoughts and creativity. With the goal of empowering indigenous students and fostering community engagement, the programme aimed to provide valuable life skills, encourage creativity, and contribute to the overall development of the students, helping them thrive both academically and personally within their community.

- **BSN Care @ Sekolah Kebangsaan Kantan Permai, Selangor**

  Recognising the critical role that digital literacy plays in today's interconnected world, BSN took proactive steps to equip Year 6 students of SK Kantan Permai with essential knowledge and skills through an awareness programme focused on cyberbullying, internet safety and online fraud. In an era where young individuals are increasingly engaged online, this initiative was crucial in helping students understand the potential risks of the digital landscape and how to protect themselves. By fostering awareness, promoting responsible internet use and teaching effective strategies to identify and respond to online threats, BSN empowered students to navigate the digital world confidently and safely. This programme underscored BSN's commitment to nurturing well-rounded, digitally-savvy individuals who are equipped to thrive in both their academic and personal lives.

- **BSN Care @ Sekolah Kebangsaan Ruminding, Sabah**

  As part of BSN's unwavering commitment to educational development, the Bank conducted a financial literacy programme aimed at equipping students with essential skills in budgeting, saving and responsible financial decision-making. The programme was designed to provide practical tools that empowered young people to manage their personal finances effectively, fostering a sense of financial responsibility that positively influenced their academic and personal growth.

  In addition to its educational efforts, BSN also took proactive steps to enhance the local school's recreational area by repairing damages and upgrading facilities to benefit the students. Through these efforts, BSN revitalised the park's infrastructure, creating a more enjoyable and accessible space that supported both leisure and educational opportunities for the students.

## PENDIDIKAN/EDUCATION

- **BSN Care Deepavali 2024: *Illuminating Education Through Cultural Celebration***

  Sempena Perayaan Deepavali, BSN turut meraikan sambutan perayaan tersebut di SJKT Chettiars dengan matlamat berkongsi kegembiraan dan memupuk semangat kemasyarakatan. Acara tersebut merangkumi pemberian sumbangan kepada sekolah, jamuan perayaan, dan pemberian hamper kepada pelajar B40 agar mereka juga dapat meraikan perayaan Deepavali dengan lebih meriah. Selain itu, ceramah motivasi juga telah diadakan untuk memberi inspirasi kepada pelajar, manakala aktiviti penciptaan hiasan lantai tradisional atau kolam melibatkan para pelajar dan pendidik turut diadakan bagi memberi pengalaman budaya yang kreatif. Inisiatif ini menggariskan komitmen BSN dalam meningkatkan kehidupan pelajar, memupuk penghargaan budaya, dan memberi sokongan kepada keluarga yang memerlukan.

- **BSN Care @ Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Negeri Sembilan**

  BSN telah menyumbang kepada penaiktarafan kafeteria Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Inisiatif dengan kerjasama Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina ini merangkumi lukisan mural yang memaparkan Wisma BSN dan produk-produk BSN, dengan gabungan tema perniagaan dan kafeteria. Selain membaik pulih kafeteria bagi meningkatkan fungsi dan daya tarikan estetiknya, BSN juga telah mengadakan program literasi kewangan bagi membekalkan pelajar dengan kemahiran pengurusan kewangan asas yang menyokong perkembangan akademik dan peribadi mereka.

Menerusi inisiatif-inisiatif ini, BSN membuktikan komitmen berterusannya dalam memupuk pendidikan bagi memudahkan akses dan inklusiviti buat semua. Dengan tumpuan ke atas aspek-aspek seperti pembangunan infrastruktur, literasi kewangan serta digital dan penghargaan budaya, BSN membekalkan pelajar dengan sumber dan peluang yang diperlukan untuk perkembangan akademik mereka. Melangkah ke hadapan, BSN akan terus mengukuhkan jangkauan pendidikannya, sekali gus mengukuhkan peranannya dalam membentuk masyarakat yang lebih inklusif dan berilmu.

Komitmen teguh BSN terhadap inisiatif-inisiatif berimpak ini mencerminkan dedikasi BSN dalam mencipta masa hadapan yang lebih cerah menerusi daya transformasi pendidikan. Usaha ini bukan sahaja selari dengan nilai teras BSN, tetapi juga menggariskan misinya dalam memberi impak bermakna kepada masyarakat, meningkatkan taraf pendidikan, dan menyediakan peluang untuk pelajar daripada pelbagai latar belakang.

- **BSN Care Deepavali 2024: Illuminating Education Through Cultural Celebration**

  In conjunction with Deepavali, BSN organised a meaningful celebration at SJKT Chettiars, with the aim of spreading joy and fostering a sense of community. The event featured a donation to the school, a festive feast and hamper giveaways for B40 students, ensuring that they too could partake in the celebrations. Furthermore, a motivational talk was also conducted to inspire students, while a collaborative *kolam* creation activity involving both students and teachers provided a creative and culturally enriching experience. This initiative highlighted BSN's dedication to enhancing the lives of students, fostering cultural appreciation and offering support to families in need.

- **BSN Care @ Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Negeri Sembilan**

  BSN contributed to the upgrading of Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)'s cafeteria. This initiative, executed in partnership with the Faculty of Engineering and Built Environment, included the painting of a mural featuring Wisma BSN and BSN products, incorporating a business and cafeteria theme. In addition to refurbishing the cafeteria to enhance its functionality and aesthetic appeal, BSN also conducted a financial literacy programme, equipping students with essential financial management skills to support their academic and personal growth.

Through these initiatives, BSN has demonstrated its unwavering commitment to fostering accessible and inclusive education for all. By addressing key areas such as infrastructure development, digital literacy, and cultural appreciation, the Bank has equipped students with the resources and opportunities they need to thrive academically and personally. Looking ahead, BSN remains dedicated to strengthening its educational outreach, further reinforcing its role in shaping a more inclusive and knowledgeable society.

BSN's steadfast commitment to these impactful initiatives reflects the Bank's dedication to creating a brighter future through the transformative power of education. These philanthropic efforts not only align with BSN's core values but also highlight its mission to make a meaningful impact on communities, elevate educational standards, and provide equal opportunities for students across diverse backgrounds.

# BSN CARE
# BSN CARE

## KESIHATAN & KESELAMATAN/HEALTH & SAFETY

### INISIATIF KESIHATAN & KESELAMATAN

Komitmen BSN dalam memupuk persekitaran perniagaan yang lestari dan bertanggungjawab ditekankan menerusi segmen Kesihatan & Keselamatan yang merupakan komponen utama dalam inisiatif BSN Care. Segmen ini mencerminkan komitmen BSN terhadap kesejahteraan masyarakat dan berfungsi sebagai elemen kritikal dalam memastikan kejayaan jangka panjang BSN. Dengan tumpuan ke atas kesihatan dan keselamatan, BSN secara aktif menyumbang kepada pembangunan lestari masyarakat, menegaskan peranannya sebagai entiti korporat menerusi tanggungjawab sosial.

Segmen Kesihatan & Keselamatan terus menjadi teras dalam strategi BSN Care. Kami menyedari tanggungjawab dalam memastikan persekitaran yang selamat dan sihat untuk masyarakat, di mana ia bukan sekadar inisiatif korporat semata-mata tetapi juga sebagai pembangunan yang strategik. Menerusi pelbagai program yang dilaksanakan, BSN terus berusaha memberi impak yang bermakna kepada mereka yang memerlukan.

Pada tahun 2024, BSN meneruskan komitmennya terhadap segmen Kesihatan & Keselamatan menerusi satu pendekatan menyeluruh dengan melaksanakan beberapa inisiatif di bawah program BSN Care.

- **Sambutan Tahun Baharu Cina BSN Care 2024 - Membantu Kanak-kanak Kurang Berkemampuan yang Menghidap Penyakit Kronik**

  Sempena sambutan Tahun Baharu Cina, BSN telah menghulurkan bantuan kepada Valencia Chong Zi (seperti gambar di atas), seorang kanak-kanak yang didiagnosis dengan penyakit *Stiff Person Syndrome and Dystonia*, di mana ia mengganggu kemampuannya untuk bernafas, berdiri, menangis, bercakap, dan melakukan aktiviti harian. Bagi memastikan beliau menerima rawatan perubatan dan kesihatan yang sewajarnya, BSN telah menghulurkan sumbangan dengan menyediakan peralatan perubatan seperti kerusi untuk mandi, kerusi roda bayi (*stroller*) dan lain-lain bantuan kesihatan. BSN juga turut menganjurkan majlis makan malam keluarga Valencia bagi menceriakan sambutan perayaan ini untuk keluarganya, sekali gus memupuk semangat kebersamaan. Selain itu, Bank turut menyumbang pakaian perayaan dan hiasan rumah baharu, termasuk sofa dan hiasan perayaan lain, bagi menceriakan lagi suasana sambutan Tahun Baharu Cina di kediaman mereka.

### HEALTH & SAFETY INITIATIVE

As part of BSN's commitment to fostering a sustainable and responsible business environment, the Bank places significant emphasis on the Health & Safety pillar as a fundamental component of the BSN Care initiative. This pillar reflects BSN's dedication to societal wellbeing and serves as a critical element in ensuring the organisation's long-term resilience and success. By prioritising health and safety, BSN actively contributes to the sustainable development of communities, reinforcing its role as a socially responsible corporate entity.

The Health & Safety pillar remains at the core of BSN Care's strategy. The Bank acknowledges its responsibility in promoting a safe and healthy society, recognising that ensuring wellbeing is not just a corporate initiative but a strategic imperative. Through various programmes and outreach efforts, BSN continuously strives to make a meaningful impact in this domain.

In 2024, BSN reaffirmed its commitment to health and safety through a comprehensive approach, undertaking several key initiatives under the BSN Care programme.

- **BSN Care Chinese New Year 2024 - Supporting Underprivileged Child with Chronic Disease**

  In the spirit of Chinese New Year, BSN extended its support to Valencia Chong Zi (as per image above), a child diagnosed with the rare disease of Stiff Person Syndrome and Dystonia, which affects her ability to breathe, stand, cry, talk and perform other daily functions. To ensure she received the necessary medical treatment and healthcare services, BSN stepped in to improve her overall wellbeing, enabling her to partake in the festive celebrations with her family. As part of this initiative, BSN provided essential medical equipment, including a bath chair, stroller and other vital healthcare aids. To bring warmth and joy to her family during the season, BSN also organised a Chinese New Year reunion dinner celebration, fostering a sense of togetherness. Additionally, the Bank contributed new festive attire and home decorations, including a new couch and festive embellishments, to enhance the celebratory atmosphere.

## KESIHATAN & KESELAMATAN/HEALTH & SAFETY

- **Sumbangan untuk Nur Huzaifah Husna bagi Menjalani Pembedahan '*Box Osteotomy of The Orbit*'**

  BSN memberi sumbangan kepada Nur Huzaifah Husna binti Mohd Azrin, seorang pesakit berusia 16 tahun yang menerima rawatan di Klinik Kraniofasial di Universiti Malaya, yang didiagnosis dengan *coronal craniosynostosis* sebelah kanan serta *hipertelorisme* dan *frontal bossing* iaitu satu keadaan kongenital yang mempengaruhi struktur tengkorak dan ciri-ciri wajah. Menyedari kesan mendalam keadaan ini terhadap kehidupan hariannya, BSN telah menyumbang RM25,036.00 untuk membiayai prosedur pembedahan '*Box Osteotomy of The Orbit*'. Pembedahan ini bertujuan merawat kesihatan fizikal dan kesejahteraan emosi beliau, seterusnya meningkatkan kualiti hidup dan memberi beliau keyakinan untuk menghadapi masa hadapan yang lebih baik.

- **BSN Care Jalan-Jalan Selamat Hari Malaysia**

  Sempena sambutan Hari Malaysia dan mengambil kira peningkatan aktiviti perjalanan sepanjang cuti hujung minggu yang panjang, BSN telah melaksanakan inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dengan mengagihkan Kit Kecemasan Kereta sebagai usaha memperkukuh komitmennya terhadap keselamatan jalan raya. Menyedari bahawa kerosakan atau kecemasan yang tidak dijangka boleh menimbulkan risiko besar kepada pengguna jalan raya, inisiatif ini membekalkan peralatan penting bagi membantu mereka menghadapi situasi luar jangka dengan lebih berkesan. Setiap kit mengandungi barangan kecemasan penting seperti kon jalan raya boleh lipat, kabel penyambung bateri, tali penunda, sarung tangan, pisau pelbagai fungsi (*Swiss knife*), tolok tekanan tayar serta alat pemadam api bersaiz 0.5L. Dengan kit ini, BSN bukan sahaja membantu memastikan perjalanan yang lebih selamat, malah turut memupuk budaya bersiap siaga dalam kalangan rakyat Malaysia agar dapat meneruskan perjalanan dengan lebih yakin dan tenang.

- **BSN Jengah, Titipan Kasih Harian Metro (TKHM) Singgah**

  BSN telah bekerjasama dengan Titipan Kasih Harian Metro (TKHM) bagi membantu pengamal media yang menghidap penyakit kronik atau serius, sekali gus mengukuhkan komitmennya terhadap tanggungjawab sosial dan kesejahteraan mereka. Menerusi inisiatif ini, BSN menyumbang Kotak Rezeki yang mengandungi barangan keperluan asas harian serta sumbangan wang tunai bagi meringankan beban kewangan mereka. Penerima bantuan telah dipilih dengan teliti oleh Harian Metro yang terdiri daripada pengamal media daripada agensi media terkemuka seperti New Straits Times (NST), Harian Metro, ASTRO Awani, Utusan Malaysia, RTM, Berita Harian, Tamil Malar, dan Sinar Harian. Usaha ini bukan sahaja membantu golongan yang memerlukan, tetapi juga mengukuhkan lagi hubungan BSN dengan komuniti media.

- **Donation to Nur Huzaifah Husna for the Box Osteotomy of The Orbit' surgical procedure**

  BSN extended its support to Nur Huzaifah Husna binti Mohd Azrin, a 16-year-old patient under the care of the Craniofacial Clinic at the University of Malaya, who has been diagnosed with right-sided coronal craniosynostosis with hypertelorism and frontal bossing – a congenital condition that affects skull structure and facial features. Understanding the profound impact of this condition on her daily life, BSN contributed RM25,036.00 to fund the 'Box Osteotomy of The Orbit' surgical procedure. This life-changing surgery is intended to improve both her physical health and emotional well-being, ultimately enhancing her quality of life and giving her the confidence to embrace the future with hope.

- **BSN Care Jalan-Jalan Selamat Hari Malaysia**

  In conjunction with Hari Malaysia and recognising the surge in travel activities during the long weekend, BSN conducted a corporate social responsibility (CSR) initiative to distribute Emergency Car Kits, reinforcing its commitment to road safety. Acknowledging that unexpected breakdowns or emergencies can pose significant risks to travellers, this initiative aimed to equip road users with essential tools to manage unforeseen situations effectively. Each kit included crucial emergency items such as a collapsible road cone, jumper cables, a tow rope, work gloves, a multifunctional Swiss knife, a tyre gauge and a 0.5L fire extinguisher. By providing these kits, BSN not only promoted safer journeys but also fostered a culture of preparedness, ensuring that Malaysians could travel with greater confidence and peace of mind.

- **BSN Jengah, Titipan Kasih Harian Metro Singgah**

  BSN collaborated with Titipan Kasih Harian Metro (TKHM) to support media professionals facing chronic or serious illnesses, reaffirming its commitment to social responsibility and the wellbeing of those in the industry. Through this initiative, BSN provided much-needed assistance in the form of Kotak Rezeki, which contained essential daily necessities, along with cash donations to help alleviate financial burdens. Recipients were carefully selected by Harian Metro comprising professionals from esteemed media outlets such as New Straits Times (NST), Harian Metro, ASTRO Awani, Utusan Malaysia, RTM, Berita Harian, Tamil Malar and Sinar Harian. This effort not only extended vital support to those in need but also reinforced BSN's strong and enduring ties with the media community.

# BSN CARE
BSN CARE

## KESIHATAN & KESELAMATAN/HEALTH & SAFETY

- **Rawatan Terapi Berkuda untuk Kanak-kanak Berkeperluan Khas bersama Riding Disable Association Malaysia (RDA)**

  BSN memberi sokongan kepada rawatan terapi berkuda, sebuah inisiatif pemulihan yang memanfaatkan aktiviti berkuda bagi membantu individu berkeperluan khas, terutamanya kanak-kanak dengan autisme, *cerebral palsy*, dan sindrom down. Terapi ini melibatkan aktiviti bimbingan koordinasi fizikal, kesejahteraan emosi, dan keyakinan diri menerusi sesi tunggangan berkuda. Kakitangan BSN turut membantu dengan menjadi sukarelawan '*side-walkers*' bagi memastikan keselamatan dan keselesaan kanak-kanak terlibat sepanjang sesi berlangsung terjaga. Selain itu, para sukarelawan turut membantu menyelenggara fasiliti ini menerusi kerja-kerja pembersihan kandang dan penjagaan kuda. Usaha ini mencerminkan komitmen BSN dalam memupuk keterangkuman dan kesejahteraan holistik masyarakat.

Menerusi inisiatif-inisiatif ini, BSN telah mengukuhkan komitmennya dalam membantu meningkatkan usaha menerusi segmen kesihatan dan keselamatan sebagai sebahagian penting daripada inisiatif BSN Care. Dengan tumpuan ke atas aspek-aspek utama seperti bantuan perubatan, keselamatan jalan raya, sokongan untuk kumpulan rentan, dan program rawatan terapi, BSN telah memperluaskan usahanya dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Melangkah ke hadapan, BSN akan terus komited untuk mengukuhkan jangkauannya dalam aspek kesihatan dan keselamatan bagi memastikan lebih ramai individu menerima bantuan dan sumber sewajarnya untuk meningkatkan kualiti hidup mereka.

- **Equine-Assisted Therapy for Special Needs Children with Riding Disable Association Malaysia (RDA)**

  BSN extended its support to Equine-Assisted Therapy, a rehabilitative initiative that leverages horseback riding to aid individuals with special needs, particularly children with autism, cerebral palsy and down syndrome. This therapy promotes physical coordination, emotional wellbeing and confidence through guided riding sessions. BSN staff actively participated as side-walkers, ensuring the safety and comfort of the children throughout the sessions. Additionally, volunteers contributed to the upkeep of the facility by assisting in stable cleaning and horse care, reflecting BSN's commitment to fostering inclusivity and holistic wellbeing within the community.

Through these initiatives, BSN has reinforced its unwavering commitment to promoting health and safety as an integral part of BSN Care. By addressing key areas such as medical assistance, road safety, support for vulnerable groups and therapeutic programmes, the Bank has extended its efforts to enhance the wellbeing of diverse communities. Moving forward, BSN remains dedicated to strengthening its health and safety outreach, ensuring that more individuals receive the necessary support and resources to improve their quality of life.

## KOMUNITI/COMMUNITY

### INISIATIF KOMUNITI

BSN terus komited dalam usaha menyokong komuniti yang memerlukan, dengan segmen Komuniti menjadi salah satu teras utama dalam nilai-nilai korporatnya. Menerusi segmen ini, BSN secara konsisten terus berusaha mendorong perubahan yang bermakna dan mampan, dengan tumpuan ke atas impak positif jangka panjang untuk golongan masyarakat yang paling terkesan. Dengan menangani cabaran khusus yang dihadapi oleh golongan terpinggir ini, BSN berusaha untuk mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat di pelbagai kawasan di Malaysia. Usaha-usaha ini bukan sahaja mencerminkan komitmen Bank dalam memenuhi tanggungjawab sosialnya, tetapi juga dalam memenuhi visi "Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan". Justeru, BSN terus memperkasakan masyarakat, memupuk keterangkuman dan menyumbang kepada masa hadapan yang lebih cerah dan saksama untuk semua rakyat Malaysia.

Pada tahun 2024, BSN telah melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut di bawah segmen Komuniti untuk memperkukuhkan komitmennya terhadap kesejahteraan dan memastikan impak berpanjangan untuk masyarakat terpinggir selain meningkatkan kualiti hidup komuniti di seluruh Malaysia.

- **BSN Care Ikhlas Ramadan 2024**

  Ramadan adalah bulan untuk berkongsi rezeki dan bagi mengimarahkan ibadah di bulan ini, BSN telah menganjurkan 'BSN Care Ikhlas Ramadan 2024' dengan penyediaan juadah iftar untuk lebih 14,000 penerima di seluruh Malaysia. Inisiatif ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan bersama petugas barisan hadapan, pelajar universiti dan masyarakat, sambil memupuk amalan bersedekah. Dengan membantu golongan yang memerlukan, BSN mengukuhkan komitmennya terhadap tanggungjawab sosial dan keterangkuman, memastikan tiada yang terpinggir sepanjang bulan yang mulia ini.

- **BSN Care Raya 2024: *Sewing Seeds of Hope***

  Sempena sambutan Aidilfitri, BSN bekerjasama dengan Women of Will (WOW) untuk memperkasakan 11 usahawan wanita B40 di Pusat Jahitan Komuniti (CSC) di PPR Lembah Subang. BSN telah menyumbang mesin jahit, seterika industri dan peralatan penting lain, bagi membantu meringankan beban kehidupan dan kewangan yang dihadapi oleh penerima selain mewujudkan sumber pendapatan berterusan untuk mereka. Menerusi inisiatif ini, BSN juga telah membeli 200 pasang baju raya yang disumbangkan kepada komuniti PPR Lembah Subang bagi menceriakan sambutan perayaan mereka dan membantu keluarga yang memerlukan.

### COMMUNITY INITIATIVE

BSN has long upheld a strong commitment to supporting communities in need, with its Community pillar serving as a cornerstone of its corporate values. Through this pillar, the Bank has consistently worked to drive meaningful and sustainable change, focusing on creating positive, long term impacts for the most vulnerable sectors of society. By addressing the specific challenges faced by underserved and marginalised groups, BSN has sought to uplift the quality of life across various regions in Malaysia. These efforts not only reflect the Bank's dedication to fulfilling its social responsibility but also exemplify its unwavering commitment to its guiding vision: "No Malaysian Left Behind." In this way, BSN continues to empower communities, foster inclusivity and contribute to a brighter, more equitable future for all Malaysians.

In 2024, BSN has conducted the following initiatives under its Community pillar to reinforce its commitment to health and safety, ensuring a lasting impact on underserved communities and improving the quality of life across Malaysia.

- **BSN Care Ikhlas Ramadan 2024**

  Ramadan is a month of giving, and in honour of this sacred observance, BSN organised 'BSN Care Ikhlas Ramadan 2024' to provide iftar meals to over 14,000 recipients across Malaysia. This initiative aimed to support frontline workers, university students and communities, fostering a spirit of charity (sadaqah) and strengthening BSN's relationship with the community. By extending its support to those in need, BSN reaffirmed its commitment to social responsibility and inclusivity, ensuring that no one was left behind during this meaningful time of reflection and generosity.

- **BSN Care Raya 2024: Sewing Seeds of Hope**

  In conjunction with the Aidilfitri celebration, BSN collaborated with Women of Will (WOW) to empower 11 B40 women entrepreneurs at the Community Sewing Centre (CSC) in PPR Lembah Subang. BSN provided a donation consisting of sewing machines, industrial irons and other essential equipment, which helped alleviate the livelihoods and financial challenges faced by the recipients while establishing sustainable sources of income for the women. Through this initiative, BSN purchased 200 baju raya, which were donated to the PPR Lembah Sumbang community, spreading festive joy and support to families in need.

# BSN CARE
## BSN CARE

### KOMUNITI/COMMUNITY

Selain itu, BSN juga telah mengadakan bengkel kemahiran perniagaan dan keusahawanan bagi membekalkan para peserta dengan pengetahuan dan peralatan yang diperlukan khusus untuk membantu mengembangkan perniagaan mereka. Selain menyokong para usahawan, inisiatif ini juga memupuk semangat kemasyarakatan menerusi pengagihan barangan sumbangan kepada keluarga berpendapatan rendah. Sumbangan ini telah meningkatkan kesejahteraan hidup usahawan-usahawan wanita ini dan keluarga mereka sekali gus meningkatkan usaha ke arah kestabilan kewangan jangka panjang dan kualiti hidup yang lebih baik. Menerusi usaha ini, BSN terus mengutuhkan komitmennya untuk memperkasa komuniti yang kurang mendapat perhatian, dengan mewujudkan ruang ke arah pemerkasaan dan keupayaan kendiri.

- **BSN Care @ Rumah Perlindungan Nur Qaseh, Selangor**

  BSN telah menceriakan perayaan Aidilfitri untuk 30 anak yatim di Rumah Perlindungan Nur Qaseh. Program ini merangkumi sumbangan pakaian raya dan majlis berbuka puasa semasa bulan Ramadan agar anak-anak tersebut turut merasai kegembiraan perayaan ini. Menerusi usaha ini, BSN mempertingkatkan usahanya dalam menyantuni kanak-kanak yang memerlukan, menyebarkan kegembiraan semasa musim perayaan, dan memupuk semangat kemasyarakatan serta keprihatinan.

- **BSN Care @ Pertubuhan Kebajikan dan Bimbingan At-Taqwa, Selangor**

  Sempena Aidilfitri, BSN telah menganjurkan sambutan perayaan di Pertubuhan Kebajikan dan Bimbingan At-Taqwa dengan menyantuni 55 penghuni kanak-kanak di rumah kebajikan tersebut. Sebagai sebahagian daripada program ini, setiap kanak-kanak tersebut menerima RM180.00 untuk membeli pakaian raya dan barangan keperluan lain, selain sumbangan duit raya bagi menceriakan sambutan perayaan mereka. Inisiatif ini juga bertujuan meringankan beban kewangan pusat kebajikan tersebut dan pada masa yang sama mempertingkatkan komitmen berterusan BSN dalam mendukung golongan masyarakat yang memerlukan.

- **BSN Care Pembersihan Pantai di Teluk Senangin, Perak**

  BSN telah menganjurkan inisiatif pembersihan pantai dengan kerjasama komuniti Teluk Senangin bagi mendukung kelestarian alam sekitar dan tanggungjawab bersama dalam memelihara alam semulajadi. BSN juga menyumbang 10 bangku untuk kegunaan awam selain mewujudkan persekitaran yang lebih bersih dan mesra. Inisiatif ini mencerminkan komitmen BSN terhadap kesejahteraan masyarakat dan pembangunan lestari, dengan penekanan ke atas kepentingan memelihara alam sekitar serta kawasan awam.

Additionally, BSN conducted a workshop on business skills and entrepreneurship to further equip the women with the knowledge and tools needed to expand their ventures. The initiative not only supported the entrepreneurs but also fostered a strong sense of community through the distribution of these items to low-income families. The donation significantly enhanced the well-being of both the women entrepreneurs and their families, contributing to long term financial independence and a better quality of life. Through this effort, BSN reinforced its commitment to uplifting underserved communities, creating pathways for empowerment and self-sufficiency.

- **BSN Care @ Rumah Perlindungan Nur Qaseh, Selangor**

  BSN organised a festive initiative for 30 orphans residing at Rumah Perlindungan Nur Qaseh in celebration of Aidilfitri. The programme included the donation of eid's attire and a break fast event during Ramadan, ensuring the children felt included in the festivities despite their challenging circumstances. Through this effort, BSN reaffirmed its commitment to supporting children in need, spreading joy during meaningful occasions and fostering a sense of community and care.

- **BSN Care @ Pertubuhan Kebajikan dan Bimbingan At-Taqwa, Selangor**

  In celebration of Aidilfitri, BSN organised a festive initiative at Pertubuhan Kebajikan dan Bimbingan At-Taqwa to bring joy and support to 55 children. As part of the programme, each child received RM180.00 to purchase eid's attire and essential items, along with *duit raya*, ensuring they could experience the festivities with happiness and joy. Beyond spreading festive cheer, this initiative also alleviated the financial responsibilities of the centre, reflecting BSN's ongoing commitment to uplifting communities and providing meaningful support to those in need.

- **BSN Care Beach Cleaning at Teluk Senangin, Perak**

  BSN organised a beach cleaning initiative in collaboration with the Teluk Senangin community to promote environmental sustainability and encourage collective responsibility for preserving natural spaces. As part of the programme, BSN also donated 10 benches to enhance public amenities, providing visitors and residents with comfortable seating areas while fostering a cleaner, more welcoming environment. This initiative reflected BSN's commitment to community wellbeing and sustainable development, reinforcing the importance of caring for both the environment and shared public spaces.

## KOMUNITI/COMMUNITY

- **BSN Care @ Pusat Jagaan Al-Fikrah Malaysia, Selangor**

  BSN telah menjalankan inisiatif CSR di Pusat Jagaan Al-Fikrah Malaysia bagi meningkatkan kesejahteraan penghuni pusat jagaan tersebut. BSN telah menyumbang barangan keperluan asas seperti beras, minyak masak, dan sabun mandian, serta pek makanan bagi menjamin keperluan harian penghuni pusat jagaan ini. Selain itu, aktiviti gotong-royong juga dijalankan bagi memastikan kebersihan dan keselesaan rumah kebajikan tersebut. Demi kelestarian alam sekitar, BSN turut mengadakan aktiviti penanaman pokok di kawasan pusat jagaan ini bagi mewujudkan persekitaran yang lebih hijau dan segar untuk penghuni. Menerusi inisiatif ini, BSN meneguhkan komitmennya terhadap kebajikan masyarakat dengan memupuk keselesaan dan keprihatinan terhadap golongan yang memerlukan.

- **Berambeh Bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak**

  BSN dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak telah menjalankan inisiatif pemerkasaan usahawan kecil di negeri ini. Program ini merangkumi bantuan menyeluruh seperti bimbingan pembukaan gerai, taklimat literasi kewangan, serta latihan khas pembuatan kek. Usaha-usaha ini bertujuan memperlengkapkan peniaga tempatan dengan kemahiran asas untuk mengembangkan perniagaan mereka selain meningkatkan kebolehan pengurusan kewangan. Dengan tumpuan ke atas aspek praktikal dan kewangan dalam keusahawanan, BSN berhasrat memperkukuhkan ekonomi tempatan dan memupuk semangat berdikari, seterusnya menyumbang kepada pembangunan serta kelestarian perniagaan kecil dalam komuniti.

- **BSN Care @ Rumah Anak Yatim dan Asnaf As-Solihin**

  Sebagai sebahagian daripada komitmen BSN untuk memperkasa masyarakat terpinggir, satu program dengan kerjasama Rumah Anak Yatim dan Asnaf As-Solihin telah dianjurkan bagi memberi pendidikan literasi kewangan kepada anak-anak yatim serta menyampaikan sumbangan penting untuk memperbaiki kualiti hidup mereka. Inisiatif ini merangkumi penyediaan makanan tengah hari, sumbangan wang tunai, dan pembaikan pintu tandas asrama. Program ini bertujuan mempersiapkan anak-anak ini dengan kemahiran asas hidup, memperkasakan mereka dalam membuat keputusan kewangan yang bijak dan memastikan keperluan semasa mereka dipenuhi. Dengan mendukung pendidikan dan kesejahteraan mereka, inisiatif ini memupuk semangat berdikari selain menyumbang kepada persekitaran yang lebih stabil untuk anak-anak ini.

- **BSN Care @ Pusat Jagaan Al-Fikrah Malaysia, Selangor**

  BSN conducted a CSR initiative at Pusat Jagaan Al-Fikrah Malaysia to support the wellbeing of its residents. As part of the programme, BSN donated essential items, including rice, cooking oil and body wash, along with packed food to ensure the residents had access to daily necessities. Additionally, a *gotong-royong* activity was carried out to enhance the cleanliness and comfort of the home. To promote environmental sustainability, BSN also organised a tree planting activity within the centre's compound, creating a greener and more refreshing environment for the residents. Through this initiative, BSN reinforced its commitment to community welfare, fostering a sense of respect, comfort and care for those in need.

- **Berambeh Bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak**

  BSN conducted a collaborative initiative with the Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak to support and empower small entrepreneurs in the region. The programme included comprehensive assistance, such as providing guidance on booth setup, conducting financial literacy briefings and offering specialised cake-baking training. These efforts were designed to equip local business owners with essential skills to grow their ventures while enhancing their understanding of sound financial management. By addressing both practical and financial aspects of entrepreneurship, BSN aimed to strengthen the local economy and foster a spirit of self-reliance, contributing to the overall development and sustainability of small businesses within the community.

- **BSN Care @ Rumah Anak Yatim dan Asnaf As-Solihin**

  As part of BSN's commitment to empowering underserved communities, a programme was organised with Rumah Anak Yatim dan Asnaf As-Solihin to provide financial literacy education to orphans and offer essential donations to improve their living conditions. The initiative included cooking preparation for lunch, a cash donation, and repairing the dormitory toilet doors to enhance the children's environment. This programme aimed to equip the children with vital life skills, empowering them to make informed financial decisions in the future, while also ensuring their immediate needs were met. By supporting both their education and well-being, the initiative fostered independence and contributed to a more stable and nurturing environment for the children.

# BSN CARE
## BSN CARE

### KOMUNITI/COMMUNITY

- **BSN Care @ Rumah Seri Kenangan Ulu Kinta, Perak**

  BSN telah menganjurkan aktiviti gotong-royong di Rumah Seri Kenangan Ulu Kinta, Perak bagi meningkatkan kualiti hidup penghuni warga emas rumah kebajikan ini. Inisiatif ini juga merangkumi sumbangan barangan baharu dan terpakai kepada rumah penjagaan tersebut demi kesejahteraan penghuninya. Para sukarelawan turut serta dalam usaha menambah baik persekitaran rumah kebajikan ini sebagai tanda keprihatinan terhadap penghuninya. Selain memperbaiki persekitaran tempat tinggal mereka, inisiatif ini turut memupuk semangat kemasyarakatan sekali gus menunjukkan komitmen BSN dalam menyantuni warga emas dan golongan yang memerlukan.

- **BSN Care Menyantuni Masyarakat di Rantau Panjang, Klang, Selangor**

  BSN telah menganjurkan program penyediaan bantuan makanan asas kepada 95 keluarga Asnaf di Rantau Panjang, Klang, menerusi Masjid Ahmadi. Inisiatif ini bertujuan memenuhi keperluan asas keluarga kurang berkemampuan dengan menyediakan bekalan makanan asas dan pada masa yang sama membantu meringankan beban kewangan mereka. Selain agihan makanan, program ini turut memupuk penyertaan masyarakat setempat dalam aktiviti pembersihan dan pembaikan masjid. Inisiatif ini bukan sahaja mendukung keluarga-keluarga terbabit, malah memupuk semangat perpaduan dan keprihatinan dalam masyarakat, menandakan komitmen berterusan BSN terhadap tanggungjawab sosial dan kebajikan komuniti.

- **BSN Care @ Zoo Melaka**

  BSN menjalankan program penambahbaikan fasiliti di Zoo Melaka serta kesedaran mengenai pemeliharaan alam sekitar. Kakitangan BSN turut serta dalam usaha pembersihan, melukis mural di kawasan zoo haiwan peliharaan, serta menyumbang bangku untuk keselesaan pengunjung. Selain itu, program ini juga merangkumi sumbangan jet air, makanan haiwan dan bekalan asas lain untuk membantu operasi zoo. Selain menaik taraf infrastruktur zoo, inisiatif ini juga menekankan kepentingan pemeliharaan hidupan liar serta memupuk rasa tanggungjawab terhadap perlindungan alam sekitar.

- **BSN Care @ Taman Rekreasi Gunung Reng, Kelantan**

  Sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk memelihara dan melindungi alam sekitar serta menaik taraf kemudahan di taman rekreasi, BSN telah menganjurkan aktiviti pembersihan di Taman Rekreasi Gunung Reng, Jeli. Selain aktiviti pembersihan, BSN juga menyumbang sebuah gazebo agar pengunjung boleh berehat dan menikmati pemandangan indah taman tersebut. Selain menaik taraf ruang rekreasi awam, inisiatif ini juga memupuk rasa tanggungjawab terhadap alam sekitar dan kepimpinan masyarakat, justeru menggalakkan orang ramai untuk turut serta dalam usaha memelihara kawasan hijau setempat.

- **BSN Care @ Rumah Seri Kenangan Ulu Kinta, Perak**

  BSN organised a *gotong-royong* activity at Rumah Seri Kenangan Ulu Kinta, focused on improving the living conditions of elderly residents. The initiative also involved the donation of both new and gently used items to the care home, aimed at enhancing the comfort and wellbeing of the residents. Volunteers actively participated in transforming the environment, ensuring the elderly felt supported, cared for and valued. This effort not only uplifted the residents' surroundings but also fostered a sense of community and support, demonstrating BSN's commitment to enriching the lives of those in need and promoting the value and worth of the elderly.

- **BSN Care Reaches Out to the Community of Rantau Panjang, Klang, Selangor**

  BSN organised a compassionate programme to provide essential food aid to 95 Asnaf families in Rantau Panjang, Klang, through Masjid Ahmadi. The initiative aimed to address the basic needs of underprivileged families by offering vital food supplies, easing their financial strain. In addition to the food distribution, the programme fostered community involvement through mosque cleaning and repair activities, encouraging local participation in maintaining the mosque's facilities. This initiative not only supported the families but also promoted unity and care within the community, highlighting BSN's ongoing commitment to social responsibility and community welfare.

- **BSN Care @ Zoo Melaka**

  BSN conducted a programme at Zoo Melaka to enhance the zoo's facilities and raise awareness about environmental conservation. As part of the initiative, BSN staff participated in a cleaning effort, painted a mural at the petting zoo area and donated benches to provide visitors with greater comfort. Additionally, the programme included the donation of a water jet, animal food and other essential supplies to support the zoo's operations. This effort not only improved the zoo's infrastructure but also encouraged community involvement in wildlife preservation, fostering a greater sense of responsibility towards protecting the environment.

- **BSN Care @ Taman Rekreasi Gunung Reng, Kelantan**

  As part of BSN initiative to preserve and protect the natural environment as well as enhancing the park's amenities, BSN organised a cleaning initiative at Taman Rekreasi Gunung Reng, Jeli. In addition to the cleanup, BSN donated a gazebo to provide visitors with a comfortable space to relax and enjoy the park's scenic surroundings. This initiative aimed not only to improve the public recreational space but also to foster a sense of environmental responsibility and community stewardship, encouraging the public to actively participate in preserving and enhancing local green spaces.

## KOMUNITI/COMMUNITY

- **BSN Care @ Pusat Transit Gelandangan, Jalan C.Y. Choy, Pulau Pinang**

  BSN telah menyantuni komuniti gelandangan di Pulau Pinang dengan menawarkan pemotongan rambut percuma, agihan makanan sarapan dan aktiviti gotong-royong bagi meningkatkan kualiti hidup mereka. Dengan memenuhi keperluan fizikal dan emosi mereka, inisiatif ini bertujuan membantu golongan gelandangan serta memupuk semangat perpaduan dan kasih sayang dalam kalangan masyarakat setempat. Selain sumbangan bantuan asas, inisiatif ini juga menekankan komitmen BSN dalam mendukung kehidupan masyarakat rentan.

- **BSN Care @ Taman Eco Rimba Sungai Tekala, Selangor**

  Sejajar dengan komitmen berterusan BSN terhadap pemeliharaan alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat, BSN telah menganjurkan inisiatif CSR di Taman Eco Rimba Sungai Tekala, Semenyih, Selangor. Program ini tertumpu kepada menaik taraf kawasan tebing sungai dan fasiliti sekitarnya bagi mewujudkan ruang yang lebih lestari dan mesra pengunjung. Kakitangan BSN turut serta dalam pelbagai aktiviti pembersihan termasuk penyelenggaraan tandas, bilik persalinan, kawasan rekreasi dan laluan *trekking* hutan agar ruang-ruang ini kekal terjaga dan boleh diakses oleh semua. Selain usaha pembersihan, BSN turut memasang tempat duduk batu, tong sampah kitar semula serta dua lampu solar bagi memastikan kelestarian taman ini. BSN juga menyumbang pakaian solat bagi kegunaan pengunjung. Menerusi inisiatif ini, BSN berhasrat mempromosikan tanggungjawab alam sekitar selain mewujudkan ruang yang bersih, selesa dan inklusif untuk semua.

- **BSN Care @ Surau Ar-Rahman, Pahang**

  BSN dengan kerjasama komuniti setempat di Janda Baik, Pahang, telah menjalankan aktiviti pembersihan dan penyelenggaraan Surau Ar-Rahman. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan keadaan persekitaran surau agar ia kekal mesra pengguna dan kondusif untuk beribadah. Dengan penglibatan aktif masyarakat, program ini menekankan kepentingan tanggungjawab dan penyertaan bersama dalam menjaga dan memelihara ruang-ruang ibadah. Usaha ini mencerminkan komitmen BSN terhadap kesejahteraan komuniti, mengukuhkan nilai kerjasama dan keprihatinan dalam memelihara ruang-ruang penting untuk keperluan rohani dan sosial.

- **BSN Care @ Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Ulin Nuha, Selangor**

  BSN telah menyantuni penghuni Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Ulin Nuha dengan menjalankan aktiviti pembersihan, menyumbang barangan keperluan, serta mengadakan sambutan ulang tahun untuk penghuni kanak-kanak di situ. Program ini bertujuan mewujudkan persekitaran yang kondusif agar kanak-kanak ini merasa dihargai, terjaga, dan disayangi. Dengan menceriakan hidup dan memenuhi keperluan asas mereka, BSN meneguhkan komitmennya dalam memelihara kebajikan kanak-kanak ini menerusi usaha murni ini sekali gus mengukuhkan semangat kemasyarakatan dan keprihatinan.

- **BSN Care @ Pusat Transit Gelandangan, Jalan C.Y. Choy, Pulau Pinang**

  BSN organised a meaningful event for the homeless community in Pulau Pinang, offering much-needed support and care. The programme included free haircuts, the distribution of packed breakfast food and a *gotong-royong* activity aimed at improving the immediate living conditions of the participants. By addressing both practical needs and emotional wellbeing, the initiative sought to provide comfort and support to the homeless while fostering a sense of togetherness and compassion within the local community. This effort not only delivered essential assistance but also reinforced BSN's ongoing commitment to uplifting the most vulnerable members of society.

- **BSN Care @ Taman Eco Rimba Sungai Tekala, Selangor**

  In line with BSN's ongoing commitment to environmental stewardship and community wellbeing, the bank organised a CSR initiative at Taman Eco Rimba Sungai Tekala, Semenyih, Selangor. This programme focused on enhancing the riverbank area and its surrounding facilities to provide a more sustainable and welcoming space for visitors. BSN staff participated in various cleaning activities, including maintaining toilets, changing rooms, recreational areas and a jungle trekking route, ensuring these spaces remained well-kept and accessible to all. Beyond the cleaning efforts, BSN also made contributions to improve the amenities, installing stone bench seats, recycling bin, and two solar-powered lights to support the park's sustainability. Additionally, BSN donated prayer garments to meet the spiritual needs of the community. Through this initiative, BSN aimed to promote environmental responsibility while fostering a clean, comfortable and inclusive space for everyone.

- **BSN Care @ Surau Ar-Rahman, Pahang**

  BSN collaborated with the local community of Janda Baik, Pahang, to enhance Surau Ar-Rahman through cleaning and maintenance activities. This initiative aimed to improve the environment for congregants, ensuring the space remained welcoming and conducive for prayer. By actively engaging the community, the programme also emphasised the importance of collective responsibility and participation in maintaining and nurturing religious spaces. This effort reflected BSN's commitment to community wellbeing, reinforcing the values of cooperation and care in sustaining essential spaces that serve both spiritual and social needs.

- **BSN Care @ Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Ulin Nuha, Selangor**

  BSN organised a meaningful initiative at Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Ulin Nuha, which included a cleaning activity, the donation of essential items, and a special birthday celebration for the children. This programme aimed to cultivate a nurturing and supportive environment, ensuring that the children felt cherished, cared for and celebrated. By bringing joy to their lives and meeting their basic needs, BSN reaffirmed its commitment to the welfare of vulnerable children, providing a positive and uplifting experience that reinforced the sense of community and care.

# BSN CARE
# BSN CARE

## KOMUNITI/COMMUNITY

- **Program Santuni MADANI: BSN Care Sokong Tani**

  Sempena pelancaran Inisiatif Komuniti Tanpa Tunai BSN di Pasar Awam Banting, BSN telah menganjurkan program CSR yang bertujuan untuk menyokong komuniti setempat. BSN telah menyumbang 100 bakul barangan runcit kepada keluarga yang memerlukan di Kampung Kanchong Darat, Kampung Sungai Lang, Kampung Sungai Lang Tengah dan Kampung Sungai Kelambu. Barangan sumbangan bakul makanan ini terdiri daripada sayur-sayuran, ayam, ikan, buah-buahan dan produk-produk lain yang dibeli terus daripada peniaga di Pasar Awam Banting, sekali gus menyumbang kepada kelangsungan sumber pendapatan peniaga tempatan.

  Dengan mempromosikan transaksi tanpa tunai di pasar dan agihan bakul makanan ini, BSN memupuk keterangkuman digital dengan menyediakan akses kepada hasil tani yang segar dan berkhasiat. Inisiatif ini menggariskan komitmen BSN dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat menerusi pemerkasaan teknologi dan sokongan sosial.

- **BSN Care @ Persatuan Penyayang Nur Iman**

  BSN menyantuni penghuni di Pusat Persatuan Penyayang Nur Iman dengan menjalankan inisiatif penanaman sayur, mengecat fasiliti dan pelbagai aktiviti lain bersama penghuni kanak-kanak di pusat jagaan tersebut. BSN turut menderma peralatan elektrik cekap tenaga untuk meningkatkan operasi pusat tersebut seterusnya mewujudkan persekitaran yang lebih lestari dan mesra alam. Program ini bertujuan menaik taraf keadaan tempat tinggal kanak-kanak dan kakitangan pusat ini, selain mempromosi penjagaan komuniti dan kelestarian di masa hadapan. Menerusi usaha ini, BSN meneguhkan komitmennya dalam mendukung kebajikan kanak-kanak serta membantu perkembangan pusat jagaan tersebut.

- **BSN Care @ Pusat Jagaan & Rawatan Orang Tua Al-Ikhlas, Selangor**

  BSN telah menyantuni penghuni Pusat Jagaan & Rawatan Orang Tua Al-Ikhlas untuk meningkatkan kesejahteraan warga emas di sana menerusi aktiviti pembersihan asrama, senaman ringan dan penyediaan makanan yang bertujuan menyokong kesihatan fizikal dan mental mereka. Inisiatif ini membantu menyemarakkan semangat kemasyarakatan dan kesejahteraan para penghuni. Usaha ini mempamerkan komitmen BSN dalam memperkasakan warga emas serta memastikan mereka menerima perhatian, penghormatan dan penjagaan yang sewajarnya.

- **Sumbangan Bakul Makanan untuk Masyarakat Jeram Tekoh, Gua Musang, Kelantan**

  BSN telah membantu 100 keluarga di Jeram Tekoh dengan menyediakan bekalan makanan asas kepada mereka yang memerlukan. Inisiatif ini bertujuan meringankan beban mereka dengan memberi akses kepada makanan berkhasiat, meningkatkan kesejahteraan dan mengukuhkan budaya bantu-membantu dalam kawasan setempat. Program ini menunjukkan komitmen kukuh BSN dalam membantu keluarga yang memerlukan serta mewujudkan persekitaran yang prihatin.

- **Program Santuni MADANI : BSN Care Sokong Tani**

  In conjunction with the launch of the 'BSN Cashless Society at Pasar Awam Banting', BSN organised a CSR initiative aimed at supporting local communities. As part of this initiative, BSN donated 100 'grocery baskets' to families in need from in Kampung Kanchong Darat, Kampung Sungai Lang, Kampung Sungai Lang Tengah, and Kampung Sungai Kelambu. Filled with essentials such as vegetables, poultry, fish, fruits and other products, these gifts were purchased directly from vendors at Pasar Awam Banting, contributing to the livelihoods of local businesses.

  By promoting cashless transactions at the market and distributing these grocery baskets, BSN sought to foster digital inclusion while providing access to fresh, nutritious produce. This initiative underscores BSN's commitment to enhancing community wellbeing through a combination of technological empowerment and social support.

- **BSN Care @ Persatuan Penyayang Nur Iman**

  BSN conducted a comprehensive initiative at Persatuan Penyayang Nur Iman Centre, which included vegetable planting, facility painting and engaging with the children in various activities. To further support the centre, BSN donated energy-efficient appliances to improve its operations, helping create a more sustainable and eco-friendlier environment. This programme aimed to enhance the living conditions for both the children and staff, while also promoting community care and long term sustainability. Through this effort, BSN reinforced its commitment to supporting the welfare of children and fostering the growth of care facilities.

- **BSN Care @ Pusat Jagaan & Rawatan Orang Tua Al-Ikhlas, Selangor**

  BSN organised a dedicated initiative at Pusat Jagaan & Rawatan Orang Tua Al-Ikhlas to enhance the wellbeing of elderly residents. The programme included activities such as dormitory cleaning, light exercises and meal preparation, aimed at promoting both physical and mental health. By fostering an environment of care and support, the initiative helped to create a stronger sense of community and wellbeing for the residents. Through these efforts, BSN reaffirmed its commitment to uplifting the elderly, ensuring they received the attention, respect and care they deserve.

- **Donation of Food Basket to Community Jeram Tekoh, Gua Musang, Kelantan**

  A food basket donation programme was organised to support 100 families in Jeram Tekoh, providing essential food supplies to those in need during challenging times. The initiative aimed to alleviate the community's burdens by ensuring access to nutritious meals, promoting wellbeing and reinforcing a sense of solidarity within the local area. Through this effort, the programme demonstrated a strong commitment to supporting families in need and fostering a compassionate environment.

## KOMUNITI/COMMUNITY

- **BSN Care @ PPR Batu Muda, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur**

  Bagi meningkatkan kesejahteraan komuniti, BSN telah mengagihkan bantuan makanan kepada 50 penduduk di sini merangkumi golongan Asnaf, orang kurang upaya dan ibu tunggal. Program ini juga tertumpu kepada peningkatan kemudahan pendidikan dan rekreasi menerusi penyediaan sistem audio-visual untuk bilik bacaan, dewan komuniti, dan Surau Al-Muhajirin. Selain memenuhi keperluan semasa penduduk, inisiatif ini juga menyumbang kepada pembangunan jangka panjang masyarakat menerusi persekitaran yang lebih kondusif untuk pembelajaran, rekreasi dan perkembangan rohani.

- **BSN Care Harmoni Taman Lagenda, Langkawi, Kedah**

  Sebagai sebahagian daripada komitmen untuk mengangkat sektor pelancongan tempatan dan warisan budaya, BSN telah menyumbang beberapa bangku untuk Taman Lagenda, Langkawi bagi menambah baik ruangan komuniti. Menerusi usaha ini, BSN mewujudkan persekitaran yang selamat dan selesa untuk penduduk tempatan serta pelancong. Inisiatif ini memupuk kepada keselesaan masyarakat dan menyumbang kepada pembangunan pelancongan yang mampan, selain memastikan warisan budaya kawasan tersebut boleh terus diakses dan dinikmati oleh semua pihak.

- **BSN Care Bantuan Banjir di Kelantan**

  Sebagai sebahagian daripada komitmen BSN dalam membantu golongan yang kurang bernasib baik dan sebagai usaha membantu mereka yang terjejas akibat musibah banjir di Kota Bharu, Kelantan, BSN telah menyumbang peralatan asas persekolahan termasuk alat tulis kepada kira-kira 200 pelajar Tingkatan 5 di SMK Rantau Panjang bagi mempersiapkan mereka untuk menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

  Pada masa yang sama, BSN juga turut menyumbang bakul makanan kepada penerima di sekitar Masjid Mukim Pantai Che Latiff, Kota Bharu. Bantuan segera ini bertujuan meringankan kesulitan yang dihadapi oleh mangsa-mangsa banjir ini. Inisiatif ini menandakan usaha BSN terhadap kesejahteraan masyarakat dengan memastikan bantuan disampaikan kepada mereka yang memerlukan.

- **BSN Care @ Asrama Sentosa Kuala Lumpur**

  Menyedari pentingnya memelihara kesejahteraan golongan kurang bernasib baik, BSN melaksanakan inisiatif CSR di Asrama Sentosa Kuala Lumpur. Usaha ini merangkumi pelbagai usaha penambahbaikan, seperti mengecat semula surau, gelanggang sepak takraw dan badminton, pondok rehat serta bilik asrama. Taman herba turut dinaik taraf dengan tanaman tumbuhan-tumbuhan bagi menceriakan persekitaran khusus untuk penghuni asrama.

  BSN turut menyumbang rak buku, sofa, dan kipas dinding bagi memenuhi keperluan rekreasi penghuni asrama. Menerusi usaha ini, BSN berhasrat mewujudkan suasana yang lebih kondusif demi kesejahteraan hidup penghuni selain mendorong mereka untuk mengejar matlamat masing-masing. Inisiatif ini menggariskan komitmen BSN dalam memupuk keprihatinan dan pertumbuhan masyarakat.

- **BSN Care @ PPR Batu Muda, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur**

  To uplift the community, BSN organised an initiative to distribute food aid to 50 residents, including those from the Asnaf, people with disabilities and single mother categories, ensuring that essential support reached those most in need. In addition, the programme focused on enhancing education and recreational facilities by providing an audio-visual system for the reading classroom, community hall and Surau Al-Muhajirin. This initiative not only addressed immediate needs but also contributed to the long term development of the community, creating a more supportive environment for learning, recreation and spiritual growth.

- **BSN Care Harmoni Taman Lagenda, Langkawi, Kedah**

  As part of its commitment to supporting local tourism and cultural heritage, BSN donated benches in Taman Lagenda, Langkawi, to enhance the community space. By providing these benches and improving local infrastructure, BSN aimed to create a welcoming and comfortable environment for both residents and tourists. This initiative was designed to foster greater community engagement, contribute to the sustainable development of tourism and ensure that the area's rich cultural heritage remains accessible and celebrated by all.

- **BSN Care Flood Relief in Kelantan**

  As part of BSN's ongoing commitment to supporting the less fortunate, and in response to the floods in Kota Bharu, Kelantan, BSN assisted approximately 200 Form 5 students of SMK Rantau Panjang by providing essential school supplies, including stationery, to help them prepare for the *Sijil Pelajaran Malaysia* (SPM) examinations despite the challenging circumstances.

  In addition to the support for students, BSN also provided food baskets to local recipients from the community in the vicinity of Masjid Mukim Pantai Che Latiff, Kota Bharu. This immediate relief aimed to alleviate the hardships faced by those affected by the disaster, offering comfort and assistance during a particularly difficult time. Through this initiative, BSN reaffirmed its commitment to community welfare, ensuring that those in need receive timely support during moments of crisis.

- **BSN Care @ Asrama Sentosa Kuala Lumpur**

  Realising the importance of caring for the wellbeing of the less fortunate, BSN conducted a CSR initiative at Asrama Sentosa Kuala Lumpur. The initiative included a range of improvement efforts, such as repainting the surau, *sepak takraw* and badminton courts, rest huts and dormitory rooms. The herb garden was also rejuvenated through planting activities, enhancing the environment for the residents.

  To further elevate the living experience, BSN contributed by donating bookshelves, sofas and wall fans, ensuring the facilities met the recreational needs of the residents. Through these efforts, BSN aimed to create a more supportive and positive atmosphere that nurtures the well-being of the residents and motivates them to pursue their goals. This initiative underscores BSN's dedication to fostering a sense of community care and growth.

# BSN CARE
# BSN CARE

## KOMUNITI/COMMUNITY

- **BSN Care @ Hospital Sultanah Aminah, Johor**

  Sempena sambutan Hari Kanak-Kanak, BSN telah menambah baik fasiliti di wad kanak-kanak Hospital Sultanah Aminah bagi mewujudkan persekitaran yang lebih selesa untuk pesakit-pesakit di sana. Dengan sumbangan penghawa dingin, kipas dan sofa, BSN berhasrat menjadikan wad ini sebagai tempat yang selesa untuk pesakit kanak-kanak dan keluarga mereka sepanjang tempoh rawatan. Inisiatif ini mencerminkan komitmen BSN dalam mendukung kesejahteraan pesakit kanak-kanak sepanjang tempoh rawatan mereka di hospital.

- **BSN Care *Christmas 2024: Gift of Joy***

  Dalam usahanya menceriakan sambutan Hari Natal, BSN telah menganjurkan inisiatif 'BSN Care Christmas 2024: Gift of Joy' di Lighthouse Children's Welfare Home (LCWH), Kuala Lumpur. BSN menyantuni penghuni LCWH yang terdiri daripada kanak-kanak dan golongan belia berusia di antara 6 bulan hingga 20 tahun dengan menyumbang pelbagai hadiah dan peralatan mainan sempena sambutan Hari Natal. Kakitangan BSN turut membantu dalam memilih, membalut dan menyerahkan hadiah-hadiah tersebut kepada penghuni LCWH. Bagi memenuhi keperluan mereka, BSN turut menyumbang bantuan kewangan bagi kelangsungan pusat jagaan tersebut. Inisiatif ini merupakan usaha tulus untuk memeriahkan lagi sambutan Hari Natal dengan memberikan sokongan bukan sahaja dari segi keperluan fizikal, malah semangat dan dorongan emosi kepada para penghuni pada musim perayaan ini.

Menerusi kesemua program ini, BSN telah membuktikan komitmennya terhadap tanggungjawab sosial dan kesejahteraan komuniti. Inisiatif-inisiatif ini dirancang dengan teliti bagi mendukung, memartabat dan memperkasakan kehidupan individu, serta memupuk perubahan positif dalam pelbagai lapisan masyarakat. Usaha-usaha ini mencerminkan komitmen BSN dalam memastikan tiada rakyat Malaysia yang ketinggalan, selain mewujudkan peluang kepada individu untuk terus maju dan menyumbang kepada keterangkuman serta kesejahteraan masyarakat.

- **BSN Care @ Hospital Sultanah Aminah, Johor**

  In conjunction with Children's Day, BSN organised a meaningful initiative at Hospital Sultanah Aminah to enhance the facilities in the paediatric ward, creating a more comforting and supportive environment for young patients. By donating air conditioners, fans and couches, BSN aimed to improve the hospital experience for children and their families, ensuring they feel at ease during their stay. This initiative reflects BSN's commitment to providing care and support for the well-being of children, offering them a sense of comfort and relief during their time in the hospital.

- **BSN Care Christmas 2024: Gift of Joy**

  As part of BSN's commitment to spreading joy and bringing happiness during the Christmas season, BSN organised the 'BSN Care Christmas 2024: Gift of Joy' initiative at the Lighthouse Children's Welfare Home (LCWH), Kuala Lumpur. In celebration of the festive spirit, BSN delighted the residents of LCWH ranging from young children to young adults aged between 6 months and 20 years by presenting them with thoughtfully selected toys and gifts. BSN staff actively participated in the initiative, joyfully selecting and wrapping the presents to add a personal touch. To further support the residents' needs, BSN also contributed monetary assistance. This initiative was a heartfelt effort to spread the Christmas spirit, offering both tangible support and emotional encouragement to the residents during the holiday season.

Through these diverse programmes, BSN has consistently demonstrated its unwavering commitment to social responsibility and the well-being of communities. Each initiative was thoughtfully crafted to support, uplift, and empower individuals, fostering positive change across various segments of society. These efforts reflect BSN's deep-rooted dedication to its vision of leaving no Malaysian behind, ensuring that every individual has the opportunity to thrive and contribute to a more inclusive and compassionate society.

## SUKAN/SPORTS

### PROGRAM SUKAN

Sebagai sebahagian daripada komitmen BSN Care untuk memupuk masyarakat yang lebih sihat dan aktif, BSN terus menyokong inisiatif sukan bagi meningkatkan dan mempromosi kesejahteraan serta penglibatan masyarakat. Menerusi segmen Sukan, BSN secara aktif menyokong penyertaan dalam aktiviti sukan dan rekreasi di pelbagai peringkat. Selain mendorong gaya hidup cergas dan sihat, program-program ini juga berfungsi sebagai platform untuk mengeratkan hubungan kemasyarakatan, menerap semangat berpasukan dan mengasah bakat terpendam.

BSN terus mempromosikan aktiviti sukan sebagai pemangkin kepada penglibatan masyarakat, pembangunan belia, dan kesejahteraan yang menyeluruh. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan BSN ialah sokongan kepada Kelab Bola Sepak Singa Muda Perlis yang telah terpilih untuk mewakili Perlis dalam Kejohanan Piala Belia 2024, lantas memberi peluang kepada atlet muda untuk mengasah kemahiran bola sepak mereka.

Menyedari peranan sukan dalam pendidikan holistik, BSN turut menyumbang kepada Maahad Tahfiz Dhiya'ul Islah dengan menyediakan peralatan sukan agar para pelajarnya dapat melakukan aktiviti rekreasi. Selain itu, sokongan BSN turut diberikan kepada SMK Putrajaya Presint 11(2) untuk menyertai Kejohanan Bola Tampar Majlis Sukan Sekolah Malaysia 2024 khusus untuk memupuk semangat kesukanan dan mengeratkan hubungan dengan institusi tersebut.

Komitmen BSN terhadap pendidikan dan sukan diteruskan dengan sokongannya kepada Persatuan Sukan dan Kebudayaan Perkhidmatan Pelajaran Negeri Selangor sempena Pesta Majlis Sukan dan Kebudayaan Perkhidmatan Pelajaran Malaysia ke-49 yang diadakan dari 25 Februari hingga 3 Mac 2024 di Kota Kinabalu, Sabah. Dengan 216 peserta bertanding dalam 12 acara sukan dan kebudayaan, inisiatif ini mendorong penyertaan aktif dalam kalangan pendidik.

### SPORTS PROGRAMMES

As part of BSN Care's commitment to fostering a healthier and more active society, BSN continues to support sports initiatives that promote overall wellbeing and community engagement. Through its Sports pillar, BSN actively supports participation in sports and recreational activities at various levels. These initiatives not only encourage fitness and healthy living but also serve as a platform to strengthen community bonds, instill teamwork and nurture emerging talent.

BSN remains steadfast in promoting sports as a catalyst for community engagement, youth development and overall well-being. Among its key initiatives, BSN supported Kelab Bola Sepak Singa Muda Perlis, which was selected to represent Perlis in the 'Kejohanan Piala Belia 2024', providing young athletes with opportunities to hone their football skills.

Recognising the role of sports in holistic education, BSN also contributed to Maahad Tahfiz Dhiya'ul Islah by providing sports equipment, ensuring students have access to recreational activities. Additionally, BSN's support SMK Putrajaya Presint 11(2) to participate in the Kejohanan Bola Tampar Majlis Sukan Sekolah Malaysia 2024, fostering sportsmanship and strengthening ties with the institution.

Furthering its commitment to sports and education, BSN supported Persatuan Sukan dan Kebudayaan Perkhidmatan Pelajaran Negeri Selangor in the 'Pesta Majlis Sukan dan Kebudayaan Perkhidmatan Pelajaran Malaysia ke-49', held from 25 February to 3 March 2024 in Kota Kinabalu, Sabah. With 216 participants competing across 12 sports and cultural events, this initiative encouraged active participation among educators.

# BSN CARE
## BSN CARE

### SUKAN/SPORTS

Sejajar dengan komitmen BSN dalam mempromosikan gaya hidup sihat dan mampan, BSN telah menaja Pakej Tajaan Sahabat untuk acara 'Kayuhan Amal Mesra 50 Tahun Wilayah Persekutuan' anjuran Kelab Berbasikal Bandaraya Kuala Lumpur dengan sokongan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Selain mempromosikan aktiviti fizikal, program ini juga adalah seiring dengan usaha BSN dalam menyokong aktiviti karbon rendah dan mesra alam, sambil memperingati ulang tahun ke-50 Wilayah Persekutuan.

Usaha ini hanyalah sebahagian daripada inisiatif yang telah dilaksanakan oleh BSN. Menerusi usaha-usaha berterusan ini, BSN mengutuhkan komitmennya dalam memupuk masyarakat yang lebih sihat dan aktif. Daripada pembangunan belia dan pertandingan sekolah hinggalah acara-acara sukan komuniti dan profesional, BSN terus komited dalam membantu kesukanan bagi meningkatkan kesejahteraan fizikal, mengeratkan hubungan sosial, menerapkan disiplin dan mengasah potensi bakat pemain di masa hadapan. Melangkah ke hadapan, BSN akan terus memperluaskan sokongannya terhadap inisiatif-inisiatif kesukanan bagi memperkasakan individu dan masyarakat dalam menjalani gaya hidup yang lebih sihat.

Moreover, in line with BSN's commitment to promoting a healthier and more sustainable lifestyle, the Bank sponsored the *Tajaan Sahabat* Package for the 'Kayuhan Amal Mesra 50 Tahun Wilayah Persekutuan' charity cycling event, organised by Kelab Berbasikal Bandaraya Kuala Lumpur with the support of Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). This initiative not only promotes physical activity but also aligns with BSN's advocacy for low-carbon, eco-friendly activities while commemorating the 50th anniversary of the Federal Territory.

These are just some of the initiatives that BSN has undertaken, and we will not stop here. Through these continuous efforts, BSN reaffirms its commitment to fostering a healthier and more active society. From youth development and school competitions to community driven and professional sporting events, BSN continues to invest in sports as a means of promoting physical wellbeing, strengthening social bonds, instilling discipline and nurturing future talent. Moving forward, BSN will continue to expand its support for sports initiatives, empowering individuals and communities to lead healthier lifestyles.

## MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN/ SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

### PROGRAM MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN

Sebagai sebahagian daripada komitmen BSN Care untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan SDGs Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan mendukung penjagaan alam sekitar, BSN telah melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah segmen (SDGs). Usaha-usaha ini bukan sahaja bertujuan melindungi alam sekitar, tetapi juga untuk memperkasakan masyarakat menerusi amalan lestari dan keterangkuman sosial, memupuk pencapaian jangka panjang serta masa hadapan yang lebih hijau untuk semua.

- **BSN Care Kampung Angkat MADANI - Memperkasa Komuniti Penjaja Pasar Malam Kampung La, Hulu Besut, Terengganu**

  Dengan kerjasama Kementerian Kewangan di bawah inisiatif Kampung Angkat MADANI, BSN telah menaik taraf kawasan pasar malam di Kampung La, Hulu Besut, Terengganu, dengan menambah baik infrastruktur Pasar Malam Kampung La menerusi kerja-kerja penurapan jalan dan penyediaan barangan asas kepada peniaga pasar malam berupa khemah, apron dan topi. Selain itu, program tanpa tunai yang melibatkan penggunaan QR Pay dan penyelesaian *soundbox* turut diperkenalkan bagi meningkatkan kecekapan perniagaan dan mempromosi keterangkuman kewangan, selaras dengan usaha digitalisasi BSN. Inisiatif ini menekankan komitmen BSN dalam memupuk pertumbuhan ekonomi yang mampan dan inklusif menerusi pemodenan infrastruktur setempat, penyediaan alat digital untuk usahawan dan pengukuhan masyarakat menerusi bantuan sosial bersasar.

- **BSN Care *Need to Feed the Need***

  BSN telah bekerjasama dengan organisasi *Need to Feed the Need* dalam mendukung golongan rentan dan kurang berkemampuan termasuk gelandangan dan keluarga miskin di Pusat Khidmat Gelandangan Medan Tuanku, Kuala Lumpur. Program ini menyediakan sokongan asas menerusi agihan kit kebersihan diri, sumbangan pek makanan dan pakaian terpakai bagi meringankan kesulitan hidup selain memelihara kesihatan golongan ini. Sukarelawan BSN turut serta membungkus barangan tersebut dan memastikan setiap sumbangan disediakan dengan teliti.

### SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS PROGRAMMES

As part of BSN Care's commitment to achieving the United Nations Sustainable Development Goals (SDGs) and supporting environmental stewardship, BSN has implemented a diverse range of initiatives under its SDGs Pillar. These efforts are designed not only to protect and enhance the environment but also to empower communities through sustainable practices and social inclusion, fostering long-term resilience and a brighter, greener future for all.

- **BSN Care Kampung Angkat MADANI - *Memperkasa Komuniti Penjaja Pasar Malam Kampung La, Hulu Besut, Terengganu***

  In partnership with the Ministry of Finance under the Kampung Angkat MADANI initiative, BSN upgraded the night market area in Kampung La, Hulu Besut, Terengganu, by improving the infrastructure of Pasar Malam Kampung La with new paving and providing essential support to the market sellers through the donation of tents, aprons and caps. Additionally, a cashless facilities programme featuring QR Pay and soundbox solutions was introduced to enhance business efficiency and promote financial inclusion, aligning with BSN's digitalisation journey. This initiative underscored BSN's commitment to fostering sustainable and inclusive economic growth by modernising local infrastructure, equipping entrepreneurs with digital tools and strengthening community resilience through targeted social support.

- **BSN Care Need to Feed the Need**

  BSN collaborated with the Need to Feed the Need organisation to support underprivileged and vulnerable groups including the homeless and economically disadvantaged families at Pusat Khidmat Gelandangan Medan Tuanku in Kuala Lumpur. The programme provided essential support through the distribution of hygiene kits, packed food and preloved clothing, aimed at alleviating immediate hardships and promoting health. BSN volunteers actively assisted by carefully packing the items, ensuring that each donation was thoughtfully prepared to make a meaningful impact on the lives of those in need.

# BSN CARE
# BSN CARE

## MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN/ SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

- **Bengkel BSN Care Upcycling**

  Menyedari impak signifikan sisa plastik di Malaysia, BSN telah menganjurkan Bengkel 'Upcycling' selama lima hari. Bengkel ini telah dihadiri lebih 500 kakitangan BSN dan bertujuan menerapkan kemahiran *upcycling* dengan menggunakan bahan-bahan harian seperti beg plastik, sisa kopi, dan sabun untuk menghasilkan barangan kitar semula seperti beg snek, rantai kunci dan lilin wangi mesra alam. Inisiatif inovatif ini bukan sahaja menyumbang kepada pengurusan sisa yang mampan, tetapi juga menggariskan komitmen BSN terhadap pemeliharaan alam sekitar.

- **BSN Care *Mudball Mission:* Inisiatif Pemulihan Kolam *EcoClean* di Pusat Pertanian Putra, Universiti Putra Malaysia**

  Sebagai sebahagian daripada komitmen BSN untuk memupuk amalan persekitaran yang mampan, BSN telah melaksanakan inisiatif CSR di Ladang 5, Pusat Pertanian Putra, Universiti Putra Malaysia yang bertujuan meningkatkan kualiti air dan mendukung pemeliharaan ekologi. Sebanyak 1,500 bebola lumpur yang diperam dan diperkaya dengan Mikroorganisma Berkesan telah diletakkan ke dalam ekosistem kolam. Bebola lumpur ini memainkan peranan penting dalam menguraikan bahan organik, mengurangkan sedimentasi dan mempertingkatkan proses penapisan biologi, justeru menggalakkan persekitaran akuatik yang lebih bersih dan sihat. Sukarelawan BSN turut serta dalam penyediaan bebola lumpur dengan memulihkan keseimbangan semulajadi ekosistem ini. Inisiatif ini bukan sahaja memberi manfaat kepada kualiti air, tetapi juga menyumbang kepada pemeliharaan biodiversiti. Projek ini menggariskan komitmen BSN terhadap alam sekitar menerusi pendekatan kelestarian holistik yang menggabungkan penyelesaian inovatif dan kesihatan jangka panjang alam sekitar.

- **BSN Care @ Sungai Batangsi, Selangor**

  BSN telah meneraju inisiatif CSR di Kem Anugerah Alam, Sungai Batangsi, Semenyih, Selangor yang melibatkan aktiviti penanaman pokok lemon dan limau, pelepasan spesies ikan tempatan seperti Lampam dan Kelah ke dalam sungai, serta pembelian sayur-sayuran dari Taman Kekal Pengeluaran Makanan Sungai Batangsi untuk disumbangkan kepada masyarakat setempat. Aktiviti penanaman pokok membantu meningkatkan ekosistem setempat dengan menarik serangga/haiwan pendebunga serta memelihara hidupan liar, manakala pengenalan ikan tempatan pula menyumbang kepada keseimbangan ekosistem sungai. Sumbangan sayur-sayuran pula bertujuan membekalkan penduduk setempat dengan hasil tani yang segar bagi mendukung kesejahteraan masyarakat.

- **BSN Care Upcycling Workshop**

  Recognising the pressing challenges posed by plastic waste in Malaysia, BSN organised a five-day upcycling workshop. Attended by more than 500 staff, the workshop sought to equip employees with practical upcycling skills by repurposing everyday materials such as plastic bags, coffee grounds and soaps into useful items, including snack pouches, keychains and eco-friendly scented candles. This innovative initiative not only contributes to sustainable waste management but also underscores BSN's commitment to environmental stewardship.

- **BSN Care Mudball Mission: EcoClean Pond Restoration Initiative at Pusat Pertanian Putra, Universiti Putra Malaysia**

  As part of BSN's commitment to fostering sustainable environmental practices, BSN conducted a CSR initiative at Ladang 5, Pusat Pertanian Putra, Universiti Putra Malaysia, focused on improving water quality and supporting ecological preservation. In this effort, 1,500 fermented mudballs enriched with Effective Microorganisms were carefully deployed into the pond ecosystem. These mudballs are vital in breaking down organic matter, reducing sedimentation and enhancing the biological filtration process, promoting a cleaner, healthier aquatic environment. BSN volunteers also played a key role in preparing the mudballs, contributing to the hands-on nature of this project. By restoring the natural balance of the ecosystem, the initiative not only benefits the water quality but also contributes to biodiversity preservation. This project underscores BSN's dedication to the environment, demonstrating a holistic approach to sustainability that integrates innovative solutions and the long-term health of the natural environment.

- **BSN Care @ Sungai Batangsi, Selangor**

  BSN spearheaded a CSR initiative at Anugerah Alam Campsite in Sungai Batangsi, Semenyih, Selangor. The initiative involved planting lemon and lime trees, releasing native fish species such as *Lampam* and *Kelah* into the river and purchasing vegetables from Taman Kekal Pengeluaran Makanan Sungai Batangsi to donate to local communities. The tree planting activities helped enhance the local ecosystem by attracting pollinators and supporting wildlife, while the introduction of native fish contributed to maintaining a balanced river environment. Additionally, the donation of vegetables was aimed at assisting local residents by providing them with fresh produce and supporting community wellbeing.

## MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN/ SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

- **BSN Care *Growing a Greener Future***

  Menyedari kepentingan pemuliharaan alam sekitar dalam membina masa hadapan yang mampan, BSN telah menganjurkan inisiatif penanaman pokok di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). BSN telah menanam 40 pokok bagi menyokong Kempen Hijau Malaysia dan menyumbang kepada matlamat nasional untuk menanam 100 juta pokok. Dengan menyertai usaha alam sekitar ini, BSN bukan sahaja meneruskan komitmennya terhadap usaha kelestarian malah turut serta dalam usaha mempertingkatkan biodiversiti, memperbaiki kualiti udara dan memulihkan ekosistem semulajadi. Inisiatif ini mencerminkan pendekatan proaktif BSN dalam mencipta masa hadapan yang lebih hijau dan mampan untuk Malaysia.

- **BSN Care Teguh Bersama Komuniti Kabong, Sarawak**

  Menyedari kepentingan pemerkasaan masyarakat dan pembangunan lestari, BSN telah melaksanakan inisiatif CSR di Kabong, Sarawak bagi meningkatkan kualiti hidup penduduk setempat dan menaik taraf infrastruktur mereka. Ini merangkumi pengubahsuaian fasiliti Rumah Panjang Empayang Atas di mana BSN telah membaik pulih pintu pagar masuk, mengecat semula struktur bangunan, serta menaik taraf kemudahan bagi meningkatkan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat.

  Dalam usaha memastikan keterjaminan makanan, 41 buah bakul makanan telah diagihkan kepada isi rumah berpendapatan rendah di rumah panjang tersebut. BSN juga telah menyumbang kepada sekolah-sekolah terpilih di Kabong iaitu SMK Kabong dan SJKC Chung Hua sebagai sebahagian komitmen pendidikannya. Selain itu, BSN turut membantu pemasangan panel solar di Jeti Nelayan Kabong bagi memastikan sumber tenaga yang mampan dan berterusan untuk komuniti nelayan setempat. Inisiatif ini menekankan komitmen berterusan BSN dalam memacu perubahan positif dan mencipta masa hadapan yang lebih cerah dan mampan untuk masyarakat ini.

- **BSN Care *Wildlife Feeding and Sanctuary Spruce Up* di Paya Indah Wetlands**

  BSN mengambil peranan proaktif dalam inisiatif pemeliharaan alam sekitar di Paya Indah Wetlands, khususnya dalam melindungi hidupan liar dan habitat sekitarnya. Program ini melibatkan pembersihan kandang badak air, kura-kura dan kolam ikan, serta penyelenggaraan lanskap bagi mewujudkan persekitaran yang lebih sihat untuk haiwan-haiwan tersebut. Sukarelawan BSN juga membantu memberi makanan kepada haiwan-haiwan ini. Sebagai sebahagian daripada inisiatif ini, BSN menyumbang peralatan pembersihan bagi meningkatkan kecekapan operasi penjagaan dan penyelenggaraan hidupan liar ini. Sukarelawan BSN turut melukis mural bagi menceriakan kawasan paya tersebut. Projek ini mencerminkan komitmen padu BSN terhadap usaha pemeliharaan alam sekitar dan hidupan liar.

- **BSN Care @ Pulau Undan, Taman Laut Melaka**

  Menyedari kepentingan pemeliharaan alam sekitar dalam mencipta masa hadapan yang lestari, BSN telah menganjurkan program CSR di Pulau Undan, Taman Laut Melaka yang bertujuan meningkatkan kesejahteraan hidupan laut dan habitat sekitarnya. Program ini melibatkan aktiviti pembersihan pantai, pelepasan anak ikan, serta penanaman semula terumbu karang khusus untuk pemulihan dan pemeliharaan ekosistem pesisir pantai oleh sukarelawan BSN. Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan BSN terhadap usaha pemeliharaan alam sekitar dan hidupan laut.

- **BSN Care Growing a Greener Future**

  Recognising the vital role of environmental conservation in building a sustainable future, BSN organised a tree planting initiative at the Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). As part of this initiative, BSN planted 40 trees in support of the Greening Malaysia Campaign, contributing to the national goal of planting 100 million trees. By participating in this impactful environmental effort, BSN not only reaffirms its commitment to sustainability but also plays a part in enhancing biodiversity, improving air quality and restoring natural ecosystems. This initiative reflects BSN's proactive approach in shaping a greener, more sustainable future for Malaysia and beyond.

- **BSN Care Teguh Bersama Komuniti Kabong, Sarawak**

  Acknowledging the crucial role of community empowerment and sustainable development, BSN conducted a comprehensive CSR initiative in Kabong, Sarawak aimed at improving the lives of residents and enhancing their infrastructure. This included the upgrade of Rumah Panjang Empayang Atas, where BSN refurbished the entrance gate, repainted the structure and enhanced amenities, improving both safety and community wellbeing.

  In a bid to alleviate food insecurity, 41 food baskets were distributed to low-income households at the longhouse, offering immediate support to families in need. BSN also extended its commitment to education by donating to selected schools in Kabong, namely SMK Kabong and SJKC Chung Hua. Additionally, BSN facilitated the installation of solar panels at Jeti Nelayan Kabong, ensuring a sustainable and reliable energy source for the local fishing community. This initiative emphasises BSN's ongoing commitment to driving positive change and fostering a brighter, more sustainable future for the community.

- **BSN Care Wildlife Feeding and Sanctuary Spruce Up at Paya Indah Wetlands**

  BSN took a proactive role in an environmental conservation initiative at Paya Indah Wetlands, focusing on enhancing the wellbeing of both the wildlife and the surrounding habitat. The programme included cleaning the enclosures for hippos, tortoises and fishponds, as well as maintaining the surrounding landscapes to create a healthier environment for the animals. BSN volunteers also assisted in feeding the animals, ensuring they received proper care. As part of this initiative, BSN donated cleaning tools to bolster the efficiency of wildlife care and maintenance operations. Additionally, BSN volunteers painted a vibrant mural at the wetlands, bringing a renewed sense of energy and artistic expression to the area. This project reflects BSN's unwavering commitment to environmental preservation and its continuous support of wildlife conservation efforts.

- **BSN Care @ Pulau Undan, Taman Laut Melaka**

  Recognising the importance of environmental conservation in shaping a sustainable future, BSN organised a CSR programme at Pulau Undan, Taman Laut Melaka, focusing on enhancing the wellbeing of both marine life and their surrounding habitat. The programme involved cleaning the beach, releasing fish fry and replanting coral reefs which is vital for restoring and preserving the coastal ecosystem. BSN employees actively participated by assisting in these efforts, ensuring the success of the conservation activities. This initiative reflects BSN's continuous commitment to environmental preservation and its continuous support of marine conservation efforts.

# BSN CARE
# BSN CARE

## MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN/ SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

- **BSN Care @ Kenyir Elephant Conservation Village**

  Dengan kerjasama Yayasan DiRaja Sultan Mizan dan Kenyir Elephant Conservation Village, BSN telah menganjurkan inisiatif pemeliharaan hidupan liar iaitu gajah. Kakitangan BSN turut terlibat dalam aktiviti membersihkan kawasan pemeliharaan gajah, pertandingan mewarna untuk pelajar dari Sekolah Kebangsaan Padang Setebu, serta penanaman pokok. Menerusi inisiatif ini, BSN telah menggalas tanggungjawab menjaga seekor anak gajah yang diberi nama Gawi. Inisiatif ini menandakan komitmen Bank terhadap usaha pemuliharaan jangka panjang, pemeliharaan alam sekitar, dan kesejahteraan komuniti yang mencerminkan pendekatan kelestarian yang holistik.

- **BSN Care: Pengurusan Pleco Invasif di Denai Langat**

  BSN menjalin kerjasama dengan Pertubuhan Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya untuk inisiatif pemuliharaan hidupan liar di Denai Langat, dengan tumpuan ke atas pengawalan penyebaran spesies invasif, khususnya Pleco di ekosistem sungai. Kakitangan BSN turut serta menangkap spesies invasif Pleco ini yang kemudiannya dijadikan sate dan dinikmati oleh para sukarelawan pada penghujung aktiviti. Pendekatan ini bukan sahaja menyumbang kepada kawalan spesies invasif, malah mengeratkan semangat kerjasama dalam kalangan peserta. Usaha ini turut melibatkan pelepasan spesies ikan asli, iaitu ikan Ketutu, untuk memperbaiki ekosistem ikan tempatan dan mempromosi kepelbagaian biologi. Inisiatif ini menggariskan komitmen BSN terhadap usaha pemuliharaan alam sekitar yang mencerminkan strategi kelestarian yang komprehensif dengan menggabungkan penglibatan masyarakat dan usaha ekologi.

- **BSN Care *Turtle Heroes***

  BSN meneruskan komitmennya terhadap pemuliharaan alam sekitar menerusi inisiatif CSR di Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Padang Kemunting di Melaka. Sukarelawan BSN terlibat dalam pelbagai aktiviti termasuklah membersihkan kawasan konservasi, mengganti mentol lampu, menyumbang pasir untuk penetasan telur penyu dan menyediakan tangki air untuk pemeliharaan dan pemuliharaan anak penyu. Usaha-usaha ini menyumbang kepada perlindungan dan pemulihan populasi penyu laut mencerminkan pendekatan holistik BSN terhadap kelestarian hidupan laut.

- **BSN Care *Plant & Paddle***

  Sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan BSN terhadap pemeliharaan alam sekitar, BSN telah menanam sebanyak 80 pokok bakau di sepanjang pesisiran pantai Bagan Lalang, Sepang, Selangor. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar dalam kalangan sukarelawan di samping menyokong usaha pemulihan ekosistem pesisir pantai.

  Menerusi penanaman semula pokok bakau ini, BSN berharap dapat memperkukuh biodiversiti setempat, menggalakkan perlindungan semula jadi kawasan pesisir, serta menyumbang kepada pemeliharaan ekologi untuk jangka panjang.

Inisiatif-inisiatif ini hanyalah sebahagian daripada usaha BSN dalam memacu pembangunan lestari dan tanggungjawab alam sekitar. Menerusi segmen SDGs, BSN terus komited menjalankan projek-projek yang memenuhi keperluan semasa masyarakat selain meningkatkan kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan sosial. Melangkah ke hadapan, penjagaan alam sekitar dan masyarakat akan terus menjadi teras misi BSN menerusi pelaburannya dalam amalan-amalan lestari dan pemerkasaan sosial. Komitmen ini membuka laluan kepada masa hadapan yang lebih hijau, sihat dan inklusif untuk semua rakyat Malaysia.

- **BSN Care @ Kenyir Elephant Conservation Village**

  BSN, in collaboration with Yayasan DiRaja Sultan Mizan and the Kenyir Elephant Conservation Village, organised a wildlife conservation initiative focusing on elephants. BSN employees actively participated in the programme by cleaning the elephant conservation areas, hosting a colouring competition for students from Sekolah Kebangsaan Padang Setebu and engaging in tree planting activities. Through this initiative, BSN adopted a baby elephant named Gawi, symbolising the Bank's commitment to long-term conservation efforts. This commitment underscores BSN's dedication to environmental preservation and community wellbeing, reflecting a holistic approach to sustainability that integrates community involvement and long term environmental efforts.

- **BSN Care: Invasive Pleco Management at Denai Langat**

  BSN partnered with the Pertubuhan Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya to conduct a wildlife conservation initiative at Denai Langat, addressing the proliferation of invasive species, particularly the Pleco, in the river ecosystem. BSN staff actively participated in capturing the invasive Pleco species and as a distinctive feature of the programme, prepared the fish into satay, which the volunteers collectively enjoyed at the conclusion of the initiative. This approach not only contributed to controlling the invasive species but also fostered team spirit among the participants. The programme also involved releasing native fish species, namely *Ketutu* fish, to enhance the local fish ecosystem and promote biodiversity. This initiative highlights BSN's commitment to environmental conservation, exemplifying a comprehensive sustainability strategy that combines community engagement with ecological initiatives.

- **BSN Care Turtle Heroes**

  BSN reinforced its dedication to environmental conservation with a CSR initiative at the Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Padang Kemunting in Melaka. BSN volunteers took part in various activities, including cleaning the conservation area, replacing light bulbs, donating sand for turtle egg incubation and tubs for hatchlings. These efforts made a meaningful contribution to the protection and rehabilitation of sea turtle populations, reflecting BSN's holistic approach to marine sustainability.

- **BSN Care Plant & Paddle**

  As part of our ongoing commitment to environmental preservation, BSN planted 80 mangroves along the coastal stretch of Bagan Lalang, Sepang, Selangor. This initiative aimed to raise environmental awareness among volunteers while supporting the restoration of coastal ecosystems.

  Through the replanting of mangroves, BSN hopes to strengthen local biodiversity, promote natural coastal protection, and contribute meaningfully to long-term ecological conservation.

These initiatives are just a few of the many ways BSN is advancing sustainable development and environmental responsibility. Through its SDGs Pillar, BSN remains dedicated to projects that meet immediate community needs while promoting environmental resilience and social wellbeing. Looking ahead, BSN will continue to invest in sustainable practices and social empowerment, ensuring that environmental and community wellbeing remain central to its mission. This commitment paves the way for a greener, healthier and more inclusive future for all Malaysians and beyond.

# PERHUBUNGAN PERNIAGAAN/ BUSINESS ENGAGEMENT

## PROGRAM PERHUBUNGAN PERNIAGAAN

Perhubungan perniagaan merupakan salah satu teras komitmen berterusan BSN dalam memupuk pembangunan masyarakat, pemerkasaan sosial dan kemajuan mampan. Menerusi penyertaan strategiknya dalam pelbagai platform dan inisiatif, BSN memastikan usaha-usahanya dalam menyokong masyarakat terpinggir, mempromosi kelestarian alam sekitar serta memacu keterangkuman ekonomi untuk terus berkembang. Dengan melibatkan pelbagai pihak berkepentingan daripada pemimpin industri sehingga badan kerajaan, BSN giat memperkasakan misinya dalam mencipta impak yang bermakna dan berkekalan untuk masyarakat di seluruh Malaysia.

Antara inisiatif utama yang membuktikan komitmen perhubungan perniagaan BSN adalah menerusi penglibatan di dalam Forum Kewangan Islam Kuala Lumpur (KLIFF) 2025. Penyertaan BSN dalam forum berprestij ini telah mengukuhkan peranannya dalam mempromosikan prinsip kewangan Islam. Sebagai entiti terkemuka dalam sektor perbankan Malaysia, BSN menyedari kepentingan memperkukuhkan perbincangan mengenai impak kewangan Islam terhadap ekonomi dan masyarakat. Menerusi penglibatan ini, BSN berhasrat menyumbang kepada pertumbuhan industri sambil memastikan bahawa perkhidmatannya selari dengan penyelesaian kewangan yang mampan dan inklusif untuk masyarakat.

Selain itu, penyertaan BSN dalam Persidangan Kebangsaan The Association of Development Finance Institutions Malaysia (ADFIM) mengenai Integriti & Tadbir Urus 2024 turut menggariskan komitmennya dalam mendukung piawaian tertinggi integriti dan tadbir urus dalam operasi perniagaannya. Dengan menyertai persidangan ini, BSN menyumbang kepada perbincangan berterusan mengenai amalan tadbir urus selain mempromosi kepentingan ketelusan dan amalan perniagaan beretika. Ini adalah penting bukan sahaja untuk mengekalkan reputasi bank, tetapi juga bagi memastikan amalan perniagaannya terus menyokong kesejahteraan jangka panjang masyarakat dan pihak berkepentingan, sejajar dengan nilai teras BSN iaitu integriti dan tanggungjawab sosial.

Bagi mengukuhkan lagi komitmennya terhadap inisiatif sosial, BSN telah menyumbang kepada dana wakaf bagi mendukung usaha amalnya. Sumbangan wakaf ini selari dengan matlamat BSN untuk menyumbang kembali kepada masyarakat menerusi inisiatif pendidikan, sosial dan kebajikan. Menerusi sumbangan dana kepada Majlis Ugama Islam Sabah dan Majlis Agama Islam Negeri Johor umpamanya, BSN memainkan peranan aktif dalam meningkatkan kesejahteraan generasi akan datang dengan memastikan keperluan penting untuk mereka yang memerlukan tersedia selain mengukuhkan asas pembangunan masyarakat.

Penglibatan BSN bersama Bank Negara Malaysia serta Kementerian Kewangan Malaysia dalam *Global Forum on Islamic Economics and Finance* (GFIEF) menggariskan komitmennya dalam memajukan perbincangan global mengenai kewangan Islam serta impaknya ke atas kestabilan ekonomi dan pembangunan lestari. Kerjasama ini juga menggariskan peranan BSN sebagai sebuah institusi yang menyumbang kepada pembangunan setempat serta perbincangan global mengenai penyelesaian kewangan yang inklusif. Penyertaan dalam forum-forum seperti ini membolehkan BSN menyuarakan pendapatnya dalam usaha mencipta lanskap ekonomi yang lebih berdaya tahan dan inklusif.

Menerusi penglibatan strategiknya, BSN terus berusaha mencapai misinya untuk memacu pemerkasaan sosial, pembinaan masyarakat dan keterangkuman kewangan. Kerjasamanya dengan pihak berkepentingan membuktikan komitmen BSN dalam mengekalkan impak masyarakat yang positif dan mampan, lantas mencipta kesan berterusan melangkaui aspek operasi perniagaan.

## BUSINESS ENGAGEMENT PROGRAMMES

Business engagement is a cornerstone of BSN's ongoing commitment to fostering community development, social empowerment and sustainable progress. Through its strategic participation in various platforms and initiatives, BSN ensures that its efforts to support underserved communities, promote environmental sustainability and drive economic inclusion continue to thrive. By engaging with a wide array of stakeholders from industry leaders to government bodies, BSN amplifies its mission of creating meaningful and lasting impacts for communities across Malaysia.

One of the key events in which BSN has demonstrated its business engagement commitment is the Kuala Lumpur Islamic Finance Forum (KLIFF) 2025. BSN's participation in this prestigious forum is integral to reinforcing its role in the promotion of Islamic finance principles. As a leading entity in the Malaysian banking sector, BSN recognises the importance of fostering discussions around the impact of Islamic finance on both the economy and society. Through this engagement, BSN aimed to contribute to the growth of the industry while ensuring that its services align with sustainable and inclusive financial solutions for the communities it serves.

Additionally, BSN's participation in The Association of Development Finance Institutions Malaysia (ADFIM) National Conference on Integrity & Governance 2024 further exemplifies its commitment to upholding the highest standards of integrity and governance in its operations. By being a part of this conference, BSN was able to contribute to the ongoing dialogue surrounding governance practices, promoting transparency and ethical business conduct. This is essential not only for the bank's reputation but also for ensuring that its business practices continue to support the long term welfare of communities and stakeholders, in line with BSN's core values of integrity and social responsibility.

Further reinforcing its dedication to social causes, BSN has donated to the waqf fund, a significant contribution to supporting charitable and philanthropic efforts. The waqf donation aligns with BSN's broader goal of giving back to the community by supporting educational, social, and welfare initiatives. By contributing to this fund such as through Majlis Ugama Islam Sabah and Majlis Agama Islam Negeri Johor, BSN plays an active role in promoting the welfare of future generations, ensuring that critical resources are available to those in need and reinforcing the foundation of community-driven development.

Moreover, BSN's involvement with Bank Negara Malaysia and the Ministry of Finance Malaysia for the Global Forum on Islamic Economics and Finance (GFIEF) highlights its commitment to advancing the global conversation on Islamic finance and its impact on economic stability and sustainable development. This partnership underscores BSN's role as a forward-thinking institution that not only focuses on local development but also strives to contribute to global discussions on inclusive financial solutions. By participating in such forums, BSN ensures its voice is heard in shaping a more resilient and inclusive global economic landscape.

Through these strategic engagements, BSN is steadfast in its mission to continue driving social empowerment, community building, and financial inclusion. The collaborations with key stakeholders are a testament to BSN's dedication to maintaining a positive and sustainable impact on the communities it serves, creating a ripple effect that extends far beyond business operations.

# SOROTAN MEDIA
## MEDIA HIGHLIGHTS

**Facebook Fans**
**637,632**

**Total Postings**
**2,571**

BH ONLINE
Peniaga putu buluh jadi jutawan terbaharu SSP BSN
KANGAR: Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia tiada siapa yang tahu.
Demikianlah nasib seorang peniaga makanan putu buluh, Muslim Chatib, 62, yang bergelar jutawan.

Utusan Malaysia
Peniaga pasar malam menang cabutan BSN SSP RM1j

MalaysiaGazette
BSN galak bayaran tanpa tunai untuk peniaga gerai bazar Ramadan

theSun
Fadillah – 'ASIHM21' set to be another sports tourism attraction for M'sia

KOSMO!
Tukang cuci jadi jutawan, bawa pulang RM1 juta

malaymail
Bank Simpanan Na programme 'Sewin empowers women Subang PPR

Sinar
ASIHM21 prospek pelancongan sukan

Penganjuran ASIHM21 tarikan pelancongan sukan

tvs NEWS ENTERTAINMENT
Larian ASIHM21 boleh jadi tarikan pelancongan sukan – Fadillah

BSN Melancarkan Dynamic Dan Static QR Soundbox Di 24 Lokasi Ba Ramadan Sekitar Kuala Lumpur

Instagram Followers
**62,073**

Total Postings
**1,801**

TikTok Followers
**72,100**

Total Postings
**346**

MalaysiaGazette

PM, BSN santuni 100 anak yatim piatu

MalaysiaGazette

BSN taja 31 anugerah Hari Guru 2024 bernilai RM420,000

KUALA LUMPUR – Bank Simpanan Nasional (BSN) terus menghargai golongan pendidik melalui penajaan 31 kategori anugerah dengan jumlah keseluruhan RM420,000 sempena sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2024.

Pastor dari Lawas pemenang Cabutan Jutawan SSP Bank BSN

The Edge Malaysia's post

Bank Simpanan Nasional names Awang Adek as chairman

BSN SSP millionaire initially thought it's a scan

sional's CSR
g Seeds of Hope'
at Lembah

Metro

Dulu penoreh getah, kini jutawan

INISIATIF BSN MENERUSI SSP

102 'jutawan segera' berjaya dilahirkan

PERBANKAN

CBB BSN ke-11 jangka dibuka di Kelantan tahun depan

PASIR MAS - Perkhidmatan Cawangan Bank Bergerak (CBB) Bank Simpanan Nasional (BSN) dijangka dibuka di Gua Musang, Kelantan pada Jun atau Julai tahun depan.

Pengerusi BSN, Datuk Seri Dr Awang Adek Hussin berkata, perkhidmatan CBB menggunakan kenderaan berkapasiti tiga tan yang telah diubah suai itu bertujuan menyantuni setiap rakyat khususnya yang tinggal di kawasan pedalaman Gua Musang untuk memenuhi keperluan kewangan dan akses bagi urusan perbankan.

"Perkhidmatan yang disediakan CBB BSN seperti pengeluaran tunai melalui mesin juruwang automatik (ATM), pembukaan akaun Kad Debit/i BSN Visa, simpanan tunai, pembayaran bil utiliti, pembelian Sijil Simpanan Premium (SSP) BSN dan lain-lain urusan.

"CBB juga dapat memudahkan urusan pengeluaran wang bantuan yang disumbangkan oleh kerajaan kepada mereka seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Bantuan Kanak-Kanak

BH ONLINE

6 pelanggan kad kredit BSN dapat hadiah isi tro barangan percuma RM4,000

BERNAMA Biz

Bsn Fosters Saving Habit With Premium Savings Certificate

Lawas pastor is BSN's 101st SSP millionaire

# MANDAT DAN KELESTARIAN
# MANDATE AND SUSTAINABILITY

## MEREALISASIKAN MANDAT BSN MELALUI USAHA KELESTARIAN: HASIL DAN IMPAK PEMBANGUNAN
## DELIVERING OUR MANDATE THROUGH SUSTAINABILITY: DEVELOPMENTAL OUTCOMES AND IMPACT

Sempena ulang tahun ke-50 penglibatan BSN dalam pembangunan negara, kami memperkukuhkan komitmen berterusan BSN dalam menyokong agenda pembangunan Malaysia menerusi **keterangkuman kewangan dan kelestarian**. Bermula sebagai Bank Simpanan Pejabat Pos hinggalah berkembang menjadi institusi kewangan dengan rangkaian cawangan fizikal terbesar di Malaysia - merangkumi 387 cawangan - BSN terus kukuh dengan visi: **Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan**.

As BSN celebrates 50 years of nation-building, we reaffirm our enduring commitment to advancing Malaysia's developmental agenda through **financial inclusion and sustainability**. From our origins as the Post Office Savings Bank to becoming Malaysia's financial institution with the largest physical footprint - spanning 387 branches - BSN has remained steadfast in our vision: **No Malaysian Left Behind**.

Kelestarian merupakan teras kepada mandat BSN dalam memacu pertumbuhan inklusif dan kemajuan sosioekonomi. Ini dilaksanakan menerusi perluasan akses kepada perkhidmatan kewangan, pemupukan budaya menabung, serta penawaran penyelesaian menyeluruh khusus untuk segmen terpinggir terutamanya isi rumah berpendapatan rendah, usahawan mikro, dan penyimpan kecil di seluruh negara.

Sustainability is core to our mandate of enabling inclusive growth and socioeconomic progress. We do this by increasing access to financial services, cultivating a savings culture, and offering comprehensive solutions tailored to underserved segments, particularly low-income households, microentrepreneurs, and small savers nationwide

Berpaksikan **Kerangka Kelestarian BSN**, pendekatan BSN merangkumi tiga teras utama iaitu:
Guided by our **Sustainability Framework**, our approach is anchored by three core pillars:

**Pemerkasaan Usahawan Mikro**
**Enabling Micro Entrepreneurs**

**Pengukuhan Keterangkuman Kewangan**
**Advancing Financial Inclusion**

**Menggerakkan Usaha/Tindakan Kelestarian**
**Driving Sustainable Actions**

Ketiga-tiga teras ini mencerminkan komitmen jitu BSN terhadap agenda pembangunan negara, di samping memperkukuhkan amalan perbankan yang bertanggungjawab bagi menjana nilai lestari untuk para pemegang taruh dan komuniti yang menerima perkhidmatan BSN.

Strategi BSN diperkukuh lagi melalui tiga aspirasi strategik utama:

1. **Memperkukuh Keterangkuman Kewangan menerusi Kewangan Sosial** dengan memperluaskan akses kepada perkhidmatan kewangan yang beretika dan berimpak tinggi.
2. **Membina Budaya Kelestarian yang Kukuh** menerusi pemerkasaan warga kerja selaku agen perubahan positif.
3. **Berkomitmen untuk mencapai tahap karbon neutral** dengan menyatupadukan prinsip kelestarian alam sekitar ke dalam operasi dan amalan perniagaan BSN.

These pillars reflect BSN's deep commitment to national development goals while upholding responsible banking practices that generate long-term value for our stakeholders and the communities we serve.

Our strategy is further driven by three strategic ambitions:

1. **Amplify Financial Inclusion through Social Finance** by expanding access to ethical and impactful financial services.
2. **Build a Strong Sustainability Culture** by empowering employees to champion positive change.
3. **Commit to a Carbon Neutral Position**, integrating environmental stewardship across our operations and business practices.

Bagi memastikan setiap usaha BSN memberi impak yang berkesan, usaha kelestarian BSN dipacu oleh lima komitmen utama yang sejajar dengan keutamaan dasar negara, Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), serta Maqasid Syariah.

To ensure that our efforts deliver measurable outcomes, our sustainability journey is guided by five commitments aligned with national policy priorities, the Sustainable Development Goals (SDGs), and Maqasid Shariah.

## SOROTAN UTAMA KELESTARIAN|KEY SUSTAINABILITY HIGHLIGHTS

### PELANCARAN PEMBIAYAAN HIJAU: EV/HEV DAN PANEL SOLAR

Pada bulan Januari 2024, BSN telah melancarkan pembiayaan untuk kenderaan elektrik/hibrid serta panel solar untuk kediaman yang menyelaraskan aktiviti perbankan BSN sejajar dengan aspirasi Malaysia untuk mencapai status negara berkarbon rendah. Disokong oleh jalinan kerjasama ekosistem dan kempen kesedaran, meningkatkan akses kepada tenaga bersih sambil merangsang penyelesaian kewangan yang prihatin terhadap kelestarian iklim.

### GREEN FINANCING LAUNCH: EV/HEV AND SOLAR PANELS

In January 2024, we launched financing for electric/hybrid vehicles and residential solar panels – a milestone aligning our banking practices with Malaysia's low-carbon aspirations. These offerings, supported by ecosystem partnerships and awareness campaigns, improve clean energy access while driving climate-conscious financial solutions.

### PEMERKASAAN PERNIAGAAN MIKRO MENERUSI PENILAIAN ESG

Penilaian ESG untuk Semakan Tahunan yang diperkenalkan pada Ogos 2024 telah mempermudahkan kriteria kelestarian untuk perniagaan mikro. Sekurang-kurangnya 7,000 peminjam telah dinilai, membolehkan integrasi ESG yang lebih berkesan serta mendorong transformasi akar umbi menerusi pembinaan kapasiti dan kerjasama strategik.

### EMPOWERING MICRO BUSINESSES THROUGH ESG ASSESSMENTS

In January 2024, we launched financing for electric/hybrid vehicles and residential solar panels – a milestone aligning our banking practices with Malaysia's low-carbon aspirations. These offerings, supported by ecosystem partnerships and awareness campaigns, improve clean energy access while driving climate-conscious financial solutions.

### TANDA ARAS NYAH-KARBON MENERUSI PENDEDAHAN INVENTORI GHG

Inventori Gas Rumah Hijau (GHG) pertama BSN telah diterbitkan pada Ogos 2024, sejajar dengan Protokol Gas Rumah Hijau telah menunjukkan jumlah pelepasan karbon kami bagi Tahun Kewangan 2023 meliputi Skop 1, 2, dan 3. Penemuan ini telah mencetuskan tindakan pengurangan karbon bersasar seperti penambahbaikan kecekapan tenaga dan skim pembiayaan hijau untuk warga kerja BSN. **Jumlah Pelepasan GHG: 38,158.79 $tCO_2e$**.

### A BASELINE FOR DECARBONIZATION THROUGH GHG INVENTORY DISCLOSURE

Our first GHG Inventory, published in August 2024, aligned to the Greenhouse Gas Protocol, revealed our FY2023 emissions across Scopes 1, 2, and 3. Findings catalysed targeted carbon reduction actions such as energy-efficient upgrades and staff green financing schemes. **Total GHG emissions: 38,158.79 $tCO_2e$**.

# MANDAT DAN KELESTARIAN
# MANDATE AND SUSTAINABILITY

## KETELUSAN MENERUSI LAPORAN KELESTARIAN

Laporan Kelestarian sulung BSN, SR2023, yang diterbitkan pada November 2024 memperkukuhkan peranan kepimpinan dan komitmen BSN dalam mengutamakan ketelusan. Laporan ini merangkumi pelan halatuju ke arah mencapai tahap karbon neutral dan komitmen untuk menggembleng pembiayaan mikro berjumlah RM4 bilion menjelang tahun 2030.

## TRANSPARENCY THROUGH OUR SUSTAINABILITY REPORT

Our inaugural Sustainability Report (SR2023), released in November 2024, reinforced BSN's ESG leadership and commitment to transparency. It included our carbon neutrality roadmap and commitment to mobilise RM4 billion in microfinancing by 2030.

Anda boleh membaca Laporan Kelestarian kami di/To read our Sustainability Report, please kindly visit https://www.bsn.com.my/cms/upload/pdf/sustainability/sr2023_en.pdf?csrt=16468015835202413571

## PENYAMPAIAN MANDAT BSN: HASIL PEMBANGUNAN

### Memperluaskan Akses Kewangan ke Seluruh Negara

Perkhidmatan perbankan industri telah mencapai 97.5% dan BSN kekal sebagai institusi kewangan yang mempunyai kerangkuman terluas di Malaysia dengan 90.5% (814 daripada 899 mukim), termasuk 23% mukim yang hanya mendapat perkhidmatan dari BSN sahaja. Saluran-saluran perkhidmatan kami termasuk:

**2,233**
**Ejen Bank BSN (EB BSN)**
(873 mukim/mukims; 70.8% kawasan luar bandar/rural)

**387**
**cawangan fizikal/physical branches**
(46% kawasan luar bandar/rural)

**40**
**Pusat Kewangan Mikro/Micro Finance Centres**
(66.1% bahagian pasaran MF/MF market share)

**10**
**Cawangan Bank Bergerak (CBB)**
(Sabah, Sarawak, Pahang)

**984**
**terminal layan diri/self-service terminals**
(ATM, CDM, CRM)

**myBSN**
(2.8 juta pengguna/million users; 62.2% aktif/active)

## DELIVERING OUR MANDATE: DEVELOPMENTAL OUTCOMES

### Expanding Financial Access Nationwide

BSN remains Malaysia's widest-reaching financial institution, covering 814 of 899 mukims (97.2%), including 23% solely served by BSN. Our delivery channels include:

Komitmen ini turut dizahirkan menerusi kehadiran BSN di/This commitment is also realised through BSN's presence in:

**2,189**
(69%) di kawasan luar bandar/in the rural areas

**1,239**
(34%) di kawasan terpinggir (mukim dengan kurang daripada 5 titik akses)/in the underserved areas (mukims with less than 5 access points)

EB dan CBB telah memainkan peranan penting dalam memastikan akses kepada perkhidmatan kewangan asas seperti deposit tunai, pengeluaran, pembayaran bil, tambah nilai prabayar, dan pelbagai kemudahan lain untuk komuniti luar bandar dan pedalaman. Bagi Tahun Kewangan 2024, EB kami telah mengendalikan 8 juta transaksi dengan jumlah keseluruhan berjumlah RM721 juta, manakala hampir 72,000 transaksi berjumlah RM19.3 juta telah dikendalikan menerusi saluran CBB kami.

Our EBs and CBBs have been instrumental in ensuring access to essential financial services such as cash deposits, withdrawals, bill payments, prepaid top-ups and more to the communities in remote and rural areas. In FY2024, the EBs have processed 8 million transactions totalling to RM721 million and nearly 72 thousand transactions amounting to RM19.3 million were conducted through our CBB channel.

### Agihan Bantuan Tunai

BSN terus memainkan peranan penting dalam melancarkan pengagihan bantuan kewangan daripada Kerajaan menerusi pelbagai saluran perbankannya. Sepanjang tahun 2024, kami telah berjaya menyalurkan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA). Kami turut membantu dalam pelaksanaan program bantuan lain termasuk Budi Madani Individu & Agro Komoditi serta Budi Madani Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

### Cash Aid Distribution

BSN continues to play a crucial role in facilitating the distribution of Government financial aid through these various channels. In 2024, we successfully disbursed Sumbangan Tunai Rahmah (STR) and Sumbangan Asas Rahmah (SARA). We also facilitated other financial aid programmes, including Budi Madani Individu & Agro Komoditi and Budi Madani Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

**Sumbangan Tunai Rahmah (STR)**
Jumlah agihan: **RM6.7 bilion** kepada **8 juta** penerima
Total distribution: **RM6.7 billion** to **8.5 million** recipients

**Sumbangan Asas Rahmah (SARA)**
Jumlah agihan: **RM1.9 bilion** kepada **7.6 juta** penerima
Total distribution: **RM1.9 billion** to **7.6 million** recipients

**Budi Madani**
Jumlah agihan: **RM119.9 juta** kepada **599.3 ribu** penerima
Total distribution: **RM116.4 million** to **243.2 thousand** recipients

**Budi Madani Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS)**
Jumlah agihan: **RM108.6 juta** kepada **26.4 ribu** penerima
Total distribution: **RM108.6 million** to **26.4 thousand** recipients

Menerusi libat urus strategik bersama penerima bantuan tunai, kami berjaya menggalakkan peralihan ke arah inklusiviti kewangan dengan mengurangkan bilangan penerima berasaskan tunai sebanyak lebih 60% antara tahun 2020 dan 2024, yakni daripada 1.19 juta kepada 455,800 individu menerusi pembukaan akaun bank.

Selain itu, BSN turut memainkan peranan penting dalam pengagihan dana Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di bawah program Bantuan Awal Persekolahan (BAP) yang bertujuan meringankan beban kewangan ibu bapa dan penjaga serta menyediakan keperluan pelajar. Menerusi inisiatif ini, kami berjaya mengagihkan RM697 juta kepada 4.6 juta pelajar di hampir 11,800 sekolah di seluruh negara.

### Keterangkuman Kewangan: Program Literasi Kewangan

Sebagai salah satu rakan strategik di bawah *Financial Education Network* (FEN), BSN memainkan peranan penting dalam memacu inisiatif literasi kewangan, sama ada secara kendiri mahupun menerusi kerjasama dengan ahli FEN yang lain. Kami juga telah berganding bahu dengan pelbagai agensi bagi memperluaskan capaian program pendidikan kewangan serta menyediakan bimbingan kewangan kepada masyarakat.

Through our strategic engagements with cash aid recipients, we successfully facilitated a significant shift towards financial inclusion by reducing the number of cash-based recipients by over 60% between 2020 and 2024, from 1.19 million to 455,800 individuals, through the opening of bank accounts.

Additionally, we also played an important role in distributing funds from the Ministry of Education (MoE) under the Bantuan Awal Persekolahan (BAP) programme, which aims to support students and ease the financial burden on parents and guardians. Through this initiative, we have successfully distributed RM697 million to 4.6 million students in nearly 11,800 schools across the nation.

### Financial Inclusion: Financial Literacy Programmes

As one of the partners under Financial Education Network (FEN), BSN is instrumental in driving financial literacy initiatives, both independently and in collaboration with other FEN members as well as partnered with various agencies to expand reach of our financial education programmes and provide financial guidance.

# MANDAT DAN KELESTARIAN
## MANDATE AND SUSTAINABILITY

**Selaras dengan mandat BSN untuk memupuk budaya menabung, BSN terus memartabatkan kepentingan literasi kewangan sejak usia muda menerusi Jelajah Celik Kewangan yang dilaksanakan di seluruh negara.**

**In alignment with our mandate to cultivate a culture of savings, we continue to champion the importance of financial literacy from an early age through our nationwide Jelajah Celik Kewangan tour.**

Program ini telah memberi manfaat kepada lebih 14,400 pelajar di 280 buah sekolah dengan menyediakan mereka dengan pengetahuan asas kewangan selain memupuk tabiat menabung yang berhemah. Usaha ini disokong dengan skim simpanan khas untuk pelajar iaitu BSN Smart Junior (BSJ) dan Skim Galakan Simpanan Pelajar BSN (BSN SGSP). Sehingga 31 Disember 2024, lebih 883,100 pelajar mempunyai akaun simpanan aktif di BSN, dengan jumlah simpanan terkumpul sebanyak RM458.6 juta. Daripada jumlah ini, seramai 521,431 adalah penyimpan muda berusia di antara 15 hingga 24 tahun.

Dalam merealisasikan pendidikan kewangan yang inklusif, BSN bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memastikan tiada sekolah atau pelajar yang tercicir. Kerjasama ini membawa kepada pembangunan Modul Celik Kewangan yang komprehensif, yang dikelolakan di platform Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa). Dilancarkan pada 18 Oktober 2023, modul ini merangkumi topik penting seperti pengurusan kewangan, simpanan, pelaburan, dan pengurusan hutang. Sejak pelancarannya, modul ini telah diakses oleh lebih daripada 10,000 pelajar dan 3,000 pendidik di 5,200 buah sekolah di seluruh negara, justeru memperkasa generasi masa hadapan dengan ilmu kewangan yang penting.

Capaian BSN kini diperluaskan secara menyeluruh bagi merangkumi segmen terpinggir menerusi pelbagai inisiatif seperti Program *GoGiggers FoodPanda*, kerjasama dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi memupuk tabiat menabung dalam kalangan 100 pekerja gig. Melalui inisiatif ini, 32% daripada peserta berjaya meningkatkan jumlah simpanan mereka sebanyak 10% (dengan purata simpanan sebanyak RM10 dan jumlah tertinggi mencecah RM1,000).

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 584 program kesedaran kewangan telah dijalankan di seluruh negara di bawah inisiatif Bijak Kewangan dan Ringgit Dijaga Komuniti Sejahtera. Program-program ini mensasarkan golongan kumpulan rentan termasuk penjawat awam dan golongan berpendapatan rendah, meliputi aspek penting seperti penipuan kewangan digital, pengurusan kewangan, serta pengurusan hutang.

This flagship initiative has reached over 14,400 students across 280 schools, equipping them with essential financial knowledge and fostering prudent saving habits. Complementing these efforts are our dedicated student savings schemes – BSN Smart Junior (BSJ) and the BSN Skim Galakan Simpanan Pelajar (BSN SGSP). As of 31 December 2024, more than 883,100 students have active BSN savings accounts, collectively holding RM458.6 million in deposits, with 521,431 of these young savers aged between 15 and 24.

In our pursuit of inclusive financial education, BSN has collaborated with the Ministry of Education (MoE) to ensure that no school or student is left behind. This partnership led to the development of a comprehensive Celik Kewangan Module, hosted on the Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa) platform. Launched on 18 October 2023, the module covers critical topics such as financial management, savings, investment, and debt. Since its inception and has been accessed by over 10,000 students and 3,000 educators across 5,200 schools nationwide, empowering the next generation with essential financial literacy.

Our outreach has widely expanded to cover underserved segment through initiatives like GoGiggers FoodPanda Programme, a collaboration with Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) to instil saving habits among 100 gig workers. Through this initiative, 32% of the participants have increased their savings by 10% (with an average of RM10 and the highest at RM1,000).

In 2024, 584 *Bijak Kewangan* and *Ringgit Dijaga Komuniti Sejahtera* financial awareness programmes were conducted across the nation. These financial literacy programmes targeting to the vulnerable segments nationwide including civil servants and low-income group covering crucial areas such as digital financial scams and fraud, financial management as well as debt management.

## Program Tanpa Tunai BSN

Selaras dengan aspirasi negara untuk memperluaskan penggunaan pembayaran digital, BSN telah mengambil inisiatif untuk membangunkan dua komuniti tanpa tunai dengan menyediakan infrastruktur yang menyokong urus niaga secara digital sepenuhnya:

## BSN Cashless Programmes

In line with the nation's aspiration to advance digital payment adoption, BSN has taken the initiative to establish 2 cashless communities by providing the infrastructure to facilitate cashless transactions:

**Masyarakat Tanpa Tunai**
**Cashless Society**

### BSN & Lembaga Pembangunan Tioman (TDA)

Urusniaga/Transactions
**12,687**

**RM2,254,600**

Pedagang BSN & Terminal POS (Dipasang)/BSN Merchant & POS Terminal (Installed)
**67**

Kod QR
**53**

### Kabong, Sarawak

Urusniaga/Transactions
**6,376**

**RM678,029**

Pedagang BSN & Terminal POS (Dipasang)/BSN Merchant & POS Terminal (Installed)
**17**

Kod QR
**66**

BSN turut giat menjalankan aktiviti kesedaran bagi menggalakkan penggunaan transaksi tanpa tunai menerusi Program Sekolah Tanpa Tunai. Sepanjang tahun 2024, sebanyak 225 buah sekolah telah dilengkapi dengan Terminal *Point-of-Sale* (POS), selain pembukaan 44,700 akaun baharu dengan kemudahan kad debit bagi membolehkan transaksi tanpa tunai yang lancar dan selamat di kantin, kedai buku, dan kedai koperasi sekolah.

BSN has also been actively providing awareness to promote cashless adoption through our School Cashless Programme. In 2024, we have equipped 225 schools with Point-of-Sale (POS) Terminals and facilitated 44,700 new accounts opening with debit card to enable seamless and secure cashless transactions at the canteen, bookstore or cooperative shop.

# MANDAT DAN KELESTARIAN
# MANDATE AND SUSTAINABILITY

### Pembiayaan untuk Golongan Terpinggir dan Kurang Dilayani

BSN terus memenuhi mandat dalam memastikan akses kewangan menyeluruh, di mana 65.7% daripada akaun diluluskan bagi tujuan pembiayaan adalah untuk segmen yang tidak dan kurang mendapat perkhidmatan, termasuk:

#### Pembiayaan untuk Individu Berpendapatan Rendah

BSN terus komited dalam memberi perkhidmatan kepada segmen berpendapatan rendah, khususnya kumpulan B40 yang pendapatan isi rumah bawah RM5,250. Sepanjang tahun 2024, BSN telah meluluskan pembiayaan berjumlah RM12.6 bilion untuk 108,235 pelanggan individu. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 58.5% atau 63,370 akaun dengan nilai RM5.6 bilion merupakan pembiayaan yang disalurkan kepada golongan segmen B40. Sehingga 31 Disember 2024, jumlah keseluruhan pembiayaan BSN kepada segmen B40 adalah sebanyak RM20.5 bilion. Pecahan pembiayaan tersebut adalah seperti berikut:

Jumlah Baki untuk B40 (RM' bilion)
Outstanding Amount for B40 (RM' billion)




Bilangan Akaun untuk B40 ('000)
Number of Accounts for B40 ('000)




Selaras dengan komitmen teguh kami dalam menyokong agenda nasional perumahan mampu milik, BSN secara konsisten menyediakan pembiayaan perumahan mudah dimohon bagi hartanah berharga kurang daripada RM300,000 menerusi pelbagai penawaran produk pembiayaan khusus. Antara produk ini termasuklah produk Perumahan Mampu Milik untuk B40, Pembiayaan Perumahan Rakyat (PPR), Perumahan Khas Pekerja Ladang, MyHome Step Up, dan Skim Rumah Pertamaku. Sehingga 31 Disember 2024, sebanyak 84.6% daripada portfolio ini disalurkan khusus kepada segmen B40, dengan jumlah pembiayaan mencecah RM8.6 bilion.

### Financing to the unserved and underserved

We remained steadfast in delivering our mandate of ensuring financial accessibility as evidenced with 65.7% of the accounts approved for financing were for the unserved and underserved segments which includes:

#### Financing to Low-Income Individuals

BSN remains committed to serving the low-income segment, particularly the B40 income group with household incomes below RM5,250 as our priority. In 2024, we have approved RM12.6 billion financing to 108,235 individuals and 58.5% or 63,370 accounts amounting to RM5.6 billion were financing extended to the B40 segment. As of 31 December 2024, our total financing for the B40 segment stood at RM20.5 billion. The breakdown is as follows:

In line with our unwavering commitment to supporting the national agenda for affordable housing, BSN has consistently provided accessible home financing for properties priced at RM300,000 or less through a range of tailored products. These include the Affordable Housing for B40, Pembiayaan Perumahan Rakyat (PPR), Special Estate Workers Housing, MyHome Step Up, and Skim Rumah Pertamaku. As of 31 December 2025, an impressive 84.6% of this portfolio was dedicated to financing the B40 segment, amounting to RM8.6 billion.

## Pembiayaan untuk Perniagaan Mikro/Financing to Micro Businesses

**Penarafan Pertama/**
**Ranked 1st**
Bahagian pasaran sebanyak/Market shares of
**66.1%**
(Peneraju Industri sejak 2022/
Industry Leader since 2022)

**Jumlah Pembiayaan Mikro/**
**Total Micro Financing:**
**RM2.0 bilion/billion**
dengan 100,350 Jumlah akaun/
with 100,350 NoA

**Agihan pada 2024/**
**Disbursement in 2024:**
**RM690.2 juta/million**
kepada 20,960 mikro/
to 20,960 micros

Selaras dengan agenda Kerajaan dalam memperkasakan pembangunan industri perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), BSN telah meluluskan pembiayaan berjumlah RM710 juta kepada lebih 21,600 perniagaan mikro sepanjang tahun, yakni peningkatan sebanyak 15.6% berbanding Tahun Kewangan 2023. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM161 juta pembiayaan telah diluluskan kepada 5,584 perniagaan baharu yang beroperasi kurang daripada tiga tahun, manakala RM461 juta disalurkan kepada 14,805 peminjam mikro yang merupakan pelanggan pertama kali dengan BSN.

### PEMBIAYAAN SOSIAL ISLAMIK

Pada tahun 2022, BSN telah memperkenalkan BSN MulaNiaga sebagai sebahagian daripada inisiatif Pembiayaan Sosial Islamik di bawah program Bank Negara Malaysia (BNM), yang bertujuan memperkasa komuniti Asnaf dan B40. Inisiatif ini dirangka untuk meningkatkan keupayaan pengurusan kewangan serta membantu peminjam menjana pendapatan yang mampan menerusi keusahawanan.

Sepanjang Tahun Kewangan 2024, BSN telah menyalurkan dana berjumlah RM520,000 daripada geran BNM dan menambah peruntukkan sebanyak RM115,500 bagi melaksanakan latihan berstruktur, program peningkatan kemahiran, serta bimbingan keusahawanan untuk 105 usahawan baharu. Usaha berimpak tinggi ini direalisasikan menerusi kerjasama strategik bersama Teraju Ekonomi Asnaf (TERAS), Pusat Yayasan Hidayah, dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM).

Bagi memastikan impak jangka panjang, penggunaan geran dan prestasi perniagaan para peserta dipantau dengan teliti, di mana peserta yang layak diberi akses kepada Micro-i Hasanah yakni kemudahan pembiayaan mikro dengan jumlah sehingga RM20,000 pada kadar keuntungan 0%. Sejak penubuhannya, program iTEKAD telah mencatat pencapaian berikut:

Aligning with Government's agenda in advancing the development of micro, small and medium enterprises (MSMEs) industry, we have approved a total of RM710 million of financing to over 21,600 micro businesses during the year, which is 15.6% higher than FY2023. RM161 million of the financing approved were extended to 5,584 new businesses operating for less than three years and RM461 million to 14,805 micro were first time borrowers with BSN.

### ISLAMIC SOCIAL FINANCE

In 2022, BSN introduced BSN MulaNiaga as part of its Islamic Social Finance initiative under Bank Negara Malaysia's (BNM) iTEKAD programme, aimed at empowering the Asnaf and B40 communities. This initiative is designed to enhance financial management capabilities and enable participants to generate sustainable income through entrepreneurship.

Throughout FY2024, BSN channelled RM520,000 from BNM's grant and supplemented it with an additional RM115,500 investment to deliver structured training, upskilling, and mentorship programmes to 105 aspiring entrepreneurs. This impactful endeavour was made possible through strategic collaborations with Teraju Ekonomi Asnaf (TERAS), Hidayah Foundation Centre, and Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM).

To ensure long-term impact, the utilisation of grants and business performance are closely monitored, with eligible participants given access to Micro-i Hasanah–a microfinancing facility of up to RM20,000 at 0% profit rate. Since its inception, the iTEKAD programme has achieved the following outcomes:

TERAS Teraju Ekonomi Asnaf
hidayah CENTRE FOUNDATION

**Latihan & Pemantauan/**
**Training & Monitoring**
**RM234,000**
untuk 136 peserta/
for 136 participants

**Geran/**
**Grants**
**RM710,000**
untuk 74 usahawan Asnaf dan B40/
to 74 Asnaf and B40

**Micro-i Hasanah untuk graduan program iTekad/**
**Micro-i Hasanah for iTekad programme graduates**
Diagihkan kepada 2 peserta, jumlah pembiayaan sebanyak/
Disbursed to 2 participants, total financing of
**RM27,000**

# MANDAT DAN KELESTARIAN
# MANDATE AND SUSTAINABILITY

## TAMBAHAN DASAR

Selaras dengan Belanjawan Negara untuk Tahun Kewangan 2024, BSN telah melancarkan Skim Pembiayaan Mikro Madani pada Januari 2024 sebagai kesinambungan daripada skim pembiayaan Mikro Kasih (2023) dan Semarak Niaga (2022). Skim Mikro Madani adalah kemudahan pembiayaan mikro yang ditawarkan kepada usahawan mikro untuk modal perniagaan, pembelian peralatan, premis dan tujuan pemasaran dengan pembiayaan sehingga RM50,000 pada kadar faedah 4.00% setahun untuk tempoh maksimum 5 tahun. Skim pembiayaan ini adalah khusus untuk usahawan mikro, wanita, belia, veteran, pekerja gig, graduan baharu, usahawan Borneo, orang kurang upaya (OKU), dan Bumiputera. Sepanjang tahun kewangan, BSN telah menyalurkan pembiayaan berjumlah RM552 juta kepada 17,100 usahawan mikro, termasuk 5,000 usahawan wanita, 2,600 usahawan belia dan hampir 100 OKU serta veteran di bawah skim ini.

BSN turut giat memacu transformasi digital untuk pelanggan mikro menerusi kerjasama strategik dengan MDEC dan penyedia perkhidmatan digital bagi menyokong usahawan mikro dalam menggunakan teknologi dan mendigitalkan perniagaan mereka. Sejak Oktober 2023, kami menjadi agen penyaluran untuk Geran Digital Perusahaan Mikro Kecil & Sederhana (PMKS) Madani dan Geran Digital Penjaja Madani. Kami telah menyokong lebih 70,600 perniagaan dengan agihan berjumlah RM163 juta. Menerusi kerjasama strategik ini bagi mempertingkatkan penggunaan platform e-dagang dan menggalakkan gunapakai teknologi dan pendigitalan, hampir 3,200 pelanggan telah didaftarkan dalam platform digital.

Selain daripada penyaluran geran, BSN juga telah membantu 1,003 penjaja beralih kepada transaksi digital dengan dilengkapi penggunaan BSN *Soundbox* di 24 Pasar Ramadan dan 3 bazar malam sepanjang tahun ini di bawah geran-geran tersebut.

## TAMBAHAN DEMONSTRASI

Selain itu, menerusi skim perkongsian risiko kadar keuntungan/faedah, BSN telah bekerjasama dengan Credit Guarantee Corporation (CGC) bagi menyediakan pembiayaan di antara RM5,000 hingga RM50,000 menerusi Kemudahan Perusahaan Mikro PKS (MEF) BNM. Inisiatif ini telah membawa kepada jumlah pembiayaan sebanyak RM2.8 juta di bawah produk Mikro Teman Mesra CGC.

Bagi memperkasa dan menyokong pelanggan mikro kami, BSN turut menjalin kerjasama strategik dengan beberapa rakan korporat dan agensi, termasuk MesinKira Sdn Bhd (MesinKira), Dropee Technology Sdn Bhd (Borong), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), SME Corporation Malaysia (SME Corp), AEON Co. (M) Bhd (AEON), Persatuan Usahawan Wanita Bumiputera Malaysia (Usahanita) serta Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Menerusi usaha ini, sebanyak 89 program telah berjaya dilaksanakan tertumpu kepada pendigitalan perniagaan, pengurusan operasi, pemasaran dan pengurusan aliran tunai. Inisiatif-inisiatif ini telah memperkasakan lebih 5,531 usahawan mikro dengan kemahiran dan pengetahuan penting.

## POLICY ADDITIONALITY

In line with the National Budget FY2024, we have launched Micro *Madani* financing scheme in January 2024 as a continuation of Mikro *Kasih* financing scheme (2023) and *Semarak Niaga* (2022). Micro *Madani* scheme is a micro financing facility offered to micro entrepreneurs for business capital, equipment purchases, premises and marketing purposes for financing up to RM50,000 at a rate of 4.00% per annum for a tenure of up to 5 years. This financing scheme is tailored for micro entrepreneur, women, youth, veterans, gig workers, fresh graduate, Borneo entrepreneurs, person with disabilities (*OKU*) and *Bumiputera*. During the year, we have disbursed RM552 million to 17,100 micro entrepreneurs, including 5,000 women entrepreneurs, 2,600 youth entrepreneurs and nearly 100 *OKU* and veterans under this scheme.

BSN has actively driven digital transformation for micro customers through strategic partnerships with MDEC and digital service providers to support micro entrepreneurs in adopting technology and digitalising their businesses. Since October 2023, we are the disbursement agent for the Geran Digital *Perusahaan Mikro Kecil & Sederhana (PMKS) Madani* and *Geran Digital Penjaja Madani*, we have supported over 70,600 businesses with disbursements totalling RM163 million. Through these strategic collaborations to enhance usage of e-commerce platforms and encourage digital and technology adoption nearly 3,200 customers have been onboarded onto digital platforms.

In addition to the grant disbursement, BSN also facilitated 1,003 *penjaja* in transitioning to digital transactions with the deployment of BSN Soundbox at 24 bazaar Ramadan and 3 night markets during the year under these grants.

## DEMONSTRATION ADDITIONALITY

Additionally, through our profit/interest rate shared risk scheme, we have collaborated with Credit Guarantee Corporation (CGC) to provide financing between RM5,000 to RM50,000 utilizing BNM's SME Micro Enterprise Facility (MEF), resulting in a total disbursement of RM2.8 million under Mikro Teman Mesra CGC product.

To empower and support our micro customers, BSN has collaborated with various strategic partners and corporates, including MesinKira Sdn Bhd (MesinKira), Dropee Technology Sdn Bhd (Borong), Pertumbuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), SME Corporation Malaysia (SME Corp), AEON Co, (M) Bhd (AEON), Persatuan Usahawan Wanita Bumiputera Malaysia (Usahanita) and Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), we have successfully conducted 89 programmes focused on business digitalisation, management, marketing and cash flow management. These initiatives have equipped over 5,531 microentrepreneurs with essential skills and knowledge.

## TAMBAHAN REKA BENTUK

Pembiayaan mikro BSN disokong oleh program Business Micro Community (BMC) yang diperkenalkan pada tahun 2022 bagi menyokong pertumbuhan produktiviti dan kestabilan kewangan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).(PMKS). Menerusi program ini, kami telah menjalankan sebanyak 16,827 soal selidik tahunan sepanjang tahun (47,283 soal selidik tahunan kumulatif sejak tahun 2022) bagi menilai impak pembiayaan kami, seperti berikut:

## DESIGN ADDITIONALITY

Our micro financing is supported by BSN's Business Micro Community (BMC) programme which was launched in 2022 to ensure foster productivity growth and financial stability among micro-SMEs (MSME). Through these programmes, we have conducted 16,827 annual reviews during the year (cumulative of 47,283 annual reviews conducted since 2022) to measure the impact of our financing as follows:

**Impak Komuniti Mikro BSN/Impact of BSN Micro Community**

**Penciptaan Pekerjaan/**
**Job Creation**

**13,391; 60.2%**

adalah kakitangan sepenuh masa/
are for full time employment

**Mengubah Mikro Menjadi SME/**
**Nurture Micro Into SME**

**3,479**

Mikro berjaya menjadi SME/
Micro successfully migrate to SME

**Perluasan Perniagaan/**
**Business Expansion**

**4,459**

berjaya mengembangkan perniagaan dan meningkatkan modal mereka/
have expanded their businesses and increased their capital

# PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT
# CORPORATE GOVERNANCE STATEMENT

Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional (Lembaga Pengarah) tetap teguh dalam komitmennya untuk mengekalkan piawaian tadbir urus korporat yang tertinggi. Lembaga Pengarah secara konsisten memupuk budaya akauntabiliti, kebertanggungjawaban dan integriti dalam pengurusan operasi perniagaan dan hal ehwal BSN. Komitmen ini selaras dengan prinsip dan garis panduan yang ditetapkan dalam Dasar Bank Negara Malaysia mengenai Piawaian Tadbir Urus Korporat untuk Institusi-institusi Kewangan Pembangunan yang Ditetapkan (Dokumen Dasar BNM).

## A. LEMBAGA PENGARAH

### Saiz dan Komposisi Lembaga Pengarah

Komposisi Lembaga mematuhi keperluan yang diperuntukkan dalam Akta Bank Simpanan Nasional 1974 (Akta 146) dan selaras dengan Dokumen Dasar BNM yang menetapkan keperluan bagi majoriti pengarah bebas. Ketua Eksekutif berperanan sebagai satu-satunya Pengarah Eksekutif di Lembaga Pengarah, manakala satu (1) Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif merupakan wakil Kementerian Kewangan Malaysia.

Lembaga Pengarah kekal komited dalam memastikan kepelbagaian dan penyertaan dalam komposisi dan proses-proses membuat keputusan. Sejajar dengan komitmen ini, Lembaga Pengarah mempertimbangkan kepelbagaian dari pelbagai dimensi, termasuk jantina, umur, latar belakang pendidikan, pengalaman profesional, kemahiran, pengetahuan dan jangka masa perkhidmatan. Secara kolektif, Lembaga Pengarah membawa kepelbagaian kepakaran dan pengalaman dalam bidang berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Perbankan | Pelaburan Kerajaan | Pegangan Pelaburan |
| Undang-undang dan Pematuhan | Tadbir Urus Korporat | Audit |

Setakat 31 Disember 2024, Lembaga Pengarah terdiri daripada lapan (8) ahli, merangkumi seorang (1) Pengerusi, seorang (1) Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif, lima (5) Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan seorang (1) Pengarah Eksekutif. Pengarah Eksekutif merupakan Ketua Eksekutif BSN. Setiap ahli Lembaga Pengarah mempunyai berbagai kemahiran dan kepakaran dalam peranan masing-masing dan menyumbang secara signifikan kepada kemajuan dan perkembangan BSN. Kesungguhan dan kecekapan mereka secara kolektif telah memainkan peranan yang penting dalam membimbing BSN ke arah kejayaan yang berterusan. Profil setiap Pengarah juga disertakan dalam laporan ini pada muka surat 26 sehingga 36.

Pelantikan kesemua Pengarah adalah selaras dengan peruntukan dalam Dokumen Dasar BNM.

### Tempoh Perkhidmatan Pengarah

Selaras dengan Dokumen Dasar BNM dan sepertimana yang termaktub di dalam Piagam Lembaga BSN, tempoh perkhidmatan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif tidak boleh melebihi jangka waktu kumulatif selama sembilan (9) tahun, kecuali dalam situasi luar biasa atau sebahagian dari pengaturan peralihan ke arah pelaksanaan rancangan penggantian Bank sepenuhnya.

The Board of Directors of Bank Simpanan Nasional (the Board) remains steadfast in its commitment to upholding the highest standards of corporate governance. The Board consistently fosters a culture of accountability, responsibility, and integrity in the management of BSN's business and affairs. This commitment is firmly aligned with the principles and guidelines set forth in the Bank Negara Malaysia Policy Document on Corporate Governance for prescribed Development Financial Institutions (BNM Policy Document).

## A. BOARD OF DIRECTORS

### Board Size and Composition

The composition of the Board complies with the requirements stipulated in the Bank Simpanan Nasional Act 1974 (Act 146) and is aligned with the BNM Policy Document, which mandates a majority of independent directors. The Chief Executive serves as the sole Executive Director on the Board, while one (1) Non-Independent Non-Executive Director represents the Ministry of Finance, Malaysia.

The Board remains committed in ensuring diversity and inclusion within its composition and decision-making processes. In pursuing this commitment, the Board considers diversity across multiple dimensions, including gender, age, educational background, professional experience, skills, knowledge and length of service. Collectively, the Board brings a broad spectrum of expertise and experience in the following areas:

| | | |
|---|---|---|
| Banking | Government Investments | Investment Holding |
| Legal and Compliance | Corporate Governance | Audit |

As of 31 December 2024, the Board has eight (8) members, comprising of one (1) Chairman, one, (1) Non-Independent Non-Executive Director, five (5) Independent Non-Executive Directors and one (1) Executive Director. The Executive Director is the Chief Executive of BSN. Each Director brings a wealth of skills and expertise to their roles, contributing significantly to the advancement and growth of BSN. Their collective dedication and proficiency play a pivotal role in steering BSN towards continued success. The profile of each Director is briefly described on pages 26 to 36 of this report.

The appointment of the Directors is in accordance with the requirements set out under the BNM Policy Document.

### Tenure of Directors

As per the BNM Policy Document and as reflected in the BSN Board Charter, the tenure of an Independent Non-Executive Director shall not exceed a cumulative term of nine (9) years, except under exceptional circumstances or as part of transitional arrangements toward full implementation of the succession plans of the Bank.

### Tugas dan Tanggungjawab

Tanggungjawab utama Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:

- Untuk meluluskan selera risiko, rancangan perniagaan, rancangan strategik dan inisiatif lain Bank yang secara tunggal atau kumulatif akan memberi kesan terhadap kekukuhan kewangan, reputasi atau kawalan operasi utama, profil risiko Bank dan kemampuan berterusan untuk menyokong mandatnya;
- Untuk meluluskan bajet anggaran perbelanjaan tahunan Bank dan melakukan tinjauan berkala mengenai pencapaian oleh jabatan-jabatan terhadap sasaran perniagaan masing-masing;
- Untuk meluluskan dasar-dasar Bank dan mengawasi penetapan prosedur pentadbiran Bank;
- Untuk mengawasi operasi perniagaan dan prestasi Kewangan Bank;
- Menentukan komposisi umum Lembaga Pengarah (saiz, kemahiran dan keseimbangan antara pengarah eksekutif dan pengarah bukan eksekutif) bagi memastikan Lembaga Pengarah terdiri daripada kepelbagaian kemahiran, pengalaman, latar belakang budaya, kepelbagaian jantina, dan kecekapan teras lain yang diperlukan;
- Untuk mempromosikan, bersama-sama Pengurusan Kanan, budaya korporat yang mantap dan budaya berprestasi tinggi dalam Bank yang mengukuhkan tingkah laku etika, berhemah dan profesional. Ini termasuk memastikan bahawa Pengurusan Kanan melaksanakan dan memantau dasar serta prosedur yang menghalang aktiviti dan hubungan yang tidak selaras dengan tadbir urus yang baik, menangani situasi konflik kepentingan dengan berkesan, melarang urusan rasuah dan memastikan urusan secara berhemah dengan pihak yang berkaitan dan entiti berkepentingan lain;
- Memastikan Bank mengintegrasikan dan menegakkan prinsip ESG dalam strategi dan proses membuat keputusannya. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab untuk memantau dan menyemak semula strategi serta inisiatif ESG Bank, memastikan ia selaras dengan keperluan pengawalseliaan dan jangkaan pihak berkepentingan. Lembaga Pengarah boleh menubuhkan atau melantik jawatankuasa khas untuk memantau dan membimbing inisiatif ESG Bank;
- Untuk mengawasi dan meluluskan pemulihan dan rancangan kesinambungan perniagaan Bank untuk mengembalikan kekuatan kewangan, operasi kritikal dan perkhidmatan kritikal ketika mengalami tekanan;

### Functions and Responsibilities

The key responsibilities of the Board are as follows:

- Approve the Bank's risk appetite, business plans, strategic plans and other initiatives which would singularly or cumulatively have an impact on the financial soundness, reputation or key operational controls, risk profile of the Bank and continuing ability to support its mandate;
- Approve the Bank's annual budget and carry out periodic reviews of the achievements of the various departments against their respective business targets;
- Approve policies of the Bank and oversee the establishment of procedures governing the Bank;
- Provide oversight over the Bank's business operations and financial performance;
- Determining the general composition of the Board (size, skill and balance between executive directors and non-executive directors) in order to ensure that the Board consists of the requisite diversity of skills, experience, cultural background, gender diversity, and other core competencies required;
- Oversee the selection, performance, compensation and succession plans for the post of Key Senior Officers and other members of the senior management (collectively referred to as ("Senior Management") in alignment with the assignment of responsibility areas, such that the Board is satisfied with the collective competence of the Senior Management to effectively lead the operations of the Bank;
- Promote together with Senior Management, a high-performance culture within the Bank which reinforces ethical, prudent and professional behaviour. This shall include ensuring that the Senior Management implements and monitors policies and procedures that prevent activities and relationships inconsistent with sound governance, effectively addresses conflict of interest situations, prohibits corrupt dealings and ensures arm's length dealings with connected parties and other interested entities;
- Ensuring the Bank incorporates and upholds ESG principles in its strategy and decision-making processes. The Board is also responsible for overseeing and reviewing the Bank's ESG strategy and initiatives, ensuring they are aligned with both regulatory requirements and stakeholders' expectations. The Board may establish or appoint a dedicated committee to oversee and guide the Bank's ESG initiatives;
- Oversee and approves the recovery and business continuity plans for the Bank to restore its financial strength, critical operations and critical services when it comes under stress;

# PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT
## CORPORATE GOVERNANCE STATEMENT

- Menjalankan semakan, mencabar, dan meluluskan CSP yang dibangunkan oleh Pengurusan Kanan. Ini memastikan objektif yang dipersetujui dalam CSP diterjemahkan kepada langkah dan sasaran yang tepat, termasuk tetapi tidak terhad kepada penunjuk tambahan;

- Memantau pelaksanaan CSP yang berkesan dan menjalankan pemantauan serta semakan berkala terhadap sasaran prestasi, dengan memberikan maklum balas yang membina untuk penambahbaikan berterusan;

- Untuk menggalakkan komunikasi yang cepat dan berkesan antara Bank, Bank Negara Malaysia dan pihak kementerian berkepentingan mengenai perkara-perkara yang mempengaruhi atau yang boleh mempengaruhi keselamatan, kekukuhan dan mandat Bank;

- Untuk mengawasi pengaturan tadbir urus untuk mempromosikan ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam proses pengurusan dan pembuatan keputusan dalam Bank, dan memastikan bahawa Ketua Eksekutif melaksanakan pengaturan tadbir urus di semua fungsi Bank dengan efektif;

- Untuk mengawasi perkembangan dan pelaksanaan efektif rangka pengukuran prestasi Bank yang sesuai dengan mandatnya;

- Memberikan fungsi pemantauan untuk memastikan rangka kerja tadbir urus Syariah yang kukuh selaras dengan saiz, kerumitan, dan sifat perniagaan Bank. Akauntabiliti pemantauan Lembaga Pengarah terhadap tadbir urus dan pematuhan Syariah harus mencerminkan integrasi pertimbangan tadbir urus Syariah dalam strategi perniagaan dan risiko Bank. Rujukan hendaklah dibuat kepada Dasar Tadbir Urus Syariah BSN. Tugas Lembaga Pengarah termasuk:

| |
|---|
| Untuk mengambil kira fakta, rasional dan asas bagi sebarang keputusan atau nasihat Jawatankuasa Syariah sebelum membuat keputusan sendiri. |
| Untuk memberi pertimbangan yang adil terhadap implikasi pelaksanaan sebarang keputusan atau nasihat Jawatankuasa Syariah. |
| Untuk mewujudkan mekanisme penyelesaian konflik bagi menangani sebarang perbezaan pandangan antara Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Syariah. |
| Untuk menyelenggara rekod perbincangan antara Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Syariah dalam perkara yang mempunyai perbezaan pandangan, serta penyelesaiannya. |

- Untuk bertindak demi kepentingan terbaik Bank, bebas dari pengaruh luaran tidak wajar yang boleh menjejaskan mandat dan kekukuhan kewangan Bank yang diluluskan; dan

- Untuk mengawasi semua isu peraturan dan/atau kepatuhan termasuk tetapi tidak terhad kepada Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram dan Transaksi Pihak Berhubung.

- Performs review, challenges and approves the CSP developed by the Senior Management. This ensures that the objectives agreed upon within the CSP are translated into precise measures and targets, including but not limited to additionality indicators;

- Oversees the effective implementation of the CSP and conducts regular monitoring and review of performance targets, providing constructive feedback for continual improvement;

- Promote the timely and effective communication between the Bank, Bank Negara Malaysia and stakeholder ministries on matters affecting or that may affect the safety, soundness and mandate of the Bank;

- Perform regular reviews on the Bank's mandate, taking into account changes in the economy and financial system. Where relevant, the Board shall make recommendations to the Government in consultation with Bank Negara Malaysia, for a review of its mandate;

- Oversee the governance arrangements to promote transparency and accountability in the management and decision-making processes within the Bank, and to ensure that the Chief Executive effectively implements the governance arrangements across all functions of the Bank;

- Oversee the development and effective implementation of a performance measurement framework for the Bank that is aligned with its mandate;

- Provides oversight function in ensuring robust Shariah governance framework that commensurate with the size, complexity and nature of the Bank's business. The Board's oversight accountability over Shariah governance and compliance must reflect the integration of Shariah governance considerations within the business and risk strategies of the Bank. Reference shall be made to the BSN Shariah Governance Policy. The duties of the Board shall include:

| |
|---|
| To take into consideration the facts, rationale and basis for any decisions or advice of the Shariah Committee before arriving at its own decision. |
| To give fair consideration to the implications of implementing any decisions or advice of the Shariah Committee. |
| To put in place a conflict resolution mechanism to deal with any differences in views between the Board and the Shariah Committee. |
| To maintain a record of deliberations between the Board and the Shariah Committee in matters where the differences in views exist, and its resolution. |

- Act in the best interest of the Bank, free from any undue external influence which could undermine the Bank's approved mandate and financial soundness; and

- Oversee all regulatory and/or compliance matters including but not limited to Anti-Money Laundering and Counter Financing of Terrorism and Connected Party Transactions.

### Latihan Bagi Pengarah

Lembaga Pengarah mengakui kepentingan pembelajaran berterusan bagi para Pengarah untuk memastikan bahawa mereka dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk melaksanakan tugas dan memenuhi cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Lembaga Pengarah. Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, semua ahli Lembaga Pengarah menghadiri pelbagai program latihan dan bengkel mengenai isu-isu yang berkaitan dengan BSN.

### Directors' Training

The Board acknowledges the importance of continuous education for the Directors to ensure that they are well equipped with the necessary skills and knowledge to perform their duties and meet the challenges facing the Board. During the financial year ended 31 December 2024, all the Board members attended various training programmes and workshops on issues relevant to BSN.

| Tumpuan Latihan/ Training Focus | Senarai Persidangan/Seminar dan Program Latihan/ List of Conferences/Seminars and Training Programmes |
|---|---|
| Tadbir Urus Korporat/ Corporate Goverance | • Tanggungjawab Liabiliti Pengarah dalam Rangka Kerja AML Institusi Masing-Masing/ Director's Liabilities within Their Respective Institution's AML Frameworks<br>• Dilema Kepelbagaian: Memahami dan Melaksanakan Kepelbagaian dan Inklusi yang Bermatlamat dalam Organisasi/The Dilemmas of Diversity: Understanding and Implementing Purposeful Diversity and Inclusion in Organisations<br>• Bicara Kepimpinan Berintegriti/Integrity Leadership Talk |
| Kewangan/ Finance | • Fokus Utama kepada PKS dan Sokongan Rakan Sebaya, Direka untuk Membantu PKS Meningkatkan Penerimaan Digital serta Ketahanan dan Pertumbuhan Jangka Panjang/Key Focus on SMEs and Peer Support, Designed to Help SMEs Enhance Digital Adoption as Well as Long-Term Resilience and Growth |
| Syariah/Kewangan Islam Shariah/Islamic Finance | • Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara (MUZAKARAH) 2024: Pemerkasaan Pematuhan Syariah: Ke Arah Mengukuhkan Industri Kewangan Islam/Empowering Shariah Compliance Towards Strengthening the Islamic Financial Industry<br>• Intipati Utama Dokumen Dasar Hajah dan Darurah: Prinsip dan Aplikasi/Key Insights Of Hajah and Darurah Policy Document Principles and Applications<br>• Perlaksanaan SDG Terhadap DFI/SDGs Implementation in DFIs<br>• Sesi Libat Urus BNM - FIDE FORUM bersama Lembaga Pengarah Institusi Kewangan Islam: Dokumen Polisi Hajah dan Darurah/BNM - FIDE FORUM Engagement Session with Board of Directors of Islamic Financial Institutions: Hajah and Darurah Policy Document<br>• Forum Global mengenai Ekonomi dan Kewangan Islam (GFIEF) 2024/Global Forum on Islamic Economics and Finance (GFIEF) 2024 |
| Ekonomi/ Economics | • Forum Tinjauan Ekonomi & Pasca-Bajet 2025/Economic Outlook & Post-Budget 2025 Forum |
| Audit/ Audit | • Persidangan Audit Bank 2024: Masa Depan Audit Dalaman - Menerima Perubahan, Kekal Relevan/ Bank Audit Conference 2024: Future of Internal Audit - Embracing Change, Staying Relevant |
| Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus/ Environment, Social and Governance | • Bengkel Kewangan Hijau DFI dengan kerjasama Bank Dunia/DFI Green Finance Workshop in collaboration with the World Bank<br>• Pandangan Eksekutif mengenai Kewangan Lestari di Malaysia/Executive Insights into Sustainable Finance in Malaysia |
| Teknologi Maklumat/ Digital Information Technology/ Digital | • Siri Kepimpinan Lembaga Pengarah Terkemuka 2024: Transformasi Digital Bank Terbaik Dunia/ Distinguished Board Leadership Series 2024: Digital Transformation of the World's Best Bank |
| Keselamatan Siber/ Cybersecurity | • Program Penipuan & Jenayah Siber Kewangan/Fraud & Financial Cybercrime Programme |

# PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT
# CORPORATE GOVERNANCE STATEMENT

### Imbuhan Lembaga Pengarah

Pakej imbuhan untuk Pengarah Bukan Eksekutif setimpal dengan peranan dan tanggungjawab pada peringkat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, dan menurut arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Julat imbuhan Pengarah Bukan Eksekutif BSN pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 adalah seperti berikut:

### Board Remuneration

The remuneration package for Non-Executive Directors commensurate with the accountabilities, roles and responsibilities at both the Board and Board Committees and is in accordance with the directive issued by the Minister of Finance, Malaysia.The range of remuneration of Non-Executive Directors of the Bank during the financial year ended 31 December 2024 are as follows:

| Pengarah Bukan Eksekutif/Non-Executive Directors | Bil. Pengarah/No. of Directors |
|---|---|
| Bawah/Below RM10,000.00 | - |
| Bawah/Below RM100,000.00 | - |
| RM100,000.00 - RM200,000.00 | 3 |
| RM200,000.00 - RM300,000.00 | 4 |

### Mesyuarat Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua belas (12) kali pada setiap tahun kewangan untuk mengkaji hal-hal kewangan, strategi serta dasar dan juga memantau prestasi BSN. Mesyuarat khas juga telah diadakan untuk menimbang hal-hal perniagaan dan lain- lain urusan yang penting sekiranya perlu. Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak enam belas (16) kali. Kehadiran Pengarah-Pengarah adalah seperti berikut:

### Board Meetings

The Board shall convene at least twelve (12) times in each financial year to consider financial matters, strategies and policies as well as monitor the overall performance of BSN. Special Board meetings are held to consider urgent business matters as and when required. During the financial year ended 31 December 2024, the Board convened sixteen (16) times. The attendance of Directors is as follows:

| Bil/ No | Pengarah/ Director | Kehadiran Mesyuarat/ Meeting Attendance |
|---|---|---|
| 1 | **Dato' Seri Dr. Awang Adek Hussin**<br>Pengerusi Bukan Eksekutif/Non-Executive Chairman | 7/7* |
| 2 | **Encik Mohd Hassan Ahmad**<br>(Timbalan Pengerusi)/Deputy Chairman)<br>Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif/Non-Independent Non-Executive Director | 15/15** |
| 3 | **Tuan Haji Selamat Haji Sirat**<br>Pengarah Bebas Bukan Eksekutif/Independent Non-Executive Director | 16/16 |
| 4 | **Datin Zaimah Zakaria**<br>Pengarah Bebas Bukan Eksekutif/Independent Non-Executive Director | 16/16 |
| 5 | **Puan Saleena Mohd Ali**<br>Pengarah Bebas Bukan Eksekutif/Independent Non-Executive Director | 16/16 |
| 6 | **Puan Suraya Hassan**<br>Pengarah Bebas Bukan Eksekutif/Independent Non-Executive Director | 16/16 |
| 7 | **Prof. Madya Dr. Kamaruzaman Noordin**<br>Pengarah Bebas Bukan Eksekutif/Independent Non-Executive Director | 16/16 |
| 8 | **Encik Jay Khairil Jeremy Abdullah**<br>Pengarah Eksekutif/Executive Director | 16/16 |

* *Dilantik pada 1 Julai 2024*
* *Appointed on 1 July 2024*

** *Dilantik pada 15 Februari 2024*
** *Appointed on 15 February 2024*

## B. JAWATANKUASA-JAWATANKUASA LEMBAGA

Terdapat empat (4) Jawatankuasa lembaga yang membantu Lembaga Pengarah menjalankan tugas dan tanggungjawab:

i. Jawatankuasa Lembaga Audit;

ii. Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko;

iii. Jawatankuasa Lembaga Pencalonan dan Saraan; dan

iv. Jawatankuasa Lembaga Tender.

## JAWATANKUASA LEMBAGA AUDIT

### 1. Matlamat

Matlamat utama Jawatankuasa Lembaga Audit (JLA) adalah untuk menyemak penyata kewangan BSN, kawalan dalaman, prestasi dan pendapat para pengaudit dan menyarankan secara berkala tindakan pemulihan.

### 2. Tugas dan Tanggungjawab

Tanggungjawab utama Jawatankuasa adalah memastikan amalan tadbir urus korporat yang tinggi dipatuhi serta memberikan pandangan mengenai pelaporan kewangan Bank, pendedahan, pematuhan peraturan, pengurusan risiko, serta pemantauan proses kawalan dalaman Bank (termasuk perkara berkaitan syariah). Jawatankuasa akan bermesyuarat secara berkala, antara lain, untuk, menyemak laporan audit yang merangkumi pemerhatian berkaitan pengurusan risiko dan kawalan dalaman serta transaksi pihak berkaitan, penyata kewangan tahunan penuh, peraturan perbankan serta isu berkaitan AML/CFT/CPF.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa ini, mesti memastikan pertukaran maklumat yang berkesan bagi membolehkan liputan menyeluruh terhadap semua risiko, termasuk isu risiko baharu yang boleh memberi kesan kepada selera risiko dan rancangan perniagaan institusi.

Jawatankuasa melaporkan kepada Lembaga Pengarah secara berkala mengenai kerja yang dilaksanakan, perbincangan utama serta keputusan yang diambil bagi perkara yang didelegasikan.

Peranan dan tanggungjawab utama Jawatankuasa meliputi perkara berikut:

| | |
|---|---|
| Kawalan Dalaman & Pengurusan Risiko | Pelaporan Adil & Telus |
| Transaksi Pihak Berkaitan & Konflik Kepentingan | Keberkesanan Audit Dalaman |
| Keberkesanan Fungsi Pematuhan | Keberkesanan Unit Integriti & Tadbir Urus |
| Juruaudit Luar | Laporan Tahunan Juruaudit |

## B. BOARD COMMITTEES

There are four (4) Board Committees to assist the Board in discharging its duties and responsibilities:

i. Board Audit Committee;

ii. Board Risk Management Committee;

iii. Board Nomination and Remuneration Committee; and

iv. Board Tender Committee.

## BOARD AUDIT COMMITTEE

### 1. Objective

The primary objective of the Board Audit Committee (BAC) is to review the financial statements of BSN, its internal controls, performance and findings of the internal auditors and to recommend appropriate remedial actions regularly.

### 2. Functions and Responsibilities

The key responsibilities of the Committee are to ensure high corporate governance practices are adhered to whilst providing insight on the Bank's financial reporting, disclosure, regulatory compliance, risk management and monitoring of internal control processes within the Bank (including shariah related matters). The Committee shall meet regularly to, amongst others, review audit reports which include observations pertaining to risk management and internal controls, as well as related party transactions, full year financial statements, banking regulations and AML/CFT/CPF matters.

The Board Risk Management Committee and the Committee must ensure effective exchange of information so as to enable effective coverage of all risks, including emerging risk issues that could have an impact on the institution's risk appetite and business plans.

The Committee reports to the Board, regularly, on work carried out, key deliberations and decisions taken on delegated matters.

The key roles and responsibilities of the Committee covers the following areas:

| | |
|---|---|
| Internal Controls & Risk Management | Fair & Transparent Reporting |
| Related Party Transactions & Conflict of Interest | Effectiveness of Internal Audit |
| Effectiveness of Compliance Function | Effectiveness of Integrity & Governance Unit |
| External Auditors | Auditors Annual Reports |

# PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT
# CORPORATE GOVERNANCE STATEMENT

### 3. Kekerapan Bermesyuarat

Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam dua (2) bulan. Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 JLA telah bermesyuarat sebanyak lima belas (15) kali. Kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:

### 3. Frequency of Meetings

The BAC shall convene at least once every two (2) months. During the financial year ended 31 December 2024, the BAC convened) fifteen (15) times. The attendance of Directors is as follows:

| Bil/ No | Pengarah/ Director | Kehadiran Mesyuarat/ Meeting Attendance |
|---|---|---|
| 1 | Tuan Haji Selamat Haji Sirat (Pengerusi/Chairman) | 15/15 |
| 2 | Datin Zaimah Zakaria | 15/15 |
| 3 | Puan Saleena Mohd Ali | 15/15 |
| 4 | Prof. Madya Dr. Kamaruzaman Noordin | 14/14* |
| 5 | Puan Suraya Hassan | 14/14* |
| 6 | Encik Mohd Hassan Ahmad | 13/13** |

* *Dilantik sebagai ahli JLA pada 29 Januari 2024*
* *Appointed as BAC member on 29 January 2024*

** *Dilantik sebagai ahli JLA pada 27 Februari 2024*
** *Appointed as BAC member on 27 February 2024*

## JAWATANKUASA LEMBAGA PENGURUSAN RISIKO

### 1. Matlamat

Matlamat utama Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko (JLPR) adalah untuk menyelia aktiviti Pengurusan Kanan dalam mengurus bahagian risiko utama BSN dan memastikan bahawa proses pengurusan risiko sentiasa siap siaga dan berfungsi dengan berkesan.

### 2. Tugas dan Tanggungjawab

Peranan dan tanggungjawab utama Jawatankuasa merangkumi perkara berikut:

a. Membantu Lembaga Pengarah dalam mencapai jangkaan rancangan pengurusan risiko seperti yang digariskan dalam Dokumen Polisi Tadbir Urus Risiko oleh Bank Negara Malaysia (BNM);

b. Merangka strategi untuk mengurus risiko keseluruhan yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti Bank;

c. Mengesyorkan Penyata Selera Risiko (*Risk Appetite Statement - RAS*) Bank;

d. Mengesyorkan dasar pengurusan risiko yang sesuai, prosedur dan proses untuk bidang risiko utama termasuk tetapi tidak terhad kepada risiko operasi, risiko kredit, risiko pasaran, risiko aset dan liabiliti, risiko ketidakpatuhan Syariah, risiko teknologi maklumat (IT), risiko siber, pengurusan kesinambungan perniagaan (BCM), risiko alam sekitar, risiko strategik dan risiko lain seperti yang digariskan dalam Kerangka Pengurusan Risiko (*Risk Management Framework - RMF*);

e. Menyemak kecukupan polisi dan sistem pengurusan risiko serta sejauh mana ia berfungsi dengan berkesan;

## BOARD RISK MANAGEMENT COMMITTEE

### 1. Objective

The primary objective of the Board Risk Management Committee (BRMC) is to oversee the Senior Management's activities in managing the key risk areas of BSN and to ensure that the risk management process is in place and is functioning effectively.

### 2. Functions and Responsibilities

The key roles and responsibilities of the Committee covers the following areas:

a. Support the Board in meeting the expectations on risk management as set out in the Bank Negara Malaysia (BNM) Risk Governance Policy Document;

b. Formulate strategies to manage the overall risks associated with the Bank's activities;

c. Recommend the Bank's Risk Appetite Statement (RAS);

d. Recommend appropriate risk management policies, procedures and processes in key risk areas including but not limited to operational risk, credit risk, market risk, asset and liability risk, Shariah non-compliance risk, information technology (IT) risk, cybersecurity risk, business continuity management (BCM), environmental risk, strategic risk and other relevant areas/risks as outlined in the Risk Management Framework (RMF);

e. Review the adequacy of risk management policies and systems and the extent to which these are operating effectively;

f. Menggalakkan pendekatan bersepadu untuk menilai, memantau dan mengawal risiko;

g. Memastikan infrastruktur, sumber dan sistem yang tersedia adalah mencukupi untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko;

h. Menyemak maklumat berkala yang disediakan oleh pengurusan berkaitan pendedahan risiko dan aktiviti pengurusan risiko;

i. Dengan input daripada fungsi kawalan, mengesyorkan polisi dan prosedur yang sesuai untuk sistem pampasan dan kerangka kerja Bank bagi memastikan risiko dan hasil risiko diambil kira dengan secukupnya;

j. Membantu pelaksanaan kerangka kerja dan sistem pampasan yang kukuh, serta menilai sama ada insentif dalam struktur pampasan Bank mengambil kira risiko, modal, kecairan, dan kebarangkalian serta tempoh pendapatan, tanpa menjejaskan tugas Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan Lembaga Pengarah;

k. Menyokong Lembaga Pengarah dalam melaksanakan polisi etika yang telus dan kukuh, termasuk tetapi tidak terhad kepada kod etika Bank, konflik kepentingan, pelaporan salah laku (whistleblowing) dan transaksi pihak berkaitan; dan

l. Jawatankuasa mempunyai kuasa untuk melantik, menilai prestasi, serta membuat keputusan mengenai pemindahan dan pemberhentian Ketua Pegawai Risiko (*Chief Risk Officer*).

### 3. Kekerapan Bermesyuarat

Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangya sekali dalam dua (2) bulan. Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, JLPR telah bermesyuarat sebanyak dua belas (12) kali. Kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:

f. Promote an integrated approach to evaluate, monitor and control risks;

g. Ensure that the infrastructure, resources and systems are adequate to identify, measure, monitor and control risks;

h. Review the management's periodic information on risk exposures and risk management activities;

i. With input from control functions, recommending appropriate policies and procedures on the overall Bank's compensation system and framework to ensure that risk exposures and risk outcomes are adequately considered;

j. Assist with the implementation of a sound compensation framework and system, as well as examining whether the incentives provided by the Bank's compensation structure take into consideration risks, capital, liquidity and the likelihood as well as the timing of earnings, without prejudicing the tasks of the Board Nomination and Remuneration Committee;

k. Support the Board in the implementation of robust and transparent policy on ethics, including but not limited to the Bank's code of conducts, conflicts of interest, whistleblowing and connected party transactions; and

l. The Committee has the power to appoint, evaluate the performance and decide on the transfer and dismissal of the Chief Risk Officer.

### 3. Frequency of Meetings

The BRMC shall convene at least once every two (2) months. During the financial year ended 31 December 2024, the BRMC convened twelve (12) times. The attendance of Directors is as follows:

| Bil/ No | Pengarah/ Director | Kehadiran Mesyuarat/ Meeting Attendance |
|---|---|---|
| 1 | Tuan Haji Selamat Haji Sirat (Pengerusi/Chairman) | 12/12 |
| 2 | Datin Zaimah Zakaria | 12/12 |
| 3 | Puan Saleena Mohd Ali | 12/12 |
| 4 | Puan Suraya Hassan | 11/11* |

* *Dilantik sebagai ahli JLPR pada 29 Januari 2024*
* *Appointed as BRMC member on 29 January 2024*

# PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT
# CORPORATE GOVERNANCE STATEMENT

## JAWATANKUASA LEMBAGA PENCALONAN DAN IMBUHAN

### 1. Matlamat

Matlamat utama Jawatankuasa Lembaga Pencalonan dan Imbuhan (JLPI) adalah untuk menyelia perkara berikut:

a. Proses pencalonan dan pelantikan Pengarah, ahli Jawatankuasa Syariah, Pegawai Kanan Utama (Key Senior Officers - KSO) dan Setiausaha Syarikat Bank, termasuk menjalankan penilaian individu terhadap Pengarah dan ahli Jawatankuasa Syariah yang layak untuk pelantikan baharu serta pelantikan semula sebelum dihantar kepada pihak berkuasa untuk kelulusan;

b. Semakan prosedur pelantikan Pengarah, Jawatankuasa Lembaga, ahli Jawatankuasa Syariah, KSO dan Setiausaha Syarikat;

c. Proses merangka polisi ganjaran untuk Pengarah, ahli Jawatankuasa Syariah, KSO dan Setiausaha Syarikat, serta memastikan bahawa ganjaran adalah kompetitif dan selaras dengan budaya, objektif serta strategi Bank; dan

d. Jawatankuasa juga bertanggungjawab mewujudkan prosedur yang didokumentasikan, formal dan telus bagi pelantikan Pengarah, Ketua Eksekutif dan KSO, serta menilai keberkesanan Pengarah secara individu, Lembaga Pengarah secara keseluruhan, pelbagai jawatankuasa di bawah Lembaga Pengarah, Ketua Eksekutif dan KSO. Objektif BNRC turut merangkumi penyediaan prosedur yang formal dan telus bagi merangka dasar ganjaran untuk Pengarah, Ketua Eksekutif dan Pegawai Kanan Utama, serta memastikan bahawa ganjaran tersebut adalah kompetitif dan konsisten dengan budaya, objektif dan strategi BSN.

### 2. Tugas dan Tanggungjawab

Peranan dan tanggungjawab utama Jawatankuasa merangkumi perkara berikut:

a. Pelantikan oleh Lembaga Pengarah

i. Memastikan piawaian minimum dipenuhi (contohnya, deskripsi tugas, kelayakan jawatan, pengalaman, kepimpinan dan keperluan lain) bagi jawatan kosong Pengarah, ahli Jawatankuasa Syariah, Pegawai Kanan Utama (KSO) dan Setiausaha Syarikat supaya mereka dapat melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan;

ii. Mengenal pasti dan menapis calon berpotensi untuk pelantikan dalam peranan dan fungsi masing-masing. Bagi calon keahlian Lembaga Pengarah, penapisan merangkumi penilaian kemampuan mereka melaksanakan fungsi sebagai pengarah bukan eksekutif bebas. Penapisan calon daripada Kementerian Kewangan (MoF) akan dilakukan oleh MoF sendiri;

iii. Menyelia komposisi keseluruhan Lembaga Pengarah dari segi saiz yang sesuai, keseimbangan antara pengarah eksekutif dan bukan eksekutif, serta gabungan kemahiran dan kompetensi yang diperlukan melalui semakan tahunan; dan

## BOARD NOMINATION AND REMUNERATION COMMITTEE

### 1. Objective

The primary objectives of the Board Nomination and Remuneration Committee (BNRC) is to oversees the following:

a. The nomination and appointment process of Directors, Shariah Committee members, Key Senior Officers and Company Secretary of the Bank and undertakes individual assessment of Directors and Shariah Committee members eligible for new appointment and re-appointment prior to submission to regulators for approval;

b. Review of the procedure for appointment of Directors, Board Committees, Shariah Committee members, KSO and Company Secretary; and

c. The process of developing a remuneration policy for Directors, Shariah Committee members, KSO and Company Secretary and ensuring that compensation is competitive and consistent with the Bank's culture, objectives and strategy; and

d. Establish a documented, formal and transparent procedure for the appointment of Directors, Chief Executive and Key Senior Officers, and to assess the effectiveness of individual Directors, the Board as a whole and the various committees of the Board, the Chief Executive and Key Senior Officers. The objective of the BNRC is also to provide a formal and transparent procedure for developing a remuneration policy for Directors, Chief Executive and Key Senior Officers and ensuring that compensation is competitive and consistent with BSN's culture, objectives and strategy.

### 2. Functions and Responsibilities

The key roles and responsibilities of the Committee covers the following areas:

a. Appointments by the Board

i. Ensuring the minimum standards are met (e.g, job descriptions, job qualifications, experience, leadership and other requirements) for vacant positions of Directors, Shariah Committee members, Key Senior Officers and Company Secretary to perform their responsibilities effectively;

ii. Identifying and screening potential candidates for appointment to their respective identified roles and functions. In respect of candidates for membership of the Board, screening should include their ability to discharge their functions as expected generally of independent non- executive directors. In the case of the representative from the MoF, the screening will be done by MoF;

iii. Overseeing the overall composition of the Board in terms of the appropriate size and skills, the balance between executive directors, non-executive directors, and mix of skills and other core competencies required through annual reviews; and

iv. Mengenal pasti dan menilai:

- Pengarah sedia ada untuk menjadi ahli jawatankuasa Lembaga Pengarah;
- Jawatan KSO dan Setiausaha Syarikat yang akan berada di bawah bidang kuasa Jawatankuasa; dan
- Calon Bank untuk pelantikan sebagai pengarah dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu Bank (Pengarah Nominee).

b. Penilaian Prestasi

i. Menubuhkan mekanisme penilaian formal serta menilai keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, sumbangan setiap Pengarah, sumbangan jawatankuasa di bawah Lembaga Pengarah, prestasi KSO dan prestasi Setiausaha Syarikat;

ii. Menubuhkan penilaian tahunan terhadap prestasi dan keberkesanan Jawatankuasa Syariah secara keseluruhan serta setiap ahli Jawatankuasa Syariah dengan mempertimbangkan kompetensi, pengetahuan, dan sumbangan mereka kepada fungsi keseluruhan Jawatankuasa Syariah;

iii. Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah supaya Pengarah atau Ketua Eksekutif BSN yang tidak berkesan, melakukan kesalahan atau lalai dalam menjalankan tanggungjawabnya diberhentikan atau kontraknya ditamatkan lebih awal; dan

iv. Menimbang KPI tahunan bagi KSO dan Setiausaha Syarikat.

c. Perkara Lain

i. Memastikan semua Pengarah dan ahli Jawatankuasa Syariah menjalani program orientasi dan menerima latihan berterusan yang sesuai;

ii. Melaporkan kepada Lembaga Pengarah secara berkala mengenai perancangan penggantian bagi KSO dan Setiausaha Syarikat;

iii. Menerima dan meneliti laporan kakitangan daripada Jabatan Pengurusan Sumber Manusia;

iv. Memantau pelaksanaan keputusan Jawatankuasa yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah; dan

v. Membantu Lembaga Pengarah dalam tugas lain seperti yang diarahkan dari semasa ke semasa.

iv. Identifying and assessing:

- Serving directors to be members of the Board committees;
- the KSO and Company Secretary positions that shall be under the purview of the Committee; and
- the Bank's nominees for appointment as directors on the Bank's subsidiary and associate companies (Nominee Directorship).

b. Assessment of Performance

i. Establishing a mechanism for formal assessment as well as assessing the effectiveness of the Board as a whole, the contribution of each Director to the effectiveness of the Board, the contribution of the Board's various committees, the performance of the KSO and the performance of Company Secretary;

ii. Establishing of a formal assessment, annually, performance and effectiveness of the Shariah Committee as a whole and every Shariah Committee member to consider the competence, knowledge and contribution of each Shariah Committee member to the overall functioning of the Shariah Committee;

iii. Recommending to the Board, the removal or early termination of appointment of a Director/Chief Executive of BSN if he/she is ineffective, errant of negligent in discharging his/her responsibilities; and

iv. Considering the annual KPIs for the KSO and Company Secretary.

c. Other Matters

i. Ensuring that all Directors and Shariah Committee members undergo appropriate induction programmes and receive continuous training;

ii. Reporting periodically to the Board on succession planning is respect of KSO and the Company Secretary;

iii. Receiving and considering the staffing report from Human Resource Management Department;

iv. Monitoring the implementation of decisions of the Committee as approved by the Board; and

v. Assisting the Board in any other tasks as may be assigned from time to time.

# PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT
# CORPORATE GOVERNANCE STATEMENT

d. Kerangka Ganjaran bagi Pengarah, Ahli Jawatankuasa Syariah, Ketua Eksekutif, KSO dan Setiausaha Syarikat

i. Mencadangkan kerangka ganjaran bagi Pengarah, ahli Jawatankuasa Syariah, Ketua Eksekutif, KSO dan Setiausaha Syarikat;

ii. Mencadangkan pakej ganjaran spesifik bagi Pengarah, ahli Jawatankuasa Syariah, KSO dan Setiausaha Syarikat; dan

iii. Jawatankuasa hendaklah mengambil perhatian bahawa pakej imbuhan untuk pengarah eksekutif perlu distrukturkan supaya ganjaran dikaitkan dengan prestasi korporat dan individu bagi menggalakkan piawaian prestasi yang tinggi. Skala gaji yang dirangka hendaklah berada dalam skop mandat umum dan liputan strategik serta tidak bergantung kepada prestasi jangka pendek bagi mengelakkan insentif terhadap pengambilan risiko yang berlebihan. Bagi Pengarah Bukan Eksekutif dan Pengarah Bebas pula, kadar imbuhan hendaklah dikaitkan dengan tahap tanggungjawab yang dipikul dan sumbangan mereka terhadap keberkesanan fungsi Lembaga.

**3. Kekerapan Bermesyuarat**

JLPI bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam dua (2) bulan. Pada tahun berakhir 31 Disember 2024, JLPI telah bermesyuarat sebanyak tiga belas (13) kali. Kehadiran ahli adalah seperti berikut:

d. Remuneration Framework for Directors, Shariah Committee Members, Chief Executive, Key Senior Officers and Company Secretary

i. Recommending a framework of remuneration for Directors, Shariah Committee members, Chief Executive, KSO and Company Secretary;

ii. Recommending specific remuneration packages for Directors, Shariah Committee members, KSO and Company Secretary; and

iii. The Committee shall be mindful that the remuneration packages for executive directors should be structured to link rewards to corporate and individual performances to encourage high performance standards. Salary scales drawn up should be within the scope of the general mandated and strategic coverage and not be dependent on short- term performance to avoid incentives for excessive risk- taking. As for non-executive directors and independent directors, the level of remuneration should be linked to their level of responsibilities undertaken and contribution to the effective functioning of the Board.

**3. Frequency of Meetings**

The BNRC shall convene once every two (2) months. During the financial year ended 31 December 2024, the BNRC convened ten (10) times. The attendance of Directors is as follows:

| Bil/ No | Pengarah/ Director | Kehadiran Mesyuarat/ Meeting Attendance |
|---|---|---|
| 1 | Datin Zaimah Zakaria (Pengerusi/Chairman) | 13/13 |
| 2 | Tuan Haji Selamat Haji Sirat | 13/13 |
| 3 | Puan Saleena Mohd Ali | 13/13 |
| 4 | Puan Suraya Hassan | 12/12* |

* *Dilantik sebagai ahli JLPI pada 29 Januari 2024*
* *Appointed as BRMC member on 29 January 2024*

## JAWATANKUASA LEMBAGA TENDER

### 1. Matlamat

Matlamat utama Jawatankuasa Lembaga Tender (JLT) adalah untuk memperkuatkan urus tadbir korporat, integriti dan ketelusan dalam proses perolehan dan pengurusan kontrak.

### 2. Tugas dan Tanggungjawab

Tugas dan tanggungjawab JLT adalah seperti berikut:

a. Memberikan keputusan, arahan, pendapat, panduan, serta pandangan berkaitan semua proses perolehan (melalui Tender, Permintaan Sebut Harga (RFQ) dan Pengecualian Bidaan);

b. Mengkaji serta menyemak laporan/keputusan penilaian Teknikal, Komersial, dan Teknikal & Komersial (TechoComm) bagi tender untuk menentukan keupayaan teknikal dan komersial petender;

c. Membincang dan membuat keputusan terhadap tawaran atau bidaan yang paling menjimatkan kos, dengan mengambil kira harga, perkhidmatan atau penggunaan barang, kuantiti, kualiti, tempoh penghantaran atau penyempurnaan, kos penyelenggaraan dan faktor-faktor berkaitan lain;

d. Meluluskan perolehan barangan dan perkhidmatan serta pelantikan vendor/pembekal mengikut Perkhidmatan had yang ditetapkan dalam Matriks Kelulusan (Matrix of Approval – MOA) bagi Operasi Perbankan dan/atau Polisi Perolehan;

e. Meluluskan cadangan oleh Unit Perniagaan (BU) yang telah disahkan untuk dibentangkan kepada Jawatankuasa oleh Jawatankuasa Pengurusan Perolehan (MPC), dengan persetujuan 100% ahli Jawatankuasa yang hadir semasa mesyuarat;

f. Meminta atau mengarahkan BU untuk mendapatkan atau menyediakan maklumat tambahan yang diperlukan bagi perkara yang dibentangkan semasa mesyuarat. Maklumat ini mesti direkodkan dalam minit mesyuarat dan dikemaskini sebagai *Matters Arising* (MA) dalam mesyuarat berikutnya;

g. Meminta atau mengarahkan BU untuk menjalankan *Best and Final Offer* (BAFO) selepas cadangan tersebut mendapat kelulusan daripada JLT. Permintaan ini mesti direkodkan dalam minit mesyuarat, dan keputusan BAFO akan dikemas kini sebagai MA dalam mesyuarat berikutnya;

h. Dalam situasi di mana proses perolehan tidak selaras dengan Polisi Perolehan atau garis panduan, atau jika terdapat perkara luar aturan terhadap ketidakpatuhan, JLT berhak untuk meminta proses tender diulang atau mencadangkan kaedah perolehan yang lain;

## BOARD TENDER COMMITTEE

### 1. Objective

The primary objective of the Board Tender Committee (BTC) is to reinforce corporate governance, integrity and transparency in the procurement process and contract management.

### 2. Functions and Responsibilities

The key roles and responsibilities of the Committee include, but are not limited to:

a. Provide decision, instruction, opinion, guidance, and views related to all procurement processes (via Tender, Request for Quotation (RFQ) and Bid Waiver);

b. Examine and query Technical, Commercial, Technical & Commercial (TechoComm) evaluation reports/results for Tenders to determine the Technical and Commercial capabilities of bidders;

c. Deliberate and decide on the most cost-effective bid or offer, taking into consideration the pricing, service or use of goods, quantity, quality, delivery or completion period, maintenance cost and other related factors;

d. Approve the procurement of goods and services and appointment of vendors/suppliers for works as per the limit guided by Matrix of Approval (MOA) for Banking Operations and/or Procurement Policy;

e. Provide approval of proposals by BU which have been endorsed for presentation to the Committee by the MPC, with 100% concurrence from the Committee members present during the meeting;

f. Request or instruct BU to obtain or provide missing/additional information on matters presented during the meeting. This information is to be recorded in the meeting minutes and addressed as Matters Arising (MA) in the subsequent meeting;

g. Request or instruct BU to conduct a Best and Final Offer (BAFO) negotiation after approval of the proposal is obtained from the BTC. This request is to be recorded in the meeting minutes and the BAFO results to be updated as MA in the subsequent meeting;

h. In circumstances where the BTC finds that the procurement process is not in accordance with the Procurement Policy or guidelines, or suspects that there are irregularities, it can decide to call for a re-tender or recommend other procurement methods;

# PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT
# CORPORATE GOVERNANCE STATEMENT

i. Menilai, membincangkan dan menyokong cadangan yang nilai melebihi had kuasanya untuk dibentangkan kepada Kementerian Kewangan (MoF) bagi mendapatkan kelulusan. Keputusan ini mesti dipersetujui secara sebulat suara oleh semua ahli Jawatankuasa yang hadir dalam mesyuarat; dan

j. Jika persetujuan sebulat suara tidak diperoleh, Pengerusi, atas budi bicara beliau, boleh menaikkan keputusan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan keputusan muktamad. Memastikan semua pelawaan tender mematuhi tatacara pengurusan tender yang berkuat kuasa.

**3. Kekerapan Bermesyuarat**

JLT bermesyuarat apabila diperlukan. Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, JLT telah bermesyuarat sebanyak sepuluh (10) kali. Kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:

i. Assess, deliberate, and endorse proposals with values beyond its approving authority, to be presented to the Ministry of Finance (MoF) for approval. This decision must be agreed unanimously by all Committee members in attendance during the meeting; and

j. In the event unanimous agreement is not attained for proposals, the Chairman, in his discretion, may decide for the decision-making to be escalated to the Board for consideration and final decision.

**3. Frequency of Meetings**

The BTC shall convene as and when necessary. During the financial year ended 31 December 2024, the BTC convened ten (10) times. The attendance of Directors is as follows:

| Bil/ No | Pengarah/ Director | Kehadiran Mesyuarat/ Meeting Attendance |
|---|---|---|
| 1 | Datin Zaimah Zakaria (Pengerusi/Chairman) | 10/10 |
| 2 | Tuan Haji Selamat Haji Sirat | 10/10 |
| 3 | Puan Saleena Mohd Ali | 10/10 |
| 4 | Puan Suraya Hassan | 9/9* |
| 5 | Encik Mohd Hassan Ahmad | 8/8** |

* *Dilantik sebagai ahli JLT pada 29 Januari 2024*
* *Appointed as BTC member on 29 January 2024*

** *Dilantik sebagai ahli JLT pada 27 Februari 2024*
** *Appointed as BTC member on 27 February 2024*

# PENYATA PENGURUSAN RISIKO
## RISK MANAGEMENT STATEMENT

Bagi memastikan pengurusan risiko yang berkesan selaras dengan prinsip tadbir urus, Bank telah menubuhkan Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko di peringkat Lembaga Pengarah untuk memberi sokongan dalam memantau dan mengawal pengurusan risiko Bank. Ini bertujuan untuk memastikan bahawa objektif strategik Bank tercapai dengan sokongan daripada rangka kerja pengurusan risiko yang kuat, yang selaras dengan kompleksiti dan skala operasi Bank.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko (RMF) Bank dibangunkan untuk memberikan pemahaman menyeluruh mengenai pengurusan risiko, memastikan bahawa setiap risiko yang dihadapi Bank dapat dikenalpasti, dinilai, dikawal, dipantau dan dilaporkan dengan teliti. Ini dilakukan menggunakan sumber yang tersedia dan berlandaskan dokumentasi yang betul serta mematuhi piawaian kawal selia dan amalan terbaik dalam industri. Rangka kerja ini menggariskan pendekatan menyeluruh dalam pengurusan risiko, merangkumi risiko operasi, risiko kredit, risiko aset dan liabiliti, risiko ketidakpatuhan Syariah, risiko teknologi, risiko rasuah, risiko kesinambungan perniagaan, keselamatan siber, risiko alam sekitar serta risiko strategik.

Di peringkat pengurusan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko bersama Jawatankuasa Aset dan Liabiliti bertanggungjawab memastikan aktiviti harian Bank dijalankan selaras dengan strategi dan dasar risiko yang telah ditetapkan. Jawatankuasa Pengurusan Risiko bertugas untuk mengawasi pematuhan terhadap dasar, garis panduan, kawalan serta sistem pengurusan risiko yang selaras dengan amalan terbaik industri. Selain itu, jawatankuasa ini turut bertanggungjawab untuk mengesyorkan toleransi risiko yang sesuai di peringkat perusahaan serta setiap bahagian strategik kepada Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko dan Lembaga Pengarah. Sementara itu, Jawatankuasa Aset dan Liabiliti memantau ketepatan dan risiko yang berkaitan dengan struktur aset dan liabiliti Bank serta memastikan kestabilan kewangan dan kecairan Bank.

In order to ensure effective risk management in line with governance principles, the Bank has established the Board Risk Management Committee at the Board level to provide support in overseeing and controlling the Bank's risk management. This is intended to ensure that the Bank's strategic objectives are achieved with the support of a strong risk management framework that aligns with the complexity and scale of the Bank's operations.

The Bank's Risk Management Framework (RMF) is developed to provide a comprehensive understanding of risk management, ensuring that each risk faced by the Bank can be identified, assessed, controlled, monitored and reported thoroughly. This is done using available resources and based on proper documentation and compliance with regulatory standards and best industry practices. The framework outlines a comprehensive approach to risk management, covering operational risk, credit risk, asset and liability risk, Shariah non-compliance risk, technology risk, corruption risk, business continuity risk, cybersecurity, environmental risk and strategic risk.

At the management level, the Management Risk Committee (MRC) together with the Asset and Liability Committee (ALCO) are responsible for ensuring that the Bank's daily activities are carried out in line with the set risk strategies and policies. The Management Risk Committee oversees compliance with policies, guidelines, controls and risk management systems that align with the best industry practices. In addition, this committee is also responsible for recommending appropriate risk tolerance at the corporate level and for each strategic division to the Board Risk Management Committee (BRMC) and the Board of Directors. Meanwhile, the Asset and Liability Committee monitors the accuracy and risks related to the Bank's asset and liability structure, as well as ensures the financial stability and liquidity of the Bank.



# PENYATA PENGURUSAN RISIKO
# RISK MANAGEMENT STATEMENT

## STRUKTUR TADBIR URUS RISIKO LEMBAGA PENGARAH (BOARD)

Lembaga Pengarah memegang peranan utama dalam menetapkan hala tuju strategik dan memastikan pelaksanaan amalan tadbir urus yang mantap oleh pihak pengurusan. Antara tanggungjawab kritikal Lembaga Pengarah adalah meluluskan Penyata Selera Risiko serta memastikan ia sentiasa selaras dengan strategi jangka pendek dan panjang Bank, pelan operasi dan kedudukan modal semasa serta keupayaan Bank dalam menanggung risiko. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab memastikan nilai selera risiko diserap ke dalam proses membuat keputusan merentas keseluruhan organisasi.

## JAWATANKUASA LEMBAGA PENGURUSAN RISIKO (BRMC)

Sebagai entiti pemantau utama, BRMC bertanggungjawab terhadap penyeliaan keseluruhan pendedahan risiko Bank. Ini termasuk penetapan had toleransi risiko dan penggubalan strategi bagi menangani risiko-risiko utama yang dihadapi oleh Bank. BRMC turut berperanan dalam menilai dan mengesyorkan dasar, proses dan rangka kerja risiko dalam bidang seperti risiko kredit, risiko pasaran, risiko kecairan, risiko operasi, risiko teknologi maklumat, keselamatan siber, pengurusan kesinambungan perniagaan, pematuhan Syariah, risiko reputasi serta risiko perubahan iklim; kesemuanya disepadukan dalam konteks selera risiko Bank secara keseluruhan.

## JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO (MRC)

Jawatankuasa Pengurusan Risiko, sebagai satu jawatankuasa pengurusan peringkat atasan, menyelia pelaksanaan pengurusan risiko merentas semua aktiviti Bank. Antara peranannya termasuk menilai keberkesanan dasar, garis panduan, kawalan dalaman dan sistem risiko yang digunakan, agar kekal sejajar dengan standard industri. Jawatankuasa ini turut menyumbang dalam penetapan cadangan selera dan toleransi risiko di peringkat strategik untuk dibawa ke BRMC dan Lembaga Pengarah. Di samping itu, jawatankuasa ini memainkan peranan utama dalam memperkukuh budaya risiko di seluruh organisasi dengan menyampaikan nilai-nilai pengurusan risiko kepada semua pihak berkepentingan dalaman dan luaran.

## JAWATANKUASA ASET DAN LIABILITI (ALCO)

ALCO berperanan sebagai penasihat utama kepada pihak pengurusan dalam memastikan strategi Pengurusan Aset dan Liabiliti (ALM) yang dilaksanakan oleh Bank adalah mencukupi, berhemah dan sejajar dengan objektif kewangan jangka panjang. Semua keputusan yang dibuat oleh ALCO disampaikan secara jelas kepada bahagian yang berkaitan. ALCO juga memantau dan menilai risiko dalam lembaran imbangan, termasuk risiko kecairan, pembiayaan, kadar faedah dan pengurusan modal. Jawatankuasa ini turut meneliti impak risiko terhadap kestabilan modal serta faktor ketidaktentuan pendapatan seperti perubahan nilai pasaran-ke-pasaran, tekanan daya saing serta sebarang perubahan dalam kawal selia dan keadaan pasaran.

Selain itu, ALCO bertanggungjawab membincangkan sebarang isu berkenaan pengurusan modal dan membuat pelaporan segera kepada BRMC sekiranya tahap modal melepasi penanda aras yang ditetapkan, berlaku ketidakpatuhan terhadap tahap minimum modal, atau timbul isu-isu strategik berkaitan modal yang perlu tindakan lanjut.

## RISK GOVERNANCE STRUCTURE FOR BOARD OF DIRECTORS (BOARD)

The Board of Directors plays a primary role in determining the strategic direction and ensuring the implementation of sound governance practices by management. Among the Board's critical responsibilities is the approval of the Risk Appetite Statement and ensuring it is always aligned with the Bank's short- and long-term strategies, operational plans and current capital position, as well as the Bank's capacity to bear risk. The Board is also responsible for ensuring that the value of risk appetite is embedded into the decision-making process across the entire organization.

## BOARD RISK MANAGEMENT COMMITTEE (BRMC)

As the primary oversight entity, the BRMC is responsible for overseeing the Bank's overall risk exposure. This includes setting risk tolerance limits and formulating strategies to manage key risks faced by the Bank. The BRMC also plays a role in evaluating and recommending risk policies, processes and frameworks in areas such as credit risk, market risk, liquidity risk, operational risk, information technology risk, cybersecurity, business continuity management, Shariah compliance, reputational risk and climate change risk; all of which are integrated within the context of the Bank's overall risk appetite.

## MANAGEMENT RISK COMMITTEE (MRC)

The Risk Management Committee, as a senior management committee, supervises the implementation of risk management across all activities of the Bank. Its roles include evaluating the effectiveness of risk policies, guidelines, internal controls and systems to ensure they remain aligned with industry standards. This committee also contributes to the establishment of proposed strategic-level risk appetite and tolerance to be submitted to the BRMC and the Board. Additionally, the committee plays a key role in strengthening the risk culture throughout the organization by conveying risk management values to all internal and external stakeholders.

## ASSET AND LIABILITY COMMITTEE (ALCO)

ALCO acts as the main advisory body to management in ensuring that the Bank's Asset and Liability Management (ALM) strategy is adequate, prudent and aligned with long-term financial objectives. All decisions made by ALCO are clearly communicated to the relevant departments. ALCO also monitors and evaluates balance sheet risks, including liquidity, funding, interest rate and capital management risks. The committee also reviews the impact of risks on capital stability as well as uncertainties in income such as mark-to-market valuation changes, competitive pressures and any changes in the regulatory and economic landscape.

Furthermore, ALCO is responsible for discussing any issues related to capital management and making immediate reports to the BRMC if capital levels exceed set benchmarks, if there is non-compliance with minimum capital levels or if strategic capital-related issues arise that require further action.

## JAWATANKUASA KERJA RISIKO (RWC)

Jawatankuasa ini berperanan sebagai forum peringkat pengurusan pertengahan untuk menilai dan membuat keputusan awal terhadap isu-isu berkaitan risiko. Ia menjadi platform bagi mempertimbangkan serta meluluskan cadangan berkaitan sebelum diserahkan kepada pengurusan kanan untuk pengesahan, makluman atau kelulusan lanjut. Ini termasuk sebarang semakan terhadap pendekatan atau amalan pengurusan risiko sedia ada yang merangkumi rangka kerja, dasar, garis panduan, mekanisme kawalan serta alatan dan sistem risiko Bank. Tujuannya adalah untuk memastikan kesinambungan pematuhan terhadap strategi risiko yang telah diperakui oleh Lembaga Pengarah seperti yang digariskan dalam Rangka Kerja Pengurusan Risiko Bank. Selain itu, Jawatankuasa ini turut berperanan meneliti isu berkaitan pembangunan produk baharu dan urusan penyumberan luaran sebelum dibawa ke peringkat jawatankuasa lebih tinggi untuk keputusan muktamad.

## JAWATANKUASA KERJA RISIKO TEKNOLOGI MAKLUMAT (ITRWC)

Jawatankuasa ini diwujudkan khusus untuk meneliti isu-isu risiko berkaitan teknologi maklumat termasuk insiden gangguan operasi, kegagalan aplikasi, kelemahan dalam kawalan dalaman serta isu berkaitan data dan infrastruktur teknologi. Ia turut memantau tindakan susulan terhadap kejadian kerugian atau kelemahan operasi serta mencadangkan penambahbaikan kawalan seperti yang digariskan oleh Pengurusan, Lembaga Pengarah, pihak berkuasa kawal selia atau standard industri. Dengan memainkan peranan aktif dalam pemantauan ini, Jawatankuasa bertujuan mengukuhkan keupayaan Bank dalam menangani risiko teknologi secara berkesan serta memperkukuh budaya risiko yang berintegriti dan bertanggungjawab.

## STRATEGI PENGURUSAN RISIKO

Risiko ditakrifkan sebagai "kesan ketidaktentuan terhadap pencapaian objektif" dan di BSN, pengurusan risiko ditangani melalui pendekatan yang menyeluruh, berterusan dan berstruktur. Proses ini melibatkan usaha sistematik dalam mengenal pasti, memahami, menilai dan mengurus risiko secara proaktif demi menyokong proses membuat keputusan yang lebih berkesan serta menyumbang kepada pencapaian sasaran strategik Bank. Prinsip utama pengurusan risiko Bank adalah memastikan keseimbangan antara mandat pembangunan yang dipertanggungjawabkan dengan aspirasi pertumbuhan dan pulangan yang wajar berasaskan risiko yang diambil. Hubungan antara risiko dan ganjaran juga perlu sejajar dengan struktur tadbir urus Bank, pematuhan terhadap kehendak Syariah dan kawal selia serta standard amalan terbaik dalam industri. Dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan strategi ini, operasi Bank dipandu oleh Rangka Kerja Pengurusan Risiko yang mantap serta, di mana berkaitan, Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah dan keperluan perundangan yang ditetapkan pihak berkuasa.

## RISK WORKING COMMITTEE (RWC)

This committee serves as a mid-level management forum to evaluate and make preliminary decisions on risk-related issues. It acts as a platform for reviewing and approving proposals before submission to senior management for confirmation, notification or further approval. This includes any review of the current risk management approaches or practices, encompassing the framework, policies, guidelines, control mechanisms and the Bank's risk tools and systems. Its purpose is to ensure continued compliance with the risk strategy endorsed by the Board of Directors as outlined in the Bank's Risk Management Framework. In addition, the committee plays a role in reviewing issues related to new product development and outsourcing arrangements before they are brought to higher-level committees for final decision-making.

## INFORMATION TECHNOLOGY RISK WORKING COMMITTEE (ITRWC)

This committee was established specifically to review risk issues related to information technology, including operational disruptions, application failures, internal control weaknesses and data and technology infrastructure issues. It also monitors follow-up actions related to loss events or operational weaknesses and recommends control improvements as outlined by Management, the Board of Directors, regulators or industry standards. By actively monitoring these risks, the committee aims to strengthen the Bank's ability to effectively address technology-related risks and reinforce a risk culture that is both ethical and accountable.

## RISK MANAGEMENT STRATEGY

Risk is defined as "the effect of uncertainty on achieving objectives," and at BSN, risk is managed through a comprehensive, continuous and structured approach. This process involves systematic efforts in identifying, understanding, assessing and managing risk proactively to support more effective decision-making and contribute to the achievement of the Bank's strategic goals. The Bank's core risk management principle is to ensure a balance between its development mandate and the aspiration for growth and reasonable returns based on the risks taken. The relationship between risk and reward must also align with the Bank's governance structure, Shariah and regulatory compliance and industry best practices. In order to ensure effective implementation, the Bank operates under a robust Risk Management Framework and, where applicable, the Shariah Governance Framework and regulatory requirements.

# PENYATA PENGURUSAN RISIKO
## RISK MANAGEMENT STATEMENT

Selaras dengan pendekatan tersebut, Bank mengamalkan konsep "tiga barisan pertahanan", di mana tanggungjawab mengurus risiko diagihkan dengan jelas kepada semua jabatan dan fungsi, mengikut peranan dan bidang kuasa masing-masing, untuk memastikan pendekatan pengurusan risiko yang menyeluruh dan bertanggungjawab.

Aligned with this approach, the Bank practices the "three lines of defence" concept, where risk management responsibilities are clearly distributed across departments and functions according to roles and authority to ensure a comprehensive and accountable risk management approach.

| **Tadbir Urus dan Pengawasan Risiko/Risk Governance and Oversight** | | |
|---|---|---|
| **Selera Risiko/Risk Appetite** | | |
| **Budaya Risiko/Risk Culture** | | |
| **Proses Pengurusan Risiko/Risk Management Process** | | |
| Pengenalpastian Risiko<br>Risk Identification | Analisis Risiko<br>Risk Analysis | Evolusi Risiko<br>Risk Evolution |
| Mitigasi Risiko<br>Risk Treatment | Pemantauan & Semakan<br>Monitor & Review | Komunikasi & Rundingan<br>Communicate & Consult |
| **Dokumentasi Risiko/Risk Documentation** | | |
| **Infrastruktur Risiko/Risk Infrastructure** | | |

### SELERA RISIKO

Selera risiko Bank menetapkan batasan dan garis panduan dalam membuat keputusan perniagaan, sejajar dengan strategi korporat, pelan perniagaan serta keupayaan teknologi dan kapasiti Bank. Penetapan ini mengambil kira tahap kemampuan Bank untuk mengambil risiko dan had toleransi yang ditetapkan. Ia menyokong pendekatan bersepadu dalam tadbir urus risiko dengan memberikan penekanan seimbang terhadap risiko kewangan dan bukan kewangan, merangkumi jangka masa pendek dan panjang, sambil menyerap keperluan pengawalseliaan bagi memastikan hasil yang mampan dengan cara yang efektif kos.

Selera risiko ini berfungsi sebagai panduan utama kepada pihak berkepentingan dalam merangka strategi perniagaan secara menyeluruh dan dalam membuat keputusan operasi harian. Ia menyediakan rangka kerja untuk mengukur, memantau dan apabila perlu, melaras kedudukan risiko semasa agar kekal selari dengan tahap selera risiko yang telah digariskan. Di samping itu, ia menjadi asas bagi pihak berkepentingan untuk mengenal pasti dan mengetengahkan isu risiko dan kebimbangan lain yang relevan dan memastikan amalan pengurusan risiko kekal selaras dengan jangkaan pihak berkuasa dan kehendak kawal selia.

### RISK APPETITE

The Bank's risk appetite sets the boundaries and guidelines for business decision-making, aligned with corporate strategy, business plans, technological capability and the Bank's capacity. It considers the Bank's risk-taking capacity and the established tolerance limits. This supports an integrated risk governance approach, balancing financial and non-financial risks across short- and long-term perspectives, while embedding regulatory requirements to ensure sustainable and cost-effective outcomes.

Risk appetite serves as a main guide for stakeholders in developing overall business strategy and making daily operational decisions. It provides a framework to measure, monitor and when necessary, adjust current risk positions to remain aligned with defined appetite levels. It also forms the basis for stakeholders to identify and raise relevant risk issues and concerns, ensuring that risk management practices remain aligned with regulatory expectations and supervisory requirements.

Pengurusan risiko adalah ditadbir urus melalui model tiga (3) garis pertahanan, seperti di bawah:

Risk management is governed through the three (3) lines of defence model, as illustrated below:

| | |
|---|---|
| **Garis Pertahanan Pertama/ First Line**<br>Unit Perniagaan & Unit Sokongan/ Business Unit & Support Unit | • Pengurusan risiko harian/Day to day management<br>• Governance, Risk and Compliance Officers (GRCOs) bertindak untuk membantu unit perniagaan dan unit sokongan dalam hal-hal perngurusan berkaitan risiko dan pematuhan/Governance, Risk and Compliance Officers (GRCOs) are to assist business units and support units in day-to-day risks and compliance matters |
| **Garis Pertahanan Kedua/ Second Line**<br>Jabatan Pengurusan Risiko, Jabatan Pematuhan & Unit Governans Integriti/ Risk Management Department, Compliance Department & Integrity Governance Unit | • Memantau dan mewujudkan proses tadbir urus serta memberi sokongan kepada unit perniagaan dan unit sokongan dalam hal-hal berkaitan risiko dan pematuhan/Oversight and establishment of governance process and provide support to business units and support units on risk and compliance matters |
| **Garis Pertahanan Ketiga/ Third Line**<br>Jabatan Audit Dalaman/ Internal Audit | • Memberi jaminan bebas/Independent assurance |

## PROSES PENGURUSAN RISIKO

Rajah di bawah menunjukkan hubungan di antara proses-proses pengurusan risiko.

## RISK MANAGEMENT PROCESS

The diagram below shows the relationship between the risk management processes.



# PENYATA PENGURUSAN RISIKO
# RISK MANAGEMENT STATEMENT

## RISIKO OPERASI

Risiko operasi merujuk kepada risiko kerugian yang berpunca daripada proses dalaman, sistem dan sumber manusia yang tidak lengkap atau gagal atau daripada kejadian luaran, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada risiko perundangan dan ketidakpatuhan Syariah. Risiko operasi boleh menyebabkan impak kewangan dan bukan kewangan seperti liabiliti undang-undang, kehilangan hak untuk mengambil tindakan, keperluan bayaran gantirugi, penyusutan nilai, gangguan operasi perniagaan dan kerosakan reputasi. Bank perlu mempunyai proses pengurusan risiko operasi yang mantap dan tersusun yang merangkumi peringkat pengenalpastian, penilaian, kawalan dan mitigasi dan juga pemantauan dan pelaporan. Proses ini disokong oleh had selera risiko dan toleransi risiko operasi yang telah ditetapkan dengan jelas dan diurus melalui model tiga garis pertahanan.

- **Risiko Modal Insan (Risiko Sumber Manusia)** adalah risiko yang berkaitan dengan sumber manusia termasuk kehilangan pegawai utama, kekurangan kemahiran, semangat kerja yang rendah dan isu kesinambungan jawatan. Risiko ini merupakan antara risiko yang paling sukar untuk diurus dan ia menekankan keperluan integrasi yang lebih erat antara pelbagai fungsi Bank serta kefahaman yang lebih jelas mengenai risiko yang dihadapi oleh Bank dalam aspek perniagaan, operasi dan strategi modal insan.

- **Risiko Reputasi** ialah sebarang risiko terhadap reputasi Bank yang boleh memberi kesan negatif kepada nilai korporatnya. Risiko reputasi boleh menyebabkan antara lain publisiti negatif, kehilangan hasil pendapatan, tindakan undang-undang, kehilangan pelanggan dan rakan strategik, kehilangan kakitangan utama serta kesukaran dalam pengambilan dan pengekalan tenaga kerja atau kakitangan.

- **Risiko Undang-undang** adalah potensi kerugian yang timbul daripada ketidakpastian proses undang-undang dan kesan undang-undang yang mungkin memberi impak kepada operasi dan keuntungan Bank. Dengan kata lain, ia boleh ditakrifkan sebagai risiko kerugian yang dialami oleh Bank yang disebabkan oleh: (1) transaksi yang tidak sempurna; (2) tuntutan (termasuk pembelaan terhadap tuntutan atau tuntutan balas) yang dibuat atau berlaku kejadian lain yang mengakibatkan liabiliti terhadap Bank atau kerugian-kerugian lain; (3) kegagalan melindungi aset yang dimiliki oleh Bank atau (4) perubahan dalam undang-undang. Ia juga boleh merujuk kepada potensi liabiliti yang timbul daripada tindakan undang-undang terhadap Bank disebabkan amalan perniagaan yang dianggap secara langsung atau tidak langsung memberi kerosakan kepada alam sekitar.

## RISIKO KREDIT

Potensi kerugian pendapatan yang timbul daripada kegagalan pelanggan atau pihak yang terlibat (dalam aktiviti pembiayaan dan pelaburan) untuk memenuhi kewajipan mereka mengikut ketetapan. Berdasarkan selera risiko Bank secara menyeluruh, pendedahan risiko kredit dikendalikan pada tahap yang optimum sejajar dengan modal Bank dan untuk memastikan pulangan maksimum yang diselaraskan mengikut risiko dan menjalankan operasi Bank dalam kawalselia selera risiko Bank. Ini termasuk kesan risiko berkaitan iklim dan impak kewangannya terhadap keupayaan dan kesediaan pelanggan/pihak yang terlibat untuk memenuhi kepatuhan kredit mereka.

## OPERATIONAL RISK

Operational risk refers to the risk of loss resulting from inadequate or failed internal processes, systems, human resources or from external events, including but not limited to legal and Shariah non-compliance risks. Operational risk can lead to financial and non-financial impacts such as legal liabilities, loss of enforcement rights, compensation requirements, asset depreciation, business disruption and reputational damage. The Bank must have a strong and structured operational risk management process covering identification, assessment, control, mitigation, monitoring and reporting stages. This process is supported by clearly defined risk appetite and tolerance limits and is managed through the three lines of defence model.

- **Human Capital Risk** relates to risk associated with human resources, including the loss of key personnel, lack of skills, low morale and succession planning challenges. This risk is one of the more difficult risks to manage as it is influenced by various internal and external factors that vary across different areas of the Bank. It is closely linked to risks faced by the Bank in terms of operations and strategy related to human capital.

- **Reputation Risk** refers to any threat to the Bank's reputation that can negatively impact its corporate value. It may result in negative publicity, loss of income, legal action, loss of customers and strategic partners, key staff attrition and difficulty in hiring or retaining talent.

- **Legal Risk** is the potential for losses arising from uncertainties in legal processes or legal consequences that may impact the Bank's operations and profits. It includes risks arising from: (1) defective transactions; (2) claims (including defenses or counterclaims) or other events leading to liabilities or losses; (3) failure to protect the Bank's assets; or (4) legal or regulatory changes. It may also relate to potential liabilities arising from legal action against the Bank due to business practices that are perceived, directly or indirectly, to cause harm to the environment.

## CREDIT RISK

The potential for income loss due to the failure of customers or counterparties (in financing or investment activities) to meet their obligations. Based on the Bank's overall risk appetite, credit risk exposure is managed at an optimal level aligned with capital capacity, ensuring maximum risk-adjusted returns and compliance with credit risk limits. This includes climate-related risks and their financial impact on customers' ability and willingness to meet credit obligations.

## RISIKO PASARAN

Potensi kerugian kepada Bank yang timbul akibat pergerakan yang tidak menguntungkan dalam faktor risiko pasaran seperti harga-harga ekuiti, kadar faedah/keuntungan, sebaran kredit dan kadar pertukaran mata wang. Risiko ini mempunyai impak langsung terhadap pendapatan serta nilai ekonomi Bank.

## RISIKO ASET DAN LIABILITI (ALM)

Risiko ALM adalah risiko berkaitan kecairan, kadar pulangan dan barisan aset, liabiliti serta butiran-butiran luar lembangan imbangan Bank. Risiko kecairan merujuk kepada kemampuan Bank menanggung peningkatan aset dan memenuhi obligasi, tanpa perlu menanggung kerugian melampau, termasuk kecairan pembiayaan dan pasaran.

## RISIKO KETIDAKPATUHAN SYARIAH

Risiko Syariah ditakrifkan sebagai risiko akibat daripada kegagalan Bank untuk mematuhi peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip Syariah yang telah ditentukan oleh Jawatankuasa Syariah BSN (SCBSN) dan Pihak-pihak Berkuasa Syariah (SA). Polisi Tadbir Urus Syariah BSN (BSNSGP) untuk Skim Perbankan Islam diasaskan selaras dengan Dokumen Polisi Tadbir Urus Syariah (SGPD) bagi Institusi Kewangan Islam yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Objektif utama BSNSGP adalah untuk memperkukuhkan jangkaan keberkesanan aturan tadbir urus Syariah yang terangkum dalam strategi-strategi perniagaan dan risiko Bank berkaitan operasi, perniagaan, hal ehwal dan aktiviti Perbankan Islam. Bank pada setiap masa harus memastikan pematuhan penuh terhadap keputusan-keputusan SA dalam melaksanakan operasi harian dan urusan perniagaan selain mempromosikan budaya pematuhan risiko Syariah yang kukuh dalam Bank.

## PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERNIAGAAN

Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM) merupakan rangka kerja perusahaan menyeluruh yang merangkumi dasar-dasar, proses-proses dan amalan-amalan yang menjamin fungsi berterusan Bank ketika berlakunya gangguan. Ia juga membolehkan Bank menyambung dan memulihkan operasi serta perkhidmatannya ketika berlakunya gangguan, justeru meminimakan sebarang impak penting ke atas Bank.

## RISIKO TEKNOLOGI MAKLUMAT

Risiko teknologi maklumat (IT) merupakan salah satu risiko perniagaan berkaitan penggunaan, pemilikan, operasi, penglibatan, pengaruh dan gunapakai teknologi maklumat di dalam Bank. Risiko ini mungkin timbul daripada ketidakcekapan sistem teknologi maklumat, aplikasi, platfom atau infrastruktur termasuk ancaman atau pendedahan kepada rangkaian luar atau internet, yang mungkin menyebabkan kerugian kewangan dan gangguan kepada perkhidmatan kewangan atau operasi Bank. Terdapat tiga (3) kategori risiko IT iaitu risiko manfaat IT/risiko pemerkasaan nilai, risiko program IT dan penyampaian projek serta risiko operasi IT dan penyediaan perkhidmatan meja bantuan.

## MARKET RISK

The potential loss to the Bank from adverse movements in market risk factors such as equity prices, interest/profit rates, credit spreads and foreign exchange rates. This risk directly impacts income and the Bank's economic value.

## ASSET AND LIABILITY MANAGEMENT (ALM) RISK

ALM risk relates to liquidity, returns and the structure of the Bank's assets, liabilities and off-balance sheet items. Liquidity risk is the Bank's ability to fund asset growth and meet obligations without incurring excessive losses, covering both funding and market liquidity aspects.

## SHARIAH NON-COMPLIANCE RISK

Shariah risk is defined as the risk arising from the Bank's failure to comply with Shariah rules and principles as determined by the Bank's Shariah Committee (SCBSN) and Shariah Authorities (SA). BSN's Shariah Governance Policy (BSNSGP) for Islamic Banking Scheme aligns with the Shariah Governance Policy Document (SGPD) issued by Bank Negara Malaysia (BNM). The main objective is to strengthen the effectiveness of Shariah governance embedded in the Bank's business and risk strategies related to Islamic banking operations. The Bank must always ensure full compliance with SA decisions in operations and business dealings and foster a strong Shariah risk compliance culture.

## BUSINESS CONTINUITY MANAGEMENT

Business Continuity Management (BCM) is an enterprise-wide framework comprising policies, processes and practices that ensure the continuous functioning of the Bank during disruptions. It enables the Bank to resume and recover operations and services with minimal impact during such events.

## INFORMATION TECHNOLOGY RISK

Information technology (IT) risk is one of the business risk that relates to the use, ownership, operation, involvement, influence and adoption of information technology in the Bank. It may arise from inefficiencies in systems, applications, platforms or infrastructure, including exposure to external networks or the internet, potentially leading to financial loss and service disruptions. IT risks fall into three categories: IT benefits/value enablement risk, IT programme and project delivery risk and IT operations and service desk delivery.

# PENYATA PENGURUSAN RISIKO
# RISK MANAGEMENT STATEMENT

## RISIKO KESELAMATAN SIBER

Risiko keselamatan siber adalah risiko perniagaan berkaitan kemungkinan ancaman dan serangan siber seperti penggodaman, perisian hasad, pancingan data dan kejuruteraan sosial yang menjejaskan kerahsiaan, integriti dan ketersediaan sistem maklumat dan data Bank. Risiko keselamatan siber boleh menyebabkan kerugian kewangan, kerosakan reputasi, ketidakpatuhan kawal selia serta liabiliti perundangan. Justeru, adalah kritikal untuk Bank menyediakan langkah-langkah pengurusan keselamatan siber yang mantap bagi mengurangkan dan mengurus risiko keselamatan siber. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada pelaksanaan kawalan keselamatan siber yang kukuh seperti *"firewall"*, penilaian keselamatan lazim seperti *Pentest*, penyediaan latihan kesedaran keselamatan siber untuk kakitangan serta pembangunan dan ujian pelan-pelan tindakbalas insiden bagi memastikan tindakbalas yang berkesan dan tepat pada masanya.

## RISIKO ALAM SEKITAR

Risiko alam sekitar berpunca daripada operasi dalaman serta aktiviti pelanggan. Risiko ini merupakan risiko kewangan yang timbul daripada pendedahan Bank kepada aktiviti yang berpotensi menyebabkan kerosakan alam sekitar atau terkesan oleh kemerosotan alam sekitar (seperti pencemaran udara, pencemaran air dan kekurangan air bersih, pencemaran tanah dan kemerosotan tanah kepada kawasan gersang, kehilangan biodiversiti serta penebangan hutan secara berleluasa) dan kehilangan khidmat ekosistem.

Risiko alam sekitar boleh diperincikan kepada dua (2) kategori:

- **Risiko Fizikal:** Kos ekonomi dan kerugian kewangan akibat peningkatan dari segi kekerapan dan ketenatan risiko fizikal akut (peristiwa cuaca ekstrem yang berkaitan dengan perubahan iklim), risiko fizikal kronik (peralihan iklim secara beransur-ansur dalam jangka panjang) serta kesan tidak langsung perubahan iklim seperti kehilangan khidmat ekosistem.
- **Risiko Peralihan:** Risiko berkaitan proses peralihan ke arah ekonomi rendah karbon.

Risiko alam sekitar perlu dilihat sebagai risiko yang dapat merentasi dan mempengaruhi jenis-jenis risiko utama yang lain. Tanggungjawab dalam menguruskan risiko ini diagihkan merentas tiga barisan pertahanan Bank.

## RISIKO STRATEGIK

Risiko berkaitan masa hadapan serta pelbagai peristiwa dan aliran luaran yang boleh menjejaskan hala tuju pertumbuhan Bank dan nilai kepada pemegang taruh Bank. Ia juga merangkumi kehilangan daya saing dan kedudukan pasaran akibat kegagalan tindak balas yang pantas terhadap persekitaran pasaran yang berubah, termasuk peningkatan kepekaan dan peralihan kecenderungan terhadap strategi penyelesaian yang mesra alam sekitar dan amalan-amalan yang bertanggungjawab.

## CYBERSECURITY RISK

Cybersecurity risk involves potential business threats and cyber-attacks such as hacking, malware, phishing and social engineering that affect the confidentiality, integrity and availability of the Bank's data and systems. Cybersecurity risks may cause financial loss, reputational harm, regulatory non-compliance and legal liabilities. It is critical for the Bank to implement strong cybersecurity controls to reduce and manage cybersecurity risks. It includes but not limited to the execution of cybersecurity control such as firewalls, regular security assessments (e.g., Pentest), staff awareness training and incident response planning to mitigate and manage these risks effectively.

## ENVIRONMENTAL RISK

Environmental risk arises from internal operations and client activities. It is a financial risk related to the Bank's exposure to environmentally damaging activities or environmental degradation (e.g., air, water and soil pollution, biodiversity loss and deforestation) and the loss of ecosystem services.

Environmental risk is classified as two (2) categories:

- **Physical Risk:** Economic costs and financial losses from acute physical risks (extreme weather events due to climate change) or chronic physical risks (long-term climate changes) including indirect impact of climate change like ecosystem service loss.
- **Transition Risk:** Risks associated with transitioning to a low-carbon economy.

Environmental risk can intersect and influence other major risk types and must be managed across the Bank's three lines of defence.

## STRATEGIC RISK

Strategic risk is related to future events and external trends that may affect the Bank's growth direction and stakeholder value. This includes loss of competitiveness and market position due to slow responses to market shifts and evolving preferences for responsible practices and eco-friendly solutions.

## KOMITMEN ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS (ESG) BANK SIMPANAN NASIONAL (BSN)

Sebagai sebuah Institusi Kewangan Pembangunan (DFI), BSN komited untuk mengintegrasikan prinsip-prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) ke dalam setiap aspek perniagaan dan operasi Bank, selaras dengan visi kami; *"Tiada Rakyat Malaysia Ketinggalan"*. Kami mengiktiraf tanggungjawab kami dalam membentuk masa hadapan yang mampan untuk semua pihak, dan atas dasar itu, kami terus berusaha memahami keperluan pelbagai pihak berkepentingan sambil mengambil kira kesan tindakan kami terhadap komuniti tempat kami beroperasi.

BSN sentiasa menilai pendekatan kami dalam mengamalkan kelestarian bagi memastikan pengurusan risiko yang wajar, seiring usaha memperkukuh pertumbuhan ekonomi dan kemajuan masyarakat. Ini sejajar dengan hala tuju Pelan Strategik Korporat BSN, *"Melangkah Ke Hadapan. Bersama-sama. Melakukan Apa yang Kami Lakukan Dengan Baik. Lebih Baik."*

Komitmen terhadap ESG diterapkan merentasi pelbagai aktiviti dan inisiatif yang dijalankan oleh BSN, seperti yang dihuraikan di bawah.

## TADBIR URUS KORPORAT

Tadbir urus korporat memainkan peranan penting dalam memastikan proses membuat keputusan dilaksanakan secara bertanggungjawab, demi melindungi kepentingan Bank dan pihak berkepentingan. Melaluinya, BSN dapat memenuhi jangkaan pihak berkepentingan dan melaksanakan mandat kelestariannya dengan lebih berkesan, sambil mengurangkan risiko dalam operasi perniagaan. Ini menjadi landasan penting dalam mengukuhkan kedudukan BSN sebagai institusi kewangan yang berwibawa dan diyakini.

Dasar dan amalan tadbir urus yang kukuh menyemai budaya integriti dan ketelusan yang sihat di seluruh organisasi. Komitmen terhadap tadbir urus yang baik diterapkan dalam Nilai-Nilai Teras, Kod Etika serta penginstitusian sasaran dan petunjuk prestasi utama (KPI) yang relevan.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab mentadbir dan menetapkan hala tuju strategik Bank serta melaksanakan pengawasan terhadap pengurusan tanpa terlibat dalam operasi harian. Pengarah Bebas pula berperanan penting dalam memastikan ketidakberpihakan dan keseimbangan dalam keputusan yang mungkin menimbulkan konflik kepentingan serta menyumbang kepada penciptaan dan pemeliharaan nilai, dengan sentiasa mendukung kepentingan terbaik pihak berkepentingan.

## KETELUSAN DAN PELAPORAN

Ketelusan merupakan asas kepercayaan, keterlibatan dan komitmen pihak berkepentingan terhadap visi dan misi BSN. Kami sentiasa menekankan keperluan pelaporan yang telus dan bertanggungjawab merentasi semua fungsi, bagi memastikan penyampaian maklumat yang seimbang, relevan dan tepat. Pendekatan ini menyokong peningkatan berterusan dalam kualiti pelaporan kami kepada pelbagai pihak berkepentingan.

## BSN'S ENVIRONMENTAL, SOCIAL AND GOVERNANCE (ESG) COMMITMENTS

As a Development Financial Institution (DFI), BSN is committed to integrating Environmental, Social and Governance (ESG) principles into all business and operational aspects, aligned with our vision: "No Malaysian Left Behind". We recognize our responsibility to shape a sustainable future for all and strive to understand stakeholder needs while considering our impact on the communities we serve.

BSN continuously evaluates its sustainability approach to ensure sound risk management, supporting economic growth and societal development. This aligns with BSN's Corporate Strategic Plan direction, "Step Forward. Together. Doing What We Do Well. Better.".

Our ESG commitment is embedded across all activities and initiatives as detailed below.

## CORPORATE GOVERNANCE

Corporate governance plays a pivotal role in ensuring that decision-making processes are carried out responsibly, safeguarding the interests of the Bank and its stakeholders. Through sound governance, BSN is able to meet stakeholder expectations and deliver on its sustainability mandate more effectively, while also mitigating operational risks. This serves as a strong foundation in reinforcing BSN's position as a trusted and reputable financial institution.

Robust governance policies and practices cultivate a culture of integrity and transparency across the organisation. Our commitment to good governance is embedded in our Core Values, Code of Ethics, as well as the institutionalisation of relevant targets and key performance indicators (KPIs).

The Board of Directors is responsible for steering and setting the Bank's strategic direction, providing oversight without engaging in day-to-day operations. Independent Directors play a key role in ensuring impartiality and balance in decisions that may involve conflicts of interest, while contributing to long-term value creation and preservation– always championing the best interests of stakeholders.

## TRANSPARENCY AND REPORTING

Transparency is the cornerstone of stakeholder trust, engagement and commitment to BSN's vision and mission. We place strong emphasis on transparent and accountable reporting across all functions to ensure the delivery of balanced, relevant and accurate information. This approach supports continuous improvement in the quality of our disclosures to diverse stakeholders.

# PENYATA PENGURUSAN RISIKO
# RISK MANAGEMENT STATEMENT

## KELESTARIAN KEWANGAN

BSN menekankan prinsip kelestarian dalam aktiviti pembiayaan, selaras dengan kepentingan jangka panjang pelanggan dan keperluan kawal selia. Semua amalan pembiayaan kami tertakluk kepada Garis Panduan Bank Negara Malaysia terhadap Pembiayaan Bertanggungjawab dan Dokumen Dasar Layanan Adil Terhadap Pengguna Kewangan. Pembiayaan kepada pihak berkait pula ditadbir secara telus melalui Dasar Dalaman Pembiayaan kepada Pihak Berkait BSN.

Selaras dengan prinsip Islam yang menjadi teras operasi kami, amalan pembiayaan BSN dikawal oleh prinsip Syariah yang melarang penyertaan dalam sektor-sektor yang tidak dibenarkan. Pemantauan terhadap risiko Syariah dilaksanakan secara menyeluruh merentasi keseluruhan kitaran hayat produk, bagi memastikan pematuhan yang berterusan dan meminimumkan risiko ketidakpatuhan Syariah.

## TANGGUNGJAWAB PRODUK DAN PERKHIDMATAN

Sebagai sebuah Institusi Kewangan Pembangunan (DFI), BSN memikul tanggungjawab bukan sahaja dalam menyampaikan perkhidmatan kewangan yang bernilai kepada Bank, tetapi juga dalam menyokong agenda sosial dan ekonomi negara yang lebih luas. Kami komited untuk memperkasa pelanggan dan komuniti melalui penggunaan teknologi, inovasi berterusan serta penambahbaikan produk dan perkhidmatan yang menyokong pertumbuhan mampan.

Piagam Layanan Adil Pelanggan BSN mencerminkan komitmen kami untuk menegakkan piawaian kesaksamaan tertinggi dalam setiap interaksi, bagi memastikan kesejahteraan kewangan pelanggan sentiasa dilindungi. Kami memastikan penyampaian maklumat dan nasihat yang jelas, jujur dan telus serta menawarkan produk yang bersesuaian dengan keperluan pelanggan. Kami percaya bahawa hasil yang adil dan saksama akan memperkukuh kepercayaan dan membina hubungan jangka panjang bersama pelanggan kami.

## AMALAN PEROLEHAN BERTANGGUNGJAWAB

BSN mengamalkan proses perolehan yang beretika, telus dan bertanggungjawab, selaras dengan dasar dan tatacara dalaman yang kukuh. Semua keputusan pembelian dilaksanakan mengikut prinsip tadbir urus yang baik dan demi kepentingan terbaik Bank, dengan mengambil kira kriteria seperti kualiti barangan dan perkhidmatan, pengalaman dan prestasi pembida serta daya saing harga.

Dasar Tanpa Hadiah dan garis panduan etika perolehan BSN memberi panduan jelas kepada semua pihak terlibat dalam memastikan tidak berlaku sebarang konflik kepentingan serta memelihara integriti proses perolehan. Komitmen ini memastikan semua pembekal kami dilayan secara adil, saksama dan dengan penuh integriti.

## PERTUMBUHAN DAN PENGEKALAN KAKITANGAN

Modal insan merupakan aset terpenting BSN dalam mendorong pertumbuhan berterusan. Kami menghargai kepelbagaian dan menggalakkan persekitaran kerja yang inklusif dan kondusif, bagi membolehkan bakat berkembang ke tahap tertinggi. Semua tindakan kami berpaksikan Nilai-Nilai Teras C.A.R.E - Komited, Cerdas, Menghormati dan Beretika.

## FINANCIAL SUSTAINABILITY

BSN upholds sustainability principles in its financing activities, aligned with the long-term interests of our customers and regulatory requirements. All financing practices adhere to Bank Negara Malaysia's Guidelines on Responsible Financing and the Policy Document on Fair Treatment of Financial Consumers. Financing to related parties is governed transparently under BSN's Internal Policy on Related Party Financing.

Consistent with the Islamic principles at the core of our operations, BSN's financing practices are governed by Shariah, which prohibits involvement in non-permissible sectors. Shariah risk is monitored comprehensively across the entire product lifecycle to ensure ongoing compliance and to minimise Shariah non-compliance (SNC) risk.

## PRODUCT AND SERVICE RESPONSIBILITY

As a Development Financial Institution (DFI), BSN bears the responsibility of delivering financial services that bring value not only to the Bank but also to the broader national socio-economic agenda. We are committed to empowering customers and communities through technology, continuous innovation and enhanced products and services that support sustainable growth.

BSN's Treat Customers Fairly Charter reflects our pledge to uphold the highest standards of fairness in every interaction, ensuring our customers' financial well-being is always safeguarded. We provide clear, honest and transparent information and advice, while offering products suited to our customers' needs. We believe that fair and equitable outcomes build trust and foster long-term relationships with our customers.

## RESPONSIBLE PROCUREMENT PRACTICES

BSN adopts ethical, transparent and responsible procurement processes, underpinned by strong internal policies and procedures. All procurement decisions are made in line with good governance principles and the best interests of the Bank, considering factors such as product and service quality, bidder experience and performance and price competitiveness.

BSN's No-Gift Policy and procurement ethics guidelines provide clear direction to all involved parties to ensure conflicts of interest are avoided and the integrity of the procurement process is maintained. This commitment guarantees all suppliers are treated fairly, equitably and with integrity.

## TALENT GROWTH AND RETENTION

Human capital is BSN's most valuable asset in driving sustainable growth. We embrace diversity and promote an inclusive, conducive work environment where talent can reach its full potential. All our efforts are anchored in the Core Values of C.A.R.E – Committed, Agile, Respectful and Ethical.

Menyedari landskap perniagaan yang sentiasa berubah, kami memberikan penekanan kepada pembangunan kemahiran yang relevan bagi memastikan warga kerja kami bersedia untuk menghadapi risiko semasa dan masa hadapan. Pengurusan bakat yang strategik dari segi pemerolehan, pembangunan hingga ke pengekalan adalah kunci kepada kelangsungan, produktiviti dan daya saing jangka panjang BSN.

## HUBUNGAN KOMUNITI

BSN percaya bahawa penglibatan aktif dalam inisiatif komuniti dapat memupuk rasa tanggungjawab sosial dan alam sekitar dalam kalangan warga kerja kami, di samping mengukuhkan kesedaran terhadap peranan mereka dalam mendorong perubahan positif yang mampan.

Sejak penubuhannya, BSN komited untuk memberi perkhidmatan kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang, bangsa atau kedudukan sosial. Selaras dengan visi Bank, *"Tiada Rakyat Malaysia Ketinggalan"*, kami menjalinkan hubungan yang lestari dan bermakna dengan pelanggan melalui pelbagai program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Program-program ini memberi tumpuan kepada golongan yang kurang mendapat perkhidmatan, selari dengan janji jenama BSN untuk menyediakan peluang kehidupan yang lebih baik serta menyokong mandat kami dalam menyediakan rangkuman kewangan yang menyeluruh. Setiap inisiatif CSR dirangka agar sejajar dengan nilai-nilai teras Bank.

## PENGLIBATAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Pendekatan penglibatan pihak berkepentingan yang sistematik merupakan asas penting dalam memahami jangkaan, keperluan dan isu-isu mereka yang sentiasa berubah. BSN berinteraksi secara berkala dengan pelbagai pihak berkepentingan melalui pelbagai saluran dan platform, sebagai sebahagian daripada amalan perniagaan harian kami.

Maklum balas dan pandangan yang diterima digunakan untuk memperkukuh dasar, program dan pelaksanaan inisiatif Bank yang lebih responsif dan relevan. Ini penting bagi meningkatkan tahap kesedaran, mendorong kerjasama yang lebih luas dan memacu impak yang berkesan ke arah pembangunan yang mampan.

## RISIKO IKLIM

BSN mengiktiraf bahawa perubahan iklim memberi kesan mendalam kepada masyarakat, ekonomi dan sistem kewangan negara. Sehubungan itu, Bank telah mengambil langkah proaktif dalam mengarusperdanakan pertimbangan iklim dalam strategi dan operasinya.

Di mana berkenaan, BSN menggunapakai Taksonomi berdasarkan Prinsip Perubahan Iklim (CCPT) serta Panduan Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario (CRMSA) yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. BSN juga menyokong agenda kemampanan yang diterajui oleh Kerajaan dan pihak pengawal selia, khususnya dalam aspek pengurangan dan adaptasi perubahan iklim.

Bank komited untuk meningkatkan daya tahan terhadap risiko iklim, sama ada risiko fizikal, risiko peralihan atau risiko liabiliti, dengan membangunkan kriteria penerimaan risiko yang relevan. Langkah ini bertujuan mempertingkat keupayaan penilaian ke atas pelanggan sedia ada dan bakal pelanggan serta aktiviti ekonomi yang melibatkan mereka, sekali gus memperkukuh pengurusan risiko dan ketahanan jangka panjang Bank.

Recognising the ever-evolving business landscape, we prioritise the development of relevant skills to ensure our workforce is equipped to address both current and future risks. Strategic talent management, from acquisition and development to retention, is key to ensuring BSN's long-term sustainability, productivity and competitiveness.

## COMMUNITY ENGAGEMENT

BSN believes that active participation in community initiatives nurtures a sense of social and environmental responsibility among our employees, while raising awareness of their role in driving meaningful, sustainable change.

Since our inception, BSN has remained committed to serving all segments of society–regardless of background, race or social standing. Aligned with our vision, "No Malaysian Left Behind," we foster lasting and meaningful connections with customers through various Corporate Social Responsibility (CSR) programmes. These initiatives focus on underserved groups, reflecting BSN's brand promise to provide better life opportunities and support our mandate of delivering inclusive financial access. Each CSR programme is designed to align with the Bank's core values.

## STAKEHOLDER ENGAGEMENT

A structured approach to stakeholder engagement is essential for understanding their evolving expectations, needs and concerns. BSN interacts regularly with various stakeholders through multiple channels and platforms as part of our day-to-day business practices.

Feedback and insights gathered are used to strengthen our policies, programmes and implementation efforts, making them more responsive and relevant. This is vital for raising awareness, fostering wider collaboration and driving impactful outcomes in support of sustainable development.

## CLIMATE RISK

BSN recognises that climate change has profound implications on society, the economy and the national financial system. In response, we have taken proactive steps to mainstream climate considerations into our strategies and operations.

Where applicable, BSN adopts the Climate Change and Principle-based Taxonomy (CCPT) and the Climate Risk Management and Scenario Analysis (CRMSA) guidelines issued by Bank Negara Malaysia. We also support sustainability agendas led by the Government and regulators, particularly in climate change mitigation and adaptation.

The Bank is committed to enhance resilience against climate-related risks, whether physical, transition or liability, by developing relevant risk acceptance criteria. This strengthens our ability to assess existing and prospective clients, as well as the economic activities they engage in, ultimately bolstering BSN's risk management and long-term resilience.

# KENYATAAN AUDIT DALAMAN
# INTERNAL AUDIT STATEMENT

Jabatan Audit Dalaman (JAD) melaporkan secara bebas kepada Jawatankuasa Lembaga Audit (*Board Audit Committee, BAC*) dan bebas daripada aktiviti dan operasi perniagaan serta unit sokongan yang lain. JAD secara berkala akan menilai kecukupan, kecekapan dan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dan proses tadbir urus yang dilaksanakan oleh pihak Pengurusan BSN.

Skop audit JAD merangkumi semua unit perniagaan dan sokongan termasuk anak-anak syarikat. Pengenalpastian unit-unit untuk diaudit secara keseluruhannya adalah berdasarkan rangka kerja JAD yang berasaskan faktor risiko yang diluluskan oleh BAC. Pelan audit tahunan dirangka berdasarkan penilaian risiko, pendedahan dan strategi BSN. Bahagian-bahagian yang dinilai sebagai berisiko tinggi adalah tertakluk kepada audit tahunan, manakala bahagian-bahagian yang dinilai sebagai berisiko sederhana tinggi, sederhana atau rendah adalah tertakluk kepada audit "*cycle*" yang diluluskan.

Walaupun berasaskan penilaian risiko, pelan audit juga mengambil kira bahagian yang akan diaudit secara tahunan mengikut keperluan kawal selia dan kriteria-kriteria lain seperti kejadian penipuan terkini, penarafan audit yang menurun sebelumnya serta faktor-faktor lain yang berkaitan. JAD juga menjalankan penyiasatan terhadap kes yang disyaki melibatkan penipuan oleh kakitangan, pelanggan atau pihak ketiga dan mencadangkan penambahbaikan yang sesuai untuk mengelakkan kejadian yang sama berulang serta tindakan yang perlu diambil.

JAD mempunyai akses tanpa had kepada pihak BAC dan maklumat yang diperlukan dalam menjalankan kerja pengauditan, yang mana asasnya termasuk mengenalpasti risiko yang boleh memberi impak negatif kepada prestasi BSN dan/atau menghalang BSN daripada mencapai matlamat korporatnya. Pihak BAC juga akan memastikan bahawa pihak pengurusan memahami risiko dan proaktif dalam pengawasan ke atas resolusi dan mitigasi mengikut keperluan.

Laporan Audit menyediakan skop audit yang dilaksanakan, penilaian ke atas sistem kawalan dalaman berserta dengan pemerhatian audit yang terperinci, tindakan mitigasi oleh pihak pengurusan, ulasan dan cadangan JAD untuk penambahbaikan. BAC menyemak dan membincangkan pengecualian atau ketidakpatuhan yang dibangkitkan dan memastikan bahawa sekiranya perlu dan berkaitan, pihak BAC mengarahkan pihak Pengurusan untuk memberikan perhatian kepada isu-isu berkaitan dan mengambil langkah-langkah yang wajar untuk memperkuatkan sistem kawalan dalaman berdasarkan cadangan-cadangan audit tersebut.

BAC terdiri daripada lima (5) Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan seorang (1) Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif. Ia adalah satu Jawatankuasa yang berwakilkan Lembaga Pengarah yang menyediakan pengawasan ke atas laporan kewangan, pendedahan, pematuhan peraturan undang-undang, pengurusan risiko, amalan tadbir urus dan pemantauan proses kawalan dalaman BSN. BAC memanfaatkan kerja-kerja JAD dan Laporan Audit yang dibentangkan kepada BAC. Semua penemuan-penemuan ketara dan penting oleh juruaudit dalaman, juruaudit luar dan pihak pengawalseliaan akan dilaporkan kepada BAC untuk semakan dan perbincangan. Dalam hal ini, BAC memastikan pelan mitigasi dilaksanakan oleh pihak pengurusan dan untuk memastikan tadbir urus yang wajar. Pengurusan unit perniagaan dan sokongan yang diklasifikasikan sebagai 'Tidak Memuaskan' oleh pihak JAD akan diberi nasihat yang sewajarnya oleh BAC.

The Internal Audit Department (IAD) reports independently to the Board Audit Committee (BAC) and is independent of the activities and operations of the business and other support units. IAD regularly evaluates the adequacy, efficiency and effectiveness of risk management, control, and governance processes implemented by the Management of BSN.

IAD scope of coverage encompasses all business and support units, including subsidiaries. The identification of the auditable units and the audit universe are based on a risk based IAD framework that is approved by BAC. The annual audit plan is developed based on assessment of risks, exposures, and strategies of BSN. Areas that are assessed to be high risk are subject to an annual audit while those that are assessed to be medium high, medium or low risk are subject to a cyclical audit.

Notwithstanding the risk assessment, the annual audit plan will include areas that will be audited annually due to regulatory requirements, and other established criteria such as recent incidence of fraud, previous adverse audit rating or other pertinent considerable factors. IAD also undertakes investigations into alleged frauds by staff, customers or third parties, and recommends appropriate improvements to prevent recurrence and actions to be taken.

IAD has unrestricted access to BAC and information required in the course of its work, which fundamentally involves identifying risks that could negatively impact the performance of BSN and/or keep it from achieving its corporate goals. The BAC ensures that Management fully understands the risks and proactively provide the required oversight for resolution and mitigation, where necessary.

The Audit Report provides the scope of audit work performed, a general evaluation of the system of internal control together with detailed audit observations, management mitigation actions, comments and IAD recommendations for improvement. The BAC reviews and deliberates exceptions or non-compliances raised and ensures that where required and applicable, the BAC directs Management to take cognisance of the issues and establish necessary steps to strengthen the system of internal controls based on audit recommendations.

BAC comprises five (5) Independent Non-Executive Directors and one (1) Non-Independent Non-Executive Director. It is a Board-delegated committee that provides oversight on financial reporting, disclosure, regulatory compliance, risk management, governance practices and monitoring of internal control processes in BSN. BAC leverages on the work of the IAD and the Audit Report that is presented to the BAC. All significant and material findings by the internal auditors, external auditors and regulators are reported to the BAC for review and deliberation. In this regard, the BAC ensures that mitigation plans are implemented by senior management to safeguard the interests of BSN and to upkeep proper governance. Management of business and support units that are rated 'Unsatisfactory' by IAD are counselled by the BAC.

# LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH
# SHARIAH COMMITTEE REPORT

## JAWATANKUASA SYARIAH (JKS)

Sebagai sebuah Perniagaan Perbankan Islam, satu rangka kerja tadbir urus Syariah telah diwujudkan sebagai ciri khas dalam struktur organisasi Bank Simpanan Nasional (Bank), yang merangkumi penubuhan JKS selari dengan keperluan Bahagian IV Penggal 2 Seksyen 30 (1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI 2013) dan pelaksanaan Tadbir Urus Syariah oleh organ-organ utama di dalam Bank berdasarkan kepada Dokumen Polisi Tadbir Urus Syariah Bank Negara Malaysia 2019. Secara umum, JKS bertanggungjawab untuk memberikan nasihat kepada Bank untuk memastikan tujuan dan operasi, perniagaan, urusan dan aktiviti kegiatannya mematuhi Syariah.

Untuk memastikan keberkesanan pengawasan dan pengurusan risiko ketidakpatuhan Syariah oleh Bank secara keseluruhannya, JKS dibantu oleh fungsi-fungsi kawalan di bawah Tadbir Urus Syariah iaitu Bahagian Risiko Syariah Jabatan Pengurusan Risiko, Seksyen Semakan Syariah Jabatan Pematuhan dan Bahagian Audit Syariah Jabatan Audit Dalaman, manakala sokongan operasi bagi keberkesanan fungsi JKS dilaksanakan oleh Seksyen Sekretariat, Perundingan, Penyelidikan & Latihan Syariah Jabatan Perbankan Islam.

## KOMPOSISI JAWATANKUASA SYARIAH

Keanggotaan JKS adalah terdiri daripada golongan cendekiawan yang mempunyai kelayakan dan pengetahuan yang diperlukan, kepakaran dan pengalaman dalam bidang Syariah terutamanya perundangan Islam dan undang-undang transaksi Islam. Di Bank Simpanan Nasional, JKS tidak melebihi daripada enam (6) orang ahli dalam satu-satu masa yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dari segi kelayakan, pengalaman dan pengetahuan.

## MESYUARAT JAWATANKUASA SYARIAH

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, empat belas (14) mesyuarat JKS termasuk mesyuarat khas telah diadakan sepanjang dua belas (12) bulan dengan kehadiran ahli-ahli JKS adalah seperti berikut:

## SHARIAH COMMITTEE (SC)

As an Islamic Banking Business, a Shariah governance framework has been put in place as a distinct feature in the organisational structure of Bank Simpanan Nasional (the Bank), which includes establishment of the SC in line with the requirement of Part IV Division 2 Section 30 (1) of the Islamic Financial Services Act 2013 (IFSA 2013) and implementation of Shariah Governance by key organs of the Bank in accordance with 2019 BNM Policy Document on Shariah Governance. In general, the SC has the responsibility to provide advice to the Bank to ensure that its aims and operations, business, affairs and activities are in compliance with Shariah.

In ensuring the oversight and effective management of the Bank's overall Shariah non-compliance risk, the SC is assisted by the control functions under the Shariah Governance namely Shariah Risk Division of Risk Management Department, Shariah Review Division of Compliance Department and Shariah Audit Division of Internal Audit Department, while the operational support for the effective functioning of the SC is provided by the Shariah Secretariat, Advisory, Research & Training of Islamic Banking Department.

## COMPOSITION OF SHARIAH COMMITTEE

Members of the SC are scholars who have the qualifications and necessary knowledge, expertise and experience in the areas of Shariah especially Islamic jurisprudence and Islamic commercial laws. In Bank Simpanan Nasional, the SC is composed of a maximum of six (6) members at any given time with diverse backgrounds in terms of qualifications, experience and knowledge.

## SHARIAH COMMITTEE MEETING

For the financial year ended 31 December 2024, fourteen (14) SC meetings including special meetings were held during the twelve (12) months with the attendance of the SC members are as follows:

| Bil/ No | Ahli Jawatankuasa Syariah/ Shariah Committee Members | Kehadiran/ Attendance |
|---|---|---|
| 1 | Prof. Madya Dr. Mohamad Zaharuddin Zakaria | 14/14 |
| 2 | Prof. Madya Dr. Kamaruzaman Noordin | 14/14 |
| 3 | Dr. Asma Hakimah Ab Halim | 12/14 |
| 4 | Encik Ahmad Lutfi Abdull Mutalip @ Talib<br>(tamat tempoh lantikan pada 31 Mac 2024/term ended on 31 March 2024) | 04/04 |
| 5 | Dr. Razli Ramli | 14/14 |
| 6 | Prof. Madya Dr. Mohamed Fairooz Abdul Khir | 13/14 |
| 7 | Dr. Syed Adam Alhabshi<br>(dilantik pada 1 Disember 2024/appointed on 1 December 2024) | 01/01 |

# IMBUHAN
# REMUNERATION

## OBJEKTIF & PRINSIP IMBUHAN

Pewujudan polisi imbuhan BSN adalah untuk menarik, mengekalkan, dan memotivasi kakitangan di samping memastikan polisi tersebut adalah selaras dengan objektif strategik jangka panjang, kelestarian kewangan, dan pematuhan kawal selia Bank. BSN mengguna pakai pendekatan imbuhan yang berpandukan prinsip-prinsip seperti berikut:

**1. Pakej Imbuhan Berdaya Saing**

BSN adalah komited untuk menawarkan pakej imbuhan yang kompetitif berdasarkan penanda aras industri perbankan yang dilaksanakan secara berkala. Pendekatan ini adalah untuk memastikan imbuhan yang ditawarkan kekal menarik dan saksama bagi membolehkan Bank menarik dan mengekalkan kakitangan yang berbakat dan berkaliber tinggi secara berkesan.

**2. Imbuhan Berasaskan Prestasi**

Strategi imbuhan BSN adalah berlandaskan prinsip imbuhan berasaskan prestasi, yang mana pencapaian individu, kumpulan, dan organisasi adalah dikaitkan secara langsung dengan imbuhan. Pendekatan ini memupuk budaya kerja berprestasi tinggi yang mengiktiraf dan memberi ganjaran terhadap sumbangan kakitangan melalui metrik prestasi dan indikator prestasi utama (KPI) yang jelas dan terperinci.

**3. Pengurusan Risiko yang Berhemat**

Struktur imbuhan BSN direka untuk mengelakkan pengambilan risiko yang berlebihan di samping menggalakkan pembuatan keputusan kewangan yang berhemat. Komponen imbuhan tidak tetap seperti bonus dan insentif ditentukan berdasarkan metrik prestasi yang selaras dengan polisi pengurusan risiko Bank dan keperluan pematuhan kawal selia bagi memastikan amalan imbuhan yang bertanggungjawab.

**4. Keadilan, Ketelusan dan Keterangkuman**

BSN mengutamakan keadilan dan ketelusan dalam amalan imbuhannya. Imbuhan BSN ditentukan berdasarkan merit, pengalaman, dan sumbangan kakitangan tanpa mengira jantina, etnik, umur, atau faktor lain yang tidak berkaitan. Polisi imbuhan Bank juga mematuhi prinsip kepelbagaian, kesaksamaan, dan keterangkuman bagi mewujudkan persekitaran kerja yang adil dan inklusif.

**5. Kelestarian Kewangan**

BSN memastikan bahawa amalan imbuhannya adalah selaras dengan kedudukan dan kelestarian kewangan jangka panjang Bank. Struktur imbuhan direka dengan teliti untuk menyokong daya tahan dan pertumbuhan mampan perniagaan tanpa menjejaskan kedudukan kewangan Bank.

**6. Tadbir Urus dan Pengawasan yang Kukuh**

Polisi imbuhan BSN ditadbir oleh struktur pengawasan yang jelas. Jawatankuasa Lembaga Pencalonan dan Imbuhan serta Lembaga Pengarah adalah bertanggungjawab untuk menyemak dan meluluskan polisi imbuhan bagi memastikan polisi tersebut adalah adil, mematuhi keperluan kawal selia, serta selaras dengan objektif strategik Bank.

## REMUNERATION OBJECTIVES & PRINCIPLES

BSN's remuneration framework is established to attract, retain, and motivate employees while ensuring alignment with the Bank's long-term strategic objectives, financial sustainability, and regulatory compliance. The framework is guided by the following principles:

**1. Market-Competitive Remuneration**

BSN is committed to offering a competitive remuneration package based on regular benchmarking against industry standards. This approach ensures that compensation remains attractive and equitable, enabling the Bank to attract and retain high-caliber talents effectively.

**2. Performance-Based Compensation**

The remuneration strategy at BSN is anchored on a pay-for-performance approach, where individual, team, and organisational achievements are directly linked to compensation. This principle fosters a high-performance culture by recognizing and rewarding employees' contributions through well-defined performance metrics and key performance indicators (KPIs).

**3. Prudent Risk Management**

BSN's remuneration structure is designed to discourage excessive risk-taking while promoting prudent financial decision-making. Variable pay components such as bonuses and incentives are determined based on performance metrics that are aligned with the Bank's risk management policies and regulatory requirements, ensuring responsible compensation practices.

**4. Fairness, Transparency, and Inclusion**

The Bank is committed to upholding fairness and transparency in its remuneration practices. Compensation is determined based on merit, experience, and contributions, free from bias related to gender, ethnicity, age, or other irrelevant factors. The remuneration framework also adheres to principles of diversity, equity, and inclusion, fostering an inclusive workplace where all employees are evaluated solely on their performance and potential.

**5. Financial Sustainability**

BSN ensures that its remuneration practices are aligned with the Bank's financial health and long-term sustainability. Compensation structures are carefully designed to support business resilience and sustainable growth without compromising the Bank's financial soundness.

**6. Robust Governance and Oversight**

The remuneration framework is governed by a clear oversight structure. The Board Nomination and Remuneration Committee (BNRC) and the Board of Directors are responsible for reviewing and approving remuneration policies to ensure they are fair, compliant, and aligned with the Bank's strategic objectives and regulatory requirements.

**7. Pakej Imbuhan yang Komprehensif**

Selain daripada imbuhan kewangan, BSN turut mengiktiraf sumbangan kakitangan melalui ganjaran bukan kewangan seperti program pembangunan kerjaya, peluang pembangunan kepimpinan, dan inisiatif penggalakkan keseimbangan kehidupan - kerja. Pendekatan holistik ini akan meningkatkan kepuasan kerja dan mengekalkan kakitangan dalam Bank.

**8. Pematuhan dan Kajian Berkala**

Polisi imbuhan BSN sentiasa dikaji semula untuk memastikan pematuhan terhadap peraturan kewangan, undang-undang buruh, dan garis panduan yang ditetapkan oleh badan kawal selia seperti Bank Negara Malaysia (BNM) dan Kementerian Kewangan (MOF). Penilaian berkala dijalankan bagi memastikan amalan imbuhan adalah sejajar dengan perubahan pasaran dan piawaian kawal selia.

**9. Penyelarasan Jangka Panjang dengan Matlamat Perniagaan**

Melalui prinsip-prinsip ini, BSN memastikan bahawa strategi imbuhannya bukan sahaja berdaya saing tetapi juga bertanggungjawab, mampan, dan selaras dengan matlamat perniagaan jangka panjang Bank. Pendekatan ini akan memupuk budaya akauntabiliti, kecemerlangan, dan kejayaan bersama.

Dengan mematuhi prinsip-prinsip ini, BSN berhasrat untuk mengekalkan struktur imbuhan yang menyokong visi strategiknya di samping mewujudkan tenaga kerja yang bermotivasi dan berprestasi tinggi, serta taat setia kepada organisasi.

## KOMPONEN IMBUHAN

Jumlah ganjaran adalah fokus utama dalam struktur imbuhan BSN yang melibatkan dua komponen utama iaitu Imbuhan Tetap dan Imbuhan Tidak Tetap. Pendekatan ini bertujuan untuk menarik, mengekalkan, dan memotivasikan kakitangan yang berbakat tinggi di samping memastikan keadilan, kelestarian kewangan, dan keseiringan dengan objektif strategik jangka panjang Bank.

**1. Imbuhan Tetap**

Imbuhan Tetap merangkumi elemen-elemen berikut yang dibayar secara berkala kepada kakitangan tanpa mengira prestasi tahunan:

**1.1 Gaji Hakiki**

- Gaji hakiki ditetapkan secara adil berdasarkan penilaian kerja, pengalaman, kelayakan, dan tanggungjawab kerja.
- Struktur gaji dinilai secara berkala dengan mengambil kira penanda aras industri bagi memastikan ia berdaya saing dan adil.

**1.2 Elaun Tetap**

- Elaun tetap yang dibayar secara berkala kepada kakitangan adalah untuk menampung kos umum seperti kos sara hidup, pengangkutan, dan perumahan.
- Jumlah elaun tetap ditentukan berdasarkan tahap jawatan, tanggungjawab kerja, dan penanda aras pasaran.

**7. Comprehensive Compensation Package**

In addition to financial compensation, BSN recognizes employees' contributions through non-monetary rewards such as career growth, leadership development opportunities, and initiatives promoting work-life balance. This holistic approach to compensation enhances employee satisfaction and retention.

**8. Compliance and Regular Review**

BSN's remuneration policies are continuously reviewed to ensure compliance with financial regulations, labor laws, and guidelines set by regulatory bodies such as Bank Negara Malaysia (BNM) and the Ministry of Finance (MOF). Periodic review is conducted to align compensation practices with evolving regulatory standards and market conditions.

**9. Long-Term Alignment with Business Goals**

Through these principles, BSN ensures that its remuneration strategy is not only competitive but also responsible, sustainable, and closely aligned with the Bank's long-term business goals. This approach fosters a culture of accountability, excellence, and mutual success.

By adhering to these guiding principles, BSN aims to maintain a remuneration framework that supports its strategic vision while fostering a motivated, high-performing, and loyal workforce.

## REMUNERATION COMPONENTS

The total compensation is the key focus of BSN's remuneration framework, involving two main components: Fixed Pay and Variable Pay. This approach aims to attract, retain, and motivate top talent while ensuring fairness, financial sustainability, and alignment with the Bank's long-term strategic objectives.

**1. Fixed Pay**

Fixed pay consists of the following elements, which are paid regularly to employees regardless of annual performance:

**1.1 Basic Salary**

- Basic salary is determined fairly based on job evaluation, experience, qualifications, and responsibilities.
- The salary structure is reviewed periodically, taking into account industry benchmarks to ensure competitiveness and fairness.

**1.2 Fixed Allowances**

- Fixed allowances are provided regularly to cover general costs such as cost of living, transportation, and housing.
- The amount of fixed allowances is determined based on job level, responsibilities, and market benchmarks.

# IMBUHAN
# REMUNERATION

### 1.3 Elaun Berkaitan Kerja

- Elaun ini diberikan berdasarkan sifat dan keperluan khusus pekerjaan seperti sijil profesional, lokasi kerja, atau tugas tambahan.

### 1.4 Faedah Pekerja

- Merangkumi manfaat bukan kewangan seperti takaful/ insurans berkelompok, sumbangan persaraan, faedah perubatan dan elaun penempatan semula.
- Faedah ini bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan kakitangan dan memperkukuhkan daya tarikan BSN sebagai majikan pilihan.

## 2. Imbuhan Tidak Tetap

Imbuhan Tidak Tetap merangkumi komponen yang bergantung kepada pencapaian prestasi individu dan organisasi:

### 2.1 Bonus Prestasi

- Bonus ini diberikan berdasarkan pencapaian terhadap indikator prestasi utama (KPI) yang ditetapkan pada awal setiap tahun.
- Penentuan bonus mengambil kira prestasi Bank secara keseluruhan, prestasi jabatan, dan pencapaian individu.
- Jumlah peruntukan bonus ditentukan berdasarkan pencapaian keseluruhan skorkad korporat dan prestasi kewangan Bank serta tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah dan Kementerian Kewangan (MOF).

### 2.2 Insentif dan Komisen

- Insentif diberikan untuk menggalakkan dan mengiktiraf usaha kakitangan dalam mencapai sasaran perniagaan serta meningkatkan hasil jualan.
- Struktur insentif dan komisen diuruskan oleh jabatan yang relevan dengan panduan dan pengawasan oleh Jabatan Pengurusan Sumber Manusia bagi memastikan ia adalah selaras dengan objektif strategik BSN.
- Pewujudan dan semakan terhadap struktur insentif dan komisen adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Pengurusan (MANCO).

### 2.3 Ketetapan *Malus*, *Clawback* dan *Deferral* (Penangguhan)

- **Malus**: Merujuk kepada pengurangan atau pembatalan imbuhan tidak tetap yang belum dibayar sekiranya terdapat peristiwa pencetus (*Trigger Event*) seperti kesilapan material dalam penyata kewangan atau salah laku yang serius.
- ***Clawback***: Merujuk kepada hak/usaha Bank untuk mendapatkan kembali imbuhan yang telah dibayar sekiranya terdapat peristiwa pencetus yang dikenal pasti.

### 1.3 Job-Related Allowances

- These allowances are granted based on the specific nature and requirements of the job, such as professional certifications, job location, or additional duties.

### 1.4 Employee Benefits

- This includes non-financial benefits such as group takaful/insurance, retirement contributions, medical benefits, and relocation allowances.
- These benefits aim to enhance employee well-being and reinforce BSN's attractiveness as an employer of choice.

## 2. Variable Pay

Variable pay consists of components that depend on individual and organisational performance:

### 2.1 Performance Bonus

- Performance bonuses are awarded based on achievements against Key Performance Indicators (KPIs) set at the beginning of each year.
- The determination of bonuses considers the overall performance of the Bank, departmental performance, and individual contributions.
- The bonus pool is determined based on the overall corporate scorecard achievement and the Bank's financial performance, subject to the approval of the Board of Directors and the Ministry of Finance (MOF).

### 2.2 Incentives and Commission

- Incentives are provided to encourage and recognize employees' efforts in boosting sales and achieving business targets.
- The structure of incentives and commissions is managed by the relevant departments with guidance and oversight from the Human Resource Management Department to ensure alignment with BSN's strategic objectives.
- The establishment and revision of the incentive and commission structure are subject to approval by the Management Committee (MANCO).

### 2.3 Malus, Clawback and Deferral Provisions

- **Malus**: Refers to the reduction or cancellation of unpaid or unvested variable compensation if a Trigger Event occurs, such as material errors in financial statements or serious misconduct.
- **Clawback**: Refers to the Bank's right to recover variable compensation that has already been paid if a Trigger Event is identified.

- **Penangguhan (*Deferral*)**: Sebahagian daripada imbuhan tidak tetap boleh ditangguhkan dalam tempoh beberapa tahun bagi mencerminkan jangka masa risiko. Imbuhan yang ditangguhkan ini tertakluk kepada pelarasan, pengurangan, atau pembatalan di bawah ketetapan *malus* atau *clawback* sekiranya prestasi atau hasil risiko didapati merosot sepanjang tempoh penangguhan.
- Ketetapan ini adalah untuk memastikan imbuhan yang diberikan adalah wajar, sesuai, dan mencerminkan prestasi perniagaan yang sebenar.

**3. Pematuhan dan Ketelusan**

- BSN mengutamakan ketelusan dalam menyampaikan maklumat mengenai struktur imbuhan kepada kakitangan termasuk kriteria penilaian prestasi, penanda aras, dan strategi keseluruhan yang mendorong keputusan imbuhan.
- Polisi imbuhan dikaji secara berkala bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan kewangan, undang-undang buruh, dan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa seperti Bank Negara Malaysia (BNM) dan Kementerian Kewangan (MOF).

**4. Kesimpulan**

Melalui pendekatan ini, BSN memastikan bahawa strategi imbuhan bukan sahaja berdaya saing dan menarik tetapi juga bertanggungjawab, mampan, dan selaras dengan objektif strategik jangka panjang Bank. Polisi imbuhan ini bertujuan untuk memupuk budaya kerja yang berprestasi tinggi, meminimumkan risiko, dan memastikan kesejahteraan serta kepuasan kakitangan secara menyeluruh.

## IMBUHAN BAGI PEGAWAI KANAN

Imbuhan bagi Pegawai Kanan dikemukakan terlebih dahulu kepada Jawatankuasa Lembaga Pencalonan dan Imbuhan (BNRC) untuk persetujuan.

Selepas persetujuan diperoleh, permohonan ini akan dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

Ringkasan imbuhan bagi Pegawai Kanan BSN bagi tahun kewangan 2024 disenaraikan dalam jadual di bawah:

- **Deferral**: A portion of variable compensation may be deferred over a multi-year period to reflect the time horizon of risks. Deferred awards remain subject to adjustment, reduction, or forfeiture under malus or clawback provisions if performance or risk outcomes deteriorate during the deferral period.
- These provisions ensure that compensation is fair, appropriate, and reflective of actual business performance.

**3. Compliance and Transparency**

- BSN prioritises transparency in communicating remuneration information to employees, including performance evaluation criteria, benchmarks, and the overall strategy driving compensation decisions.
- The remuneration policy is regularly reviewed to ensure compliance with financial regulations, labor laws, and guidelines set by regulatory authorities such as Bank Negara Malaysia (BNM) and the Ministry of Finance (MOF).

**4. Conclusion**

Through this approach, BSN ensures that its remuneration strategy is not only competitive and attractive but also responsible, sustainable, and aligned with the Bank's long-term strategic goals. The remuneration framework aims to foster a high-performance culture, minimise risk, and ensure the overall well-being and satisfaction of employees.

## REMUNERATION FOR SENIOR OFFICERS

Remuneration packages for Senior Officers submitted to the Board Nomination and Remuneration Committee (BNRC) for endorsement.

Following the endorsement, approval is sought from the Board of Directors.

The summarised details of remuneration for BSN's Senior Officers and OMRTs for the fiscal year 2024 are presented in the table below:

| Jumlah Nilai Imbuhan (RM)<br>Total Value of Remuneration (RM) | Pegawai Kanan<br>Senior Officers |
|---|---|
| **Imbuhan Tetap/**<br>**Fixed Pay** | RM6,265,940 |
| **Imbuhan Tidak Tetap/**<br>**Variable Pay** | RM1,580,875 |
| **Takrifan/**<br>**Definition** | Pegawai Kanan ditakrifkan sebagai Ketua Pegawai Perniagaan, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Pegawai Modal Insan, Ketua Juruaudit Dalaman, Ketua Pegawai Risiko, Ketua Pegawai Pematuhan, Ketua Pegawai Kredit, dan Ketua Perbendaharaan & Pelaburan.<br>Senior Officers are defined as Chief Business Officer, Chief Operating Officer, Chief Financial Officer, Chief Human Capital Officer, Chief Internal Auditor, Chief Risk Officer, Chief Compliance Officer, Chief Credit Officer, and Head of Treasury & Investment. |

# PENYATA KEWANGAN


142 Sijil Ketua Audit Negara

147 Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

148 Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab

149 Laporan Pengarah

152 Laporan Jawatankuasa Syariah BSN

155 Penyata Kedudukan Kewangan

156 Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain

158 Penyata Perubahan Ekuiti

160 Penyata Aliran Tunai

163 Nota Kepada Penyata Kewangan




# SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**BANK SIMPANAN NASIONAL**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [*Akta 62*] untuk mengaudit Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan dan Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang material seperti yang dinyatakan pada muka surat 5 hingga 212.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Akta Bank Simpanan Nasional 1974 [*Akta 146*], Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*], Garis Panduan/Pekeliling Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*] dan Syariah.

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

# SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah, Bank Simpanan Nasional bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Akta Bank Simpanan Nasional 1974 [*Akta 146*], Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*], Garis Panduan/Pekeliling Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*] dan Syariah. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

# SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Bank Simpanan Nasional atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Bank Simpanan Nasional atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan

f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju.

# SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Saya juga telah memaklumkan Lembaga Pengarah bahawa saya telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan, dan telah memaklumkan semua hubungan dan hal-hal lain yang berkemungkinan menjejaskan kebebasan dan langkah pencegahan yang bersesuaian, sekiranya berkaitan.

**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Bank Simpanan Nasional 1974 [*Akta 146*], Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*], Garis Panduan/Pekeliling Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*] dan Syariah, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 10 dalam penyata kewangan.

**Hal-hal Lain**

Bank Simpanan Nasional hendaklah memastikan mekanisme kawalan dalaman yg efektif dengan strategi keselamatan akses seperti berikut:

a. Memastikan semua akaun perkhidmatan didaftarkan ke dalam Privilege Access Management bagi melindungi sumber dan data organisasi daripada risiko pencerobohan atau penyalahgunaan hak akses oleh individu yg tidak sah.

b. Memastikan akses pengguna yang telah berhenti dan berpindah dinyahaktif dalam tempoh yang ditetapkan selaras dengan Prosedur Operasi Standard Pengurusan Akses.

# SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Bank Simpanan Nasional berdasarkan keperluan Akta Bank Simpanan Nasional 1974 [*Akta 146*], Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*], Garis Panduan/Pekeliling Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*] dan Syariah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

**(DATO' SERI WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)**
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
27 MAC 2025

# PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, **DATO' SERI DR. AWANG ADEK BIN HUSSIN** dan **JAY KHAIRIL JEREMY BIN ABDULLAH** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan pada 31 Disember 2024 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

**DATO' SERI DR. AWANG ADEK BIN HUSSIN**
PENGERUSI

Kuala Lumpur
Tarikh: 17 Mac 2025

Bagi pihak Lembaga,

**JAY KHAIRIL JEREMY BIN ABDULLAH**
AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kuala Lumpur
Tarikh: 17 Mac 2025

# PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA

## YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL

Kami, **DATO' SERI DR. AWANG ADEK BIN HUSSIN** dan **JAY KHAIRIL JEREMY BIN ABDULLAH** sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif, masing-masing yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Bank Simpanan Nasional, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami, adalah betul dan kami membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

**DATO' SERI DR. AWANG ADEK BIN HUSSIN**

**JAY KHAIRIL JEREMY BIN ABDULLAH**

Sebenar dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas
di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
pada 17 Mac 2025

Di hadapan saya,

# LAPORAN PENGARAH
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

## AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Bank adalah menjalankan fungsi sebagai sebuah bank simpanan iaitu menerima deposit dan memberi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kepada pelanggan termasuk operasi perbankan Islam.

Aktiviti utama subsidiari dan syarikat bersekutu adalah seperti dinyatakan dalam Nota 10 dan 11 kepada penyata kewangan.

Tiada perubahan penting dalam aktiviti-aktiviti utama ini sepanjang tahun kewangan.

## KEPUTUSAN KEWANGAN

Keputusan Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan adalah seperti berikut:

| | KUMPULAN RM'000 | BANK RM'000 |
|---|---|---|
| Keuntungan sebelum cukai dan zakat | 533,594 | 335,873 |
| Cukai dan zakat | (180,428) | (85,880) |
| Keuntungan bersih bagi tahun semasa | 353,166 | 249,993 |
| Keuntungan bersih bagi tahun semasa boleh diagihkan kepada: | | |
| Pemilik Bank | 282,324 | 249,993 |
| Kepentingan tak mengawal | 70,842 | – |
| Keuntungan bersih bagi tahun semasa | 353,166 | 249,993 |

Keputusan operasi Kumpulan dan Bank sepanjang tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa yang penting dan luar biasa.

## RIZAB, PERUNTUKAN DAN ELAUN

Tiada pindahan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan selain daripada yang telah dinyatakan dalam penyata kewangan.

## DIVIDEN

Semasa akhir tahun kewangan 31 Disember 2024, dividen tunai yang dibayar oleh Bank bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 adalah RM52 juta.

Berkenaan dengan tahun kewangan semasa, Lembaga Pengarah telah mencadangkan dividen tunai sebanyak RM25 juta. Dividen yang dicadangkan akan diiktiraf pada tahun kewangan berikutnya setelah diluluskan oleh pihak luar yang berkenaan.

# LAPORAN PENGARAH
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

## PARA PENGARAH BANK

Para Pengarah yang berkhidmat sejak tarikh laporan yang lepas dan pada tarikh laporan ini ialah:

Dato' Seri Dr. Awang Adek Bin Hussin (dilantik pada 1 Julai 2024)
Mohd Hassan Bin Ahmad
Selamat Bin Haji Sirat
Datin Zaimah Binti Zakaria
Saleena Binti Mohd Ali
Suraya Binti Hassan
Assoc. Prof. Dr. Kamaruzaman Bin Noordin
Jay Khairil Jeremy Bin Abdullah

Kesemua para Pengarah adalah Pengarah Bukan Eksekutif kecuali Jay Khairil Jeremy Bin Abdullah. Kesemua para Pengarah adalah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

## MANFAAT PARA PENGARAH

Sejak akhir tahun kewangan terdahulu, tiada Pengarah Bank telah menerima atau layak menerima sebarang manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam amaun agregat emolumen yang telah diterima atau patut dan belum diterima oleh para Pengarah atau gaji tetap kakitangan sepenuh masa Bank seperti yang dinyatakan dalam Nota 37 kepada penyata kewangan) dibawah kontrak yang dibuat oleh Bank atau syarikat berkaitan dengan mana-mana Pengarah atau dengan firma di mana para Pengarah adalah ahlinya, atau dengan syarikat di mana para Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang penting.

Sepanjang tempoh dan pada akhir tahun kewangan semasa, tiada sebarang perjanjian yang menyatakan Bank merupakan pihak yang mana Pengarahnya mungkin memperoleh manfaat menerusi pembelian saham atau debentur dalam Bank atau mana-mana badan korporat yang lain.

## LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Bank disediakan, para Pengarah telah mengambih langkah yang sewajarnya:

i) untuk memastikan bahawa tindakan yang sewajarnya telah diambil untuk menghapus kira hutang dan pembiayaan lapuk dan membuat peruntukan bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan mereka berpuas hati bahawa semua hutang dan pembiayaan lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan yang secukupnya telah dibuat untuk hutang dan pembiayaan ragu; dan

ii) untuk memastikan bahawa mana-mana aset semasa yang tidak mungkin direalisasikan dalam rekod perakaunan dalam urusniaga biasa perniagaan termasuk nilai aset semasa yang ditunjukkan dalam rekod perakaunan Kumpulan dan Bank telah diturun nilai kepada jumlah yang mana aset semasa dijangka boleh direalisasi.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang boleh menyebabkan:

i) jumlah yang dihapus kira untuk hutang dan pembiayaan lapuk atau peruntukan bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dalam penyata Kumpulan dan Bank tidak mencukupi dengan ketaranya; atauu

ii) nilai aset-aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank mengelirukan; atau

iii) tidak diambil kira di dalam laporan ini atau penyata kewangan yang boleh menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang mengelirukan; atau

iv) yang telah timbul yang menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Bank mengelirukan atau tidak bersesuaian.

# LAPORAN PENGARAH
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

i) sebarang cagaran ke atas aset-aset Kumpulan atau Bank untuk menjamin liabiliti pihak lain yang telah timbul sejak berakhirnya tahun kewangan; atau

ii) sebarang liabiliti luar jangka bagi Kumpulan atau Bank yang telah timbul sejak berakhirnya tahun kewangan.

Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain daripada Kumpulan dan Bank yang boleh dikuatkuasakan atau mungkin boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas berakhirnya tahun kewangan semasa yang akan atau boleh menjejaskan dengan ketara keupayaan Kumpulan dan Bank untuk memenuhi kewajipan mereka apabila tiba masanya.

Pada pendapat para Pengarah, selain daripada yang didedahkan dalam penyata kewangan, prestasi kewangan Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2024 tidak terjejas secara ketara oleh sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa penting dan luar biasa dan tiada sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa penting dan luar biasa berlaku dalam tempoh antara tahun kewangan dan tarikh laporan ini.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi para Pengarah:

**DATO' SERI DR. AWANG ADEK BIN HUSSIN**
PENGERUSI

**JAY KHAIRIL JEREMY BIN ABDULLAH**
PENGARAH

Kuala Lumpur
Tarikh: 17 Mac 2025

# LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH BSN

Laporan Jawatankuasa Syariah BSN

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dengan Nama Allah, Yang Maha Pemurah, Yang Maha Penyayang
Segala Puji-Pujian Hanya kepada Allah SWT dan Selawat serta Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, kaum keluarga dan sahabat Baginda.

**Pengenalan**

Dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab sebagai Jawatankuasa Syariah Bank Simpanan Nasional (Bank) sepertimana digariskan di dalam Dokumen Polisi Tadbir Urus Syariah yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan juga sebagai mematuhi surat pelantikan, kami dengan ini mengemukakan laporan kami bagi penyata kewangan berakhir 31 Disember 2024.

Pengurusan Bank pada setiap masa bertanggungjawab memastikan operasi Bank dan perniagaan berkaitan Perbankan Islam dijalankan selaras dengan prinsip Syariah, dan adalah menjadi tanggungjawab kami untuk menyatakan pendapat secara bebas berdasarkan semakan kami ke atas operasi, perniagaan, hal ehwal dan aktiviti produk-produk serta perkhidmatan patuh Syariah Bank untuk menghasilkan laporan ini.

**Perlaksanaan Tanggungjawab**

Dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab kami, kami membentuk pendapat berdasarkan maklumat yang dibentangkan kepada Jawatankuasa termasuk meneliti, berdasarkan ujian bagi setiap jenis transaksi, dokumentasi dan prosedur berkaitan yang diguna pakai oleh Bank adalah tidak melanggar hukum dan prinsip Syariah.

Selain itu, kami juga dibantu oleh Sekretariat Jawatankuasa Syariah dan fungsi kawalan di bawah tadbir urus Syariah yang terdiri daripada risiko Syariah, semakan Syariah dan audit Syariah.

Kami dengan ini mengesahkan bahawa Sekretariat Jawatankuasa Syariah telah memberi sokongan operasi terhadap keberkesanan fungsi Jawatankuasa Syariah dan kami telah menugaskan kerja dan kuasa tanggungjawab kepada Bahagian Perundingan, Penyelidikan & Latihan Syariah berdasarkan kepada skop mandat yang telah dipersetujui di mana kerja, pertimbangan utama dan keputusan berkaitan perkara yang ditugaskan tersebut serta laporan-laporan lain yang berkaitan telah dilaporkan kepada kami semasa mesyuarat bagi tujuan perbincangan, kelulusan, pengesahan, persetujuan, arah tuju dan pemakluman kami.

Sementara itu, fungsi kawalan ini memainkan peranan penting dalam memastikan pengurusan risiko ketidakpatuhan Syariah yang efektif dalam Bank. Kami telah menilai laporan yang dihasilkan oleh risiko Syariah, semakan Syariah dan audit Syariah yang merangkumi kemaskini berkala, memeriksa, pada asas ujian sampel, setiap jenis transaksi, operasi, dokumentasi dan prosedur berkaitan yang diguna pakai oleh Bank yang dibentangkan kepada kami.

**Pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa Syariah**

Pada tahun 2024, kami telah mengadakan empat belas (14) mesyuarat termasuk tiga (3) mesyuarat khas di mana kami telah menyemak, membincangkan, meluluskan dan mengesahkan produk-produk baharu Perbankan Islam, variasi dan program yang berkaitan, perkhidmatan, isu-isu/ kebimbangan Perbankan Islam yang telah timbul dalam operasi, perniagaan dan dokumentasi lain yang berkaitan.

Kami mengesahkan telah memenuhi jangkaan pengawalselia berkaitan pengurusan mesyuarat termasuk kehadiran ahli, kuorum ahli yang mempunyai latar belakang Syariah dan bukan Syariah serta keputusan atau nasihat yang telah diputuskan oleh kami.

# LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH BSN

Sepanjang tempoh pelaporan, kami telah meluluskan cadangan pelaksanaan kontrak *Tawarruq* untuk pelbagai kemudahan, termasuk Kad Kredit Islam baharu dan pelbagai penyelesaian pembiayaan, seperti Pembiayaan Perumahan Islamik, Pembiayaan Peribadi Islamik, dan Pembiayaan Perniagaan Mikro Islamik. Kami juga telah meluluskan kontrak Syariah *Qard*, yang akan digunakan dalam produk Pembiayaan Peribadi dan Mikro Islamik untuk meningkatkan lagi fleksibiliti dan kepelbagaian bagi para pelanggan, selaras dengan mandat kerajaan yang diamanahkan kepada BSN untuk memberikan perkhidmatan kepada masyarakat.

**Pengawasan Lembaga Pengarah Terhadap Perihal Syariah**

Selaras dengan usaha untuk memberikan sokongan ke atas fungsi pengawasan Lembaga Pengarah serta untuk membina komunikasi yang berkesan antara Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah, kertas kerja khusus berkenaan ringkasan keputusan dan perbincangan penting semasa mesyuarat Jawatankuasa telah dibentangkan kepada Lembaga untuk makluman dan perhatian, sebagai tambahan kepada edaran Minit Mesyuarat Jawatankuasa Syariah yang disahkan kepada mesyuarat Lembaga Pengarah.

Sebagai salah satu inisiatif untuk mengukuhkan interaksi antara Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah, dua (2) sesi libat urus/ mesyuarat bersama telah dianjurkan di mana ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Syariah berkumpul untuk membincangkan perkara yang dikenal pasti dan terpilih. Selain itu, seorang ahli Jawatankuasa Syariah juga telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah BSN di mana pelantikan ini bertujuan untuk memupuk integrasi yang lebih rapat dalam pertimbangan tadbir urus Syariah di dalam strategi perniagaan dan risiko Bank.

**Pembangunan Kapasiti & Kesedaran**

Dengan matlamat untuk membangunkan dan mengukuhkan pengetahuan dan pemahaman tentang kewangan Islam di kalangan pihak-pihak berkepentingan, Bank telah menganjurkan latihan secara berterusan di mana semua pihak berkepentingan mengambil bahagian dalam program, latihan atau kursus dalaman atau luaran yang ditetapkan atau dikenalpasti oleh Bank.

Ke arah memantapkan profesonalisme dan meningkatkan keupayaan Jawatankuasa Syariah, kami telah mendaftar dalam program pensijilan berstruktur iaitu *Certified Shariah Advisor (CSA) and Certified Shariah Practitioner (CSP)* di bawah anjuran Persatuan Penasihat-Penasihat Syariah Dalam Kewangan Islam *(ASAS)* di mana terdapat tiga (3) ahli Jawatankuasa Syariah yang telah melengkapkan pensijilan.

Tambahan, kami juga telah menghadiri dan menyertai program atau seminar berkaitan kewangan Islam dan Syariah untuk membolehkan kami mengikuti perkembangan terkini dalam industri. Ini juga termasuk dua (2) program latihan dalaman yang telah dikendalikan oleh penceramah luar yang dilantik meliputi topik *"Sustainable Development Goals (SDGs) Implementation in Development Financial Institutions (DFIs)" dan "Key Insights of Hajah and Darurah Policy Document – Principles and Applications"* yang telah diadakan masing-masing pada 6 Februari 2024 dan 1 Oktober 2024.

Kami juga mengakui bahawa siri latihan dan kesedaran mengenai Perbankan Islam & Syariah telah diadakan secara dalaman bagi mengukuhkan lagi keupayaan kakitangan Bank. Bank juga amat komited dalam memantapkan tahap kefahaman dan pengetahuan dalam bidang Syariah dengan melantik kakitangan terpilih untuk mengikuti pelbagai latihan dan kursus luar perbankan dan Kewangan Islam.

**Insiden Ketidakpatuhan Syariah**

Sepanjang tahun 2024, Bank telah mengekalkan rekod prestasi yang baik dalam pematuhan Syariah, tanpa sebarang insiden ketidakpatuhan Syariah dilaporkan kepada kami. Pencapaian ini adalah hasil langsung daripada kawalan dalaman dan mekanisme tadbir urus yang berkesan yang diwujudkan oleh pihak Pengurusan untuk memastikan pematuhan penuh terhadap prinsip Syariah merentasi semua aspek operasi Bank.

# LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH BSN

**Pendapat Mengenai Pematuhan Bank Terhadap Syariah**

Bersandarkan kepada perkara di atas, kami berpendapat bahawa:

1. Kontrak, transaksi dan urusniaga yang digunakan oleh Bank pada tahun berakhir 31 Disember 2024 yang telah kami semak, mematuhi prinsip dan peraturan Syariah; dan

2. Apa yang telah dibentangkan untuk perhatian Jawatankuasa Syariah yang melibatkan operasi, perniagaan, hal ehwal dan aktiviti Bank adalah tidak terlibat dengan sebarang ketidakpatuhan Syariah; dan

3. Pengagihan keuntungan dan caj kerugian berkenaan akaun pelaburan mematuhi asas-asas yang telah diluluskan oleh kami berdasarkan prinsip dan peraturan Syariah; dan

4. Segala pendapatan yang telah terhasil daripada sumber atau melalui cara yang dilarang oleh prinsip Syariah sebagaimana yang diluluskan oleh kami, telah dipertimbangkan untuk disalurkan bagi tujuan kebajikan; dan

5. Pengiraan zakat bagi perniagaan perbankan Islam dilakukan berdasarkan kaedah Modal Berkembang sepertimana yang telah disahkan oleh pihak Berkuasa Zakat yang dibayar kepada semua Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri berdasarkan pecahan yang telah diluluskan oleh Bank, adalah mematuhi prinsip dan peraturan Syariah.

Kami, ahli-ahli Jawatankuasa Syariah Bank Simpanan Nasional, dengan ini mengesahkan, setakat kemampuan terbaik kami, bahawa pengoperasian perniagaan perbankan Islam Bank Simpanan Nasional untuk tahun berakhir 31 Disember 2024 telah dijalankan mengikut prinsip dan peraturan Syariah.

Allah Lebih Mengetahui.

Bagi pihak Jawatankuasa Syariah:

**PROF. MADYA DR. MOHAMAD ZAHARUDDIN ZAKARIA**
Pengerusi Jawatankuasa Syariah

**PROF. MADYA DR. KAMARUZAMAN NOORDIN**
Timb. Pengerusi Jawatankuasa Syariah

**PROF. MADYA DR. MOHAMED FAIROOZ ABDUL KHIR**
Ahli Jawatankuasa Syariah

Kuala Lumpur, Malaysia
13 Mac 2025

# PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2024

| | Nota | KUMPULAN 2024 RM'000 | KUMPULAN 2023 RM'000 | BANK 2024 RM'000 | BANK 2023 RM'000 |
|---|---|---|---|---|---|
| **ASET** | | | | | |
| Tunai dan dana jangka pendek | 3 | **2,364,221** | 1,826,460 | **1,964,313** | 1,376,200 |
| Deposit dan penempatan dengan bank-bank dan institusi-institusi kewangan lain | 4 | **541,106** | 673,888 | **–** | – |
| Pelaburan kewangan | 5 | **15,748,054** | 14,793,641 | **8,956,355** | 9,126,638 |
| Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan | 6 | **41,262,061** | 37,488,144 | **41,262,061** | 37,488,144 |
| Aset-aset takaful dan takaful semula | 8 | **551,977** | 530,149 | **–** | – |
| Aset-aset lain | 9 | **470,841** | 482,644 | **304,121** | 309,379 |
| Pelaburan dalam subsidiari | 10 | **–** | – | **53,000** | 53,000 |
| Pelaburan dalam syarikat bersekutu | 11 | **121,498** | 119,311 | **186,077** | 148,877 |
| Hartanah, loji dan peralatan | 12 | **479,477** | 463,628 | **455,913** | 439,333 |
| Hak penggunaan aset | 13 | **139,906** | 140,687 | **92,689** | 83,249 |
| Hartanah pelaburan | 14 | **51,680** | 52,865 | **51,680** | 52,865 |
| Bayaran pajakan terdahulu | 15 | **84,217** | 85,477 | **82,800** | 84,043 |
| Aset tak ketara | 16 | **288,988** | 275,106 | **107,860** | 108,997 |
| Cukai boleh pulih | 27 | **38,385** | 33,839 | **49,434** | 27,307 |
| Aset cukai tertunda | 28 | **72,454** | 73,605 | **72,454** | 73,605 |
| **JUMLAH ASET** | | **62,214,865** | 57,039,444 | **53,638,757** | 49,371,637 |
| **LIABILITI** | | | | | |
| Deposit daripada pelanggan | 17 | **31,520,082** | 30,646,597 | **31,674,854** | 30,791,851 |
| Akaun pelaburan oleh pelanggan | 18 | **3,817,220** | 3,651,938 | **3,817,220** | 3,651,938 |
| Deposit dan penempatan oleh bank-bank dan institusi-institusi kewangan lain | 19 | **6,382,084** | 5,474,019 | **6,382,084** | 5,474,019 |
| Sukuk | 20 | **2,702,013** | 803,614 | **2,623,613** | 754,614 |
| Kewajipan rekursa ke atas pembiayaan dijual kepada Cagamas | 21 | **1,355,518** | 1,005,677 | **1,355,518** | 1,005,677 |
| Pendapatan tertunda | 22 | **1,848,758** | 1,881,070 | **1,848,758** | 1,881,070 |
| Obligasi manfaat persaraan | 23 | **162,398** | 185,228 | **162,398** | 185,228 |
| Pinjaman daripada Bank Negara Malaysia | 24 | **333,731** | 254,892 | **333,731** | 254,892 |
| Liabiliti-liabiliti takaful dan takaful semula | 8 | **6,401,758** | 5,551,602 | **–** | – |
| Liabiliti pajakan | 25 | **144,900** | 145,096 | **88,588** | 79,306 |
| Liabiliti-liabiliti lain | 26 | **1,214,406** | 1,443,936 | **1,180,342** | 1,292,299 |
| Peruntukan untuk zakat | 27 | **3,454** | 3,454 | **3,454** | 3,454 |
| Liabiliti cukai tertunda | 28 | **403,646** | 347,610 | **–** | – |
| **JUMLAH LIABILITI** | | **56,289,968** | 51,394,733 | **49,470,560** | 45,374,348 |
| **EKUITI** | | | | | |
| Keuntungan terkumpul | | **2,543,307** | 2,431,875 | **1,743,820** | 1,670,824 |
| Rizab-rizab lain | | **2,426,302** | 2,328,390 | **2,424,377** | 2,326,465 |
| Jumlah rizab | | **4,969,609** | 4,760,265 | **4,168,197** | 3,997,289 |
| Kepentingan tak mengawal terkumpul | | **955,288** | 884,446 | **–** | – |
| **JUMLAH EKUITI** | | **5,924,897** | 5,644,711 | **4,168,197** | 3,997,289 |
| **JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI** | | **62,214,865** | 57,039,444 | **53,638,757** | 49,371,637 |
| **KOMITMEN DAN LUAR JANGKA** | 42 | **3,592,564** | 3,521,399 | **3,588,303** | 3,517,924 |

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

# PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

| | Nota | KUMPULAN 2024 RM'000 | KUMPULAN 2023 RM'000 | BANK 2024 RM'000 | BANK 2023 RM'000 |
|---|---|---|---|---|---|
| **Hasil** | 29 | **6,062,938** | 4,705,285 | **2,750,092** | 2,464,051 |
| Pendapatan faedah | 30 | **574,326** | 608,358 | **433,904** | 481,358 |
| Perbelanjaan faedah | 31 | **(82,404)** | (92,199) | **(93,596)** | (100,507) |
| **Pendapatan faedah bersih** | | **491,922** | 516,159 | **340,308** | 380,851 |
| Pendapatan fi dan komisen | 32 | **47,750** | 49,307 | **86,073** | 95,318 |
| Pendapatan operasi lain | 33 | **701,963** | 191,932 | **109,084** | 72,725 |
| Perbelanjaan operasi lain | 34 | **(163,834)** | (70,680) | **(49,630)** | (36,487) |
| Hasil perkhidmatan takaful | 35 | **919,757** | 661,494 | **–** | – |
| Keputusan kewangan bersih takaful | 36 | **(656,184)** | (131,389) | **–** | – |
| Pendapatan bersih daripada operasi perbankan Islam | 46 | **1,128,501** | 960,473 | **1,128,501** | 960,473 |
| **Jumlah pendapatan bersih** | | **2,469,875** | 2,177,296 | **1,614,336** | 1,472,880 |
| Perbelanjaan kakitangan | 37 | **(920,401)** | (791,642) | **(769,712)** | (663,947) |
| Overhed lain | 38 | **(937,591)** | (801,836) | **(471,580)** | (412,713) |
| **Keuntungan operasi sebelum elaun rosotnilai** | | **611,883** | 583,818 | **373,044** | 396,220 |
| (Elaun)/Masuk kira semula bagi rosotnilai ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan | 39 | **(37,171)** | 62,974 | **(37,171)** | 62,974 |
| Elaun bagi rosotnilai ke atas pelaburan dalam syarikat bersekutu | 11 | **(696)** | (97) | **–** | – |
| **Keuntungan operasi selepas elaun rosotnilai** | | **574,016** | 646,695 | **335,873** | 459,194 |
| Bahagian kerugian selepas cukai bagi syarikat bersekutu | 11 | **(40,422)** | (9,101) | **–** | – |
| **Keuntungan sebelum cukai dan zakat** | | **533,594** | 637,594 | **335,873** | 459,194 |
| Cukai | 40 | **(176,878)** | (104,118) | **(82,880)** | (45,187) |
| Zakat | 27 | **(3,550)** | (4,288) | **(3,000)** | (3,000) |
| **Keuntungan bersih bagi tahun semasa** | | **353,166** | 529,188 | **249,993** | 411,007 |
| Keuntungan bersih bagi tahun semasa boleh diagihkan kepada: | | | | | |
| Pemilik Bank | | **282,324** | 466,719 | **249,993** | 411,007 |
| Kepentingan tak mengawal | 10 | **70,842** | 62,469 | **–** | – |
| Keuntungan bersih bagi tahun semasa | | **353,166** | 529,188 | **249,993** | 411,007 |

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

# PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

| | Nota | KUMPULAN 2024 RM'000 | KUMPULAN 2023 RM'000 | BANK 2024 RM'000 | BANK 2023 RM'000 |
|---|---|---|---|---|---|
| Keuntungan bersih pada tahun semasa | | **353,166** | 529,188 | **249,993** | 411,007 |
| **(Kerugian)/Pendapatan komprehensif lain, selepas cukai dan cukai tertunda:** | | | | | |
| Item yang tidak akan diklasifikasi semula kepada untung atau rugi: | | | | | |
| Pengukuran semula obligasi manfaat ditentukan | | **–** | 23,663 | **–** | 23,663 |
| Bahagian pendapatan komprehensif lain dalam syarikat bersekutu | | **6,105** | 1,424 | **–** | – |
| Item yang mungkin akan diklasifikasi semula kepada untung atau rugi: | | | | | |
| Perubahan bersih dalam nilai saksama bagi pelaburan kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain | | **(27,085)** | 178,327 | **(27,085)** | 178,327 |
| (Kerugian)/Pendapatan komprehensif lain pada tahun semasa, selepas cukai dan cukai tertunda | | **(20,980)** | 203,414 | **(27,085)** | 201,990 |
| **Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa** | | **332,186** | 732,602 | **222,908** | 612,997 |
| Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa boleh diagihkan kepada: | | | | | |
| Pemilik Bank | | **261,344** | 670,133 | **222,908** | 612,997 |
| Kepentingan tak mengawal | 10 | **70,842** | 62,469 | **–** | – |
| Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa | | **332,186** | 732,602 | **222,908** | 612,997 |

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

# PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

**KUMPULAN**

| | | Milik pemegang ekuiti Bank | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | *Tidak boleh diagih* | | | | *Boleh diagih* | | | | |
| | Nota | Rizab Am* RM'000 | Rizab Modal** RM'000 | Rizab Nilai Saksama RM'000 | Rizab Pematuhan*** RM'000 | Rizab Penilaian Semula RM'000 | Keuntungan Terkumpul RM'000 | Jumlah Rizab RM'000 | Kepentingan Tak Mengawal RM'000 | Jumlah Ekuiti RM'000 |
| **Pada 1 Januari 2023** | | 100,000 | 1,784,515 | (73,163) | 131,283 | 1,925 | 2,175,572 | 4,120,132 | 821,977 | 4,942,109 |
| Keuntungan bersih pada tahun semasa | | – | – | – | – | – | 466,719 | 466,719 | 62,469 | 529,188 |
| Pendapatan komprehensif lain pada tahun semasa | | – | – | 178,327 | – | – | 25,087 | 203,414 | – | 203,414 |
| **Jumlah pendapatan komprehensif** | | – | – | 178,327 | – | – | 491,806 | 670,133 | 62,469 | 732,602 |
| Dividen dibayar | 47 | – | – | – | – | – | (30,000) | (30,000) | – | (30,000) |
| Pindahan ke rizab modal | | – | 205,503 | – | – | – | (205,503) | – | – | – |
| **Pada 31 Disember 2023** | | 100,000 | 1,990,018 | 105,164 | 131,283 | 1,925 | 2,431,875 | 4,760,265 | 884,446 | 5,644,711 |
| **Pada 1 Januari 2024** | | **100,000** | **1,990,018** | **105,164** | **131,283** | **1,925** | **2,431,875** | **4,760,265** | **884,446** | **5,644,711** |
| Keuntungan bersih pada tahun semasa | | **–** | **–** | **–** | **–** | **–** | **282,324** | **282,324** | **70,842** | **353,166** |
| (Kerugian)/Pendapatan komprehensif lain pada tahun semasa | | **–** | **–** | **(27,085)** | **–** | **–** | **6,105** | **(20,980)** | **–** | **(20,980)** |
| **Jumlah (kerugian)/pendapatan komprehensif pada tahun semasa** | | **–** | **–** | **(27,085)** | **–** | **–** | **288,429** | **261,344** | **70,842** | **332,186** |
| Dividen dibayar | 47 | **–** | **–** | **–** | **–** | **–** | **(52,000)** | **(52,000)** | **–** | **(52,000)** |
| Pindahan ke rizab modal | | **–** | **124,997** | **–** | **–** | **–** | **(124,997)** | **–** | **–** | **–** |
| **Pada 31 Disember 2024** | | **100,000** | **2,115,015** | **78,079** | **131,283** | **1,925** | **2,543,307** | **4,969,609** | **955,288** | **5,924,897** |

* Rizab am merupakan suntikan modal oleh Kementerian Kewangan.

** Rizab modal dikekalkan selaras dengan keperluan Seksyen 39 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, dengan memindahkan 50% (2023: 50%) daripada keuntungan selepas cukai dan zakat. Keperluan minima bagi peruntukan rizab berkenaan dinyatakan dalam Nota 45(b)(vi).

*** Rizab pematuhan mewakili pematuhan Kumpulan dan Bank dengan Dokumen Dasar BNM yang disemak semula mengenai Pelaporan Kewangan dan Pelaporan Kewangan bagi Institusi Perbankan Islam yang berkuatkuasa mulai 1 Julai 2018, di mana anak syarikat perbankan domestik perlu mengekalkan, secara agregat, peruntukan kerugian bagi pendedahan bukan kredit terjejas dan rizab pematuhan tidak kurang daripada 1% daripada jumlah pendedahan kredit, setelah ditolak peruntukan kerugian bagi pendedahan yang mengalami kerugian.

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

# PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

| BANK | | Milik pemegang ekuiti Bank | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | *Tidak boleh diagih* | | | | *Boleh diagih* | |
| | Nota | Rizab Am* RM'000 | Rizab Modal** RM'000 | Rizab Nilai Saksama RM'000 | Rizab Pematuhan*** RM'000 | Keuntungan Terkumpul RM'000 | Jumlah Rizab RM'000 |
| **Pada 1 Januari 2023** | | 100,000 | 1,784,515 | (73,163) | 131,283 | 1,471,657 | 3,414,292 |
| Keuntungan bersih pada tahun semasa | | – | – | – | – | 411,007 | 411,007 |
| Pendapatan komprehensif lain pada tahun semasa | | – | – | 178,327 | – | 23,663 | 201,990 |
| **Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa** | | – | – | 178,327 | – | 434,670 | 612,997 |
| Dividen dibayar | 47 | – | – | – | – | (30,000) | (30,000) |
| Pindahan ke rizab modal | | – | 205,503 | – | – | (205,503) | – |
| **Pada 31 Disember 2023** | | 100,000 | 1,990,018 | 105,164 | 131,283 | 1,670,824 | 3,997,289 |
| **Pada 1 Januari 2024** | | **100,000** | **1,990,018** | **105,164** | **131,283** | **1,670,824** | **3,997,289** |
| Keuntungan bersih pada tahun semasa | | **–** | **–** | **–** | **–** | **249,993** | **249,993** |
| Kerugian komprehensif lain pada tahun semasa | | **–** | **–** | **(27,085)** | **–** | **–** | **(27,085)** |
| **Jumlah (kerugian)/ pendapatan komprehensif pada tahun semasa** | | **–** | **–** | **(27,085)** | **–** | **249,993** | **222,908** |
| Dividen dibayar | 47 | **–** | **–** | **–** | **–** | **(52,000)** | **(52,000)** |
| Pindahan ke rizab modal | | **–** | **124,997** | **–** | **–** | **(124,997)** | **–** |
| **Pada 31 Disember 2024** | | **100,000** | **2,115,015** | **78,079** | **131,283** | **1,743,820** | **4,168,197** |

* Rizab am merupakan suntikan modal oleh Kementerian Kewangan.

** Rizab modal dikekalkan selaras dengan keperluan Seksyen 39 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, dengan memindahkan 50% (2023: 50%) daripada keuntungan selepas cukai dan zakat. Keperluan minima bagi peruntukan rizab berkenaan dinyatakan dalam Nota 45(b)(vi).

*** Rizab pematuhan mewakili pematuhan Kumpulan dan Bank dengan Dokumen Dasar BNM yang disemak semula mengenai Pelaporan Kewangan dan Pelaporan Kewangan bagi Institusi Perbankan Islam yang berkuatkuasa mulai 1 Julai 2018, di mana anak syarikat perbankan domestik perlu mengekalkan, secara agregat, peruntukan kerugian bagi pendedahan bukan kredit terjejas dan rizab pematuhan tidak kurang daripada 1% daripada jumlah pendedahan kredit, setelah ditolak peruntukan kerugian bagi pendedahan yang mengalami kerugian.

# PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

| | KUMPULAN | | BANK | |
|---|---|---|---|---|
| | 2024 RM'000 | 2023 RM'000 | 2024 RM'000 | 2023 RM'000 |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI** | | | | |
| Keuntungan sebelum cukai dan zakat | **533,594** | 637,594 | **335,873** | 459,194 |
| Pelarasan untuk: | | | | |
| Pertambahan bersih diskaun ditolak pelunasan premium | **(23,448)** | (22,334) | **(23,448)** | (22,334) |
| Susut nilai atas hartanah, loji dan peralatan | **60,912** | 65,470 | **57,804** | 61,810 |
| Susut nilai atas hak penggunaan aset | **25,192** | 25,809 | **20,714** | 20,102 |
| Susut nilai atas hartanah pelaburan | **1,185** | 1,229 | **1,185** | 1,229 |
| Pelunasan pembayaran pajakan prabayar | **1,260** | 1,259 | **1,243** | 1,242 |
| Pelunasan aset tak ketara | **48,394** | 48,088 | **28,018** | 29,726 |
| Hartanah, loji dan peralatan dihapus kira | **414** | 1,449 | **384** | 1,421 |
| Aset tak ketara dihapus kira | **3,846** | 138 | **–** | – |
| Pengubahsuaian ke atas hak penggunaan aset | **6,138** | – | **–** | – |
| Elaun bagi rosotnilai ke atas hartanah, loji dan peralatan | **–** | (3,910) | **–** | (3,910) |
| Keuntungan bersih ke atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan | **(57)** | (157) | **(57)** | (157) |
| Keuntungan bersih ke atas penyahiktirafan hak penggunaan aset | **(2,629)** | (2,702) | **(2,629)** | (2,702) |
| Elaun bagi rosotnilai ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan | **(147)** | (81,530) | **(147)** | (81,530) |
| Elaun bagi rosotnilai ke atas pelaburan dalam syarikat bersekutu | **696** | 97 | **–** | – |
| Hutang lapuk dihapus kira | **59,407** | 50,505 | **59,407** | 50,505 |
| Bahagian kerugian selepas cukai bagi syarikat bersekutu | **40,422** | 9,101 | **–** | – |
| Keuntungan bersih daripada pelaburan kewangan | **(529,621)** | (54,792) | **(61,704)** | (50,148) |
| Perbelanjaan keuntungan bagi sukuk | **65,704** | 26,868 | **65,704** | 26,868 |
| Perbelanjaan keuntungan bagi pembiayaan yang dijual bagi rekursa kepada Cagamas | **48,162** | 5,678 | **48,162** | 5,678 |
| Kos kewangan ke atas liabiliti pajakan | **5,816** | 6,493 | **3,505** | 3,335 |
| Kos kewangan ke atas kos baik pulih | **366** | 360 | **366** | 360 |
| Manfaat perubatan selepas persaraan | **(19,459)** | (96,644) | **(19,459)** | (96,644) |
| Manfaat persaraan gratuiti | **11,030** | 11,180 | **11,030** | 11,180 |
| Manfaat persaraan cuti terkumpul | **1,790** | 1,759 | **1,790** | 1,759 |
| Pendapatan dividen | **(111,140)** | (101,402) | **(4,489)** | (8) |
| Penggunaan geran kerajaan | **(23,008)** | (3,245) | **(23,008)** | (3,245) |
| Untung operasi sebelum perubahan modal kerja | **204,819** | 526,361 | **500,244** | 413,731 |
| Perubahan dalam deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain | **132,782** | 328,944 | **–** | – |
| Perubahan dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan | **(3,834,138)** | (2,813,143) | **(3,834,138)** | (2,813,143) |
| Perubahan dalam aset-aset takaful dan takaful semula | **(21,828)** | (49,532) | **–** | – |
| Perubahan dalam aset-aset lain | **(2,776)** | 25,483 | **(9,321)** | 40,730 |
| Perubahan dalam deposit daripada pelanggan | **873,485** | 2,876,586 | **883,003** | 3,017,240 |
| Perubahan akaun pelaburan oleh pelanggan | **165,282** | (59,528) | **165,282** | (59,528) |
| Perubahan dalam deposit dan penempatan oleh bank dan institusi kewangan lain | **908,065** | (1,419,060) | **908,065** | (1,419,060) |
| Perubahan dalam liabiliti-liabiliti takaful dan takaful semula | **850,156** | 587,799 | **–** | – |
| Perubahan dalam liabiliti-liabiliti lain | **(235,273)** | 241,200 | **(111,562)** | 188,253 |
| Aliran tunai (digunakan dalam)/dihasilkan daripada operasi | **(959,426)** | 245,110 | **(1,498,427)** | (631,777) |
| Cukai dibayar | **(115,684)** | (112,681) | **(95,303)** | (95,304) |
| Cukai dikembalikan | **–** | 17,193 | **–** | 17,193 |
| Zakat dibayar | **(3,350)** | (3,888) | **(2,800)** | (2,600) |
| Manfaat perubatan selepas persaraan dibayar | **(5,587)** | (56,020) | **(5,587)** | (56,020) |
| Manfaat persaraan gratuiti dibayar | **(9,620)** | (9,382) | **(9,620)** | (9,382) |
| Manfaat persaraan cuti terkumpul dibayar | **(984)** | (833) | **(984)** | (833) |
| Tunai bersih (digunakan dalam)/dihasilkan daripada aktiviti operasi | **(1,094,651)** | 79,499 | **(1,612,721)** | (778,723) |

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

# PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

| | KUMPULAN | | BANK | |
|---|---|---|---|---|
| | 2024 RM'000 | 2023 RM'000 | 2024 RM'000 | 2023 RM'000 |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN** | | | | |
| Pelaburan dalam syarikat bersekutu | **(37,200)** | (3,000) | **(37,200)** | (3,000) |
| Penerimaan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan | **820** | 279 | **121** | 275 |
| Pembelian hartanah, loji dan peralatan | **(72,634)** | (59,153) | **(70,144)** | (58,349) |
| Pembelian hartanah pelaburan | **–** | (20) | **–** | (20) |
| Pembelian aset tak ketara | **(71,951)** | (79,024) | **(32,094)** | (45,207) |
| (Pembelian pelaburan kewangan)/Penerimaan bersih daripada pelupusan pelaburan kewangan | **(436,982)** | (633,007) | **219,797** | 184,188 |
| Dividen diterima | **111,140** | 101,402 | **4,489** | 8 |
| Tunai bersih (digunakan dalam)/dihasilkan daripada aktiviti pelaburan | **(506,807)** | (672,523) | **84,969** | 77,895 |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | | | |
| Penerimaan daripada sukuk | **1,918,400** | 49,000 | **1,918,400** | – |
| Pembayaran balik sukuk | **(20,001)** | – | **(49,401)** | – |
| Perbelanjaan keuntungan dibayar ke atas sukuk | **(65,704)** | (26,831) | **(65,704)** | (26,831) |
| Penerimaan bagi pembiayaan yang dijual dengan kewajipan rekursa kepada Cagamas | **500,000** | 999,999 | **500,000** | 999,999 |
| Pembayaran balik pembiayaan yang dijual dengan kewajipan rekursa kepada Cagamas | **(150,159)** | – | **(150,159)** | – |
| Keuntungan dibayar kepada pembiayaan yang dijual bagi rekursa kepada Cagamas | **(48,162)** | – | **(48,162)** | – |
| Penerimaan geran daripada Kerajaan | **5,800** | 966 | **5,800** | 966 |
| Penerimaan pinjaman daripada Bank Negara Malaysia | **85,318** | – | **85,318** | – |
| Pembayaran balik pinjaman daripada Bank Negara Malaysia | **(6,479)** | (48,485) | **(6,479)** | (48,485) |
| Pembayaran balik liabiliti pajakan | **(27,794)** | (27,831) | **(21,748)** | (20,862) |
| Dividen dibayar kepada Kerajaan | **(52,000)** | (30,000) | **(52,000)** | (30,000) |
| Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti pembiayaan | **2,139,219** | 916,818 | **2,115,865** | 874,787 |
| **PENINGKATAN BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI** | **537,761** | 323,794 | **588,113** | 173,959 |
| **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN** | **1,826,460** | 1,502,666 | **1,376,200** | 1,202,241 |
| **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN** | **2,364,221** | 1,826,460 | **1,964,313** | 1,376,200 |
| **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DIWAKILI OLEH:** | | | | |
| Tunai dan dana jangka pendek | **2,364,221** | 1,826,460 | **1,964,313** | 1,376,200 |

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

# PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

**PERUBAHAN LIABILITI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN:**

| KUMPULAN | 1 Januari 2024 RM'000 | Aliran Tunai RM'000 | Perubahan Bukan Tunai RM'000 | 31 Disember 2024 RM'000 |
|---|---|---|---|---|
| Sukuk | **803,614** | **1,832,695** | **65,704** | **2,702,013** |
| Kewajipan rekursa bagi pembiayaan dijual kepada Cagamas | **1,005,677** | **301,679** | **48,162** | **1,355,518** |
| Pendapatan tertunda | **1,881,070** | **5,800** | **(38,112)** | **1,848,758** |
| Pinjaman daripada Bank Negara Malaysia | **254,892** | **78,839** | **–** | **333,731** |
| Liabiliti pajakan | **145,096** | **(27,794)** | **27,598** | **144,900** |
| Jumlah liabiliti daripada aktiviti pembiayaan | **4,090,349** | **2,191,219** | **103,352** | **6,384,920** |

| | 1 Januari 2023 RM'000 | Aliran Tunai RM'000 | Perubahan Bukan Tunai RM'000 | 31 Disember 2023 RM'000 |
|---|---|---|---|---|
| Sukuk | 754,577 | 22,169 | 26,868 | 803,614 |
| Kewajipan rekursa bagi pembiayaan dijual kepada Cagamas | – | 999,999 | 5,678 | 1,005,677 |
| Pendapatan tertunda | 1,979,086 | 966 | (98,982) | 1,881,070 |
| Pinjaman daripada Bank Negara Malaysia | 300,676 | (48,485) | 2,701 | 254,892 |
| Liabiliti pajakan | 152,394 | (27,831) | 20,533 | 145,096 |
| Jumlah liabiliti daripada aktiviti pembiayaan | 3,186,733 | 946,818 | (43,202) | 4,090,349 |

| BANK | 1 Januari 2024 RM'000 | Aliran Tunai RM'000 | Perubahan Bukan Tunai RM'000 | 31 Disember 2024 RM'000 |
|---|---|---|---|---|
| Sukuk | **754,614** | **1,803,295** | **65,704** | **2,623,613** |
| Kewajipan rekursa bagi pembiayaan dijual kepada Cagamas | **1,005,677** | **301,679** | **48,162** | **1,355,518** |
| Pendapatan tertunda | **1,881,070** | **5,800** | **(38,112)** | **1,848,758** |
| Pinjaman daripada Bank Negara Malaysia | **254,892** | **78,839** | **–** | **333,731** |
| Liabiliti pajakan | **79,306** | **(21,748)** | **31,030** | **88,588** |
| Jumlah liabiliti daripada aktiviti pembiayaan | **3,975,559** | **2,167,865** | **106,784** | **6,250,208** |

| | 1 Januari 2023 RM'000 | Aliran Tunai RM'000 | Perubahan Bukan Tunai RM'000 | 31 Disember 2023 RM'000 |
|---|---|---|---|---|
| Sukuk | 754,577 | (26,831) | 26,868 | 754,614 |
| Kewajipan rekursa bagi pembiayaan dijual kepada Cagamas | _ | 999,999 | 5,678 | 1,005,677 |
| Pendapatan tertunda | 1,979,086 | 966 | (98,982) | 1,881,070 |
| Pinjaman daripada Bank Negara Malaysia | 300,676 | (48,485) | 2,701 | 254,892 |
| Liabiliti pajakan | 82,793 | (20,862) | 17,375 | 79,306 |
| Jumlah liabiliti daripada aktiviti pembiayaan | 3,117,132 | 904,787 | (46,360) | 3,975,559 |

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA DAN MAKLUMAT AM

Bank Simpanan Nasional ("Bank") ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974 dan bermastautin di Malaysia. Pejabat berdaftar Bank adalah di Wisma BSN, 117, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

Penyata kewangan yang disatukan pada dan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 terdiri daripada Bank dan subsidiarinya (dirujuk bersama sebagai "Kumpulan") dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu. Penyata kewangan Bank pada dan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 tidak termasuk entiti-entiti lain.

Aktiviti-aktiviti utama Bank adalah untuk menjalankan fungsi sebuah bank simpanan iaitu menerima deposit dan memberi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kepada pelanggan termasuk operasi perbankan Islam.

Aktiviti-aktiviti utama subsidiari dan syarikat bersekutu dinyatakan masing-masing di Nota 10 dan 11.

Tiada sebarang perubahan ketara dalam aktiviti-aktiviti utama sepanjang tahun kewangan.

Penyata kewangan ini telah diluluskan dan dibenarkan untuk diterbitkan oleh Lembaga Pengarah pada 17 Mac 2025.

## 1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

### (a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS") yang diterbikan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS"), Garis Panduan diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia, Pekeliling Perbendaharaan, Akta Bank Simpanan Nasional 1974, Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 ("DFIA"), Garis Panduan/Pekeliling Takaful yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ("IFSA") dan keperluan Syariah, di mana berkenaan.

Penyata kewangan bagi subsidiari telah disediakan menurut MFRS, IFRS dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Bagi tahun kewangan semasa, Kumpulan dan Bank telah menerimapakai kesemua pindaan kepada MFRS yang telah diterbitkan oleh MASB yang berkaitan dengan operasi dan berkuat kuasa untuk tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2024.

***Pindaan telah berkuat kuasa untuk tempoh tahunan semasa***

- Pindaan kepada MFRS 16, *Pajakan – Liabiliti Pajakan dalam Jualan dan Pajakan Semula*
- Pindaan kepada MFRS 101, *Pembentangan Penyata Kewangan – Liabiliti Bukan Semasa dengan Perjanjian dan Klasifikasi Liabiliti sebagai Semasa atau Bukan Semasa*
- Pindaan kepada MFRS 107 dan MFRS 7, *Pendedahan: Penjanjian Pembekal Kewangan*

Berikut adalah piawaian perakaunan dan pindaan MFRS yang telah diterbitkan oleh MASB tetapi belum diterima pakai oleh Kumpulan dan Bank.

***Pindaan berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2025***

- Pindaan kepada MFRS 121, *Kesan Perubahan dalam Kadar Pertukaran Asing – Pengurangan Pertukaran*

***Pindaan berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2026***

- Pindaan kepada MFRS 9 dan MFRS 7, *Klasifikasi dan Pengukuran Instrumen Kewangan*
- Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian Perakaunan IFRS – Jilid 11

***Piawaian perakaunan berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2027***

- MFRS 18, *Pembentangan dan Pendedahan dalam Penyata Kewangan*
- MFRS 19, *Pendedahan: Subsidiari Tanpa Akauntibiliti Awam*

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (Sambungan)

### (a) Penyata pematuhan (Sambungan)

Kumpulan dan Bank telah merancang untuk menggunakan piawaian perakaunan, tafsiran dan pindaan yang dinyatakan di atas:

- dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2025 untuk piawaian perakaunan dan pindaan yang berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2025.
- dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2026 untuk piawaian perakaunan dan pindaan yang berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2026.
- dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2027 untuk piawaian perakaunan dan pindaan yang berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2027.

Penggunaan awal piawaian perakaunan, tafsiran atau pindaan dijangka tidak mempunyai sebarang kesan kewangan material kepada penyata kewangan Kumpulan dan Bank.

### (b) Asas Pengukuran

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank telah disediakan berdasarkan kos sejarah, kecuali untuk aset dan instrumen kewangan tertentu yang diukur pada jumlah dinilai semula atau nilai saksama pada akhir tempoh pelaporan, seperti yang dijelaskan dalam Nota 2.

Kos sejarah secara umumnya adalah berasaskan nilai saksama ke atas ganjaran yang diberi di dalam pertukaran aset.

Nilai saksama adalah harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urusniaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran, tidak kira sama ada harga tersebut boleh diperhatikan secara langsung atau dianggarkan dengan menggunakan teknik penilaian lain. Dalam menganggarkan nilai saksama aset atau liabiliti, Kumpulan mengambil kira ciri-ciri aset atau liabiliti jika peserta pasaran mengambil kira ciri-ciri tersebut dalam menentukan harga aset atau liabiliti pada tarikh pengukuran. Nilai saksama untuk pengukuran dan/atau untuk tujuan pendedahan di dalam penyata kewangan disatukan ditetapkan atas dasar tersebut kecuali untuk transaksi pembayaran berasaskan saham yang berada di dalam skop MFRS 2, urusniaga pemajakan yang berada di dalam skop MFRS 16 dan pengukuran yang mempunyai persamaan dengan nilai saksama tetapi bukan dinilai pada nilai saksama, seperti nilai boleh direalisasi di dalam MFRS 102 atau nilai kegunaan di dalam MFRS 136.

Di samping itu, untuk tujuan laporan kewangan, pengukuran nilai saksama dikategorikan kepada Tahap 1, 2 atau 3 berdasarkan tahap input kepada pengukuran nilai saksama yang boleh diperhatikan dan tahap signifikan input kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan yang dihuraikan seperti berikut:

- Tahap 1 - harga disebut (tidak dilaras) dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang sama di mana entiti boleh mengaksesnya pada tarikh pengukuran;
- Tahap 2 - input, selain daripada harga disebut yang termasuk dalam Tahap 1, yang boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti, sama ada secara langsung atau tidak langsung; dan
- Tahap 3 - input yang tidak boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti.

Kumpulan dan Bank mengenal pasti pemindahan antara hierarki nilai saksama pada tarikh peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menyebabkan pemindahan.

### (c) Mata wang fungsian dan pembentangan

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang merupakan mata wang fungsian Kumpulan dan Bank. Semua maklumat kewangan dibentangkan dalam RM dan telah dibundarkan kepada ribu terdekat, melainkan dinyatakan sebaliknya.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (Sambungan)

### (d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Dalam penyediaan penyata kewangan mengikut MFRS, pengurusan dikehendaki membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian asas disemak semula secara berterusan. Semakan ke atas anggaran perakaunan diiktiraf dalam penyata kewangan dalam tempoh di mana anggaran itu disemak semula dan dalam mana-mana tempoh akan datang yang terkesan.

Tiada bahagian penting penganggaran, ketidakpastian dan pertimbangan kritikal yang digunakan dalam mengguna pakai dasar perakaunan yang mempunyai kesan penting dalam menentukan jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan selain daripada seperti berikut:

#### (i) Kerugian rosotnilai ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

Kumpulan dan Bank menyemak pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan mereka pada akhir tempoh pelaporan untuk menilai sama ada kerugian rosot nilai perlu direkodkan dalam untung atau rugi. Khususnya, pertimbangan pengurusan diperlukan dalam anggaran jumlah dan masa aliran tunai masa hadapan apabila menentukan kerugian kemerosotan nilai. Dalam menganggar aliran tunai ini, Kumpulan dan Bank membuat pertimbangan tentang keadaan kewangan peminjam atau pelanggan dan nilai boleh realisasi bersih cagaran. Anggaran ini adalah berdasarkan andaian pada beberapa faktor dan keputusan sebenar yang mungkin berbeza, menyebabkan perubahan pada masa hadapan kepada elaun.

Pengiraan kerugian kredit dijangka ("ECL") bagi Kumpulan dan Bank berdasarkan MFRS 9 adalah hasil daripada model yang kompleks dengan beberapa andaian asas mengenai pilihan input pemboleh ubah dan kebergantungan mereka. Elemen model ECL yang merupakan pertimbangan dan anggaran perakaunan termasuk:

- Kriteria untuk menilai jika terdapat peningkatan yang ketara dalam risiko kredit dan penilaian kualitatif lain, untuk menentukan sama ada peruntukan harus dikira menggunakan dasar ECL sepanjang hayat;
- Segmentasi aset kewangan, apabila ECL mereka dinilai secara basis kolektif;
- Pembangunan model ECL, termasuk pelbagai formula yang diterapkan dan pilihan-pilihan input;
- Penentuan kolerasi antara senario makroekonomi, dan input ekonomi atau Pembolehubah Makroekonomi ("MEV"), seperti Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK"), tahap pengangguran, Indeks Harga Pengguna ("IHP") dan nilai cagaran serta kesan ke atas Kebarangkalian Ingkar ("PD"), Kerugian Akibat Kemungkiran ("LGD") dan model Pendedahan Pada Ingkar ("EAD").

Bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang tertunggak lama lebih daripada satu hingga dua tahun, kerugian rosot nilai akan diiktiraf sepenuhnya.

#### (ii) Kepentingan terjejas dalam syarikat bersekutu

Kumpulan dan Bank menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa kepentingan dalam syarikat bersekutu mungkin terjejas pada setiap tarikh akhir pelaporan.

Jika terdapat sebarang petunjuk, pelaburan ini tertakluk kepada semakan rosot nilai yang terdiri daripada perbandingan jumlah bawaan pelaburan dan anggaran jumlah boleh pulih pelaburan.

Pertimbangan yang dibuat oleh pihak pengurusan dalam proses menggunakan dasar perakaunan Kumpulan dan Bank berkenaan dengan kepentingan dalam syarikat bersekutu adalah seperti berikut:

- Kumpulan dan Bank menentukan sama ada pelaburannya terjejas berikutan tanda-tanda kemerosotan nilai tertentu seperti, antara lain, perubahan ketara dengan kesan buruk ke atas pelaburan dan kemerosotan prestasi kewangan pelaburan disebabkan oleh perubahan yang diperhatikan dalam persekitaran ekonomi; dan
- Bergantung pada sifat dan lokasi pelaburan berkaitan, pertimbangan dibuat oleh pihak pengurusan untuk memilih kaedah penilaian yang sesuai seperti, antara lain, aliran tunai masa hadapan yang didiskaun atau anggaran nilai saksama berdasarkan harga pasaran disebut harga urus niaga terkini.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (Sambungan)

### (d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan (Sambungan)

#### (iii) Anggaran nilai saksama instrumen kewangan

Apabila nilai saksama instrumen kewangan yang direkodkan dalam penyata kedudukan kewangan tidak boleh diukur berdasarkan harga disebut harga dalam pasaran aktif, nilai saksamanya diukur menggunakan teknik penilaian. Teknik penilaian termasuk kaedah aliran tunai didiskaun, model penentuan harga opsyen dan model penilaian lain yang berkaitan yang diamalkan oleh industri.

Input kepada model ini diambil daripada pasaran yang boleh diperhatikan jika boleh, tetapi jika ini tidak boleh dilaksanakan, tahap pertimbangan sewajarnya diperlukan dalam mewujudkan nilai saksama.

#### (iv) Aset cukai tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi perbezaan sementara yang boleh ditolak setakat yang berkemungkinan dimana keuntungan yang boleh di cukai pada masa hadapan mencukupi dan tersedia di mana kerugian boleh digunakan. Pertimbangan pengurusan adalah penting dan diperlukan untuk menentukan jumlah aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf, berdasarkan kemungkinan masa dan tahap keuntungan boleh di cukai pada masa hadapan bersama-sama dengan strategi perancangan cukai masa hadapan.

#### (v) Obligasi manfaat persaraan

Nilai semasa pelan manfaat tertakrif dan faedah pekerja jangka panjang lain ditentukan menggunakan penilaian aktuari. Penilaian aktuari melibatkan pelbagai andaian yang mungkin berbeza daripada perkembangan sebenar pada masa hadapan. Ini termasuk penentuan kadar diskaun, kadar inflasi perubatan dan kadar kenaikan gaji. Disebabkan oleh kerumitan penilaian dan sifat jangka panjangnya, obligasi manfaat yang ditentukan adalah sangat sensitif terhadap perubahan dalam andaian ini. Semua andaian disemak pada setiap tarikh akhir pelaporan.

Dalam menentukan kadar diskaun yang sesuai, pihak pengurusan mempertimbangkan kadar faedah bon kerajaan berkualiti tinggi dalam mata wang masing-masing dan kematangan diekstrapolasi sepadan dengan jangkaan obligasi manfaat yang ditentukan.

Dalam menentukan kadar inflasi perubatan yang sesuai, pihak pengurusan mempertimbangkan kadar aliran berdasarkan andaian yang diterima pakai untuk faedah perubatan selepas persaraan entiti lain yang berdasarkan data yang boleh dipercayai.

Dalam menentukan kadar kenaikan gaji yang sesuai, pihak pengurusan mempertimbangkan inflasi harga, produktiviti dan promosi untuk mencerminkan tahap peningkatan dalam pendapatan am dan anugerah kenaikan pangkat.

Butiran lanjut tentang andaian yang digunakan, termasuk analisis sensitiviti, didedahkan dalam Nota 23.

#### (vi) Sijil takaful dan takaful semula

Andaian utama mengenai masa depan dan sumber utama ketidakpastian anggaran lain pada akhir tempoh tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara menyebabkan pelarasan ketara kepada nilai bawaan aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang dibincangkan di bawah. Kumpulan berlandaskan andaian dan anggarannya pada parameter yang tersedia apabila penyata kewangan disediakan. Keadaan dan andaian sedia ada mengenai perkembangan masa depan, walau bagaimanapun, mungkin berubah disebabkan oleh perubahan pasaran atau keadaan yang timbul di luar kawalan Kumpulan. Perubahan sedemikian dicerminkan dalam andaian apabila ia berlaku.

(a) Kaedah yang digunakan untuk mengukur sijil takaful

Kumpulan terutamanya menggunakan unjuran deterministik untuk menganggarkan nilai semasa aliran tunai masa hadapan dan bagi sesetengah kumpulan ia menggunakan teknik pemodelan stokastik.

Andaian berikut digunakan semasa menganggar aliran tunai masa hadapan:

- Kadar mortaliti dan morbiditi

  Kumpulan memperolehi andaian anggaran mortaliti atau morbiditi terbaik bagi setiap jenis produk. Anggaran terbaik ini adalah berdasarkan kepada kajian yang diperolehi daripada portfolio yang sedia ada. Secara praktikal, memandangkan portfolio didominasi oleh jualan perniagaan baharu yang pengalamannya dipengaruhi oleh kesan pemilihan pengunderaitan, andaian anggaran terbaik tidak ditubuhkan sepenuhnya berdasarkan pengalaman portfolio tetapi juga dengan merujuk kepada jadual kadar risiko takaful semula. Amalan pengunderaitan mempengaruhi pengalaman mortaliti dan morbiditi dana. Pemantauan dan pengalaman kajian perlu dilakukan jika terdapat perubahan dalam amalan pengunderaitan.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (Sambungan)

**(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan (Sambungan)**

**(vi) Sijil takaful dan takaful semula (Sambungan)**

(a) Kaedah yang digunakan untuk mengukur sijil takaful (Sambungan)

Andaian berikut digunakan semasa menganggar aliran tunai masa hadapan: (Sambungan)

- Perbelanjaan

  Andaian perbelanjaan operasi mencerminkan kos unjuran untuk menyelenggara sijil berkuat kuasa dan perbelanjaan overhed yang berkaitan. Tahap perbelanjaan semasa diambil sebagai asas perbelanjaan yang sesuai, diselaraskan untuk jangkaan inflasi perbelanjaan dan pertumbuhan saiz perniagaan jika sesuai.

  Peningkatan dalam jangkaan tahap perbelanjaan akan mengurangkan jangkaan keuntungan masa depan Kumpulan.

  Aliran tunai dalam kandungan kontrak termasuk peruntukan overhed tetap dan berubah-ubah yang secara langsung dikaitkan dengan pemenuhan sijil takaful.

- Kegigihan

  Andaian kegigihan ditentukan menggunakan ukuran statistik berdasarkan pengalaman Kumpulan dan berbeza mengikut jenis produk dan tempoh sijil.

  Kegigihan mempunyai kesan kecil kepada dana takaful kerana caj ditolak setiap bulan dan tuntutan dibayar hanya jika sijil berkuat kuasa.

(b) Kadar diskaun

Liabiliti sijil takaful keluarga dikira dengan mendiskaun jangkaan aliran tunai masa hadapan pada kadar bebas risiko, ditambah dengan premium ketidakcairan jika berkenaan. Kadar bebas risiko ditentukan dengan merujuk kepada hasil bon kerajaan yang sangat cair. Premium ketidakcairan ditentukan dengan merujuk kepada kadar pasaran yang boleh diperhatikan, sebagai contoh sekuriti hutang swasta.

(c) Pelarasan risiko bagi risiko bukan kewangan

Pelarasan risiko bagi risiko bukan kewangan mewakili pampasan yang diperlukan oleh Kumpulan untuk menanggung ketidakpastian jumlah dan masa aliran tunai kumpulan sijil takaful dan meliputi risiko takaful, risiko luput dan risiko perbelanjaan. Pelarasan risiko mencerminkan amaun yang pengendali takaful akan bayar secara rasional untuk menghapuskan ketidakpastian bahawa aliran tunai masa hadapan akan melebihi jumlah anggaran terbaik.

Kumpulan telah menganggarkan pelarasan risiko pada tahap keyakinan 75%, yang sejajar dengan keperluan Bank Negara Malaysia di bawah Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko.

(d) Pelunasan Margin Perkhidmatan Kontrak ("CSM")

CSM ialah komponen aset atau liabiliti bagi kumpulan sijil takaful yang mewakili keuntungan belum diperolehi Kumpulan akan mengiktiraf kerana ia menyediakan perkhidmatan pada masa hadapan. Jumlah CSM untuk sekumpulan sijil takaful diiktiraf dalam untung atau rugi sebagai hasil takaful dalam setiap tempoh untuk menggambarkan perkhidmatan yang disediakan di bawah kumpulan sijil takaful dalam tempoh tersebut. Jumlahnya ditentukan oleh:

- Mengenal pasti unit perlindungan dalam kumpulan.
- Memperuntukkan CSM pada akhir tempoh (sebelum mengiktiraf sebarang jumlah dalam untung atau rugi untuk menggambarkan perkhidmatan yang disediakan dalam tempoh tersebut) kepada setiap unit perlindungan yang disediakan dalam tempoh semasa dan dijangka akan disediakan pada masa hadapan.
- Mengiktiraf dalam untung atau rugi amaun yang diperuntukkan kepada unit perlindungan yang disediakan dalam tempoh tersebut.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (Sambungan)

**(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan (Sambungan)**

**(vi) Sijil takaful dan takaful semula (Sambungan)**

(d) Pelunasan Margin Perkhidmatan Kontrak ("CSM") (Sambungan)

Bilangan unit perlindungan dalam kumpulan ialah kuantiti perlindungan yang disediakan oleh sijil dalam kumpulan, yang ditentukan dengan mengambil kira kuantiti manfaat yang diberikan dan jangkaan tempoh perlindungan. Bagi kumpulan kontrak takaful keluarga, kuantiti manfaat ialah jumlah perlindungan yang dipersetujui secara kontrak sepanjang tempoh kontrak. Jumlah unit perlindungan bagi setiap kumpulan sijil takaful dinilai semula pada setiap akhir tempoh pelaporan untuk melaraskan pengurangan baki perlindungan bagi tuntutan yang dibayar, jangkaan luput dan pembatalan sijil dalam tempoh tersebut. Ia kemudiannya diperuntukkan berdasarkan tempoh purata wajaran kebarangkalian bagi setiap unit perlindungan yang disediakan dalam tempoh semasa dan dijangka akan disediakan pada masa hadapan.

## 2. MAKLUMAT PENTING POLISI PERAKAUNAN

Polisi perakaunan yang dinyatakan di bawah telah digunakan secara konsisten untuk semua tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini dan telah digunakan secara konsisten oleh Kumpulan dan Bank, kecuali dinyatakan sebaliknya.

**(a) Asas penyatuan**

**(i) Subsidiari**

Subsidiari ialah entiti, termasuk entiti berstruktur, dikawal oleh Bank. Penyata kewangan subsidiari dimasukkan ke dalam penyata kewangan disatukan dari tarikh kawalan bermula sehingga tarikh kawalan terhenti.

Kumpulan mengawal entiti apabila ia terdedah, atau mempunyai hak, kepada pulangan berubah-ubah daripada penglibatannya dengan entiti dan mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan tersebut melalui kuasanya ke atas entiti. Hak mengundi berpotensi dipertimbangkan apabila menilai kawalan hanya apabila hak tersebut adalah substantif. Kumpulan juga menganggap ia mempunyai kuasa *de facto* ke atas penerima pelaburan apabila, walaupun tidak mempunyai hak mengundi majoriti, ia mempunyai keupayaan semasa untuk mengarahkan aktiviti penerima pelaburan yang memberi kesan ketara kepada pulangan penerima pelaburan.

Pelaburan dalam subsidiari diukur pada penyata kedudukan kewangan Bank pada kos ditolak sebarang kerugian rosot nilai, melainkan pelaburan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan atau pengagihan. Kos pelaburan termasuk kos transaksi.

**(ii) Gabungan perniagaan**

Gabungan perniagaan diambil kira menggunakan kaedah pemerolehan dari tarikh pemerolehan, iaitu tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan.

Untuk pengambilalihan baharu, Kumpulan mengukur kos muhibah pada tarikh pengambilalihan sebagai:

- nilai saksama balasan yang dipindahkan; tambah
- amaun diiktiraf bagi mana-mana kepentingan tak mengawal dalam pihak yang diambil alih; tambah
- jika gabungan perniagaan dicapai secara berperingkat, nilai saksama kepentingan ekuiti sedia ada dalam pihak yang diambil alih; tolak
- amaun bersih diiktiraf (pada kebiasaannya nilai saksama) bagi aset yang boleh dikenal pasti yang diperoleh dan liabiliti yang diambil alih.

Apabila lebihan negatif, keuntungan pembelian murah diiktiraf serta-merta dalam untung atau rugi.

Bagi setiap gabungan perniagaan, Kumpulan memilih sama ada ia mengukur kepentingan tak mengawal dalam pihak yang diambil alih sama ada pada nilai saksama atau pada bahagian berkadar aset bersih yang boleh dikenal pasti oleh pihak yang diambil alih pada tarikh pengambilalihan.

Kos urus niaga, selain daripada yang berkaitan dengan terbitan hutang atau sekuriti ekuiti, yang ditanggung Kumpulan berkaitan dengan gabungan perniagaan dibelanjakan apabila berlaku.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 2. MAKLUMAT PENTING POLISI PERAKAUNAN (Sambungan)

### (a) Asas penyatuan (Sambungan)

#### (iii) Syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu ialah entiti, termasuk entiti tidak diperbadankan, di mana Kumpulan mempunyai pengaruh yang ketara, tetapi tak mengawal, ke atas dasar kewangan dan operasi.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambil kira dalam penyata kewangan disatukan menggunakan kaedah ekuiti ditolak sebarang kerugian rosot nilai, melainkan ia diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan atau pengagihan. Kos pelaburan termasuk kos transaksi. Penyata kewangan yang disatukan termasuk bahagian untung atau rugi Kumpulan dan pendapatan komprehensif lain syarikat bersekutu, selepas pelarasan jika ada, untuk menyelaraskan polisi perakaunan dengan Kumpulan, dari tarikh pengaruh penting itu bermula sehingga tarikh pengaruh penting itu berhenti.

Apabila bahagian kerugian Kumpulan melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu, jumlah bawaan kepentingan tersebut termasuk sebarang pelaburan jangka panjang dikurangkan kepada sifar, dan pengiktirafan kerugian selanjutnya dihentikan kecuali jika Kumpulan mempunyai obligasi atau mempunyai membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh penting ke atas syarikat bersekutu, sebarang kepentingan yang dikekalkan dalam bekas syarikat bersekutu pada tarikh apabila pengaruh penting hilang diukur pada nilai saksama dan jumlah ini dianggap sebagai jumlah bawaan awal aset kewangan. Perbezaan antara nilai saksama mana-mana faedah terkumpul ditambah hasil daripada faedah yang dilupuskan dan jumlah bawaan pelaburan pada tarikh apabila kaedah ekuiti dihentikan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Apabila kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu berkurangan tetapi tidak mengakibatkan kerugian pengaruh yang ketara, sebarang kepentingan tertahan tidak diukur semula. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penurunan faedah diiktiraf dalam untung atau rugi. Sebarang keuntungan atau kerugian yang sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain juga diklasifikasikan semula secara berkadaran dengan untung atau rugi jika keuntungan atau kerugian itu perlu diklasifikasikan semula kepada untung atau rugi atas pelupusan aset atau liabiliti berkaitan.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diukur dalam penyata kedudukan kewangan Bank pada kos ditolak sebarang kerugian rosot nilai, melainkan pelaburan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan atau pengagihan. Kos pelaburan termasuk kos transaksi.

#### (iv) Kepentingan tak mengawal

Kepentingan tak mengawal pada akhir tempoh pelaporan, sebagai ekuiti dalam anak syarikat yang tidak dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada pemegang ekuiti Bank, dibentangkan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan dan penyata perubahan dalam ekuiti dalam ekuiti, secara berasingan daripada ekuiti yang boleh diagihkan kepada pemilik Bank. Kepentingan tak mengawal dalam keputusan Kumpulan dibentangkan dalam penyata untung atau rugi disatukan dan pendapatan komprehensif lain sebagai peruntukan untung atau rugi dan pendapatan komprehensif untuk tahun antara kepentingan tak mengawal dan pemilik Bank.

Kerugian yang dikenakan kepada kepentingan tak mengawal dalam subsidiari diperuntukkan kepada kepentingan tak mengawal walaupun jika berbuat demikian menyebabkan kepentingan tak mengawal mempunyai baki defisit.

### (b) Instrumen Kewangan

***Aset kewangan***

#### (i) Tarikh pengiktirafan

Semua aset kewangan pada mulanya diiktiraf pada tarikh dagangan, iaitu tarikh Kumpulan dan Bank menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut. Ini termasuk cara biasa perdagangan, pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penghantaran aset dalam jangka masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di pasaran.

#### (ii) Pengiktirafan awal dan pengukuran seterusnya

Semua aset kewangan diukur pada awalnya pada nilai saksamanya ditambah kos transaksi yang boleh diagihkan secara langsung, kecuali dalam kes aset kewangan yang direkodkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

Kumpulan dan Bank mengklasifikasikan semua aset kewangannya berdasarkan model perniagaan untuk mengurus aset dan ciri aliran tunai kontraktual aset.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 2. MAKLUMAT PENTING POLISI PERAKAUNAN (Sambungan)

**(b) Instrumen Kewangan (Sambungan)**

***Aset kewangan (Sambungan)***

**(ii) Pengiktirafan awal dan pengukuran seterusnya (Sambungan)**

***Model perniagaan***

Kumpulan dan Bank menentukan model perniagaannya pada tahap yang paling menggambarkan bagaimana kumpulan aset kewangan diuruskan untuk mencapai objektif perniagaannya.

Kumpulan dan Bank tidak menilai model perniagaan berdasarkan instrumen demi instrumen, tetapi pada tahap portfolio terkumpul yang lebih tinggi dan berdasarkan faktor yang boleh diperhatikan seperti:

- Bagaimana prestasi portfolio dan aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan tersebut dinilai dan dilaporkan kepada kakitangan pengurusan utama;
- Risiko yang menjejaskan prestasi model perniagaan (dan aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan tersebut) dan, khususnya, cara risiko tersebut diurus;
- Bagaimana pengurus perniagaan diberi pampasan (contohnya, sama ada pampasan adalah berdasarkan nilai saksama aset yang diuruskan atau pada aliran tunai berkontrak yang dikutip); dan
- Jangkaan kekerapan, nilai dan masa jualan juga merupakan aspek penting dalam penilaian Kumpulan dan Bank.

Penilaian model perniagaan adalah berdasarkan senario yang dijangka secara munasabah tanpa mengambil kira senario 'kes terburuk' atau 'kes tekanan'. Jika aliran tunai selepas pengiktirafan awal direalisasikan dalam cara yang berbeza daripada jangkaan asal Kumpulan dan Bank, Kumpulan dan Bank tidak mengubah klasifikasi baki aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan tersebut, tetapi menggabungkan maklumat tersebut semasa menilai aset kewangan yang baru berasal atau yang baru dibeli pada masa hadapan.

***Ujian pembayaran prinsipal dan faedah/keuntungan ("SPPI")***

Selepas penentuan model perniagaan, Kumpulan dan Bank akan menilai tempoh kontrak aset kewangan untuk mengenal pasti sama ada ia memenuhi ujian SPPI.

'Prinsipal' untuk tujuan ujian ini ditakrifkan sebagai nilai saksama aset kewangan pada pengiktirafan awal dan mungkin berubah sepanjang hayat aset kewangan (contohnya, jika terdapat pembayaran balik prinsipal atau pelunasan premium/diskaun).

Unsur-unsur faedah/keuntungan yang paling penting dalam pengaturan pinjaman biasanya pertimbangan untuk nilai masa wang dan risiko kredit. Dalam membuat penilaian SPPI, Kumpulan dan Bank menggunakan pertimbangan dan mempertimbangkan faktor-faktor yang berkaitan seperti mata wang di mana aset kewangan didenominasikan, dan tempoh di mana kadar faedah/keuntungan ditetapkan.

Sebaliknya, terma kontrak yang memperkenalkan pendedahan yang lebih daripada *de minimis* kepada risiko atau turun naik dalam aliran tunai kontrak yang tidak berkaitan dengan pengaturan pinjaman asas tidak menimbulkan aliran tunai kontrak yang SPPI pada jumlah tertunggak. Dalam kes sedemikian, aset kewangan perlu diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

Termasuk dalam aset kewangan adalah seperti berikut:

- Kos terlunas;
- Nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain; dan
- Nilai saksama melalui untung atau rugi.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 2. MAKLUMAT PENTING POLISI PERAKAUNAN (Sambungan)

**(b) Instrumen Kewangan (Sambungan)**

***Aset kewangan (Sambungan)***

**(ii) Pengiktirafan awal dan pengukuran seterusnya (Sambungan)**

***Ujian pembayaran prinsipal dan faedah/keuntungan ("SPPI") (Sambungan)***

**(a) Aset kewangan pada kos terlunas**

Kumpulan dan Bank mengukur aset kewangan pada kos terlunas jika kedua-dua syarat berikut dipenuhi:

- Aset kewangan dipegang dalam model perniagaan dengan objektif untuk memegang aset kewangan untuk mengumpul aliran tunai kontrak; dan
- Tempoh kontrak aset kewangan menimbulkan aliran tunai pada tarikh yang ditetapkan iaitu SPPI pada jumlah prinsipal tertunggak.

Pendapatan faedah/keuntungan diiktiraf dengan menggunakan kadar faedah/keuntungan berkesan ("EIR") kepada jumlah bawaan kasar kecuali untuk aset kewangan terjejas kredit (lihat Nota 2(b)(iii)) di mana EIR digunakan untuk kos terlunas.

Termasuk dalam aset kewangan pada kos terlunas ialah tunai dan dana jangka pendek, deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain, pelaburan kewangan, pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan aset-aset lain seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan masing-masing.

**(b) Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain**

***Instrumen hutang***

Kumpulan dan Bank mengukur instrumen hutang di nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain apabila kedua-dua syarat berikut dipenuhi:

- Instrumen ini dipegang dalam model perniagaan, yang objektifnya dicapai dengan mengumpul aliran tunai berkontrak dan menjual aset kewangan; dan
- Syarat kontrak aset kewangan memenuhi ujian SPPI.

Aset kewangan di nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain kemudiannya diukur pada nilai saksama dengan keuntungan dan kerugian yang timbul akibat perubahan dalam nilai saksama yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain ("OCI"). Pendapatan faedah/keuntungan dan keuntungan dan kerugian pertukaran asing diiktiraf dalam untung atau rugi dengan cara yang sama seperti aset kewangan yang diukur pada kos terlunas. Di mana Kumpulan dan Bank memegang lebih daripada satu pelaburan dalam sekuriti yang sama, mereka dianggap dilupuskan atas dasar masuk dahulu, keluar dahulu. Pada penyahiktirafan, keuntungan dan kerugian terkumpul yang sebelum ini diiktiraf dalam OCI diklasifikasikan semula daripada OCI kepada untung atau rugi.

***Instrumen ekuiti***

Instrumen ekuiti biasanya diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Walau bagaimanapun, bagi instrumen ekuiti bukan dagangan, dengan pilihan tidak boleh ditarik balik pada permulaan, Kumpulan dan Bank mengukur perubahan melalui nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (tanpa kitar semula kepada untung atau rugi apabila dinyahiktiraf). Aset kewangan yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi kemudiannya diukur pada nilai saksamanya. Keuntungan atau kerugian bersih, termasuk sebarang faedah atau pendapatan dividen, diiktiraf dalam untung atau rugi.

Termasuk dalam aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ialah pelaburan kewangan.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 2. MAKLUMAT PENTING POLISI PERAKAUNAN (Sambungan)

**(b) Instrumen Kewangan (Sambungan)**

***Aset kewangan (Sambungan)***

**(ii) Pengiktirafan awal dan pengukuran seterusnya (Sambungan)**

**(c) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi**

Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ialah aset yang dipegang untuk dagangan dan sama ada telah ditetapkan oleh pengurusan semasa pengiktirafan awal atau secara mandatori diperlukan untuk diukur pada nilai saksama di bawah MFRS 9. Pengurusan menetapkan instrumen pada nilai saksama melalui untung atau rugi selepas pengiktirafan awal apabila salah satu daripada kriteria berikut dipenuhi. Pengelasan sedemikian ditentukan berdasarkan instrumen demi instrumen:

- Pengelasan menghapuskan atau mengurangkan dengan ketara pengolahan tidak konsisten yang sebaliknya akan timbul daripada mengukur aset atau liabiliti atau mengiktiraf keuntungan atau kerugian ke atasnya pada asas yang berbeza; atau
- Aset dan liabiliti adalah sebahagian daripada kumpulan aset kewangan, liabiliti kewangan atau kedua-duanya, yang diuruskan dan prestasinya dinilai berdasarkan nilai saksama, selaras dengan pengurusan risiko atau strategi pelaburan yang didokumenkan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan yang ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi direkodkan dalam penyata kedudukan kewangan pada nilai saksama. Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan di dalam 'pendapatan operasi lain' dan 'perbelanjaan operasi lain'.

Termasuk dalam aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ialah pelaburan kewangan.

**(d) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan**

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif dan yang Kumpulan dan Bank tidak berhasrat untuk menjual serta-merta atau dalam tempoh terdekat. Pembiayaan Kumpulan dan Bank terdiri daripada kontrak berasaskan jualan (iaitu *Bai' Bithaman Ajil, Bai' Innah* dan *Tawarruq*), kontrak berasaskan pajakan (iaitu *Ijarah*) dan kontrak *Ujrah*.

Apabila Kumpulan dan Bank membeli aset kewangan dan pada masa yang sama membuat perjanjian untuk menjual semula aset tersebut (atau aset yang hampir serupa) pada harga tetap pada tarikh hadapan (pembelian semula atau pinjaman saham), perkiraan itu diambil kira sebagai pinjaman atau pendahuluan, dan aset asas tidak diiktiraf dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank.

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan pada mulanya diukur pada nilai saksama ditambah kos urus niaga langsung tambahan dan kemudiannya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah/keuntungan berkesan, kecuali apabila Kumpulan dan Bank memilih untuk mengelaskan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

**(e) Pelaburan kewangan**

Pelaburan kewangan ialah aset kewangan bukan derivatif dan termasuk:

- instrumen hutang dan ekuiti diukur secara mandatori atau ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi; dan
- instrumen diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain.

Semua aset kewangan, kecuali yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi adalah tertakluk kepada penilaian rosot nilai (lihat Nota 2(b)(iii)).

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 2. MAKLUMAT PENTING POLISI PERAKAUNAN (Sambungan)

**(b) Instrumen Kewangan (Sambungan)**

***Aset kewangan (Sambungan)***

**(iii) Rosot nilai aset kewangan**

Keperluan rosot nilai MFRS 9 adalah berdasarkan model Kerugian Kredit Dijangka ("ECL"). Model ECL terpakai kepada aset kewangan yang diukur pada kos terlunas atau pada FVOCI, komitmen pinjaman/pembiayaan tidak boleh ditarik balik dan kontrak jaminan kewangan, yang termasuk pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan pelaburan kewangan yang dipegang oleh Kumpulan dan Bank. Model ECL juga digunakan untuk aset kontrak di bawah MFRS 15 *Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan* dan pajakan belum terima di bawah MFRS 16 *Pajakan*.

Pengukuran ECL melibatkan peningkatan kerumitan dan pertimbangan yang termasuk:

(a) Menentukan peningkatan signifikan dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal

Penilaian kemerosotan signifikan sejak pengiktirafan awal adalah kunci dalam mewujudkan titik pertukaran antara keperluan untuk mengukur elaun berdasarkan ECL 12 bulan dan yang berdasarkan ECL seumur hidup. Penilaian kuantitatif dan kualitatif diperlukan untuk menganggarkan peningkatan signifikan dalam risiko kredit dengan membandingkan risiko kemungkiran yang berlaku ke atas aset kewangan pada akhir tempoh pelaporan dengan risiko kemungkiran yang berlaku ke atas aset kewangan pada tarikh pengiktirafan awal.

Kumpulan dan Bank menggunakan pendekatan tiga tahap berdasarkan perubahan dalam kualiti kredit sejak pengiktirafan awal:

| Pendekatan 3 Tahap | Tahap 1 | Tahap 2 | Tahap 3 |
|---|---|---|---|
| | Berprestasi | Kurang Berprestasi | Tidak Berprestasi |
| **Pendekatan ECL** | ECL 12 bulan | ECL Sepanjang Hayat | ECL Sepanjang Hayat |
| **Kriteria** | Tiada peningkatan signifikan dalam risiko kredit | Risiko kredit meningkat dengan signifikan | Aset terjejas kredit |
| **Pengiktirafan pendapatan faedah/ keuntungan** | Pada amaun dibawa kasar | Pada amaun dibawa kasar | Pada amaun dibawa bersih |

(b) Pengukuran ECL

Terdapat tiga komponen utama untuk mengukur ECL iaitu model Kebarangkalian Ingkar ("PD"), model Kerugian Akibat Keingkaran ("LGD") dan model Pendedahan Pada Ingkar ("EAD").

PD memberikan anggaran kemungkinan bahawa pelanggan tidak akan dapat memenuhi obligasi hutangnya atau ingkar dalam tempoh masa tertentu.

LGD ditakrifkan sebagai peratusan pendedahan yang mungkin hilang oleh Kumpulan dan Bank sekiranya pelanggan ingkar. Kerugian ini biasanya ditunjukkan sebagai peratusan EAD, dan bergantung, antara lain, pada jenis dan jumlah cagaran serta jenis pelanggan dan hasil yang dijangka daripada penyelesaian aset.

EAD ialah anggaran pendedahan Kumpulan dan Bank kepada rakan niaganya pada masa ingkar. Untuk akaun ingkar, EAD hanyalah jumlah tertunggak pada titik ingkar.

MFRS 9 tidak membezakan antara penilaian individu dan penilaian kolektif. Oleh itu, Kumpulan dan Bank terus mengukur kemerosotan nilai berdasarkan penilaian individu bagi aset kewangan yang dianggap signifikan secara individu. Semua baki aset kewangan lain dinilai secara kolektif mengikut polisi Kumpulan dan Bank.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 2. MAKLUMAT PENTING POLISI PERAKAUNAN (Sambungan)

**(b) Instrumen Kewangan (Sambungan)**

***Aset kewangan (Sambungan)***

**(iii) Rosot nilai aset kewangan (Sambungan)**

Pengukuran ECL melibatkan peningkatan kerumitan dan pertimbangan yang termasuk: (Sambungan)

(c) Jangkaan hayat

Jangkaan kerugian kredit sepanjang hayat mesti diukur berdasarkan jangka hayat sesuatu aset kewangan. Ianya terhad kepada jangka hayat maksimum sesuatu kontrak dengan mengambil kira jangkaan bayaran awal, pelanjutan, panggilan dan pilihan yang serupa, kecuali untuk instrumen kewangan pusingan seperti kad kredit dan overdraf. Jangkaan hayat untuk kemudahan kredit pusingan ini secara amnya bergantung kepada perilakunya.

(d) Pelaburan kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain

ECL untuk pelaburan kewangan yang diukur di nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain tidak mengurangkan jumlah bawaan aset kewangan ini dalam penyata kedudukan kewangan, yang kekal pada nilai saksama. Sebaliknya, amaun yang sama dengan elaun yang akan timbul jika aset diukur pada kos terlunas diiktiraf dalam OCI sebagai jumlah rosot nilai terkumpul, dengan caj sepadan kepada untung atau rugi. Kerugian terkumpul yang diiktiraf dalam OCI dikitar semula kepada untung atau rugi selepas penyahiktirafan aset.

(e) Maklumat yang berpandangan ke hadapan

ECL ialah keberangkalian kerugian kredit wajar tidak berat sebelah yang ditentukan dengan menilai pelbagai hasil yang berkemungkinan dan mempertimbangkan keadaan ekonomi masa hadapan. Maklumat yang berpandangan ke hadapan yang munasabah dan boleh disokong adalah berdasarkan pakar penyelidikan luar Kumpulan dan Bank.

Di mana berkenaan, Kumpulan dan Bank menggabungkan pelarasan berpandangan ke hadapan dalam faktor risiko kredit PD dan LGD yang digunakan dalam pengiraan ECL, dengan mengambil kira kesan wajaran kebarangkalian pelbagai senario ekonomi ramalan masa hadapan.

Kumpulan dan Bank menggunakan tiga senario makro-ekonomi alternatif berikut untuk mencerminkan julat wajaran kebarangkalian yang tidak berat sebelah bagi kemungkinan hasil masa hadapan dalam menganggar ECL:

- Senario asas

  Senario ini menggambarkan keadaan makro-ekonomi semasa yang terus berlaku.

- Senario Terbaik dan Terburuk

  Senario ini ditetapkan secara relatif kepada senario asas; mencerminkan keadaan makroekonomi terbaik dan terburuk berdasarkan pertimbangan terbaik pakar subjek daripada keadaan ekonomi semasa.

(f) Penilaian cagaran yang dipegang sebagai jaminan untuk aset kewangan

Polisi Kumpulan dan Bank untuk cagaran yang diperuntukkan kepada aset kewangannya adalah bergantung kepada pengaturan pemberian pinjamannya.

(g) Aset kewangan yang dibiayai sepenuhnya dan sebahagiannya

Tiada ECL direkodkan bagi aset kewangan yang dibiayai sepenuhnya oleh geran kerajaan (lihat Nota 2(d)) dan bagi asset kewangan yang dibiayai sebahagiannya, ECL akan diberikan kepada akaun pinjaman/pembiayaan tersebut sehingga tahap risiko kredit yang terdedah kepada Bank. Bank telah menerima dana untuk menampung sebarang kemerosotan nilai atau perubahan kepada pinjaman/pembiayaan dimungkiri.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 2. MAKLUMAT PENTING POLISI PERAKAUNAN (Sambungan)

**(b) Instrumen Kewangan (Sambungan)**

***Aset kewangan (Sambungan)***

**(iv) Pembiayaan yang dijadual dan distruktur semula**

Di mana pembiayaan menunjukkan bukti kelemahan kredit, Kumpulan dan Bank mungkin berusaha untuk merundingkan semula pembiayaan daripada mengambil milik cagaran. Ini mungkin melibatkan lanjutan pengaturan pembayaran melalui penjadualan atau rundingan semula terma dan syarat pembiayaan baharu melalui penstrukturan semula. Pengurusan memantau pembiayaan yang dirundingkan semula untuk memastikan semua syarat yang disemak dipenuhi dan pembayaran dibuat dengan segera untuk tempoh yang berterusan. Jika pembiayaan terjejas dirundingkan semula, pelanggan mesti mematuhi syarat pembayaran yang disemak dan/atau distruktur semula untuk tempoh berterusan selama enam bulan sebelum pembiayaan diklasifikasikan sebagai tidak terjejas. Pembiayaan ini terus tertakluk kepada penilaian ECL secara individu atau kolektif.

***Liabiliti kewangan***

**(i) Tarikh pengiktirafan**

Semua liabiliti kewangan pada mulanya diiktiraf pada tarikh dagangan iaitu tarikh Kumpulan dan Bank menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut. Ini termasuk cara biasa perdagangan, pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam jangka masa yang biasanya ditetapkan oleh peraturan konvensyen di pasaran.

**(ii) Pengiktirafan awal dan pengukuran seterusnya**

Liabiliti kewangan pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama balasan yang diterima ditolak kos transaksi yang boleh dikaitkan secara langsung. Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah/keuntungan berkesan. Perbelanjaan faedah dan keuntungan atau kerugian pertukaran asing diiktiraf dalam untung atau rugi apabila dinyahiktiraf.

Kumpulan dan Bank tidak mempunyai sebarang liabiliti kewangan yang ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

Liabiliti kewangan pada kos terlunas termasuk deposit daripada pelanggan, akaun pelaburan pelanggan, deposit dan penempatan oleh bank dan institusi kewangan lain, sukuk, pinjaman daripada institusi dan liabiliti - liabiliti lain.

**(iii) Deposit daripada pelanggan, akaun pelaburan oleh pelanggan dan deposit dan penempatan oleh bank dan institusi kewangan lain**

Deposit daripada pelanggan, akaun pelaburan oleh pelanggan dan deposit dan penempatan oleh institusi kewangan lain dinyatakan pada nilai penempatan. Perbelanjaan faedah/keuntungan ke atas deposit daripada pelanggan, akaun pelaburan oleh pelanggan dan deposit dan penempatan oleh institusi kewangan lain yang diukur pada kos terlunas diiktiraf kerana ia diakru menggunakan kaedah faedah/keuntungan berkesan.

**(iv) Sukuk dan kewajipan rekursa ke atas pembiayaan dijual ke Cagamas**

Sukuk dan kewajipan rekursa ke atas pembiayaan dijual ke Cagamas oleh Kumpulan dan Bank diklasifikasikan sebagai liabiliti kewangan.

Sukuk dan kewajipan rekursa ke atas pembiayaan dijual ke Cagamas ini diklasifikasikan sebagai liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan kerana terdapat kewajipan kontrak oleh Kumpulan dan Bank untuk membuat pembayaran tunai sama ada prinsipal atau keuntungan atau kedua-duanya kepada pemegang sukuk dan Kumpulan dan Bank adalah berkewajipan secara kontrak untuk menyelesaikan instrumen kewangan secara tunai atau instrumen kewangan lain.

Selepas pengiktirafan awal, sukuk dan kewajipan rekursa ke atas pembiayaan dijual ke Cagamas yang diterbitkan diiktiraf pada kos terlunas, dengan sebarang perbezaan antara hasil bersih kos urus niaga dan nilai penebusan diiktiraf dalam penyata untung atau rugi sepanjang tempoh peminjaman menggunakan kaedah keuntungan berkesan.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 2. MAKLUMAT PENTING POLISI PERAKAUNAN (Sambungan)

### (b) Instrumen Kewangan (Sambungan)

***Penyahiktirafan***

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktirafkan apabila, dan hanya apabila, hak kontraktual kepada aliran tunai dari aset kewangan tamat atau dipindahkan atau kawalan aset tidak dikekalkan atau sebahagian besarnya semua risiko dan ganjaran pemilikan kewangan aset dipindahkan ke pihak lain. Pada penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa aset kewangan dan jumlah pertimbangan yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperolehi ditolak mana-mana liabiliti baru yang diandaikan) diiktiraf dalam untung atau rugi.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktirafkan apabila, dan hanya apabila, obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau luput. Liabiliti kewangan juga dinyahiktirafkan apabila terma diubahsuai dan aliran tunai liabiliti yang diubahsuai adalah berbeza jauhnya, di mana, liabiliti kewangan baru berdasarkan terma diubahsuai diiktiraf pada nilai saksama. Apabila penyahiktirafan liabiliti kewangan, perbezaan antara amaun dibawa liabiliti kewangan yang dipadamkan atau dipindahkan kepada pihak lain dan balasan yang dibayar, termasuk apa-apa aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti yang diandaikan, diiktiraf dalam untung atau rugi.

***Mengofset***

Aset kewangan dan liabiliti kewangan diofset dan amaun bersih yang dibentangkan dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan atau Bank pada masa ini mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengofsetkan amaun tersebut dan ia bercadang sama ada untuk menyelesaikannya di atas bersih dasar atau untuk merealisasikan aset dan liabiliti secara serentak.

### (c) Tunai dan setara tunai

Tunai dan dana jangka pendek dalam penyata kedudukan kewangan terdiri daripada tunai dan baki bank dengan bank berlesen dan institusi kewangan lain serta penempatan wang semasa panggilan dan deposit yang matang dalam tempoh satu bulan. Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dan dana jangka pendek dengan tempoh matang asal dalam tempoh satu bulan yang tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak signifikan.

### (d) Geran kerajaan

Geran kerajaan yang diterima pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama dalam penyata kedudukan kewangan di mana terdapat jaminan munasabah bahawa geran akan diterima dan semua syarat yang dilampirkan akan dipatuhi. Geran kerajaan dibentangkan dalam penyata kedudukan kewangan sebagai "pendapatan tertunda".

Geran kerajaan untuk tujuan membiayai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan untuk projek-projek tertentu dan digunakan terhadap kerugian kredit dan caj yang timbul daripada pembiayaan projek-projek ini. Geran kerajaan diiktiraf pada nilai saksama balasan yang diterima dalam penyata kedudukan kewangan. Sebarang kerugian atau caj kredit akibat pinjaman/pembiayaan ingkar ke atas pinjaman/pembiayaan yang dibiayai oleh dana kerajaan diiktiraf dan digunakan terhadap dana tersebut.

Geran kerajaan yang memberi pampasan kepada Kumpulan dan Bank untuk perbelanjaan yang ditanggung diiktiraf sebagai pendapatan dalam untung atau rugi sepanjang tempoh yang diperlukan untuk memadankan pemberian secara sistematik dengan kos yang ia bertujuan untuk membayar pampasan.

Manfaat pinjaman kerajaan pada kadar faedah di bawah pasaran dianggap oleh Kumpulan dan Bank sebagai geran kerajaan, diukur sebagai perbezaan antara hasil yang diterima dan nilai saksama pinjaman berdasarkan kadar pasaran semasa.

### (e) Manfaat pekerja

#### (i) Manfaat pekerja jangka pendek

Obligasi manfaat pekerja jangka pendek dari segi gaji, bonus tahunan, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit diukur atas asas tidak didiskaunkan dan dibelanjakan apabila perkhidmatan berkaitan disediakan.

Peruntukan diiktiraf bagi amaun yang dijangka akan dibayar di bawah bonus tunai jangka pendek jika Kumpulan dan Bank mempunyai kewajipan undang-undang semasa atau obligasi konstruktif untuk membayar amaun ini kesan daripada perkhidmatan lepas yang diberikan oleh pekerja dan obligasi ini boleh dijangka pasti.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 2. MAKLUMAT PENTING POLISI PERAKAUNAN (Sambungan)

**(e) Manfaat pekerja (Sambungan)**

**(ii) Pelan berkanun**

Caruman Kumpulan dan Bank kepada dana pencen berkanun dicaj kepada untung atau rugi dalam tahun kewangan yang berkaitan. Caruman prabayar diiktiraf sebagai aset setakat pembayaran balik tunai atau pengurangan dalam pembayaran masa hadapan tersedia.

**(iii) Obligasi manfaat ditentukan**

Kewajipan bersih Kumpulan dan Bank berhubung dengan obligasi manfaat ditentukan dan dikira secara berasingan bagi setiap pelan dengan menganggarkan amaun manfaat masa hadapan yang telah diperoleh oleh pekerja dalam tahun semasa dan tempoh sebelumnya, mendiskaunkan jumlah tersebut dan menolak nilai saksama mana-mana aset pelan.

Pengiraan obligasi manfaat ditentukan dilakukan setiap tiga tahun oleh aktuari bertauliah menggunakan kaedah kredit unit unjuran. Apabila pengiraan menghasilkan aset berpotensi untuk Kumpulan dan Bank, aset yang diiktiraf adalah terhad kepada nilai semasa manfaat ekonomi yang tersedia dalam bentuk sebarang bayaran balik masa hadapan daripada pelan atau pengurangan dalam caruman masa hadapan kepada pelan. Untuk mengira nilai semasa manfaat ekonomi, pertimbangan diberikan kepada sebarang keperluan pembiayaan minimum yang berkenaan.

Pengukuran semula liabiliti manfaat takrif bersih, yang terdiri daripada keuntungan dan kerugian aktuari, pulangan ke atas aset pelan (tidak termasuk faedah) dan kesan siling aset (jika ada, tidak termasuk faedah), diiktiraf serta-merta dalam pendapatan komprehensif lain. Kumpulan dan Bank menentukan perbelanjaan faedah bersih atau pendapatan ke atas liabiliti atau aset yang ditakrifkan bersih untuk tempoh tersebut dengan menggunakan kadar diskaun untuk mengukur obligasi manfaat ditentukan pada permulaan tempoh tahunan kepada liabiliti atau aset manfaat takrif bersih pada masa itu dengan mengambil kira sebarang perubahan dalam liabiliti atau aset yang ditakrifkan bersih dalam tempoh tersebut akibat daripada sumbangan dan pembayaran faedah.

Perbelanjaan faedah bersih dan perbelanjaan lain yang berkaitan dengan obligasi manfaat ditakrifkan dalam untung atau rugi.

Apabila manfaat pelan diubah atau apabila pelan dikurangkan, perubahan yang terhasil dalam manfaat yang berkaitan dengan perkhidmatan lepas bagi keuntungan atau kerugian daripada pengurangan diiktiraf serta-merta dalam untung atau rugi. Kumpulan dan Bank mengiktiraf keuntungan dan kerugian atas penyelesaian pelan manfaat yang ditentukan apabila penyelesaian berlaku.

Pelan manfaat yang ditentukan dibentangkan dalam penyata kewangan sebagai "Obligasi manfaat persaraan".

**(f) Peruntukan**

Peruntukan diiktiraf jika, akibat daripada peristiwa lalu, Kumpulan dan Bank mempunyai kewajipan undang-undang semasa dan obligasi konstruktif yang boleh dianggarkan dengan pasti, dan ada kemungkinan aliran keluar manfaat ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Peruntukan ditentukan dengan mendiskaun aliran tunai masa hadapan yang dijangka pada kadar sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko khusus untuk liabiliti. Pelepasan diskaun diiktiraf dalam untung atau rugi.

**(g) Pendapatan dan perbelanjaan faedah/keuntungan**

Bagi semua instrumen kewangan yang diukur pada kos terlunas dan aset kewangan berfaedah/berkeuntungan yang diklasifikasikan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi dan nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain, pendapatan diiktiraf di bawah "Pendapatan faedah" dan "Pendapatan bersih daripada operasi perbankan Islam" manakala perbelanjaan diiktiraf di bawah "Perbelanjaan faedah" dan "Pendapatan bersih daripada operasi perbankan Islam" menggunakan kaedah faedah/keuntungan berkesan.

Kaedah faedah/keuntungan berkesan ialah kaedah pengiraan kos terlunas bagi aset atau liabiliti kewangan dan memperuntukkan pendapatan atau perbelanjaan faedah/keuntungan sepanjang tempoh yang berkaitan. Kadar faedah/keuntungan berkesan ialah kadar yang betul-betul mendiskaun anggaran pembayaran tunai atau penerimaan masa hadapan melalui jangkaan hayat instrumen kewangan atau tempoh yang lebih pendek, di mana sesuai, kepada jumlah bawaan kasar aset atau liabiliti kewangan.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 2. MAKLUMAT PENTING POLISI PERAKAUNAN (Sambungan)

### (g) Pendapatan dan perbelanjaan faedah/keuntungan (Sambungan)

Pengiraan mengambil kira semua syarat kontrak instrumen kewangan (sebagai contoh, pilihan prabayar) tetapi tidak mengambil kira kerugian kredit masa hadapan. Yuran yang ketara dan kos urus niaga yang penting dalam kadar faedah/keuntungan berkesan, serta premium atau diskaun juga dipertimbangkan.

Bagi aset terjejas di mana nilai aset kewangan telah diturunkan nilai akibat daripada kerugian kemerosotan nilai, pendapatan faedah/keuntungan terus diiktiraf menggunakan kadar faedah/keuntungan yang digunakan untuk mendiskaun aliran tunai masa hadapan bagi tujuan mengukur kemerosotan nilai kerugian.

### (h) Pendapatan dan perbelanjaan fi dan komisen

Pendapatan dan perbelanjaan fi dan komisen yang penting kepada kadar faedah/keuntungan berkesan ke atas aset kewangan atau liabiliti kewangan dimasukkan dalam pengukuran kadar faedah/keuntungan berkesan.

Kontrak dengan pelanggan yang menghasilkan instrumen kewangan yang diiktiraf dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank mungkin sebahagiannya dalam skop MFRS 9 dan sebahagiannya dalam skop untuk MFRS 15. Jika ini berlaku, Kumpulan dan Bank terlebih dahulu akan menggunakan MFRS 9 untuk memisahkan dan mengukur bahagian kontrak yang berada dalam skop MFRS 9 dan kemudian menggunakan MFRS 15 pada baki kontrak.

Pendapatan fi dan komisen lain, termasuk yuran perkhidmatan akaun, yuran pengurusan pelaburan, komisen jualan, yuran penempatan dan yuran sindikasi yang diiktiraf apabila perkhidmatan berkaitan dilaksanakan. Jika komitmen pinjaman tidak dijangka menyebabkan pengeluaran pinjaman, maka yuran komitmen pinjaman yang berkaitan diiktiraf pada asas garis lurus sepanjang tempoh komitmen.

### (i) Pendapatan dividen

Dividen diiktiraf dalam untung atau rugi sebagai pendapatan dividen apabila hak untuk menerima pembayaran telah ditetapkan.

### (j) Cukai pendapatan

Perbelanjaan cukai pendapatan terdiri daripada cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa dan cukai tertunda diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali setakat yang berkaitan dengan gabungan perniagaan atau item yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti atau pendapatan komprehensif lain.

Cukai semasa ialah cukai yang dijangka perlu dibayar atau belum terima ke atas pendapatan atau kerugian boleh cukai bagi tahun tersebut, menggunakan kadar cukai yang dikuatkuasakan atau dikuatkuasakan dengan ketara pada akhir tempoh pelaporan, dan sebarang pelarasan kepada cukai yang perlu dibayar berkenaan dengan tahun kewangan sebelumnya.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti, memperuntukkan perbezaan sementara antara amaun-amaun bawaan aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan dan asas cukainya. Cukai tertunda tidak diiktiraf untuk perbezaan berdasarkan pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan gabungan perniagaan dan yang tidak menjejaskan keuntungan atau kerugian perakaunan mahupun boleh cukai. Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan untuk perbezaan sementara apabila ia berbalik, berdasarkan undang-undang yang telah dikuatkuasakan atau dikuatkuasakan secara substantif menjelang akhir tempoh pelaporan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi jika terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan dari segi undang-undang untuk mengimbangi liabiliti dan aset cukai semasa, dan ia berkaitan dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai yang sama ke atas entiti bercukai yang sama, atau ke atas entiti cukai yang berbeza, tetapi mereka berhasrat untuk menyelesaikan aset dan liabiliti cukai semasa secara bersih atau aset dan liabiliti cukai mereka akan direalisasikan serentak.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat yang berkemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai masa hadapan akan tersedia yang mana perbezaan sementara boleh digunakan. Aset cukai tertunda disemak pada setiap akhir tempoh pelaporan dan dikurangkan ke tahap yang tidak lagi berkemungkinan manfaat cukai yang berkaitan akan direalisasikan.

### (k) Klasifikasi sijil takaful dan takaful semula

Kumpulan menerbitkan sijil takaful dalam perjalanan biasa perniagaan, di mana ia menerima risiko takaful yang ketara daripada peserta Dana Risiko Peserta. Sebagai garis panduan am, Kumpulan menentukan sama ada ia mempunyai risiko takaful yang ketara, dengan membandingkan manfaat yang perlu dibayar selepas peristiwa yang dilindungi dengan manfaat yang perlu dibayar jika peristiwa yang dilindungi itu tidak berlaku. Sijil takaful juga boleh memindahkan risiko kewangan.

Kumpulan tidak menerbitkan takaful semula.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 2. MAKLUMAT PENTING POLISI PERAKAUNAN (Sambungan)

### (I) Tatacara perakaunan sijil takaful dan takaful semula

#### (i) Mengasingkan komponen daripada sijil takaful dan takaful semula

Kumpulan menilai sijil takaful keluarganya untuk menentukan sama ada ia mengandungi komponen berbeza yang mesti diambil kira di bawah MFRS lain dan bukannya MFRS 17. Selepas mengasingkan mana-mana komponen berbeza, entiti mesti menggunakan MFRS 17 kepada semua komponen yang tinggal (hos) sijil takaful. Pada masa ini, produk Kumpulan tidak termasuk komponen berbeza yang memerlukan pengasingan.

Beberapa sijil takaful keluarga berjangka yang diterbitkan oleh Kumpulan termasuk pilihan penyerahan di mana nilai serahan dibayar kepada peserta apabila sijil matang atau luput lebih awal. Pilihan penyerahan ini telah dinilai untuk memenuhi definisi komponen pelaburan yang tidak berbeza dalam MFRS 17. MFRS 17 mentakrifkan komponen pelaburan sebagai amaun yang sijil takaful memerlukan pengendali takaful untuk membayar balik kepada peserta dalam semua keadaan, tidak kira sama ada peristiwa tertutup berlaku. Komponen pelaburan yang saling berkait rapat dengan sijil takaful yang mana ia merupakan sebahagian daripadanya dianggap tidak berbeza dan tidak diambil kira secara berasingan. Walau bagaimanapun, penerimaan dan pembayaran komponen pelaburan direkodkan di luar untung atau rugi. Opsyen serahan dianggap sebagai komponen pelaburan tidak berbeza kerana Kumpulan tidak dapat mengukur nilai komponen opsyen serahan secara berasingan daripada bahagian takaful keluarga sijil.

#### (ii) Tahap pengagregatan

MFRS 17 memerlukan entiti untuk menentukan tahap pengagregatan untuk menggunakan keperluannya. Tahap pengagregatan untuk Kumpulan ditentukan terlebih dahulu dengan membahagikan perniagaan yang ditulis ke dalam portfolio. Portfolio terdiri daripada kumpulan kontrak dengan risiko serupa yang diuruskan bersama. Portfolio dibahagikan lagi berdasarkan jangkaan keuntungan pada permulaan kepada tiga kategori: kontrak yang membebankan, kontrak tanpa risiko ketara menjadi membebankan, dan selebihnya. Ini bermakna, untuk menentukan tahap pengagregatan, Kumpulan mengenal pasti kontrak sebagai 'unit' terkecil, iaitu, penyebut biasa terendah. Walau bagaimanapun, Kumpulan membuat penilaian sama ada satu siri kontrak boleh dilayan bersama dalam membuat penilaian keuntungan berdasarkan maklumat yang munasabah dan boleh disokong, atau sama ada satu kontrak mengandungi komponen yang perlu diasingkan dan dianggap seolah-olah ia kontrak bersendirian. Oleh itu, apa yang dianggap sebagai kontrak untuk tujuan perakaunan mungkin berbeza daripada apa yang dianggap sebagai kontrak untuk tujuan lain (iaitu, undang-undang atau pengurusan). MFRS 17 juga menyatakan bahawa tiada kumpulan untuk tujuan tahap pengagregatan boleh mengandungi kontrak yang diterbitkan lebih daripada satu tahun.

Kumpulan telah mentakrifkan portfolio sijil takaful yang diterbitkan berdasarkan rangkaian produknya kerana produk tersebut tertakluk kepada risiko yang sama dan diuruskan bersama. Jangkaan keuntungan portfolio ini pada permulaannya ditentukan berdasarkan model penilaian aktuari sedia ada yang mengambil kira perniagaan sedia ada dan baharu. Dalam menentukan kumpulan kontrak, Kumpulan telah memilih untuk memasukkan dalam kontrak kumpulan yang sama di mana keupayaannya untuk menetapkan harga atau tahap faedah untuk peserta yang mempunyai ciri-ciri berbeza dikekang oleh peraturan.

Kumpulan kontrak yang mana pendekatan retrospektif yang diubah suai dan pendekatan nilai saksama telah diterima pakai pada peralihan termasuk kontrak yang diterbitkan lebih daripada satu tahun.

Portfolio sijil takaful dibahagikan kepada:

- Sekumpulan kontrak yang membebankan pada pengiktirafan awal. Sekumpulan kontrak yang pada pengiktirafan awal tidak mempunyai kemungkinan besar untuk menjadi membebankan kemudiannya.
- Sekumpulan baki kontrak dalam portfolio.

Portfolio yang dipegang sijil takaful semula dibahagikan kepada:

- Sekumpulan kontrak di mana terdapat keuntungan bersih pada pengiktirafan awal.
- Sekumpulan kontrak yang tidak mempunyai kemungkinan besar keuntungan bersih yang timbul selepas pengiktirafan awal.
- Sekumpulan baki kontrak dalam portfolio.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 2. MAKLUMAT PENTING POLISI PERAKAUNAN (Sambungan)

### (I) Tatacara perakaunan sijil takaful dan takaful semula (Sambungan)

#### (iii) Pengiktirafan

Kumpulan mengiktiraf kumpulan sijil takaful yang diterbitkan daripada yang paling awal berikut:

- Permulaan tempoh perlindungan kumpulan sijil.
- Tarikh apabila pembayaran pertama daripada peserta dalam kumpulan perlu dibayar, atau apabila pembayaran pertama diterima jika tiada tarikh tamat tempoh.
- Bagi kumpulan sijil yang membebankan, sebaik sahaja fakta dan keadaan menunjukkan bahawa kumpulan itu membebankan.

Kumpulan mengiktiraf kumpulan sijil takaful semula yang dipegang:

- Jika sijil takaful semula menyediakan perlindungan berkadar, pada akhir permulaan tempoh perlindungan kumpulan, atau pengiktirafan awal mana-mana sijil asas.
- Dalam semua kes lain, dari permulaan tempoh perlindungan sijil pertama dalam kumpulan.

Sijil takaful semula yang dipegang oleh Kumpulan menyediakan perlindungan yang berkadar. Oleh itu Kumpulan tidak mengiktiraf sijil takaful semula berkadar yang dipegang sehingga sekurang-kurangnya satu sijil takaful langsung asas telah diiktiraf. Kumpulan sijil takaful semula yang dipegang diiktiraf apabila perlindungan sijil asas pertama bermula.

#### (iv) Kumpulan kontrak yang membebankan

Kumpulan mengeluarkan beberapa sijil sebelum tempoh perlindungan bermula dan sumbangan pertama perlu dibayar. Oleh itu, Kumpulan telah menentukan sama ada sebarang kontrak yang diterbitkan membentuk kumpulan sijil yang membebankan sebelum permulaan tempoh perlindungan yang lebih awal dan tarikh pembayaran pertama daripada peserta dalam kumpulan itu perlu dibayar. Kumpulan melihat fakta dan keadaan untuk mengenal pasti sama ada sekumpulan sijil membebankan berdasarkan:

- Maklumat harga.
- Keputusan sijil serupa yang telah diiktirafnya.
- Faktor persekitaran, cth., perubahan dalam pengalaman pasaran atau peraturan.

#### (v) Sempadan kontrak

Kumpulan memasukkan dalam pengukuran kumpulan sijil takaful semua aliran tunai masa hadapan dalam sempadan setiap kontrak dalam kumpulan. Aliran tunai berada dalam sempadan sijil takaful jika ia timbul daripada hak dan kewajipan substantif yang wujud dalam tempoh pelaporan di mana Kumpulan boleh memaksa peserta untuk membayar caruman, atau di mana Kumpulan mempunyai kewajipan substantif untuk menyediakan peserta dengan perkhidmatan. Kewajipan substantif untuk menyediakan perkhidmatan berakhir apabila:

- Kumpulan mempunyai keupayaan praktikal untuk menilai semula risiko peserta tertentu dan, sebagai hasilnya, boleh menetapkan harga atau tahap manfaat yang mencerminkan sepenuhnya risiko tersebut; atau
- Kedua-dua kriteria berikut dipenuhi:
  - Kumpulan mempunyai keupayaan praktikal untuk menilai semula risiko portfolio sijil takaful yang mengandungi kontrak dan, sebagai hasilnya, boleh menetapkan harga atau tahap manfaat yang mencerminkan sepenuhnya risiko portfolio tersebut.
  - Penetapan harga caruman untuk perlindungan sehingga tarikh risiko dinilai semula tidak mengambil kira risiko yang berkaitan dengan tempoh selepas tarikh penilaian semula.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 2. MAKLUMAT PENTING POLISI PERAKAUNAN (Sambungan)

### (I) Tatacara perakaunan sijil takaful dan takaful semula (Sambungan)

#### (v) Sempadan kontrak (Sambungan)

Liabiliti atau aset yang berkaitan dengan sumbangan atau tuntutan yang dijangka di luar sempadan sijil takaful tidak diiktiraf. Jumlah tersebut berkaitan dengan sijil takaful masa hadapan.

Bagi sijil takaful dengan tempoh pembaharuan, Kumpulan menilai sama ada sumbangan dan aliran tunai berkaitan yang timbul daripada sijil yang diperbaharui berada dalam sempadan kontrak. Penetapan harga pembaharuan ditetapkan oleh Kumpulan dengan mempertimbangkan semua risiko yang dilindungi untuk peserta oleh Kumpulan. Kumpulan mempertimbangkan apabila mengunderait sijil yang setara pada tarikh pembaharuan untuk baki perlindungan. Kumpulan menilai semula sempadan kontrak setiap kumpulan pada akhir setiap tempoh pelaporan.

#### (vi) Pengukuran - sijil tidak diukur di bawah PAA

(a) Sijil Takaful - ukuran awal

Pada pengiktirafan awal, Kumpulan mengukur kumpulan sijil takaful sebagai jumlah:

- Aliran tunai pemenuhan.
- CSM yang mewakili keuntungan belum diperolehi Kumpulan akan mengiktiraf kerana ia menyediakan perkhidmatan di bawah sijil takaful dalam kumpulan.

Aliran tunai pemenuhan terdiri daripada anggaran aliran tunai masa hadapan yang tidak berat sebelah dan berwajaran kebarangkalian, didiskaunkan kepada nilai semasa untuk mencerminkan nilai masa wang dan risiko kewangan, serta pelarasan risiko untuk risiko bukan kewangan.

Objektif Kumpulan dalam menganggar aliran tunai masa hadapan adalah untuk menentukan nilai jangkaan, atau min wajaran kebarangkalian, julat penuh kemungkinan hasil, dengan mengambil kira semua maklumat yang munasabah dan boleh disokong yang tersedia pada tarikh pelaporan tanpa kos atau usaha yang tidak wajar. Kumpulan menganggarkan aliran tunai masa hadapan dengan mengambil kira pelbagai senario yang mempunyai bahan komersial dan memberikan gambaran yang baik tentang kemungkinan hasil. Aliran tunai daripada setiap senario adalah berwajaran kebarangkalian dan didiskaun menggunakan andaian semasa.

Apabila menganggar aliran tunai masa hadapan, Kumpulan merangkumi semua aliran tunai yang berada dalam sempadan kontrak termasuk:

- Sumbangan dan aliran tunai yang berkaitan.
- Tuntutan dan faedah, termasuk tuntutan yang dilaporkan belum dibayar, tuntutan yang ditanggung belum dilaporkan, jangkaan tuntutan masa depan dan lebihan kepada peserta. Peruntukan aliran tunai pemerolehan takaful yang boleh dikaitkan dengan portfolio yang menjadi milik kontrak.
- Kos pengendalian tuntutan.
- Kos pentadbiran dan penyelenggaraan dasar, termasuk komisen berulang yang dijangka dibayar kepada pengantara.
- Peruntukan overhed tetap dan berubah yang dikaitkan secara langsung dengan pemenuhan sijil takaful.
- Cukai berasaskan transaksi.

Kumpulan menggabungkan, dengan cara yang tidak berat sebelah, semua maklumat yang munasabah dan boleh disokong yang tersedia tanpa kos atau usaha yang tidak wajar tentang jumlah, masa dan ketidakpastian aliran tunai masa hadapan tersebut. Kumpulan menganggarkan kebarangkalian dan jumlah pembayaran masa hadapan di bawah sijil sedia ada berdasarkan maklumat yang diperoleh, termasuk:

- Maklumat tentang tuntutan yang telah dilaporkan oleh peserta.
- Maklumat lain tentang ciri-ciri yang diketahui atau dianggarkan bagi sijil takaful.
- Data sejarah tentang pengalaman Kumpulan sendiri, ditambah apabila perlu dengan data daripada sumber lain. Data sejarah dilaraskan untuk menggambarkan keadaan semasa.
- Maklumat harga semasa, apabila tersedia

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 2. MAKLUMAT PENTING POLISI PERAKAUNAN (Sambungan)

### (I) Tatacara perakaunan sijil takaful dan takaful semula (Sambungan)

#### (vi) Pengukuran - sijil tidak diukur di bawah PAA (Sambungan)

(a) Sijil Takaful - ukuran awal (Sambungan)

Pengukuran aliran tunai pemenuhan termasuk aliran tunai pemerolehan takaful yang diperuntukkan sebagai sebahagian daripada sumbangan kepada untung atau rugi (melalui hasil takaful) sepanjang tempoh sijil pada asas garis lurus.

CSM Kumpulan ialah komponen aset atau liabiliti bagi kumpulan sijil takaful yang mewakili keuntungan belum diperolehi Kumpulan akan mengiktiraf kerana ia menyediakan perkhidmatan pada masa hadapan. Kumpulan mengukur CSM pada pengiktirafan awal pada jumlah yang, melainkan kumpulan sijil itu membebankan, tidak menghasilkan pendapatan atau perbelanjaan yang timbul daripada:

- Pengiktirafan awal aliran tunai pemenuhan.
- Penyahiktirafan pada tarikh pengiktirafan awal mana-mana aset atau liabiliti yang diiktiraf untuk aliran tunai pemerolehan takaful.
- Sebarang aliran tunai yang timbul daripada sijil dalam kumpulan pada tarikh tersebut.

Bagi kumpulan sijil yang dinilai sebagai membebankan, Kumpulan telah mengiktiraf kerugian dalam untung atau rugi bagi aliran keluar bersih, menyebabkan amaun bawaan liabiliti bagi kumpulan adalah sama dengan aliran tunai pemenuhan dan CSM kumpulan menjadi sifar. Komponen kerugian telah ditetapkan oleh Kumpulan untuk liabiliti untuk baki perlindungan bagi kumpulan yang membebankan yang menggambarkan kerugian yang diiktiraf. Untuk pendedahan tambahan mengenai komponen kerugian, sila rujuk Nota 2(I)(vi)(e)(ii).

Liabiliti untuk baki perlindungan adalah tanggungjawab Kumpulan untuk menyiasat dan membayar tuntutan yang sah untuk peristiwa dilindungi yang belum berlaku (iaitu, obligasi yang berkaitan dengan bahagian belum tamat tempoh perlindungan) dan pada pengiktirafan awal, merangkumi semua baki jangkaan aliran masuk tunai masa hadapan dan aliran keluar tunai di bawah sijil takaful ditambah CSM untuk sijil tersebut.

Liabiliti untuk tuntutan yang ditanggung adalah kewajipan Kumpulan untuk menyiasat dan membayar tuntutan yang sah untuk peristiwa dilindungi yang telah berlaku, termasuk peristiwa yang telah berlaku tetapi untuknya tuntutan tidak dilaporkan, dan perbelanjaan takaful lain yang ditanggung. Pada pengiktirafan awal sekumpulan kontrak, liabiliti untuk tuntutan yang ditanggung biasanya sifar kerana tiada peristiwa dilindungi telah berlaku.

(b) Sijil takaful semula - ukuran awal

Pengukuran sijil takaful semula yang dipegang mengikut prinsip yang sama seperti bagi sijil takaful yang diterbitkan, kecuali yang berikut:

- Pengukuran aliran tunai termasuk elaun atas dasar wajaran kebarangkalian untuk kesan mana-mana ketidaklaksanaan oleh pengendali takaful semula, termasuk kesan cagaran dan kerugian daripada pertikaian.
- Kumpulan menentukan pelarasan risiko untuk risiko bukan kewangan supaya ia mewakili jumlah risiko yang dipindahkan kepada pengendali takaful semula.
- Kumpulan mengiktiraf kedua-dua keuntungan hari 1 dan kerugian hari 1 pada pengiktirafan awal dalam penyata kedudukan kewangan sebagai CSM dan mengeluarkannya kepada untung atau rugi apabila pengendali takaful semula memberikan perkhidmatan, kecuali untuk mana-mana bahagian kerugian hari 1 yang berkaitan dengan peristiwa sebelum pengecaman awal.
- Perubahan dalam aliran tunai pemenuhan diiktiraf dalam untung atau rugi jika perubahan berkaitan yang timbul daripada kontrak penyerahan asas telah diiktiraf dalam untung atau rugi. Sebagai alternatif, perubahan dalam aliran tunai pemenuhan melaraskan CSM.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 2. MAKLUMAT PENTING POLISI PERAKAUNAN (Sambungan)

**(I) Tatacara perakaunan sijil takaful dan takaful semula (Sambungan)**

**(vi) Pengukuran - sijil tidak diukur di bawah PAA (Sambungan)**

(c) Sijil takaful - ukuran seterusnya

(i) Sijil takaful

CSM pada akhir tempoh pelaporan mewakili keuntungan dalam kumpulan sijil takaful yang belum lagi diiktiraf dalam untung atau rugi, kerana ia berkaitan dengan perkhidmatan masa hadapan yang akan diberikan.

***Sijil takaful tanpa ciri penyertaan langsung***

Bagi sekumpulan sijil takaful, amaun bawaan CSM kumpulan pada akhir tempoh pelaporan adalah sama dengan amaun bawaan pada permulaan tempoh pelaporan yang diselaraskan, seperti berikut:

- Kesan mana-mana kontrak baharu yang ditambahkan pada kumpulan.
- Keuntungan yang bertambah pada amaun bawaan CSM semasa tempoh pelaporan, diukur pada kadar diskaun pada pengiktirafan awal.
- Perubahan dalam aliran tunai pemenuhan yang berkaitan dengan perkhidmatan masa hadapan, kecuali setakat yang:
  - Peningkatan aliran tunai pemenuhan sedemikian melebihi jumlah bawaan CSM, yang mengakibatkan kerugian; atau
  - Pengurangan dalam aliran tunai pemenuhan tersebut diperuntukkan kepada komponen kerugian liabiliti untuk perlindungan yang tinggal (lihat Nota 2(I)(vi)(e)(ii)).
- Kesan sebarang perbezaan pertukaran mata wang terhadap CSM.
- Amaun yang diiktiraf sebagai hasil takaful kerana pemindahan perkhidmatan dalam tempoh tersebut, ditentukan oleh peruntukan CSM yang tinggal pada akhir tempoh pelaporan (sebelum sebarang peruntukan) sepanjang tempoh perlindungan semasa dan baki (lihat Nota 2(I)(vi)(e)(i)).

Kadar diskaun terkunci ialah purata wajaran bagi kadar yang terpakai pada tarikh pengiktirafan awal kontrak yang menyertai kumpulan dalam tempoh 12 bulan. Kadar diskaun yang digunakan untuk pertambahan keuntungan pada CSM ditentukan menggunakan pendekatan bawah ke atas pada permulaan.

Perubahan dalam aliran tunai pemenuhan yang berkaitan dengan perkhidmatan masa hadapan yang melaraskan CSM terdiri daripada:

- Alami pelarasan yang timbul daripada perbezaan antara penerimaan sumbangan (dan sebarang aliran tunai berkaitan seperti aliran tunai pemerolehan takaful dan cukai sumbangan takaful) dan anggaran, pada permulaan tempoh, amaun yang dijangkakan. Perbezaan yang berkaitan dengan sumbangan yang diterima (atau perlu dibayar) berkaitan dengan perkhidmatan semasa atau masa lalu diiktiraf serta-merta dalam untung atau rugi manakala perbezaan yang berkaitan dengan sumbangan yang diterima (atau perlu dibayar) untuk perkhidmatan masa hadapan diselaraskan dengan CSM.
- Perubahan dalam anggaran nilai semasa aliran tunai masa hadapan dalam liabiliti untuk baki perlindungan, kecuali yang berkaitan dengan nilai masa wang dan perubahan dalam risiko kewangan (diiktiraf dalam penyata untung atau rugi dan bukannya melaraskan CSM).
- Perbezaan antara mana-mana komponen pelaburan yang dijangka akan dibayar dalam tempoh tersebut dan komponen pelaburan sebenar yang menjadi perlu dibayar dalam tempoh tersebut.
- Perubahan dalam pelarasan risiko untuk risiko bukan kewangan yang berkaitan dengan perkhidmatan masa hadapan.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 2. MAKLUMAT PENTING POLISI PERAKAUNAN (Sambungan)

**(I) Tatacara perakaunan sijil takaful dan takaful semula (Sambungan)**

**(vi) Pengukuran - sijil tidak diukur di bawah PAA (Sambungan)**

(c) Sijil takaful - ukuran seterusnya (Sambungan)

(i) Sijil takaful (Sambungan)

***Sijil takaful tanpa ciri penyertaan langsung (Sambungan)***

Kecuali perubahan dalam pelarasan risiko, pelarasan kepada CSM yang dinyatakan di atas diukur pada kadar diskaun yang mencerminkan ciri-ciri aliran tunai kumpulan sijil takaful pada pengiktirafan awal (lihat Nota 1(d)(vi)(b)) .

Kumpulan mengukur amaun bawaan kumpulan sijil takaful pada akhir setiap tempoh pelaporan sebagai jumlah: (i) liabiliti untuk baki perlindungan yang terdiri daripada aliran tunai pemenuhan yang berkaitan dengan perkhidmatan masa hadapan yang diperuntukkan kepada kumpulan pada tarikh tersebut dan CSM kumpulan pada tarikh tersebut; dan (ii) liabiliti untuk tuntutan yang ditanggung untuk Kumpulan terdiri daripada aliran tunai pemenuhan yang berkaitan dengan perkhidmatan lepas yang diperuntukkan kepada kumpulan pada tarikh tersebut.

***Sijil takaful dengan ciri penyertaan langsung***

Sijil penyertaan langsung ialah sijil di mana kewajipan Kumpulan kepada peserta adalah bersih daripada:

- kewajipan untuk membayar peserta amaun yang sama dengan nilai saksama item asas; dan
- yuran berubah-ubah sebagai pertukaran untuk perkhidmatan masa hadapan yang disediakan oleh sijil, iaitu jumlah bahagian Kumpulan bagi nilai saksama item pendasar ditolak aliran tunai pemenuhan yang tidak berbeza berdasarkan pulangan ke atas item pendasar. Kumpulan menyediakan perkhidmatan pelaburan di bawah sijil ini dengan menjanjikan pulangan pelaburan berdasarkan item asas, sebagai tambahan kepada perlindungan takaful

Apabila mengukur kumpulan sijil penyertaan langsung, Kumpulan melaraskan aliran tunai pemenuhan bagi keseluruhan perubahan dalam obligasi untuk membayar peserta amaun yang sama dengan nilai saksama item asas. Perubahan ini tidak berkaitan dengan perkhidmatan masa hadapan dan diiktiraf dalam untung atau rugi. Kumpulan kemudiannya melaraskan mana-mana CSM untuk perubahan dalam jumlah bahagian Kumpulan bagi nilai saksama item asas, yang berkaitan dengan perkhidmatan masa hadapan, seperti yang dijelaskan di bawah.

Amaun bawaan CSM pada setiap tarikh pelaporan ialah jumlah bawaan pada awal tahun, diselaraskan untuk:

- CSM mana-mana sijil baharu yang ditambah kepada kumpulan pada tahun tersebut;
- perubahan dalam amaun bahagian Kumpulan bagi nilai saksama item asas dan perubahan dalam aliran tunai pemenuhan yang berkaitan dengan perkhidmatan masa hadapan, kecuali setakat yang:
  - Kumpulan telah menggunakan pilihan pengurangan risiko untuk mengecualikan daripada perubahan CSM dalam kesan risiko kewangan ke atas amaun bahagiannya dalam item asas atau aliran tunai pemenuhan;
  - pengurangan dalam amaun bahagian Kumpulan bagi nilai saksama item asas, atau peningkatan dalam aliran tunai pemenuhan yang berkaitan dengan perkhidmatan masa hadapan, melebihi nilai bawaan CSM, yang mengakibatkan kerugian dalam untung atau rugi (termasuk dalam perbelanjaan perkhidmatan takaful) dan mewujudkan komponen kerugian; atau
  - peningkatan dalam jumlah bahagian Kumpulan bagi nilai saksama item asas, atau penurunan dalam aliran tunai pemenuhan yang berkaitan dengan perkhidmatan masa hadapan, diperuntukkan kepada komponen kerugian, membalikkan kerugian yang sebelum ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian (termasuk dalam perbelanjaan perkhidmatan takaful.
- kesan sebarang perbezaan pertukaran mata wang ke atas CSM; dan
- jumlah yang diiktiraf sebagai hasil takaful kerana perkhidmatan yang disediakan pada tahun tersebut.

Perubahan dalam aliran tunai pemenuhan yang berkaitan dengan perkhidmatan masa hadapan termasuk perubahan yang berkaitan dengan perkhidmatan masa hadapan yang dinyatakan di atas untuk sijil tanpa ciri penyertaan langsung (diukur pada kadar diskaun semasa) dan perubahan dalam kesan nilai masa wang dan risiko kewangan yang tidak timbul daripada item asas - cth. kesan jaminan kewangan.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 2. MAKLUMAT PENTING POLISI PERAKAUNAN (Sambungan)

**(I) Tatacara perakaunan sijil takaful dan takaful semula (Sambungan)**

**(vi) Pengukuran - sijil tidak diukur di bawah PAA (Sambungan)**

(d) Sijil Takaful - pengubahsuaian dan penyahiktirafan

Kumpulan tidak mengiktiraf sijil takaful apabila:

- Hak dan kewajipan yang berkaitan dengan sijil dipadamkan (iaitu, dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh); atau
- Sijil diubah suai supaya pengubahsuaian menghasilkan perubahan dalam model pengukuran, atau piawaian yang digunakan untuk mengukur komponen kontrak. Dalam kes sedemikian, Kumpulan tidak mengiktiraf sijil permulaan dan mengiktiraf sijil yang diubah suai sebagai sijil baharu.

(e) Pembentangan

Kumpulan telah membentangkan secara berasingan dalam penyata kedudukan kewangan jumlah bawaan kumpulan sijil takaful yang diterbitkan iaitu aset, kumpulan sijil takaful yang diterbitkan yang merupakan liabiliti, sijil takaful semula yang dipegang yang merupakan aset dan kumpulan sijil takaful semula yang dipegang yang liabiliti.

Sebarang aset atau liabiliti bagi aliran tunai pemerolehan takaful yang diiktiraf sebelum sijil takaful yang sepadan dimasukkan ke dalam amaun bawaan kumpulan sijil takaful berkaitan yang diterbitkan.

Kumpulan mengasingkan amaun yang diiktiraf dalam penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain ke dalam keputusan perkhidmatan takaful, yang terdiri daripada hasil takaful dan perbelanjaan perkhidmatan takaful, dan pendapatan atau perbelanjaan kewangan takaful.

Kumpulan tidak mengasingkan perubahan dalam pelarasan risiko untuk risiko bukan kewangan antara bahagian kewangan dan bukan kewangan dan termasuk keseluruhan perubahan sebagai sebahagian daripada keputusan perkhidmatan takaful.

Kumpulan secara berasingan membentangkan pendapatan atau perbelanjaan daripada sijil takaful yang dipegang daripada perbelanjaan atau pendapatan daripada sijil takaful semula yang diterbitkan.

(i) Hasil takaful

Hasil takaful Kumpulan menggambarkan peruntukan perlindungan dan perkhidmatan lain yang timbul daripada kumpulan sijil takaful pada jumlah yang menggambarkan pertimbangan yang Kumpulan menjangkakan akan layak sebagai pertukaran untuk perkhidmatan tersebut. Hasil takaful daripada sekumpulan sijil takaful adalah bahagian yang relevan untuk tempoh jumlah balasan untuk kontrak, (iaitu, jumlah caruman yang dibayar kepada Kumpulan yang diselaraskan untuk kesan pembiayaan (nilai masa wang) dan tidak termasuk mana-mana komponen pelaburan yang berbeza). Jumlah balasan untuk sekumpulan sijil meliputi jumlah yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan dan terdiri daripada:

- Perbelanjaan perkhidmatan Takaful, tidak termasuk sebarang amaun yang diperuntukkan kepada komponen kerugian liabiliti untuk baki perlindungan.
- Pelarasan risiko untuk risiko bukan kewangan, tidak termasuk sebarang amaun yang diperuntukkan kepada komponen kerugian liabiliti untuk perlindungan yang tinggal.
- Keluaran CSM.
- Jumlah yang berkaitan dengan aliran tunai pemerolehan takaful.

Untuk pertimbangan pengurusan yang digunakan untuk pelunasan CSM, sila rujuk Nota 1(d)(vi)(d).

(ii) Komponen kerugian

Kumpulan telah mengumpulkan kontrak yang membebankan pada pengiktirafan awal secara berasingan daripada kontrak dalam portfolio yang sama yang tidak membebankan pada pengiktirafan awal. Kumpulan yang tidak membebankan pada pengiktirafan awal juga boleh menjadi membebankan kemudiannya jika andaian dan pengalaman berubah. Kumpulan telah mewujudkan komponen kerugian liabiliti untuk baki perlindungan bagi mana-mana kumpulan yang membebankan yang menggambarkan kerugian masa hadapan yang diiktiraf.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 2. MAKLUMAT PENTING POLISI PERAKAUNAN (Sambungan)

**(I) Tatacara perakaunan sijil takaful dan takaful semula (Sambungan)**

**(vi) Pengukuran - sijil tidak diukur di bawah PAA (Sambungan)**

(e) Pembentangan (Sambungan)

(ii) Komponen kerugian (Sambungan)

